



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI	(Halaman 1)
PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Halaman 10)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 33)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 33)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023	(Halaman 34)
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2023) 2024	(Halaman 62)
<u>Jadual:-</u>	
<u>Jawatankuasa:-</u> Kepala B.4 dan B.7	(Halaman 112)
Kepala B.11 dan B.12	(Halaman 118)
USUL: Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil.1) 2023	(Halaman 64)
<u>Jawatankuasa:-</u> Kepala P. 10	(Halaman 118)

KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN**19 MAC 2024****Ahli-Ahli Yang Hadir:**

1. Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul
2. Perdana Menteri Dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim (Tambun)
3. Timbalan Perdana Menteri Dan Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Yusof (Petra Jaya)
4. Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
5. Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu (Kota Raja)
6. Menteri Pertahanan, Dato' Seri Haji Mohamed Khaled Bin Nordin (Kota Tinggi)
7. Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
8. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi), Dato' Sri Azalina Othman Said (Pengerang)
9. Menteri Pendidikan, Puan Fadhlina Binti Sidek (Nibong Tebal)
10. Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (Kanowit)
11. Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Bin Mohd Ali (Papar)
12. Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya, Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
13. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor)
14. Menteri Sumber Manusia, Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)
15. Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Haji Ahmad Bin Haji Maslan (Pontian)
16. Timbalan Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air, Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Haji Mohd Nasir (Johor Bahru)
17. Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Haji Adly Bin Zahari (Alor Gajah)
18. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Mohamad (Lipis)
19. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah (Lenggong)
20. Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan Dan Industri, Tuan Liew Chin Tong (Iskandar Puteri)
21. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dato' Ramli Bin Dato' Mohd Nor (Cameron Highlands)
22. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
23. Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
24. Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi (Kapit)
25. Menteri Komunikasi, Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
26. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Nancy Shukri (Santubong)
27. Menteri Perlindungan Dan Komoditi, Datuk Seri Johari Bin Abdul Ghani (Titiwangsa)
28. Menteri Belia Dan Sukan, Puan Hannah Yeoh (Segambut)
29. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Binti Mustafa (Sekijang)
30. Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah (Limbang)
31. Timbalan Menteri Perlindungan dan Komoditi, Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)
32. Timbalan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah, Datuk Hajah Rubiah Binti Haji Wang (Kota Samarahan)
33. Timbalan Menteri Ekonomi, Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib (Mukah)
34. Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, Dato' Mohammad Yusof Bin Apdal (Lahad Datu)

35. Timbalan Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
36. Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu (Sepang)
37. Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim, Dato' Sri Huang Tiong Sii (Sarikei)
38. Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Mohamad Alamin (Kimanis)
39. Timbalan Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya, Tuan Khairul Firdaus Bin Akbar Khan (Batu Sapi)
40. Timbalan Menteri Komunikasi, Puan Teo Nie Ching (Kulai)
41. Timbalan Menteri Kewangan, Puan Lim Hui Ying (Tanjong)
42. Timbalan Menteri Belia Dan Sukan, Tuan Adam Adli Bin Abd Halim (Hang Tuah Jaya)
43. Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud (Sepanggar)
44. Timbalan Menteri Kesihatan, Dato Lukanisman Bin Awang Sauni (Sibuti)
45. Timbalan Menteri Digital, Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
46. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad (Parit Sulong)
47. Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi), Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
48. Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Dato' Ramanan Ramakrishnan (Sungai Buloh)
49. Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Wong Kah Woh (Taiping)
50. Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali (Pekan)
51. Tuan Haji Aminolhuda Bin Hassan (Sri Gading)
52. Tuan Zahir Bin Hassan (Wangsa Maju)
53. Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj (Segamat)
54. Datuk Jonathan Bin Yasin (Ranau)
55. Datuk Suhaimi Bin Nasir (Libaran)
56. Tuan Lee Chean Chung (Petaling Jaya)
57. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Klang)
58. Tuan Syahredzan Bin Johan (Bangi)
59. Puan Rodziah Binti Ismail (Ampang)
60. Tuan Manndzri Bin Nasib (Tenggara)
61. Tuan Tan Kar Hing (Gopeng)
62. Tuan Chow Yu Hui (Raub)
63. Dato' Mohd Isam Bin Mohd Isa (Tampin)
64. Dato' Haji Adnan Bin Abu Hassan (Kuala Pilah)
65. Dato' Haji Shamsulkahar Bin Mohd Deli (Jempol)
66. Tuan Richard Rapu @ Aman Anak Begri (Betong)
67. Datuk Andi Muhammad Suryady Bin Bandy (Kalabakan)
68. Puan Young Syefura Binti Othman (Bentong)
69. Puan Syerleena Binti Abdul Rashid (Bukit Bendera)
70. Tuan Lo Su Fui (Tawau)
71. Tuan Mohd Sany Bin Hamzan (Hulu Langat)
72. Tuan Azli Bin Yusof (Shah Alam)
73. Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Tebrau)
74. Tuan Haji Onn Bin Abu Bakar (Batu Pahat)
75. Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli (Batang Lupar)
76. Tuan Chong Zhemin (Kampar)
77. Tuan Lee Chuan How (Ipoh Timor)
78. Dr. Mohammed Taufiq Bin Johari (Sungai Petani)
79. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Dr. Wan Ismail (Bandar Tun Razak)
80. Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob (Bera)
81. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
82. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
83. Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem (Serian)
84. Datuk Seri Saravanan A/L Murugan (Tengah)
85. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

86. Dato' Sri Doris Sophia Anak Brodi (Sri Aman)
87. Tuan Chow Kon Yeow (Batu Kawan)
88. Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun (Port Dickson)
89. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
90. Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh (Bukit Gelugor)
91. Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu (Batu Gajah)
92. Datuk Seri Panglima Bung Moktar Bin Radin (Kinabatangan)
93. Dato' Indera Mohd Shahar Bin Abdullah (Paya Besar)
94. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
95. Datuk Seri Haji Jalaluddin Bin Haji Alias (Jelevu)
96. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
97. Tuan Chong Chieng Jen (Stampin)
98. Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
99. Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)
100. Puan Yeo Bee Yin (Puchong)
101. Puan Isnaraissah Munirah Binti Majilis (Kota Belud)
102. Dato' Muhammad Bakhtiar Bin Wan Chik (Balik Pulau)
103. Tuan Hassan Bin Abdul Karim (Pasir Gudang)
104. Tuan Wong Chen (Subang)
105. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)
106. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
107. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
108. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
109. Datuk Hajah Siti Aminah Binti Aching (Beaufort)
110. Tuan Haji Yusuf Bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
111. Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
112. Datuk Seri Utama Ir. Hasni Bin Mohammad (Simpang Renggam)
113. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
114. Tuan Mordi Bimol (Mas Gading)
115. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)
116. Tuan Chiew Choon Man (Miri)
117. Dato Anyi Ngau (Baram)
118. Tuan Kesavan A/L Subramaniam (Sungai Siput)
119. Tuan Lim Lip Eng (Kempas)
120. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji (Jelutong)
121. Tuan Suhaizan Bin Kaiat (Pulai)
122. Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh (Ledang)
123. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
124. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
125. Tuan Haji Ahmad Johnie Bin Zawawi (Igan)
126. Tuan Roy Angau Anak Gingkoi (Lubok Antu)
127. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
128. Tuan Riduan Bin Rubin (Tenom)
129. Dato' Verdon Bin Bahanda (Kudat)
130. Puan Rodiyah Binti Sapiee (Batang Sadong)
131. Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim (Arau)
132. Tuan Wan Ahmad Fayhsal Bin Wan Ahmad Kamal (Machang)
133. Tuan Afnan Hamimi Bin Dato' Haji Taib Azamuddin (Alor Setar)
134. Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib (Maran)
135. Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli (Dungun)
136. Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah (Langkawi)
137. Tuan Sabri Bin Azit (Jelai)
138. Dr. Hajah Halimah Ali (Kapar)
139. Tuan Shahrizukir Bin Abd Kadir (Setiu)
140. Tuan Haji Kamal Bin Ashaari (Kuala Krau)
141. Tuan Haji Bakri Bin Jamaluddin (Tangga Batu)
142. Dr. Siti Mastura Binti Muhammad (Kepala Batas)
143. Kapten Azahari Bin Hasan (Padang Rengas)
144. Dr. Haji Abd Ghani Bin Haji Ahmad (Jerlun)

145. Dato' Haji Abdul Khalib Bin Abdullah (Rompin)
146. Tuan Zakri Bin Hassan (Kangar)
147. Tuan Rushdan Bin Rusmi (Padang Besar)
148. Puan Hajah Salamiah Binti Mohd Nor (Temerloh)
149. Komander Nordin Bin Ahmad Ismail TLDM (B) (Lumut)
150. Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib (Parit)
151. Tuan Kalam Bin Salan (Sabak Bernam)
152. Tuan Wan Razali Bin Wan Nor (Kuantan)
153. Tuan Jamaludin Bin Yahya (Pasir Salak)
154. Tuan Syed Saddiq Bin Syed Abdul Rahman (Muar)
155. Datuk Iskandar Dzulkarnain Bin Abdul Khalid (Kuala Kangsar)
156. Dato' Syed Abu Hussin Bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
157. Kapten Datuk Dr. Zulkafperi Bin Hanapi (B) (Tanjong Karang)
158. Tuan Mohd Azizi Bin Abu Naim (Gua Musang)
159. Tuan Zahari Bin Kechik (Jeli)
160. Dato' Indera Dr. Suhaili Bin Abdul Rahman (Labuan)
161. Datuk Haji Idris Bin Haji Ahmad (Bagan Serai)
162. Dr. Radzi Jidin (Putrajaya)
163. Dato' Sri Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
164. Dato' Haji Ahmad Bin Saad @ Yahaya (Pokok Sena)
165. Datuk Muslimin Bin Yahaya (Sungai Besar)
166. Dato' Hajah Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
167. Datuk Wan Saifulruddin Bin Wan Jan (Tasek Gelugor)
168. Dato' Khilir Bin Mohd Nor (Ketereh)
169. Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh (Besut)
170. Dato' Hajah Mumtaz Binti Md Nawi (Tumpat)
171. Tuan Haji Mohd Misbahul Munir Bin Masduki (Parit Buntar)
172. Dato' Dr Ahmad Yunus Bin Hairi (Kuala Langat)
173. Tuan Zulkifli Bin Ismail (Jasin)
174. Dato' Dr. Haji Alias Bin Razak (Kuala Nerus)
175. Dr. Ahmad Fakhruddin Bin Fakhrurazi (Kuala Kedah)
176. Tuan Fathul Huzir Bin Ayob (Gerik)
177. Tuan Nurul Amin Bin Hamid (Padang Terap)
178. Tuan Roslan Bin Hashim (Kulim Bandar Baharu)
179. Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin (Larut)
180. Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Mohd. Yassin (Pagoh)
181. Dato' Sri Tuan Ibharim Bin Tuan Man (Kubang Kerian)
182. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
183. Datuk Seri Takiyuddin Bin Hassan (Kota Bharu)
184. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Binti Haji Samsudin (Masjid Tanah)
185. Tuan Haji Mohd Syahir Bin Che Sulaiman (Bachok)
186. Dato' Rosol Bin Wahid (Hulu Terengganu)
187. Datuk Ali Anak Biju (Saratok)
188. Datuk Haji Awang Bin Hashim (Pendang)
189. Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Bin Haji Salleh (Pasir Puteh)
190. Datuk Haji Ahmad Amzad Bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
191. Tuan Haji Abdul Latiff Bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
192. Tuan Ahmad Tarmizi Bin Sulaiman (Sik)
193. Tuan Ahmad Fadhli Bin Shaari (Pasir Mas)
194. Tuan Mohd Nazri Bin Abu Hassan (Merbok)
195. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Bin Ku Ismail (Kubang Pasu)
196. Tuan Muhammad Fawwaz Bin Mohamad Jan (Permatang Pauh)
197. Dato' Azman Bin Nasrudin (Padang Serai)
198. Tuan Haji Mohd Hasnizan Bin Harun (Hulu Selangor)
199. Ir. Ts. Haji Khairil Nizam Bin Khirudin (Jerantut)
200. Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas (Mersing)
201. Tuan Hassan Bin Saad (Baling)

Senator Yang Turut Hadir:

1. Menteri Kewangan II, Senator Datuk Seri Amir Hamzah Bin Azizan
2. Menteri Pendidikan Tinggi, Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir
3. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup, Senator Puan Hajah Fuziah Binti Salleh
4. Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dr. Zulkifli Bin Hasan

Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir:

1. Timbalan Perdana Menteri Dan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi (Bagan Datuk)
2. Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
3. Menteri Ekonomi, Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli (Pandan)
4. Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan (Rembau)
5. Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick (Penampang)
6. Tuan Tan Hong Pin (Bakri)
7. Tuan Edwin Anak Banta (Selangau)
8. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Bin Haji Apdal (Semporna)
9. Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein (Sembrong)
10. Dato' Seri Amirudin Bin Shari (Gombak)
11. Datuk Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
12. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
13. Tuan Prabakaran A/L M. Parameswaran (Batu)
14. Datuk Wetrom Bin Bahanda (Kota Marudu)
15. Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk Bin Shaary (Pengkalan Chepa)
16. Tan Sri Haji Abdul Hadi Bin Haji Awang (Marang)
17. Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz (Tanah Merah)

Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir Di Bawah Peraturan Mesyuarat 91:

1. Menteri Digital, Tuan Gobind Singh Deo (Damansara)
2. Datuk Seri Panglima Dr. Gapari Bin Katingan @ Geoffrey Kitingan (Keningau)
3. Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar (Kemaman)
4. Datuk Matbali Bin Musah (Sipitang)
5. Datuk Ir. Shahelmey Bin Yahya (Putatan)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA
Rabu, 19 Mac 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi.

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor)
mempengerusikan Mesyuarat]*

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Sebelum memulakan sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri kita pada pagi ini, izinkan saya memberi sedikit nukilan.

Ahli Yang Berhormat, orang Islam yang berprinsip seharusnya menjauhi diri dari menurut perkataan-perkataan berbaur fitnah, cercaan dan seumpamanya. Ini kerana, seorang yang hidup atas prinsip Islam yang membawa manifestasi kesejahteraan itu, pasti ungkapannya membawa kedamaian dan kedamaian.

Kita teruskan dengan urusan Majlis. Saya mempersilakan Puan Isnaraissah Munirah Majlis, Yang Berhormat Kota Belud.

Puan Isnaraissah Munirah Majlis [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Speaker.

1. Puan Isnaraissah Munirah Majlis [Kota Belud] minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan langkah-langkah segera dan jangka panjang bagi meminimumkan kesan musim panas dan kering terhadap aktiviti tanaman padi khususnya di Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sentiasa peka berkenaan kesan perubahan iklim yang akan menjejaskan sektor agromakanan negara, termasuk persediaan negara dalam fasa akhir Monsun Timur Laut, berterusan hingga hujung Mac 2024.

Turut terlibat adalah negeri Sabah yang akan turut terkesan dengan perubahan iklim ini. Pengurangan hujan atau ketiadaan hujan pada tempoh yang lama ketika fasa akhir Monsun Timur Laut ini boleh menyebabkan cuaca lebih panas dan kering berbanding masa biasa. Kita tahu di Sabah sekarang, di sebelah Kota Belud memang panasnya cukup hebat.

Justeru itu, KPKM melalui Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud dan Jabatan Pertanian Sabah akan mengambil langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang.

Jangka pendek:

- (i) mengedarkan pam air bergerak kepada pesawah di kawasan yang terjejas;

- (ii) melaksanakan kerja-kerja pembersihan parit tersier di sawah bagi memastikan air sampai ke petak sawah bagi kawasan yang mempunyai sumber air;
- (iii) mengedarkan minyak diesel kepada pesawah yang mempunyai pam-pam di bawah seliaan IADA mengikut had yang telah dipersetujui bersama pihak IADA dan pesawah;
- (iv) membuat pemantauan dan memberi khidmat nasihat kepada pesawah supaya menangguhkan penanaman padi buat sementara waktu sehingga keadaan kembali pulih. Program penanaman padi luar musim di negeri Sabah beroperasi dari bulan Mac hingga Julai, yang hanya melibatkan kawasan-kawasan padi kategori K1 dan penanaman padi hanya akan dilaksanakan mengikut keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Pertanian Daerah;
- (v) mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Daerah setiap minggu iaitu Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan, Pertubuhan Peladang, Koperasi Pembangunan Desa, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu;

Panjang sikit Dato', ada sikit *je* lebih seminit.

- (vi) mewujudkan pusat operasi di ibu pejabat pertanian yang berfungsi untuk mengambil tindakan segera terhadap maklumat dan data yang diterima; dan
- (vii) mengarahkan kesemua pegawai teknikal Jabatan Pertanian di peringkat wilayah memantau status penanaman padi di kawasan terbabit pada setiap hari dan melaporkan sebarang perkembangan kepada pegawai pertanian.

Langkah jangka panjang:

- (i) menyelaras jadual penanaman padi;
- (ii) membina kolam takungan – ini jangka panjang – bagi memastikan ketersediaan air untuk tanaman padi semasa kemarau. Cadangan ini dicadangkan untuk kajian *Feasibility Study for the Integrated Water Resources and Flood Mitigation Kota Belud* yang akan dilaksanakan oleh pihak JPS Malaysia. Hasil kajian ini akan digunakan sebagai rujukan dalam penyediaan Kertas Permohonan Pembangunan Sistem Pengairan dalam Rancangan Malaysia Ke-13;
- (iii) mengenal pasti kawasan sumber air bawah tanah bagi tujuan pembinaan telaga tiub. Perbincangan dengan pihak Jabatan Mineral dan Geosains Sabah telah pun dibuat untuk mendapatkan maklumat berkaitan subpermukaan air bawah tanah untuk mengenal pasti kawasan yang berpotensi dibina;
- (iv) menggalakkan penggunaan benih yang tahan kemarau;
- (v) melaksanakan pembenihan awam jika perlu dan jika ada tompok-tompok awam. Ini diusahakan dan telah kita laksanakan sebelum-sebelum ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berikut Yang Berhormat, soalan tambahan.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Memandangkan kalau ada nasihat untuk menangguhkan tanaman padi dan saya difahamkan mereka inilah yang sebenarnya yang terjejas apabila petani-petani yang *depend* kepada air hujan untuk tanaman.

Saya ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk memberikan bantuan wang ihsan kepada pesawah-pesawah di Sabah, khususnya di Kota Belud dan Papar yang terjejas akibat kemarau.

■1010

Ini kerana saya juga tahu Tabung Bencana Tanaman ini belum diaktifkan lagi kerana belum lagi diisytiharkan bencana oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, terutamanya di Kota Belud tetapi bagaimana pula kalau petani itu dia *depend* dengan itulah satu-satunya sumber pendapatan dia. Maksudnya melalui tanaman padi.

Kedua, berapakah jumlah projek-projek pengairan dan sumber air alternatif bagi tujuan penanaman padi di Sabah yang akan dibina dalam baki Rancangan Malaysia Ke-12? Contoh, macam di Kota Belud. Yang Berhormat Menteri, masih ada sawah padi yang *depend* macam saya cakap tadi dengan air hujan.

Ketiga, sejauh manakah kajian dan juga penyelidikan berkenaan padi tahan lasak yang dibuat di peringkat kementerian dan adakah kajian tersebut meliputi pada musim kemarau ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih, banyak soalnya. Memang kita ada tabung bencana. Bukanlah sampai di peringkat isytihar darurat, baru diberi tabung bencana itu. Pemberian bantuan kewangan kepada pesawah yang terjejas adalah tertakluk kepada penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal Tabung Bencana Tanaman Padi. Kadar bantuan yang diberikan kepada pesawah adalah RM876 per hektar dengan jumlah maksimum bantuan kepada pesawah yang layak adalah terhad kepada kawasan musnah seluas tiga hektar.

Pada 2023, PKPM telah menyalurkan bantuan sebanyak RM12 juta keseluruhan dan untuk di negeri Sabah, melibatkan kawasan 219 hektar, khususnya bagi IADA Kota Belud sebanyak RM36,000 telah disalurkan kepada 17 orang pesawah dengan melibatkan kawasan 22.9 hektar. Oleh itu, kalau ada sekarang yang terjejas, kita harap kerjasama dengan pihak penanaman padi dengan Jabatan Pertanian dan persatuan peladang akan membanci dan akan berusaha memberikan bantuan mengikut bajet yang ada.

Terdapat tiga pengairan bagi tujuan tanaman padi yang sedang pelaksanaan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu *Repair and Improvement Works of Piasau Dundau* serta kerja-kerja pembinaan terusan pengangkutan dari Sungai Kedamaian ke Sungai Wariu. Betul kot saya sebut ini? Sungai Wariu.

Manakala terdapat dua projek yang dilaksanakan pada tahun ini iaitu *Upgrading and Improvement Works of Tempasuk South Irrigation Scheme*, Kota Belud Sabah dan pengambilan balik tanah bagi menaik taraf Skim Pengairan Tulid, Sook Keningau Sabah dengan jumlah kos projek yang diluluskan sebanyak RM27.9 juta.

Bagi sumber air alternatif, beberapa cadangan lokasi bagi pembinaan telaga tiub telah dikenal pasti iaitu:

- (i) Kampung Bangkahak;
- (ii) Kampung Bugaron;
- (iii) Kampung Talungan;
- (iv) Kampung Bambang;
- (v) Kampung Gaur; dan
- (vi) Kampung Surun;

Banyak lagilah yang sedang usahakan. Ini termasuklah jangka pendek dan jangka panjang. Memang kita mengambil serius soal sekuriti makanan terutama supaya tanaman padi di Sabah dan Sarawak dapat dipertingkatkan dan memperkenalkan benih-benih

baharu dan kita harap Sabah boleh berbincang supaya jangan kekal dengan dua benih sahaja tapi benih-benih daripada MARDI yang banyak diperkenalkan boleh dibincangkan, dicuba dan juga ditanam di Sabah. Kita harap Sabah juga menjadi satu jelapang padi pada masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Menteri. Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih Speaker, terima kasih Menteri jawapan yang begitu detil. Cuma saya perhati dengan penuh perasaan dengan apa dijawab oleh Menteri, bahawa apa yang dilaksanakan itu langkah-langkah biasa yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Sekarang ini Speaker, kita menghadapi keadaan luar biasa, beras putih tempatan sehingga hari ini tidak ada lagi. Beras putih tempatan masih sukar untuk didapati di pasaran. So, soalan saya ialah apakah langkah-langkah luar biasa untuk memastikan bekalan beras putih ini tidak berlaku kerana kita berada dalam keadaan luar biasa sekarang. Tak pernah berlaku dalam sejarah, beras putih tempatan tidak ada.

Apakah langkah-langkah luar biasa? Ini kerana orang bijak pandai pernah mengatakan bahawa kerja biasa hasilnya biasa. Kita kena kerja luar biasa untuk hasil yang luar biasa. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, beras putih tempatan, keluarannya hanyalah 62 *percent* beras di Malaysia. Daripada itu, zakat menggunakan beras putih. Kontrak kerajaan, hospital, balai polis, sekolah, asrama dan sebagainya juga beras putih. Maka tinggalah lebih kurang dalam untuk diedarkan 50 *percent*.

Kemudian, India pula kita tahu mengurangkan eksport beras mereka. Jadi ia jadi sedikit masalah. Buat sementara, kita kena susun semula. Penyusunan hal beras dan padi ini pada tahun 80 dahulu yang lahirnya BERNAS dan sebagainya. Tahun ini kita akan buat penyusunan baharu. Sekarang kita sedang membuat libat urus dengan semua pihak, penanam padi, pengilang, pengedar, peruncit supaya bila kita umumkan nanti semua pihak terlibat dan berpuas hati. Ini susunan jangka panjang.

Masalah beras putih ini akan tetap bermasalah selagi kita tidak cukupkan beras di Malaysia. Sebab itulah saya cuba memainkan peranan bersama pegawai-pegawai, ke arah kita membuka ladang-ladang baharu yang menjadi peranan utama. Sekarang ialah di Sarawak, di Sabah, Johor juga memainkan peranan, Perak, Pahang. Sehingga di Pahang itu nak dibuka 10 ribu ekar di kawasan Pekan, Pahang.

Ini di antara kita nak membanyakkan beras putih itu. Kalau tidak nak dijual dengan harga yang sedia ada akan berlakulah berbagai-bagai tuduhan yang mengatakan ada beras campur dan sebagainya.

Jadi permasalahannya ini berterusan. Tapi kita bukannya nak lihat ini masalah tetapi kita cari jalan penyelesaian dan boleh melegakan semua pihak. Sebab itu libat urus sekarang ini secara intensif kita sedang lakukan. Sudah kita buat dengan para petani, persatuan peladang. Semua memberi pandangan-pandangan mereka. Semuanya itu kita akan umumkan masa terdekat dua, tiga hari ini satu skim baru tapi jangka panjangnya itu lebih daripada penstrukturan semula beras dan padi negara dan semua terlibat, termasuklah kita akan buat libat urus dengan Ahli-ahli Parlimen di hadapan ini supaya semua beri pandangan.

Ini masalah negara, bukan masalah parti mana, bukan masalah kaum mana tetapi masalah negara yang perlu tuntutan penyelesaian bersama. Sebab, soal misalnya panas yang mendadak tahun ini. Ini siapa yang boleh jangka. Masa padi sedang masak, panas begitu hebat berlaku di Kedah. Ia boleh menyebabkan kekurangan hasil.

Jadi, semuanya ini kita kena – yang penting kita manusia kena bersedia menghadapi cabaran-cabaran ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita ke soalan yang kedua. Saya mempersilakan Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan, "*Selamat Menyambut Hari Kerja Sosial Sedunia*" yang disambut setiap tahun pada setiap hari Selasa ketiga bulan Mac. *[Tepuk]*

2. Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan kesejahteraan pekerja sosial di negara ini dan apakah status proses konsultasi terhadap RUU PKS yang terkini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Dato' Yang di-Pertua, saya juga sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Rantau Panjang ini, juga ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Kerja Sosial Sedunia yang disambut pada hari ini, iaitu hari Selasa ketiga bulan Mac setiap tahun, khususnya kepada warga kerja Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dikasihi dan pekerja sosial di luar sana. Curahan bakti anda semua dalam membantu membentuk kesejahteraan kita rakyat Malaysia amat dihargai.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang giat berusaha dan meneruskan inisiatif ke arah memartabatkan profesion kerja sosial melalui penggubalan Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial (RUU PKS). Peruntukan yang dicadangkan dalam draf RUU PKS itu antara lain mengandungi takrifan 'kerja sosial' dan 'pekerja sosial' serta penjelasan berkaitan skop praktis kerja sosial.

■1020

Ia juga mengandungi peruntukan berkaitan penubuhan Majlis Profesion Kerja Sosial (MPKS) yang berperanan untuk mengiktiraf, mendaftar dan mengawal selia amalan kerja sosial. Ini akan membantu melancarkan jaringan kerjasama dalam penyampaian perkhidmatan yang profesional, perkongsian amalan terbaik dan menyokong profesion menerusi rangkaian badan profesion lain, termasuklah di peringkat antarabangsa.

Majlis sebagai satu badan kawal selia melalui peruntukan RUU PKS secara tidak langsung akan bertindak sebagai medium untuk membincangkan cadangan penambahbaikan latihan dan program pembangunan profesional berterusan bukan hanya dalam kalangan penjawat awam tetapi juga kepada mereka yang terlibat dalam kerja sosial di sektor swasta, termasuk di pertubuhan bukan kerajaan iaitu NGO.

Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, RUU PKS juga akan memperuntukkan penubuhan jawatankuasa siasatan yang akan membolehkan siasatan terperinci dijalankan ke atas setiap aduan yang diterima. Fasal tersebut sekali gus akan memberikan perlindungan, bukan hanya kepada individu ataupun klien tetapi juga kepada pekerja sosial bagi memastikan mereka juga dilindungi daripada tuduhan atau fitnah yang tidak munasabah semasa menjalankan tugas.

Untuk makluman, proses penggubalan RUU Profesion Kerja Sosial ini telah dimulakan secara aktif bermula pada awal tahun 2019 dan draf asal telah disediakan pada akhir tahun tersebut. Hasil dapatan dari sesi libat urus berterusan khususnya antara agensi kerajaan ke atas draf RUU tersebut memerlukan beberapa penelitian khusus, termasuklah melibatkan ketetapan dasar bagi memastikan kesediaan pemakaian RUU Profesion Kerja Sosial setelah diluluskan kelak. Di samping itu, penambahbaikan lain yang diterokai terhadap draf RUU ini adalah untuk memasukkan peruntukan am yang

menjelaskan fungsi dan peranan pekerja sosial serta praktis kerja sosial. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Menyedari betapa pentingnya RUU ini untuk meningkatkan perlindungan dan kesejahteraan kepada pekerja sosial dalam negara, saya ingin tahu, sejauh mana penglibatan pemegang taruh utama termasuk kumpulan profesional terlibat dalam konsultasi ini, termasuk juga Persatuan Pekerja Sosial Malaysia?

Setakat ini, apakah nisbah terkini pekerja sosial JKM kepada populasi penduduk Malaysia berbanding dengan negara-negara jiran? Sebab, kekurangan pekerja sosial ini memberi kesan yang sangat besar terutama kepada pegawai dan petugas JKM. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut.

Ini adalah di antara cabaran yang kita hadapi sekarang ini oleh pekerja sosial di Malaysia ini, di mana kalau kita— memang kita melibatkan semua, dari pihak NGO juga. Ini yang membuatkan ia menjadi satu kelewatan untuk kita *finalize*, dengan izin, memuktamadkan RUU ini kerana perbincangan ini masih lagi berterusan. Maka ianya menjadi satu cabaran bagi kita untuk mempercepatkannya. Malah, kita juga ada berurusan dengan pihak negeri-negeri untuk mengetahui bagaimana sambutan mereka.

Jadi, selain daripada itu juga, kefahaman awam yang terhad mengenai peranan dan nilai pekerja sosial termasuk melihat seseorang pekerja sosial sebagai menjalankan kerja amal atau sukarela secara tidak langsung memberi satu gambaran bahawa kerja sosial ini boleh dibuat oleh semua orang. Sedangkan, tidak. Ini memberi kesan kepada permintaan untuk perkhidmatan ini untuk kita percepatkan. Dari segi nisbah tersebut tadi, Yang Berhormat, saya akan beri secara bertulis ya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, tekan.

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodie [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Sri Aman.

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodie [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya telah mendengar jawapan Menteri dengan teliti dan agak tertarik juga dengan RUU PKS. Namun begitu, memandangkan isu sosial kini semakin kompleks dan begitu *diverse*, dengan izin, maka saya ingin mendapatkan penjelasan ataupun pendapat daripada pihak Menteri iaitu bagaimana Rang Undang-undang Pekerja Sosial ini dapat menangani masalah sosial tersebut? Mohon pendapat Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sri Aman. Tuan Yang di-Pertua, pengendalian isu sosial semakin kompleks dan pelbagai kerja sosial yang merupakan proses pertolongan oleh pekerja sosial untuk membantu menyelesaikan masalah masyarakat menerusi amalan kerja sosial menuntut supaya pekerja sosial yang mengendalikan kes sosial hendaklah kompeten terutamanya dari segi pengetahuan, nilai dan etika serta kemahiran kerja sosial.

Pekerja sosial profesional sangat diperlukan terutamanya dalam aspek kesihatan, pendidikan dan kerohanian, persekitaran dan perumahan, ekonomi, pekerjaan dan penjana pendapatan, sosial dan rekreasi, penjagaan keselamatan dan perlindungan.

Agak meluas, Yang Berhormat, ya. Jadi, selain pengendalian kes sosial yang berpandukan kepada sistem pengurusan kes, penyelesaian isu sosial turut melibatkan peranan dan bidang kuasa daripada pelbagai agensi. Justeru, badan profesion yang bakal mengawal selia profesion kerja sosial di Malaysia akan menjadi wakil kepada pengamal profesion kerja sosial. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Kita beralih ke soalan yang ketiga. Saya mempersilakan Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan, Yang Berhormat Sri Gading.

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading]: Terima kasih Dato' Speaker.

3. Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapakah tempoh tindakan yang akan diambil oleh pihak berkaitan dalam mengawal selia kecuaian pihak majikan sekiranya ada aduan daripada pekerja terhadap pihak berkuasa, sebagai contoh dalam kes kelewatan membayar gaji dan caruman KWSP yang berlaku di salah sebuah anak syarikat di bawah seliaan MBI Kedah.

Menteri Sumber Manusia [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Sri Gading. Terlebih dahulu, saya rasa masih sempat saya ucapkan selamat menjalani ibadah berpuasa di bulan Ramadan kepada semua umat Islam di Malaysia. Saya masuk terus ke jawapan saya.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) akan siasat isu aduan yang melibatkan pelanggaran undang-undang perburuhan bagi memastikan pematuhan majikan terhadap undang-undang yang dikuatkuasakan. Piagam Pelanggan JTKSM bagi menyiasat dan memaklumkan hasil setiap siasatan berkaitan aduan adalah dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh pengaduan.

Tadi, Yang Berhormat dari Sri Gading memberikan contoh kes terbaru iaitu kes anak syarikat di bawah MBI Kedah. Jadi, saya bagi kronologi untuk kes ini untuk bagi contoh tempoh penyelesaian kes.

Bagi kes anak syarikat di bawah MBI Kedah tersebut, pada 4 Januari 2024, JTKSM telah menerima aduan daripada pekerja terhadap Syarikat Agro Holdings, syarikat tersebut. Aduan tersebut melibatkan 24 orang pekerja berhubung kelewatan majikan membayar gaji. Pada 9 Januari, iaitu lima hari selepas itu, JTKSM telah menjalankan siasatan terhadap syarikat dan didapati aduan adalah berasas dan majikan tidak dapat membayar gaji kerana masalah kewangan.

Justeru, JTKSM telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis pematuhan kepada majikan tersebut pada 15 Januari 2024 supaya mereka ataupun majikan membayar gaji tersebut.

Pada 17 Mac yang lalu, Mesyuarat Lembaga Pengarah Kedah Agro telah memutuskan perkara berikut.

Pertama, gaji semasa dan tunggakan gaji akan dibayar sebelum Hari Raya Aidilfitri. Jumlah tunggakan adalah lebih kurang RM560,000 lebih dan pihak syarikat, keduanya, telah memutuskan untuk menghentikan operasi mereka. Justeru, faedah penamatan dan gaji ganti notis akan dibayar dalam tempoh tiga bulan mulai bulan Mac 2024.

Pekerja telah juga dinasihatkan untuk memfailkan kes buruh bagi tuntutan gaji terhadap majikan. Jadi, JTKSM akan membuka kertas siasatan sekiranya ada laporan difailkan di bawah seksyen 19 Akta Kerja 1955 atas kesalahan pembayaran gaji lewat. Jika disabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 setiap pertuduhan di bawah seksyen 99A akta yang sama. Sekian, terima kasih.

■1030

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan, Yang Berhormat Sri Gading.

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading]: Terima kasih atas jawapan yang telah dikemukakan, di mana kalau kita sedia maklum, baru-baru ini pun ada satu-tular berkenaan satu memo daripada ibu pejabat Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, berkait satu arahan siasatan pemeriksaan berkanun terhadap Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam, Sekolah Menengah Integrasi Teras Islam. Mohon Menteri jelaskan secara terperinci berkaitan memo yang tular ini, untuk mengelak sebarang spekulasi dalam kalangan masyarakat. Adakah siasatan ini juga berkait dengan isu caruman KWSP dan tunggakan gaji atau bagaimana? Apakah tindakan bantuan kementerian kepada mereka yang tidak dapat gaji dan apakah tindakan seterusnya kepada majikan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Dia lencong sedikit, lencong jauh sedikit. *[Ketawa]* Dia ada dua soalan. Satu yang soalan tentang isu PASTI dan satu lagi soalan tentang bantuan yang diberikan oleh kementerian. Ini saya jawab dulu, mungkin komponen kedua iaitu bantuan yang diberikan oleh kementerian kepada pekerja yang mungkin diabaikan oleh majikan dan kes-kes kelewatan gaji.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mana-mana pekerja yang terlibat dengan kes tunggakan bayaran gaji oleh majikan, boleh hadir ke Pejabat Tenaga Kerja (PTK) di cawangan yang berdekatan, bagi mendapatkan khidmat nasihat. Pekerja juga dinasihatkan, seperti dalam kes yang saya sebut tadi, untuk memfailkan kes buruh di PTK cawangan yang berdekatan, bagi menuntut bayaran gaji yang tidak diterima.

Kes buruh yang difailkan di PTK cawangan akan dikendalikan melalui Mahkamah Buruh bagi menyelesaikan tuntutan kewangan oleh pekerja terhadap majikan, sebagaimana dalam peruntukan di bawah seksyen 69, Akta Kerja 1955. Pendirian kita adalah tegas dan tetap iaitu pekerja berhak kepada gaji. Justeru, KESUMA akan menguatkuasakan Akta Kerja ini dengan sepenuhnya.

Bagi soalan komponen satu pula, saya nak jawab, senang. Negara kita ada raja, ada undang-undang. Tak kira siapa sekalipun, syarikat swasta, syarikat kerajaan, tak kira di negeri mana, Kedah, Pulau Pinang. Tak kira parti politik mana, DAP *ke*, PAS *ke*, semua kena ikut undang-undang. Untuk KESUMA, saya dah cakap tadi. Pendirian kita tetap dan tegas. Pekerja berhak ke atas gaji mereka dan benda ini jangan main-main. Kita tidak akan kompromi, tak kira anda siapa, swasta *ke*, kerajaan *ke*, parti politik *ke*, bukan parti politik *ke*, KESUMA akan ambil tindakan jika hak pekerja tidak dibela. *[Tepuk]* Kalau tidak buat salah, jangan khuatir, kita akan bantu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Silakan Yang Berhormat dari Alor Setar.

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamuddin [Alor Setar]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan itu mengenai tempoh tindakan yang nak diambil kepada majikan. Bercakap mengenai syarikat di bawah MBI itu, Kedah Agro. Di tangan saya ini ada Laporan Ketua Audit Negara 2017 tentang Kedah Agro yang menyatakan pada waktu itu, Kedah Agro pun sudah mengalami masalah kewangan. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut masalah kewangan, tak dapat bayar gaji. Isu itu sejak 2017 lagi, mengikut Laporan Ketua Audit Negara dan pada tahun yang sama juga Yang Berhormat Menteri, ada kes mahkamah, seorang salah laku integriti berjumlah RM22.76 juta...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, soalan *ke* atau penjelasan?

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamuddin [Alor Setar]: Ini soalan Yang Berhormat Speaker. Ada kes integriti RM22.76 juta kepada Kedah Agro. Jadi maknanya, pada 2017 lagi sudah ada isu yang melibatkan salah tadbir urus dan kewangan. Soalan dia Yang Berhormat Speaker, mengapa lapan hingga sembilan tahun baru isu ini timbul dan nak diambil tindakan oleh JTKSM tadi?

Adakah sebelum ini tidak ada laporan? Baru 2024 ini baru ada laporan dan kenapa tunggu begitu lama dan akhirnya Dato' Yang di-Pertua, mengenai tadi disebut oleh Sri Gading tentang PASTI, saya juga nak bertanya Yang Berhormat Menteri, saya tak mahu bangkitkan tetapi sudah disebut. Apa tujuan kementerian untuk buat siasatan kepada semua premis PASTI kerana PASTI ini aktiviti parti yang dijalankan secara sukarela dan guru-guru itu adalah sukarelawan PASTI. Dia bukan aktiviti majikan dengan pekerja. Jadi, terima kasih. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, terima kasih Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri, jawab.

Tuan Sim Chee Keong: Semuanya lencong agak jauh tetapi saya cuba jugalah. Bagi menjawab soalan YB, aduan kita terima. Tadi saya dah sebut, kita terima aduan bulan Januari ini. Jadi, kita jalankan siasatan berasaskan aduan. JTK menjalankan tugas mereka dan saya nak ucapkan syabas kepada— saya harus memberikan penghargaan kepada penjawat awam di Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia kerana mereka bertindak tangkas terhadap penindasan pekerja, itu satu.

Keduanya, saya tak kiralah. Kalaupun ada masalah 2017, sekarang untuk KESUMA, pendirian kita untuk selesaikan masalah, itu sebabnya kita berikan masa yang agak panjang kepada Kedah Agro. Sebab apa yang kita nak lihat adalah pekerja diberi hak mereka iaitu gaji, dalam aspek ini. Justeru, nak cerita lama-lama itu, saya biarkan kepada YB. Tetapi untuk makluman, parti YB dah jadi kerajaan dua penggal. Kalau nak bangkit lagi kisah 2017, ia ni RM500,000 lebih kepada 24 orang pekerja. Saya rasa tanggungjawab kita sekarang bukan untuk melihat kepada benda yang lama tetapi untuk menyelesaikan masalah gaji tertunggak 24 orang pekerja, mungkin kebanyakan rakyat Kedah juga. Jadi, saya harap kita tutup isu ini dengan YB minta kerajaan negeri, cepat-cepat selesaikan. Kalau boleh sebelum Hari Raya Aidilfitri. Kalau boleh minggu ini juga. Jangan sampai- sekarang bulan Ramadan, mereka tengah bersiap sedia, bulan Ramadan berpuasa kemudian nak menyambut Hari Raya. Jangan menindas dan menganiayai pekerja.

Soalan tentang PASTI saya dah jawab tadi. Tak kira parti politik ke, syarikat swasta ke, syarikat kerajaan, tak kiralah DAP ke, PAS, kita akan kuatkuasakan undang-undang untuk melindungi hak pekerja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, selesai masa soalan pertanyaan Menteri.

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamuddin [Alor Setar]: Speaker, Peraturan Dewan 36(12). Yang Berhormat Menteri sebut jangan bertindak menindas pekerja. Itu mengelirukan Dewan Yang Berhormat Speaker, sedangkan tadi Yang Berhormat Menteri sendiri sebut penyelesaian telah pun diambil oleh pihak syarikat. Jadi, kenapa Yang Berhormat Menteri sebut perkataan 'jangan menindas', adakah nak tuju kepada syarikat tersebut? Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Alor Setar, 36(12) mengelirukan. Saya duduk sini, saya tak keliru pun. *[Ketawa]* Saya faham apa yang Yang Berhormat Menteri cakap. Jadi, kita *move on* kepada agenda seterusnya.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik. Sebelum saya memanggil nama-nama ini untuk dijawab oleh pihak Menteri, saya ingin *refresh* sedikit enam perkara akauntabiliti pihak Eksekutif Kabinet kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Di bawah Peraturan 24, waktu persoalan Perdana Menteri, Kedua - persoalan Menteri-menteri menjawab dan ketiga, jawapan lisan.

Selain daripada itu, Kabinet juga kena menjawab apa-apa pertanyaan yang Yang Berhormat tanya di dalam ucapan Yang Berhormat. Selain daripada itu, implikasi juga dalam soalan Usul 17, Usul 18. Makna, ada enam perkara sebagai pengajaran pada hari ini.

Okey. Baik, kita teruskan kepada Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri. Saya, pertamanya mempersilakan Dato' Haji Shamsulkahar bin Mohd Deli, Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Shamsulkahar bin Mohd Deli [Jempol]: Terima kasih Dato' Speaker, soalan Jempol nombor satu.

1. Dato' Haji Shamsulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta Menteri Komunikasi menyatakan adakah kementerian telah memutuskan untuk mewajibkan semua penyedia perkhidmatan platform media sosial yang beroperasi di negara ini berdaftar dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan dalam masa yang sama bagaimanakah kementerian memastikan tindakan ini tidak menyekat kebebasan media

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri Komunikasi, sila menjawab.

Timbalan Menteri Komunikasi [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Dato' Yang di-Pertua, cadangan penguatkuasaan pelesenan ke atas penyedia perkhidmatan dalam talian sedang diperhalusi dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang dalam proses melengkapkan kerangka pelesenan tersebut.

Cadangan penguatkuasaan pelesenan ini disasarkan kepada penyedia perkhidmatan media sosial dan perkhidmatan pemesejan internet (*internet messaging services*), dengan izin, yang boleh diakses oleh pengguna dalam Malaysia mengikut kriteria penilaian yang akan ditetapkan.

Cadangan penguatkuasaan pelesenan yang bersasar ini juga dianggap sepadan *or proportionate*, dengan izin, memandangkan ketersediaan kandungan mudarat yang tinggi di dalam platform media sosial dan pemesejan internet. Langkah cadangan kawal selia ini adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan dalam talian (*online safety*), dengan izin, serta menangani kandungan yang bertentangan dengan perundangan negara.

■1040

Ini juga seiring dengan pendekatan dan perkembangan global semasa dan bukan bertujuan untuk menyekat kebebasan media. Impak pelaksanaan pelesenan ini akan meningkatkan tahap perlindungan pengguna, terutamanya pengguna perkhidmatan media sosial dan perkhidmatan pemesejan internet daripada terdedah daripada penipuan dalam talian dan kandungan mudarat dalam talian.

Selain itu, pengguna juga dapat menikmati perkhidmatan dalam talian, dalam ruang lingkup yang selamat (*safe environment*) dan boleh dipercayai (*reliable*) dengan izin, daripada pihak penyedia perkhidmatan dalam talian. Sekian jawapan saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan, Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Shamsulkahar bin Mohd Deli [Jempol]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan dan penjelasan. Dato' Speaker, kini wujud persepsi bahawa pihak kerajaan seolah-olah berat sebelah dalam menyiasat kandungan *posting* yang dikatakan tidak benar ataupun berkaitan isu sensitif ya di platform media sosial. Persoalannya, apakah garis panduan SKMM dalam menganalisa sesuatu kandungan *posting* sebelum meminta kandungan tersebut dipadam atau diturunkan oleh syarikat pengendali media sosial berkaitan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Jempol, terima kasih Dato' Speaker. Seperti yang saya pernah jelaskan dalam Dewan Rakyat ini dan jugalah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Komunikasi, apabila MCMC terima aduan sama ada daripada orang awam atau daripada penguat kuasa yang lain, kami akan panjangkan aduan tersebut kepada penyedia platform dan penyedia platform akan buat keputusan, sama ada aduan itu adalah telah *go against* ataupun menentang garis panduan komuniti mereka dan kalau jawapannya adalah ya, jadi kandungan itu akanlah dipadamkan.

Saya nak kongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, daripada 1 Januari 2024 hinggalah 1 Mac tahun ini, sebenarnya 14 peratus daripada keseluruhan permohonan penurunan yang dikemukakan oleh MCMC, telah ditolak kerana platform media sosial mendapati bahawa kandungan tersebut tidak melanggar garis panduan mereka dan oleh sebab itu, ini menunjukkan bahawa ini bukan keputusan MCMC seorang sahaja ataupun satu bahagian sahaja yang buat keputusan, sama ada *content* itu ataupun kandungan itu adalah salah atau tak betul.

Saya nak kongsi dengan Ahli Yang Berhormat juga, sebahagian besar daripada 86 peratus kandungan yang berjaya diturunkan adalah kandungan yang berunsur perjudian iaitu 73 peratus, diikuti oleh penipuan iaitu 15.63 peratus dan juga kandungan berunsur palsu yang berjaya diturunkan adalah sebanyak 4.15 peratus sahaja. Sekian jawapan saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Mumtaz binti Md Naww [Tumpat]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah hasil lawatan JKPK Wanita ke Australia, didapati di Australia ada suruhanjaya *eSafety – Australian eSafety Commission* dan di sana telah ditubuhkan satu akta iaitu *Online eSafety Act 2021* yang mana kadar kejayaannya untuk mengawal *contents* seperti ini dan juga porno mencapai tahap 95 peratus dan mereka juga mempunyai 45 orang penyiasat siber. Jadi persoalan saya, adakah Malaysia juga akan menggubal akta untuk keselamatan *online* ini dan menubuhkan suruhanjaya yang sama.

Yang kedua, kita dapati hari ini banyak laporan-laporan yang *viral* dalam internet telah pun memberikan satu penyelesaian kepada masyarakat. Sebagai contohnya yang terbaharu, kes stokin menggunakan nama 'Allah' yang telah pun dijual di KK Mart yang di-up oleh seorang *influencer* telah menyebabkan *alhamdulillah* dapat tindakan dibuat segera. Soalan saya ialah, adakah pihak kementerian sedar perlunya dijadikan laporan dalam internet ini sebagai FIR (*first information report*) untuk dijadikan tindakan oleh pihak yang berwajib. Kerana kadang-kadang dalam media sosial, *influencer* ini bukan guna nama sebenar. Jadi perlu kepada kajian oleh pihak kementerian untuk membuat pindaan kepada beberapa prosedur. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih Ahli Yang Berhormat atas soalan tersebut. Memang Jemaah Menteri telah buat keputusan bahawa sekarang, Kementerian Komunikasi bersama dengan BHEUU di bawah Jabatan Perdana Menteri tengahlah mengkaji keperluan untuk mewujudkan *online safety act*.

Itu memang sudah jawatankuasa – telah diwujudkan dan kami memang telah mulakan mesyuarat dan juga perbincangan kita untuk wujudkan satu *online safety act*.

Ada kemungkinan bahawa rang undang-undang tersebut bolehlah dibawa ke Parlimen untuk kelulusan Parlimen pada sidang yang akan datang ini. Jadi, ini memang merupakan dan tengah diusahakan. Dan selain daripada itu, saya rasa penguat kuasa berkuasa untuklah membuat FIR (*first information report*) apabila mereka meneliti apa-apa kandungan yang di-post, dimuat naik atau di-uploaded to internet. Ini adalah tindakan yang telah diambil oleh PDRM dan jugalah pihak-pihak berkuasa dan sebagainya.

Untuk pihak MCMC, apabila kita mendapati bahawa memanglah ada kandungan-kandungan yang telah lah melanggar undang-undang Malaysia, kami juga akan ambil tindakan dan tak semestinya perlu menunggu orang untuk nak buat laporan. Itu memang merupakan- penguat kuasa memang mempunyai punca kuasa sebegini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Kepada soalan kedua. Dipersilakan Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhruddin, Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhruddin [Kuala Kedah]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor dua.

2. Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhruddin [Kuala Kedah] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan perancangan Kementerian untuk menangani masalah banjir kilat yang sering melanda mengakibatkan kerosakan harta benda di taman-taman perumahan dan kampung di sekitar Kuala Kedah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjawab.

Timbalan Menteri Perumahan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca Selawat]* Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Dewan yang mulia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah pun menetapkan salah satu agenda utama kementerian ini adalah pengawalan risiko banjir kilat, khususnya di kawasan operasi dan pentadbiran PBT ataupun pihak berkuasa tempatan.

Dalam hal ini, KPKT mendapati isu banjir kilat di kawasan Kuala Kedah adalah disebabkan oleh fenomena air pasang besar yang mengakibatkan isu banjir pantai yang merupakan di bawah tanggungjawab dan seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran ataupun sekarang ini di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam.

Walau bagaimanapun, KPKT akan sentiasa cakna dalam menentukan langkah-langkah penyelesaian bagi isu-isu penyelenggaraan sistem saliran dan perparitan di bawah seliaan PBT, agar lebih efektif dan berkualiti di samping mudah cara dan menyalurkan bantuan-bantuan peruntukan kepada PBT yang mengemukakan permohonan. Bagi tahun 2023, KPKT telah pun menyalurkan peruntukan sebanyak RM100 juta bagi projek penyelenggaraan kolam takungan banjir dan RM20 juta bagi projek penyelenggaraan perparitan dan longkang kepada semua PBT di seluruh negara.

Kerajaan bersetuju meneruskan pelaksanaan kedua-dua projek ini melalui inisiatif Belanjawan 2024 dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi Projek Penyelenggaraan Kolam Takungan Banjir dan RM20 juta lagi bagi Projek Penyelenggaraan Perparitan dan Longkang. Untuk maklumat Dewan yang mulia juga, KPKT telah pun meluluskan peruntukan sejumlah RM14.4 juta untuk mengatasi masalah kejadian banjir kilat yang berlaku di negeri Kedah pada tahun 2023, di mana Majlis Bandaraya Alor Setar telah pun menerima RM2.1 juta ataupun bersamaan dengan sembilan Projek Menaik Taraf Sistem Perparitan dan Kolam Takungan di bawah penyediaan dan pentadbiran MBAS.

Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedang mempertimbangkan satu lagi permohonan baru projek menaik taraf sistem perparitan longkang, saliran di kawasan MBAS dengan anggaran peruntukan berjumlah RM500,000 di bawah peruntukan BP1 bagi tahun 2024. Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. KPKT juga melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara telah pun merangka Pelan Operasi Pengurusan Sisa Pascabanjir berikutan bencana banjir ini, di mana diadakan satu pelan yang menjadi

panduan kepada KPKT untuk memastikan kerja-kerja pembersihan sisa pascabanjir dilakukan dengan teratur dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, KPKT akan sentiasa bersiap sedia untuk menjalankan operasi pembersihan pasca banjir dengan memberikan lima tumpuan yang utama. Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

- (i) mewujudkan pemetaan kawasan operasi kerja;
- (ii) penjadualan gerak kerja harian dalam kawasan pemetaan yang telah ditetapkan;
- (iii) menumpukan kepada operasi kerja pembersihan secara berterusan pada setiap hari, khususnya di kawasan yang dalam pemetaan;
- (iv) menetapkan peralatan logistik dan juga jentera pembersihan secara berpusat di kawasan-kawasan yang menjadi *hotspot*; dan
- (v) mewujudkan talian untuk pengguna ataupun rakyat boleh menghubungi kita setiap masa.

Insyaa-Allah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan Yang Berhormat Kuala Kedah.

■1050

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhurrazi [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri yang telah pun memberikan penjelasan yang tuntas. Soalan tambahan saya ialah apakah terdapat peningkatan pemantauan dan libat urus agensi terhadap projek pembangunan pemaju rumah, terutama di kawasan *hotspot* banjir yang dikenal pasti PBT di lokaliti setempat sebagai langkah mitigasi dan pengurusan risiko bencana. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri, jawapan.

Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat..

Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu: Surat arahan telah pun dikeluarkan oleh pihak KPKT untuk senantiasanya melaksanakan pemantauan dan penambahbaikan dalam hal-hal yang terkait dengan infrastruktur awam, khususnya di kawasan-kawasan banjir dan juga melibatkan kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan ataupun kerancakan dari sudut pembangunan dan kemajuan.

Antara langkah-langkah yang telah disarankan oleh KPKT dalam melaksanakan kerja-kerja ini adalah termasuklah dalam memastikan penyelenggaraan longkang, parit dan keseluruhannya dan termasuklah kolam-kolam takungan yang wujud di kawasan-kawasan pemajuan. Pemantauan itu dilakukan secara berterusan, *insyaa-Allah*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhurrazi [Kuala Kedah]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan. Silakan, Yang Berhormat Tenggara.

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara]: Terima kasih, Dato' Speaker. Soalan tambahan dari saya, apakah inisiatif kementerian mungkin memperkenalkan sistem teknologi yang terkini dalam menyelesaikan masalah banjir kilat di bandar-bandar, pekan-pekan seluruh negara terutamanya, disebabkan oleh masalah penyelenggaraan sistem perparitan dan saluran serta berapakah implikasi kos yang terlibat bagi seluruh negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Jawapan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bermula 17 Jun 2021 sebenarnya kementerian ini telah pun mewujudkan satu *task force* yang dinamakan *task force* bagi menangani, *task force* banjir kilat yang telah pun diketuai oleh jabatan kerajaan tempatan di bawah KPKT yang juga dianggotai oleh beberapa agensi teknikal bersama sepertimana Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya, Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga jawatan-jawatan yang lain.

Objektif ini adalah bagi membincangkan sebenarnya dan mengenal pasti kaedah penyelesaian yang terbaik untuk mengatasi masalah banjir kilat. Sebab isu banjir kilat ini adalah mencakupi bukan sahaja di bawah PBT tetapi juga di bawah agensi-agensi teknikal di bawah kementerian-kementerian yang lain. Justeru *task force* ini diwujudkan dan mereka bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Di sudut implikasinya Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2023, sejumlah RM49.9 juta peruntukan telah pun diturunkan untuk menaik taraf sistem perparitan, manakala naik taraf ataupun penyelenggaraan kolam takungan banjir sebanyak RM100 juta. Untuk tahun ini diperuntukkan RM20 juta untuk naik taraf sistem perparitan. Manakala penyelenggaraan kolam takungan adalah dalam lingkungan RM50 juta. Walau bagaimanapun, ini adalah bergantung kepada permohonan dari semasa ke semasa yang dikemukakan oleh PBT. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan berikutnya, saya mempersilakan Tuan Lim Lip Eng, Yang Berhormat Kepong.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Soalan lisan saya nombor 3.

3. Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan sama ada "*Lemon Law*" akan diperkenalkan untuk melindungi hak pengguna dalam pembelian kenderaan baru dan terpakai sekiranya berlaku kerosakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk menjawab.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Datuk Armizan bin Mohd Ali]: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Bangi juga telah membangkitkan persoalan yang sama berkaitan *lemon law* dan telah dijawab dalam sesi Kamar Khas semalam.

Untuk makluman juga, *lemon law* adalah satu undang-undang yang menyediakan hak tebus rugi *redress* kepada pembeli-pembeli kereta dan barangan pengguna lain untuk mendapatkan remedi terhadap produk yang berulang kali rosak dan gagal memenuhi standard kualiti dan prestasi. Antara remedi yang boleh dituntut oleh pengguna atau pembeli di bawah *lemon law* ini adalah pembaikan, penggantian, pengurangan harga atau pembayaran balik.

Di Malaysia, peruntukan perundangan berkaitan hak tebus rugi pengguna terhadap pembekal atau pengilang sekiranya barang yang dibekalkan gagal mematuhi *guarantee* yang ditetapkan terkandung di dalam beberapa undang-undang, termasuk dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599] di bawah kawal selia KPDN.

Peruntukan di bawah Akta 599 yang berkaitan perkara ini adalah Bahagian V – *guarantee* berkenaan dengan pembekalan barang, Bahagian VI – hak terhadap pembekal berkenaan dengan *guarantee* dalam pembekalan barang, Bahagian VII – hak terhadap pengilang berkenaan dengan *guarantee* dalam pembekalan barang dan Bahagian XII bidang kuasa tribunal tuntutan pengguna Malaysia.

Sehubungan itu peruntukan undang-undang bagi memelihara kepentingan hak pengguna di Malaysia telah diambil kira dengan jaminan untuk memperoleh barangan

dengan kualiti yang munasabah dan hak untuk menebus rugi, sekiranya barangan tidak mematuhi *guarantee* melalui peruntukan di bawah Akta 599.

Pada tahun 2024 ini, KPDN sedang melaksanakan satu kajian kebolehlaksanaan *lemon law* bagi memperkasakan hak pengguna untuk menuntut tebus rugi, sekiranya mereka menerima kenderaan bermotor yang rosak atau gagal mematuhi standard kualiti atau prestasi seperti yang dijanjikan oleh pembekal dan tidak dapat dibaiki atau dibetulkan. Setelah kajian selesai, satu keputusan dasar di peringkat kementerian akan dibuat sebelum penambahbaikan langkah kerja perundangan dilaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan, Yang Berhormat Kepong.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Terima kasih, Menteri. Proses melaksanakan *lemon law* ini boleh menjadi kompleks dan memakan masa. Oleh itu saya mencadangkan undang-undang *lemon* di Malaysia ini diringkaskan dengan *straightforward protection* agar pembeli kenderaan yang substandard dan *defective* tidak perlu melalui prosiding undang-undang seperti tribunal, *arbitration*, mahkamah dan sebagainya untuk menuntut ganti rugi mereka. Apa pandangan Menteri tentang cadangan saya ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri, jawapan.

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sebagaimana saya maklumkan tadi, selain dari segi perundangan. Selain daripada Akta 599, kita juga ada perundangan lain *Contract Law*, Akta Sewa Beli, begitu juga *Sales of Goods Act* dan kita laksanakan kajian kebolehlaksanaan, tidak bermaksud kita ingin memperkenalkan undang-undang baru. Sama ada kita *strengthen* atau perkukuhkan Akta Perlindungan Pengguna sedia ada.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat, kita tahu kajian ini mengambil masa. Kita sedang dalam proses juga mempertimbangkan untuk dalam konteks *instead of*, dengan izin meminda mana-mana undang-undang sedia ada, kita untuk memperkenalkan satu peraturan di bawah Akta 599, untuk membolehkan proses tuntutan ini dibuat pada kadar segera dan apa yang dicadangkan Yang Berhormat Kepong juga tadi merupakan satu opsyen yang saya fikir boleh kita laksanakan sebagai tindakan *immediate*, sebelum kajian menyeluruh itu dapat diselesaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim-Bandar Baharu]: Baik, terima kasih kepada Tuan Speaker. Terima kasih juga kepada Kepong kerana membangkitkan isu yang penting kepada pengguna. Soalan saya kepada Yang Berhormat, sejauh manakah kajian perbandingan yang dijalankan terhadap pelaksanaan undang-undang *lemon law* ini. Contohnya ada beberapa negara yang mengamalkan seperti Singapura, *Philippines* ataupun China.

Sebagai contoh, misalnya *lemon law* di Singapura, yang mana dimasukkan ke dalam Akta Perlindungan Pengguna, di mana pembeli berhak membuat tuntutan dalam tempoh enam bulan. Yang Berhormat, adakah skop perundangan ini juga merangkumi kereta terpakai. Contohnya di Malaysia, sekiranya termasuk, apakah kaedah dan apakah perancangan kerajaan dalam menambah baik mekanisme penjualan kereta terpakai yang dikhuatiri tidak menepati kriteria kesesuaian jaminan keselamatan tempoh jangka panjang kepada pengguna dan pembeli. Sebagai contoh mungkin kita boleh mengetatkan lagi kelulusan PUSPAKOM kepada kenderaan terpakai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Jawapan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk makluman, di peringkat ini untuk *paper* peringkat awal yang tengah kita sediakan di KPDN, untuk kebolehlaksanaan *lemon law* ini. Kita melihat kepada *best practices* di beberapa negara contohnya Amerika Syarikat, Kanada, *Singapore* sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dan juga *Philippines*.

■1100

Namun bagaimanapun, kita melihat bahawa kita tidak boleh menunggu sehingga selesai pindaan ataupun penggubalan undang-undang baharu. Atas sebab itu, pada peringkat awal ini, kita mempertimbangkan opsyen-opsyen lain, termasuklah dalam konteks peraturan itu supaya kita dapat melindungi kepentingan pengguna pada kadar segera. Kita tahu antara isu berbangkit contohnya, Tribunal Tuntutan Pengguna, kes yang boleh dibicarakan. *I mean* dibawa ke tribunal tersebut hanyalah tuntutan yang tidak boleh melebihi kadar RM50,000 iaitu RM50,000 ke bawah.

Jadi, kalau kereta contohnya, kereta-kereta baharu, nilai itu rata-rata melebihi daripada RM50,000. Jadi, kita akan bertindak segera untuk memastikan perlindungan diberikan kepada pengguna kita khususnya dalam pembelian kereta baru ataupun kereta terpakai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri. *Maxim, example. Maxim accountability executive* kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, berlaku. Semalam, soalan yang sama di dalam Kamar Khas berkaitan *lemon law*. Saya mempengerusikan, ditanya oleh Yang Berhormat lain, Menteri kena jawab juga. Hari ini di Dewan ini pun, Menteri kena jawab. *This is the* dengan izin, *responsibility*. *Maxim* tanggungjawab Kabinet. Ini satu benda yang kita kena ambil maklumlah, pengetahuan sebagai Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Baik, kita beransur kepada soalan yang keempat. Dipersilakan Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman, Yang Berhormat Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Dato' Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor empat.

4. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta Menteri Pertahanan menyatakan jangkaan perolehan status terkini pembelian 18 pesawat Fighter Lead-In Trainer-Light Combat Aircraft (FLIT/LCA) FA-50 bernilai RM4.08 bilion bagi kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri Pertahanan, sila menjawab.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Haji Adly bin Zahari]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sik di atas persoalan yang dikemukakan. Untuk maklumat Dato' Yang di-Pertua, perolehan 18 buah pesawat FA-50 daripada syarikat Korea Aerospace Industries (KAI) telah dilaksanakan secara tender terbuka antarabangsa tanpa melibatkan sebarang pelantikan syarikat perantara.

Sebagai maklumat Yang Berhormat Sik, nilai perolehan pesawat ini adalah sebanyak RM3.8 bilion. Perolehan pesawat ini juga berdasarkan kepada perancangan pihak TUDM sendiri iaitu melalui Pelan Pembangunan Keupayaan TUDM 2055 iaitu CAP55 yang mensasarkan untuk perolehan pesawat platform tunggal, dua tempat duduk yang berkemampuan melaksanakan tugas dwifungsi iaitu sebagai pesawat latihan lanjutan (*fighter lead-in trainer*) (FLIT) untuk tujuan latihan bakal juruterbang pejuang dan juga sebagai pesawat tempur *light combat aircraft* (LCA) bagi keperluan operasi berdasarkan perancangan pesawat FLIT/LCA ini akan diguna pakai sehingga tahun 2045, berdasarkan polisi *casting* pesawat pejuang serta akan melalui *midlife upgrade program* iaitu bagi memastikan ianya kekal beroperasi sehingga tahun 2055.

Untuk maklumat Dato' Yang di-Pertua, status kemajuan terkini pembinaan pesawat ini adalah 26.7 peratus. Berdasarkan kepada jadual perolehan, dua buah pesawat dijangka akan diterima pada suku ketiga tahun 2026, manakala pesawat selebihnya akan diterima secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2027. Itu saja jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Dato' Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Usaha TUDM untuk perolehan pesawat ini adalah tindakan ke hadapan bagi kita memenuhi keperluan pertahanan negara dan juga mengimbangi sistem pertahanan udara, berbanding dengan negara-negara jiran yang lebih ke hadapan ya termasuk negara Filipina, Tentera Udara Filipina yang telah pun memperolehi pesawat ini lebih awal.

Jadi soalan saya, apakah kelebihan pesawat FA-50 ini dari segi kos? Yang kedua, spesifikasi dan juga keupayaan pesawat yang mungkin kita melihat yang telah diguna oleh tentera udara Filipina? Bagaimanakah perancangan kementerian untuk ke depan apabila perolehan ini yang dilihat akan dipenuhi sebanyak 36 buah pesawat untuk dilengkapi? Juga, sikit soalan saya, adakah juga pesawat ini akan memberi ruang untuk kita menggantikan pesawat-pesawat lama kita termasuk Hawk, Sukhoi dan MiG yang telah pun ada kesulitan dari segi peralatan ataupun baik pulih pesawat tersebut? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Tuan Haji Adly bin Zahari: Terima kasih Yang Berhormat Sik di atas persoalan yang dikemukakan. Pertama adalah tentang keupayaan pesawat ini. Kita tahu bahawa pesawat yang digunakan oleh Filipina daripada Blok 10 berbanding dengan kita FA-50 Blok 20.

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]: [Bangun]

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: [Bangun]

Tuan Haji Adly bin Zahari: Kita tahu bahawa sudah barang pasti dia ada peningkatan, terutamanya dari segi keupayaan radar dan juga keupayaan *combatant* yang kita gunakan bagi tujuan keupayaan ini. Begitulah juga kalau kita lihat macam tadi bila disebut tentang pesawat Hawk kita, kita tahu bahawa keupayaan Hawk ini sehingga tahun 2028. Jadi, sudah barang pasti ini adalah salah satu daripada kaedah yang kita gunakan bagi tujuan operasi kita dan juga bagi tujuan latihan.

Sebab itu FA-50 ini bukan sahaja kita manfaatkan bagi tujuan *combatant* tetapi juga digunakan bagi tujuan latihan. Saya fikir bahawa fasa demi fasa, kita akan melihat bahawa ini adalah fasa pertama FA-50 dan saya yakin bahawa melalui CAP55 itu, Tentera Udara kita sudah merancang sehingga tahun 2055. Kita berharap supaya segala perancangan ini dapat kita laksanakan dengan baik. Itu saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Silakan Yang Berhormat Batu Pahat. Soalan tambahan.

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]: Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Kepada Menteri, setakat ini MiG-29 ini dia punya jangka hayat itu bila? Ada tempohnya? Berapa unit yang boleh terbang dan berapa unit yang tak boleh terbang sekarang ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri, jawapan.

Tuan Haji Adly bin Zahari: Kalau kita lihat pesawat-pesawat kita, kalau kita tengok kepada — kita ada dua model secara asas. Pertama, kita ada Sukhoi dan F/A-18 yang disebut sebagai *multirole combat aircraft*. Jadi, kalau kita lihat penggunaannya lebih luas berbanding dengan apa yang kita sebut sebagai LCA ini.

LCA ini adalah bagi tujuan menggantikan Hawk kita, kerana dia macam saya sebut tadi, dia *light aircraft* dan dia bagi menggantikan juga proses latihan kita. Jadi kalau kita lihat, kita ada dua pesawat *multirole* dan dalam masa yang sama, kita ada *light aircraft*. Jadi, ini kaedah yang kita gunakan bagi tujuan latihan dan juga bagi tujuan *combatant* kita untuk pertahanan masa depan negara kita. Itu saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan yang kelima, saya mempersilakan Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan, Yang Berhormat Kuala Pilah.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Soalan Kuala Pilah di nombor lima.

5. **Dato' Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah]** minta Perdana Menteri menyatakan mekanisme yang dilaksanakan kerajaan bagi memendekkan tempoh giliran menunggu jemaah haji dan perancangan kerajaan bagi mempercepatkan giliran jemaah yang berusia atau warga emas supaya dapat menunaikan haji sementara masih sihat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Dr. Zulkifli bin Hasan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun kuota rakyat Malaysia adalah tertakluk kepada kuota rasmi yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi berdasarkan keputusan Mesyuarat Pertubuhan Negara-negara Islam Sedunia pada tahun 1988 di Aman, Jordan yang menetapkan kuota haji setiap negara pada kadar 0.1 peratus daripada jumlah penduduk sesebuah negara Islam.

Justeru, kuota rasmi negara pada musim haji 2024 adalah seramai 31,600 jemaah. Kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif dengan membuat permohonan kepada Kerajaan Arab Saudi untuk meningkatkan jumlah tersebut berdasarkan perangkaan penduduk terkini negara. Di samping itu, kerajaan turut memohon kuota tambahan setiap tahun. Namun, permohonan kajian semula kuota tahunan dan pemberian kuota tambahan adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan Arab Saudi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pendeposit Tabung Haji tanpa mengira peringkat umur boleh membuat pendaftaran haji dan akan dipilih untuk menunaikan fardu haji apabila tiba giliran tahun yang diperuntukkan kepada mereka berdasarkan prinsip yang mendaftar dahulu akan didahulukan. Sistem pendaftaran terbuka ini telah diterima pakai oleh umum sejak 1995 lagi.

Dalam keadaan-keadaan tertentu, jika ada kekosongan disebabkan ada bakal haji yang tiba giliran tetapi telah menolak tawaran, maka Tabung Haji akan mempertimbangkan untuk memberi tempat menunaikan haji kepada bakal haji rayuan, terutamanya rayuan mahram dan rayuan dari golongan warga emas. Namun, keutamaan pertimbangan rayuan ini mengambil kira juga mereka yang belum pernah menunaikan fardu haji.

■1110

Apa pun usaha untuk memendekkan tempoh menunggu menunaikan haji, ia tidak boleh lari daripada keputusan pihak Kerajaan Arab Saudi meluluskan kuota haji tahunan untuk setiap negara, termasuk Malaysia.

Pada masa yang sama, Kerajaan Arab Saudi di bawah perancangan ekonomi Visi 2030, sedang merancang untuk meningkatkan jumlah jemaah haji kepada 5 juta orang menjelang 2030. Oleh yang demikian, kerajaan optimis jumlah jemaah haji negara akan meningkat dan ini akan membolehkan masa menunggu untuk mengerjakan haji dapat dipendekkan.

Di samping itu, Tabung Haji telah dan sentiasa meneruskan untuk menjelaskan konsep *istito'ah* atau kemampuan dalam mengerjakan haji. Pelaksanaan haji adalah ibarat yang hanya wajib kepada yang mampu berdasarkan konsep *istito'ah* iaitu kemampuan mengerjakan haji dari sudut kewangan, kesihatan, keselamatan dan termasuk kebenaran daripada pihak berkuasa atau kuota.

Resolusi Muzakarah Haji Kebangsaan ke-37 pada Disember 2020 juga telah menetapkan bahawa perbelanjaan sebenar mengerjakan haji adalah tanggungjawab jemaah haji sepenuhnya. Namun begitu, tidak salah untuk mereka menerima bantuan kewangan. *Alhamdulillah* berikutan penerangan berterusan, semakin ramai yang menghayati konsep *istito'ah* dan hasilnya ada golongan yang menolak bantuan kewangan haji, sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan, Yang Berhormat Kuala Pilah.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]: Terima kasih, Yang Berhormat. Apakah klasifikasi dan daripada manakah sumber data yang digunakan oleh Tabung Haji bagi mengelaskan kumpulan B40, kumpulan M40 dan kumpulan T20? Seterusnya Yang Berhormat, ramai pendeposit terutamanya daripada golongan B40 terpaksa menunggu sahaja panggilan haji, meskipun bila mereka menjangkau usia 100 tahun dan lebih kerana tidak mampu menanggung kos keseluruhan haji yang perlu dibayar jika membuat rayuan.

Soalannya, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk memberikan sedikit subsidi atau diskaun bagi golongan ini jika mereka berjaya mendapat panggilan haji melalui rayuan ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Jawapan, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Zulkifli bin Hasan: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah. Ada dua soalan. Apakah klasifikasi dan apakah perancangan? Untuk soalan yang pertama, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar bantuan kewangan haji yang ditetapkan bagi setiap jemaah haji adalah berdasarkan kategori pendapatan individu masing-masing dan bukannya berdasarkan pendapatan isi rumah.

Dasar klasifikasi pendapatan bagi jemaah haji yang terpilih mengikut kategori B40, M40 dan T20 ini adalah berasaskan kerjasama dengan agensi kerajaan untuk menyemak silang maklumat bakal haji dengan pangkalan data kerajaan sedia ada seperti tahun 2022 dan 2023 yang lalu.

Tabung Haji juga mengambil maklum akan usaha kerajaan yang telah membina PADU yang menggabungkan maklumat sosioekonomi setiap isi rumah dalam usaha untuk menyalurkan subsidi secara adil dan bersasar. Tabung Haji akan mempertimbangkan untuk menambah baik proses mengklasifikasikan bakal jemaah haji bagi tujuan pemberian bantuan kewangan haji bersasar, selari dengan usaha kerajaan dan soalan yang kedua, saya minta memohon masa tambahan sedikit.

Untuk soalan yang kedua, adakah kerajaan punya perancangan untuk memberikan subsidi atau diskaun kepada B40? Poin pertama, rayuan bagi kerajaan sebenarnya telah pun memberikan bantuan RM1,000 kepada jemaah haji B40 pada tahun 2023 dan 2024, rayuan bagi jemaah yang sepatutnya perlu membuat bayaran penuh. Namun begitu, bagi membantu jemaah yang mengiring jemaah yang uzur dan mengiring jemaah mahram, maka mereka layak diberikan subsidi, sekiranya mereka tergolong dalam golongan B40.

Namun secara rumusannya, saya ingin memaklumkan kepada semua, kepada Ahli Yang Berhormat, buat pengetahuan semua, sehingga kini seramai sembilan orang bakal haji kategori B40 dan 50 orang bakal haji kategori M40 telah membuat bayaran penuh. *Alhamdulillah*. Manakala, sejumlah 221 orang lagi telah bersetuju menerima sebahagian sahaja dari bantuan kewangan haji.

Jumlah keseluruhan jemaah haji yang menolak tawaran bantuan kewangan haji akan diketahui selepas selesai semua bakal haji menjawab tawaran tunai haji. Dengan ini *alhamdulillah*, kita lihat bahawa semakin ramai jemaah haji memahami konsep *istito'ah*, konsep kemampuan untuk menunaikan haji itu. Terima kasih.

Datuk Idris bin Ahmad [Bagan Serai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri, adakah kuota ini termasuk yang pergi sendiri, agensi-agensi?

Dr. Zulkifli bin Hasan: Kuota ini adalah sepertimana yang diberikan oleh Tabung Haji. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik. Yang Berhormat, silakan. Bagan Serai.

Datuk Idris bin Ahmad [Bagan Serai]: Okey. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri.

Saya nak sambung juga berkenaan dengan bagaimana penentuan kategori bakal jemaah haji B40 dan M40 dan juga T20 kerana ada yang saya dapat maklumat di kawasan saya, mereka yang gajinya ialah berada di kategori B40, kalau mengikut slip gajinya. Tetapi, dia kena bayar untuk M40. Atas apa alasan? Dia, apabila ditanya, kerana dia tak dapat BR1M. Itu satu.

Yang keduanya ialah berkenaan dengan pelajar. Ada dua orang pelajar– yang saya dapat maklumat lah. Dua orang pelajar pun juga dikenakan bayar standard dia ialah M40, dengan izin. Sedangkan dia sebagai seorang pelajar. Maka dengan sebab itu, kita harapkan supaya apa mekanisme yang perlu dilakukan kerana kalau mereka tak mencukupkan bilangan macam RM19,152 ataupun RM33,300 itu, mereka tak dianggap sebagai menerima tawaran haji tadi.

Jadi, ini agak menyukarkan jemaah haji ini tadi. Minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, kerana di luar itu dengar kita cakap ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Zulkifli bin Hasan: Terima kasih Yang Berhormat. Okey. Bagi menjawab soalan tersebut, pertamanya ingin saya kongsikan juga. Semenjak 2019, Tabung Haji telah pun membuat satu peraturan iaitu sesiapa yang telah menunaikan haji pertama kali, tidak boleh lagi mendaftar untuk menunaikan haji. Ini bermakna– ini merupakan salah satu usaha untuk memastikan bahawa mereka yang belum menunaikan haji dapat menunaikan haji.

Bagi menjawab soalan spesifik iaitu berkenaan dengan ada kes yang B40 tetapi terpaksa membayar M40 dan pelajar yang terpaksa membayar M40, maka dengan itu kita mohon untuk individu tersebut merujuk kepada Tabung Haji dan kita akan cuba semak dan kita akan bantu sepertimana yang boleh dilakukan kerana kita ingin dapatkan maklumat tambahan bagi kes-kes spesifik, kes-kes tertentu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik. Kita beransur ke soalan yang keenam. Dipersilakan Tuan Sabri bin Azit, Yang Berhormat Jerai.

6. Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta Menteri Pengangkutan menyatakan statistik kesalahan melanggar kamera perangkap had laju di seluruh negara dan adakah pihak kementerian bercadang menaikkan had laju kepada 120 KM/J.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, sila untuk menjawab.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera. Salam Malaysia MADANI. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jerai, Ahli Yang Berhormat Jerai telah memohon satu soalan yang sangat spesifik dan saya pun bagi jawapan yang spesifik.

Pada tahun 2023, sebanyak 556,055 notis telah dikeluarkan bagi kesalahan melebihi had laju melibatkan kamera-kamera penangkap had laju AWAS di seluruh negara. Untuk makluman tambahan, lokasi yang mengeluarkan notis yang paling banyak ataupun lokasi yang paling ramai orang melebihi had laju ialah di lokasi KM 382.8 Lebuhraya PLUS di Behrang, Perak iaitu 98,911 notis telah dikeluarkan di antara bulan Jun hingga bulan Disember tahun lalu.

Untuk soalan yang kedua, berkenaan dengan had laju. Buat masa ini, Kementerian Pengangkutan dan kerajaan secara amnya belum lagi bercadang untuk meningkatkan had laju dan masih ditetapkan di bawah– kekal 110 KM/J. Untuk makluman, bidang kuasa untuk menetapkan had laju ini bukannya terletak di Kementerian Pengangkutan. Ia sebenarnya adalah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan, Yang Berhormat Jerai.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih atas jawapan Menteri, Dato' Speaker. Tak apalah. Tahun 2023, setengah juta telah disaman. Setengah jutalah. Hampir setengah juta pengguna jalan raya yang telah disaman melalui perangkap laju di jalan raya.

Jadi soalan saya, apakah status terkini serta pelan kerajaan terhadap kamera Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AWAS) dalam mengurangkan risiko insiden kemalangan dan sejauh manakah keberkesanan dari segi penggunaannya berbanding AES yang diguna pakai, serta berapakah jumlah bilangan kamera yang beroperasi? Sehubungan itu, adakah sistem demerit terhadap pengguna jalan raya yang telah diguna pakai?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Jawapan, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Loke Siew Fook: Ada beberapa soalan dalam soalan tersebut. Yang pertamanya dari segi keberkesanan, memang pihak JPJ merasakan bahawa apabila kawasan-kawasan yang ada kamera itu, dia sudah tentu— apabila ada kamera, pengguna-pengguna jalan raya apabila sampai ke sana, mereka ada notis dua kilometer sebelum kamera tersebut.

■1120

Sudah secara lazimnya kebanyakannya akan mengurangkan had laju supaya tidak terperangkap dengan kamera tersebut. Jadi, lokasi-lokasi kamera yang dipasang itu memanglah lokasi-lokasi yang telah pun dikenal pasti antara kawasan yang banyak kemalangan ataupun *hot spot*. Itu sebabnya kamera dipasang.

Jadi, setakat ini dari segi jumlah kamera yang beroperasi 26 di seluruh negara yang berkenaan dengan kamera perangkap had laju sebab ada juga yang lain yang juga untuk lampu isyarat dan sebagainya. Untuk perangkap had laju ialah 26 setakat ini. Jadi, pemasangannya memang kita akan pantau dan bukannya sesuka hati kita pasang kamera di mana-mana sahaja.

Jadi, apa tempat yang dipasang itu memang adalah kawasan-kawasan *hot spot* dan juga ada beberapa kawasan *hot spot* lain yang kita hendak lihat bagaimana untuk kita tambah sama ada melalui kamera ataupun pendekatan lain. Umpamanya di Lebuhraya Utara-Selatan.

Kawasan yang paling antara yang paling *hot spot* ataupun paling banyak kemalangan berlaku selepas Menora *tunnel* dari arah Ipoh hendak menghala ke Kuala Kangsar, turun bukit. Itu antara kawasan yang selalu berlakunya kemalangan. Itu antara perkara yang kita ingin lihat bagaimana hendak tambah baik keadaan di sana supaya dapat mengurangkan kemalangan jalan raya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita sudah harapkan ialah supaya semua pihak, terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat memahami keadaan bahawa kita hendak melakukan sesuatu untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Jadi, kalau ada apa-apa cadangan yang dapat menambah baik dari segi dapat membantu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya, kita terbuka untuk menerima sebarang cadangan daripada semua pihak. terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, dipersilakan Yang Berhormat Tampin.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: Terima kasih, Timbalan Tuan Yang di-Pertua. Berhubung kamera AES ataupun AWAS yang telah dikuatkuasakan sejak 2012 lagi. Tadi, Yang Berhormat Menteri sudah jawab sejauh manakah langkah tersebut berjaya menangani masalah kemalangan di lebuhraya.

Selain daripada itu, ada tidak kaedah atau menggunakan kaedah kamera selain daripada penggunaan kaedah kamera penguatkuasaan tersebut, adakah sebarang kaedah lain yang lebih berkesan untuk mengatasi isu kemalangan dan had laju ini? Sebab

had laju ini orang tahu di mana kedudukan AES/AWAS tersebut dan selepas itu dia orang pecut balik, kan?

Betullah tadi untuk kawasan-kawasan *hot spot*, kawasan kemalangan tetapi berlaku juga kemalangan di kawasan-kawasan yang lain sebab tidak ada kamera. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Jawapan, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih, Yang Berhormat. Terlebih dahulu biar saya nak bagi peringatan dan juga mungkin amaran kepada pengguna-pengguna jalan raya. Walaupun betul AWAS ini hanya ada di 26 lokasi dan kamera AWAS ini anda tahu di mana sebab ada notis, ada papan tanda dua kilometer sebelum lokasi kamera itu sudah pun ada amaran akan ada kamera dekat depan.

Kalau *you* pakai *Waze*, akan bagi tahu dekat mana ada kamera. Tetapi, jangan lupa bahawa ini hanya di peringkat JPJ. Penguatkuasaan kita juga bukan sahaja JPJ juga ada polis trafik. Polis trafik punya kamera mereka pakai *mobile camera*. Mereka boleh berada di mana-mana sahaja. Jadi, itu yang saya hendak bagi tahulah. Bukan bahawa hanya lokasi-lokasi yang tetap sahaja. Sebab polis ada pendekatan mereka untuk menguatkuasakan undang-undang ataupun had laju ini.

Keduanya, saya rasa bahawa memang kita sedang mencari pelbagai pendekatan dan pendekatan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya itu bukan sahaja satu pendekatan sahaja. Mungkin penguatkuasaan itu salah satu aspek.

Keduanya ialah kesedaran keselamatan dan itu lebih penting. Sebab kesedaran itu mesti dia berada dalam minda setiap orang itu. Itu sebabnya antara perkara yang kita laksanakan sekarang ini dan telah pun dilaksanakan sekarang ialah maklumat berkenaan dengan kes kemalangan jalan raya dan kadar kematian kemalangan jalan raya dilaporkan setiap hari oleh pihak PDRM.

Sekarang ini telah pun dilaporkan setiap hari supaya memberikan peringatan kepada orang ramai setiap hari ada kes kemalangan yang meragut nyawa manusia di dalam negara kita ini. Ada puratanya 16 hingga 18 kes setiap hari. Jadi, itu yang kita hendak bagi kesedaran kepada orang ramai supaya sentiasa berhati-hati sebab yang paling penting ialah sikap pemandu sendiri.

Kalau kita tidak mengubah sikap kita sendiri, tidak berhati-hati di jalan raya, suka melanggar peraturan jalan raya, maka ini akan meningkatkan risiko kemalangan. Bukan sahaja kepada diri kita tetapi juga kepada orang lain. Jadi, amat berharap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat membantu Kementerian Pengangkutan membantu kerajaan dan membantu rakyat supaya kita sama-sama memberikan kesedaran keselamatan ini dan kita sama-sama memerangi keselamatan ataupun kemalangan jalan raya ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan yang ketujuh saya mempersilakan Tuan Azli bin Yusof, Yang Berhormat Shah Alam.

7. Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk membantu kerja-kerja menyelenggara dan membaik pulih pangsapuri kos sederhana rendah di seluruh negara khususnya di Parlimen Shah Alam.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu]: *Bismillah, alhamdulillah.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia dan sahabat saya Shah Alam, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa memberikan komitmen dan prihatin dalam memastikan kesejahteraan rakyat terutamanya para penghuni perumahan berstrata kos rendah dan juga sederhana rendah.

Dalam Bajet 2024 ini Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan MADANI telah pun meluluskan sejumlah RM1.4 juta untuk peruntukan di bawah inisiatif pertamanya, Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) untuk membaik pulih dan menyelenggara perumahan berstrata kos rendah dan juga kos sederhana rendah swasta. Ia meliputi RM5.4 juta peruntukan.

Manakala kedua, Program Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (PPP) untuk membaik pulih dan penyelenggaraan perumahan berstrata awam iaitu Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan juga projek perumahan awam yang diperuntukkan RM50 juta. Kenaikan 10 peratus daripada bajet pada tahun 2023 yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua inisiatif ini meliputi penyelenggaraan kemudahan bersama di perumahan berstrata di seluruh negara kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merangkumi 10 skop kerja seperti mana berikut:

- (i) membaiki ataupun menggantikan lif;
- (ii) membaiki ataupun menggantikan tangki air dan sistem matrikulasi;
- (iii) membaiki ataupun mengganti paip sanitari;
- (iv) membaiki ataupun mengganti bumbung;
- (v) membaiki ataupun mengganti tangga dan susur tangan *handrail*;
- (vi) mengecat semula bangunan dan harta bersama;
- (vii) pendawaian semula dan kerja-kerja elektrik;
- (viii) membaiki ataupun mengganti kemudahan infrastruktur awam yang melibatkan harta bersama (*common property*);
- (ix) menggantikan atau membina pagar di sekeliling kawasan pemajuan; dan
- (x) pembaikan cerun di kawasan-kawasan pemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia, daripada jumlah tersebut, sejumlah RM12.5 juta adalah siling peruntukan yang telah diperuntukkan kepada negeri Selangor, yang mana Parlimen Shah Alam sebanyak empat projek baharu telah diluluskan di bawah inisiatif TPPM yang bernilai RM 1 juta. Empat projek itu Yang Berhormat boleh tanya dekat saya. Saya ada dalam maklumat saya, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, KPKT sentiasa berusaha untuk membantu melalui penyediaan peruntukan dan untuk penyelenggaraan dan baik pulih rumah terutamanya bagi rumah kos rendah dan sederhana rendah. Walau bagaimanapun, KPKT perlu melaksanakan pertimbangan yang terperinci dengan memberikan tumpuan kepada kerosakan yang lebih kritikal terhadap keselamatan dan juga penyelesaian para penghuni.

Tumpuan lebih khusus diberikan kepada contohnya kerosakan lif yang mengganggu aktiviti harian penduduk, kerosakan lif, bumbung, tangki air dan sistem retikulasi, paip sanitari, pendawaian elektrik dan juga pembaikan cerun-cerun yang terlibat.

KPKT akhirnya akan terus komited membantu para penghuni dalam menyelenggara dan membaik pulih kediaman penghuni agar rumah mereka berdaya huni, selesa dan juga selamat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Soalan tambahan, Yang Berhormat Shah Alam?

Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Pasti peruntukan yang diberikan kepada Parlimen Shah Alam itu kami sambut dengan hati yang penuh gembira dan sukacita. Terima kasih banyak.

Soalan saya seterusnya ialah kita tahu pengurusan perumahan berstrata kos sederhana dan juga kos rendah ini kadang-kadang dihadapi oleh pihak JMB dan juga penduduk. *It's chicken and egg situation* dengan izin. Cas perkhidmatan yang terlalu rendah dan apabila dia rendah, perkhidmatannya pun tidak berkualiti.

Jadi, persoalan saya adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan suatu dasar ataupun tatacara penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah ini yang lebih proaktif di mana penyelenggaraan, penggantian, pemuliharaan dilakukan secara berjadual dan bersepadu ataupun berpusat? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Jawapan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu: *Alhamdulillah*, Tuan Yang di-Pertua. Elemen penyelenggaraan ini sebenarnya merupakan satu perkara yang perlu diberikan perhatian dalam pengurusan satu-satu skim perumahan berstrata selaras dengan hasrat Akta Pengurusan Strata 2013 ataupun Akta 757.

■1130

Perkara ini telah turut diperjelaskan di dalam akta serta berkait rapat dengan peranan dan fungsi Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan juga Perbadanan Pengurusan (MC) yang bertanggungjawab terhadap pengurusan perumahan strata khususnya kawasan bersama.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Puan Alice Lau Kiong Yieng) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor]: *[Bangun]*

Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu: Untuk makluman Dewan yang mulia, kerajaan juga sedang dalam tindakan meneliti dan menambah baik Akta 757 yang sedia ada dan akan turut meneliti cadangan memperkasa JMB dan MC yang telah disebutkan tadi, bagi memastikan pengurusan perumahan strata yang lebih efisien dan juga lestari. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, Dasar Perumahan Negara pada 2018 sehingga 2025, sedikit masa Tuan Yang di-Pertua, turut menitik beratkan elemen penyelenggaraan dalam pengurusan pemajuan satu-satu skim perumahan agar kekal lestari dan mewujudkan daya huni dan juga keselesaan yang lebih baik.

Yang Berhormat Shah Alam, KPKT amat prihatin dengan isu penyelenggaraan perumahan berstrata memandangkan industri perumahan kini yang semakin berkembang ke arah pemajuan berstrata adalah wajar. Kerajaan ini mengkaji keperluan penyediaan dasar khas berkaitan penyelenggaraan terutamanya bagi perumahan-perumahan kos rendah dan juga sederhana. Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi.

Walau bagaimanapun, dasar ini haruslah dilihat secara menyeluruh iaitu sama ada perumahan berstrata swasta awam yang dimiliki oleh pemilik perumahan berstrata awam ataupun sewaan seperti mana perumahan awam atau PPR yang disewa di bawah kawal selia KPKT dan kerajaan negeri.

Ini adalah kerana dasar bagi kedua-dua kategori ini adalah mempunyai pendekatan yang berbeza. Bagi perumahan berstrata swasta dan awam yang dimiliki, penyelenggaraan adalah dipertanggungjawabkan kepada pemilik petak dan memperkukuhkan JMB serta MC. Sekiranya JMB dan MC ini gagal dibentuk, maka Pesuruhjaya Bangunan boleh memberikan tanggungjawab penyelenggaraan secara berkelompok kepada ejen pengurusan yang dilantik. Tetapi, pelaksanaan ini juga perlu dikaji lanjut kerana supaya ia lebih praktikal dan memberi implikasi kewangan yang optimum sedikit. Manakala, bagi perumahan awam PPR...

Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Kalau masih panjang, sila bagi jawapan bertulis.

Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu: Sedikit sahaja. Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja. Satu perenggan sahaja. Manakala, perumahan awam PPR yang disewa merupakan stok aset kerajaan yang harus diselenggara secara berjadual. Maka, wajar ia dikaji kebolehlaksanaan penyelenggaraan ini secara berpusat kerana melalui satu entiti khas di bawah kerajaan sendiri. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Puan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Maran.

Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Pasir Mas.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Penyediaan peruntukan bagi mengatasi penyelenggaraan sebahagian daripada caranya. Sebenarnya banyak perkara lain yang boleh kita perhatikan. Apakah kerajaan atau kementerian mempunyai pendekatan yang lain bagi mengatasi masalah penyelenggaraan ini dan sejauh manakah kadar vandalisme berlaku di kawasan perumahan seperti ini yang menyebabkan kerosakan kepada perumahan kita dan sejauh mana peranan badan pengurusan dan juga penduduk yang terlibat di kawasan perumahan berkenaan. Terima kasih.

Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tak habis menjawab ini, mungkin saya akan bagikan jawapan bertulis sebab sedikit panjang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Strata 2013 atau Akta 757 telah pun menyediakan peruntukan mengenai tanggungjawab pemilik dan juga pembeli petak perumahan berstrata untuk membayar caj penyelenggaraan dan caruman kepada wang penjelas ataupun *sinking fund* kepada badan pengurusan dan bayaran ini adalah untuk penyelenggaraan dan pengurusan bangunan atau tanah yang dipecah bahagi dan harta bersama di dalam satu-satu bangunan ataupun satu-satu kawasan pemajuan.

Sekiranya bayaran ini gagal dijelaskan, penyelenggaraan bangunan dan pengurusan tidak akan dapat dilaksanakan secara cekap. Satu, benda itu masih juga terletak di bawah mereka. Walau bagaimanapun, KPKT sentiasa menekankan komitmen pembeli dan juga pemilik dan juga apa yang kita boleh lakukan lagi kepada menggalakkan JMB dan juga MC supaya boleh bekerja dengan lebih efektif, maka ada beberapa langkah jangka pendek dan juga jangka panjang yang telah kita tetapkan dan saya akan bagikan kepada Yang Berhormat secara bertulis. *Insya-Allah*. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Saya jemput Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid, Kuala Kangsar.

8. Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta Menteri Pengangkutan menyatakan kutipan hasil daripada tawaran bidaan Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) dan perincian inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kementerian dengan menggunakan hasil kutipan NPI sejak tahun 2018 sehingga 2023.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan keseluruhan dari jualan nombor pendaftaran kenderaan bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM311.8 juta. Ini adalah untuk keseluruhan. Bukan hanya untuk NPI sahaja. Penjualan Nombor Pendaftaran Istimewa ataupun NPI bermula pada tahun 2019. Manakala *bidding* melalui NPI bermula pada tahun 2023 dengan nombor siri 'M dash M' dan hasil jualan NPI siri 'M dash M' adalah sebanyak RM21 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2018 sehingga 2023 kesemua hasil kutipan jualan nombor pendaftaran kenderaan disalurkan kepada Kumpulan Wang Disatukan dan kementerian tidak menerima inisiatif dana daripada hasil penjualan nombor pendaftaran kenderaan tersebut. Ini kerana merupakan hasil yang disatukan dalam Akuan Hasil Disatukan.

Walaupun, bagi tahun 2024 sepertimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2024,

sebahagian daripada penjualan nombor pendaftaran istimewa akan disalurkan kepada golongan kurang berkemampuan iaitu:

- (i) kerajaan bersetuju untuk terus menanggung bayaran ujian memandu bagi lesen motosikal Kelas B2, *e-hailing* dan teksi yang akan memberi manfaat kepada lebih 40,000 belia daripada keluarga yang kurang berkemampuan;
- (ii) sebanyak 100,000 topi keledar termasuk topi keledar kanak-kanak dapat dibekalkan dan diagih secara percuma kepada keluarga kurang mampu;
- (iii) ikhtiar FlySiswa akan diteruskan untuk manfaat hampir 60,000 pelajar daripada keluarga kurang mampu terutama di wilayah Sabah, Sarawak dan Labuan; dan
- (iv) inisiatif pembiayaan PERKESO kepada 50,000 pemandu teksi, kereta sewa dan pemandu bas sekolah.

Untuk inisiatif pembiayaan PERKESO ini telah pun kita laksanakan dan saya telah umumkan pada minggu yang lalu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini kita telah memperkenalkan Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) ini yang bersiri GOLD. Jumlah kutipan untuk siri GOLD ini RM17 juta, untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Seperti yang telah pun diketahui, 'GOLD 1' itu telah pun dibida dan saya yang bagi pihak Kementerian Pengangkutan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana telah pun membayar RM1.5 juta untuk nombor siri 'GOLD 1'. *[Tepuk]* Menyumbang kepada hasil kerajaan dan separuh daripada hasil itu dikembalikan kepada Kementerian Pengangkutan untuk kita melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah saya nyatakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Kuala Kangsar.

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat, syabas saya ucapkan kepada kementerian atas inisiatif yang dilaksanakan hasil bidaan nombor pendaftaran ini. Namun begitu, ramai juga dalam kalangan dan pembida mengeluh akan sistem JPJeBid yang sering terganggu ketika bidaan dilakukan hingga menyebabkan pembayaran untuk bidaan tidak dapat dilakukan. Ada juga yang terlepas nombor bidaan kerana sistem yang kerap tersangkut, ekor trafik yang tinggi.

Jadi, soalan saya sejauh manakah kementerian berhasrat untuk menambah baik sistem JPJeBid ini agar sistem bidaan ini menjadi lebih telus dan lancar pada masa yang akan datang?

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Memang saya pun telah menerima banyak *feedback* daripada orang ramai berkenaan dengan masalah yang dihadapi dalam eBid ini. Namun begitu, saya nak bagi tahu bahawa yang pertamanya sistem JPJeBid ini telah pun meningkatkan hasil kerajaan.

Daripada tahun 2019, kita memperkenalkan eBid ini, hasil daripada nombor-nombor pendaftaran ini telah pun meningkat berlipat empat kali ganda. Hampir lima kali ganda daripada tahun pertama kita melaksanakan JPJeBid, hasil hanya RM61 juta. Sehingga seperti yang saya katakan 2023, lebih RM300 juta hasil daripada JPJeBid.

Maksudnya, sistem ini lebih telus. Sistem ini dapat menjana lebih banyak hasil kepada kerajaan. Ini tidak dapat dipertikaikan. Namun begitu, kita tahu bahawa ada kekangan, ada kelemahan kerana secara kelazimannya ramai orang akan masuk untuk meningkatkan harga mereka, *bid* mereka pada 15 ataupun 30 minit terakhir sebelum kita tutup. Jadi, apa yang telah dilakukan ialah kita tambah *bandwidth* untuk pastikan kemasukan trafik ini dapat kita tampung. Kedua, ada juga masalah-masalah kadangkala apabila seseorang itu masukkan *bid* mereka sebab *bid* ini menggunakan kad kredit. Kadangkala, pemunya kad kredit itu, kredit itu belum diluluskan oleh pihak bank.

Jadi, ia tidak boleh diproses oleh pihak JPJ kerana kredit itu belum diluluskan oleh pihak bank. Kadangkala mungkin amaunnya lebih besar dan sebagainya. Jadi, apa pun

kita tahu bahawa ada sedikit kelemahan yang perlu kita tambah baik dan kita akan pastikan supaya JPJeBid ini dapat kita jana lebih banyak hasil untuk kerajaan. Terima kasih.

■1140

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Timbalan Speaker. Soalan tambahan saya kepada Menteri ialah berkaitan dengan nombor pendaftaran di mana kita lihat kebelakangan ini mereka ada jual nombor pendaftaran ini di *social media*. Kita dapati ada *scammer* ya, di mana mereka kata mereka ada nombor, mereka jual tetapi apabila yang nak beli, mereka dah bayar hilang begitu, ada mangsa.

Jadi, adakah JPJ bersedia untuk membantu untuk mengatasi masalah ini dengan menyediakan satu platform yang rasmi supaya memberi ruang kepada mereka yang benar-benar nak jual nombor daftar itu melalui JPJ. JPJ melalui penjualan itu, mendapat sedikit hasil daripada penjualan tersebut dan kita dapat mengatasi masalah penipuan ini. Terima kasih, Timbalan Speaker.

Tuan Loke Siew Fook: Pertamanya Puan Yang di-Pertua, kita tidak menggalakkan penjualan-penjualan nombor-nombor ini. Nombor pendaftaran ini didaftarkan oleh JPJ. Jadi, sesiapa nak beli nombor, sepatutnya *bid* daripada JPJ. Tetapi apa yang berlaku, kita tahu ada bahawa agen-agen, ada *third party* ini mereka *bid* dulu nombor-nombor itu tapi mereka tidak mendaftarkan dalam kenderaan dulu sebab kita ada bagi tempoh enam bulan ataupun mereka daftar hanya dalam motor.

Ini disebabkan mereka hendak jual nombor-nombor itu lebih— harga dengan lebih tinggi kepada orang yang mungkin berminat. Jadi, ini merupakan satu perdagangan nombor-nombor plat. Jadi, kita tidak boleh yang pertamanya, setakat ini memang dalam peraturan yang sedia ada, memang ada *loopholes* tersebut. Jadi, bukan bidang tugas kita dan bukannya kerja kita untuk menjadi platform kepada orang yang nak berdagang nombor plat ini. Jadi, ini sesuatu yang saya rasa agak sukar untuk kita laksanakan.

Keduanya, kita nak beritahu kepada orang ramai, kalau nak *bid*, *bid* melalui JPJeBid. *Bid* melalui sistem yang telah pun dilaksanakan oleh kerajaan bukannya melalui *third party*. Jadi, kesedaran itu sangat penting sebab kita nak supaya hasil itu masuk dalam hasil kerajaan. Hasil kerajaan apabila kita masuk bukannya hasil kepada Menteri. Hasil kepada kerajaan kita gunakan untuk membantu rakyat. Lebih banyak inisiatif.

Jadi, kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Kota Melaka, saya tahu mungkin Melaka ramai orang yang minat nombor ini orang-orang kaya, biarlah mereka ini berikan hasil ini, sumbangan ini kepada kerajaan supaya tingkatkan hasil kerajaan, kita boleh buat lebih banyak. Boleh bagi lesen percuma lebih banyak, boleh buat *FlySiswa*. Ahli Parlimen Beluran dia selalu kata tiket kapal terbang, kalau hasil tambah kita bagilah lebih banyak inisiatif kepada belia-belia dan orang-orang muda daripada Sabah, Sarawak.

Jadi, saya amat berharap supaya Ahli Yang Berhormat dapat memberikan kesedaran ini kepada orang ramai supaya jangan terperangkap dengan *scam* ini. Memang saya tahu banyak *scam*. Bukan sahaja nombor pendaftaran, Ahli Yang Berhormat. Lesen, ada orang kata tak payah pergi ambil ujian, dapat lesen. Ini semua *scammer*. Ya, nanti dia sudah bayar tak dapat lesen, dia kata ini salah Menteri Pengangkutan pula.

Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat bantu bagi kesedaran dan juga saya berharap juga Kementerian Komunikasi yang telah pun banyak membuat kempen ini supaya menghindarkan aktiviti-aktiviti *scammer* ini supaya kita sama-sama lawan *scammer* ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Soalan nombor sembilan, Yang Berhormat Mas Gading tiada dalam Dewan. Jadi, saya jemput Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas, Mersing.

[Soalan No. 9 – YB. Tuan Mordi anak Bimol (Mas Gading) tidak hadir]

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 10.

10. Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta Menteri Digital menyatakan sejauh manakah tindakan Kementerian mewujudkan persekitaran siber yang selamat, boleh dipercayai dan berdaya tahan selain mengekang insiden pencerobohan pangkalan data kerajaan dan kebocoran maklumat orang awam oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Menteri Digital [Datuk Ugak Anak Kumbong]: Terima kasih Puan Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya dari Mersing.

CyberSecurity Malaysia telah mengambil langkah memperkenalkan perlindungan terhadap keselamatan ekosistem ruang siber melalui Program Pemerkasaan Keselamatan Siber yang lebih dikenali sebagai SIBERKASA. SIBERKASA yang telah dilancar pada 23 Mac 2021 bertujuan untuk membangun, memperkasa, melestari dan mengukuhkan prasarana dan ekosistem keselamatan siber Malaysia agar sentiasa mampan, terpelihara dan berdaya tahan.

SIBERKASA adalah pendekatan secara holistik yang merangkumi tiga komponen utama keselamatan siber adalah insan (*the people's*), proses dan teknologi. Program ini mengandungi lebih dari 40 produk perkhidmatan keselamatan siber yang dibangunkan oleh CyberSecurity Malaysia untuk menangani ancaman dan serangan siber.

Yang Berhormat, bagi memperkukuhkan ekosistem keselamatan siber, kerajaan akan membentangkan Rang Undang-undang Keselamatan Siber dalam mewujudkan persekitaran siber yang selamat di mana rang undang-undang ini memperuntukkan kuasa penyelesaian dan juga penguatkuasaan undang-undang berkaitan keselamatan siber yang akan dikuatkuasakan oleh Agensi Keselamatan Siber Negara (NASA) di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Timbalan Yang di-Pertua, antara pendekatan yang boleh diambil bagi mengekang insiden pencerobohan pangkalan data kerajaan dan kebocoran maklumat orang awam oleh pihak yang tidak bertanggungjawab adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan pengujian keselamatan dan pengukuhan secara berkala berdasarkan prinsip kerahsiaan (*integrity*) dan juga kesediaan ataupun *ability* sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pekeliling yang berkuat kuasa serta amalan terbaik keselamatan aset ICT;
- (ii) memastikan elemen perlindungan keselamatan aset ICT diambil kira semasa penilaian jawatankuasa teknikal ICT sektor awam sebelum sesuatu projek ICT diluluskan; dan
- (iii) melaksanakan perlindungan keselamatan dan data menggunakan kaedah penyulitan data yang ditetapkan oleh kerajaan dan melaksanakan pensijilan ISO, *information security management system (ISMS)* bagi memastikan pembudayaan keselamatan ICT.

Selain daripada itu Yang Berhormat, kerajaan juga melaksanakan latihan Pegawai Perlindungan Berdaftar (DPO) kepada penjawat awam dan swasta di mana DPO bertanggungjawab memastikan organisasi mereka mematuhi undang-undang, peraturan dan amalan terbaik berkaitan dengan perlindungan data peribadi. DPO juga bertanggungjawab mengkaji dasar dan amalan perlindungan data organisasi secara berkala, menawarkan panduan perlindungan data dan sokongan serta melaksanakan proses bagi mengurangkan risiko organisasi selain memastikan pematuhan kepada PDPA, Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Mersing.

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya.

Apakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan undang-undang baharu berkaitan dengan keselamatan siber bagi membendung ancaman-ancaman dan serangan jenayah siber seperti *scammer* yang kerap diperkatakan pada hari ini. Terima kasih.

Datuk Ugak Anak Kumbong: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Mersing. Kita sentiasa mengadakan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi bagi memperkukuhkan ekosistem keselamatan siber melalui perundangan, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datuk Ugak Anak Kumbong: Sehubungan dengan itu, kerajaan akan membentangkan rang undang-undang seperti mana yang saya katakan tadi keselamatan siber dalam masa terdekat ini Yang Berhormat, di mana rang undang-undang ini memperuntukkan kuasa kawal selia, penguat kuasa undang-undang berkaitan dengan keselamatan siber secara menyeluruh yang akan dikuatkuasakan oleh Agensi Keselamatan Siber Negara atau NASA. Usaha ini sejajar dengan hasrat yang termaktub dalam Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) ke-26, Pengurusan Keselamatan Siber Negara dan Strategi Keselamatan Siber Malaysia atau *Malaysian Strategic Cybersecurity Malaysia (MSCM)*.

Jadi, perkara ini akan dianggotai oleh Jawatankuasa Kerja Cadangan Penggubalan Undang-undang Baharu Berkaitan Dengan Kemudaran Jenayah Dalam Talian yang akan dipengerusikan nanti oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) dan juga Menteri Digital dan Menteri Komunikasi. Inisiatif cadangan penggubalan undang-undang ini barulah menangani isu berkaitan jenayah siber termasuklah ... [Tidak jelas] kegiatan perlindungan dalam talian yang semakin berleluasa selain mencerminkan keprihatinan Kerajaan Perpaduan dalam memastikan keselamatan rakyat di alam siber tidak terancam lagi Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Igan.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Terima kasih Timbalan Puan Yang di-Pertua. Ramai berminat soalan tambahan ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri sahabat saya. Sejak akhir-akhir ini, kita banyak mendengar mengenai pencerobohan keselamatan siber sering berlaku di negara kita ini dan ini amat menyebabkan rakyat ragu-ragu. Ada yang marah dengan keselamatan data-data peribadi mereka. Contohnya, saya merujuk khusus kepada serangan siber yang didalangi oleh kumpulan ROOTK1T yang tersebar di media sosial.

■1150

Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sejauh manakah pemantauan ataupun strategi-strategi kerajaan terhadap operasi perdagangan jual beli data di laman web gelap ini? Apakah kejayaan kerajaan dalam menggagalkan cubaan penjualan data peribadi di pasaran gelap ini yang semakin berleluasa oleh *hackers* yang tidak bertanggungjawab ini? Terima kasih.

Datuk Ugak anak Kumbong: Terima kasih sahabat saya Igan yang amat prihatin. Yang Berhormat, untuk makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kesedaran adalah perkara yang amat penting untuk memberi kepada orang awam mengenai data peribadi dan sebagainya.

Selain daripada itu, kita ada program seperti *CyberSAFE Awareness Talk* dan juga kita ada Jelajah Anti-Scam Kebangsaan dan juga kita mempunyai drama kisah benar Cyber999 dan juga kita ada mempunyai Hari Keselamatan Internet atau *Safer Internet Day*.

Untuk menjawab soalan kawan saya atau rakan saya atau sahabat saya Igan, kementerian melalui CyberSecurity Malaysia sentiasa memantau secara dekat ancaman yang didalangi kumpulan R00TK1T ini. Terkini, CSM mendapatkan terdapat 70 *postings* yang dihantar oleh mereka. Hasil analisis yang dibuat oleh CSM, terdapat 38 insiden yang melibatkan keselamatan siber. Oleh kerana perkara ini melibatkan keselamatan negara, Yang Berhormat, CSM telah memanjangkan laporan kepada Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) untuk tindakan selanjutnya. Terima kasih, Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Saya jemput Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh, Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Ledang nombor 11.

11. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan laporan perkembangan terkini inisiatif Program Podium Sukan Elit (Program Podium) dan perancangan masa hadapan untuk menambah baik prestasi dan sasaran program.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Adam Adli Abd Halim]: Tuan Yang di-Pertua, Program Podium yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara melibatkan seramai 472 orang atlet termasuk 81 atlet para merentasi 33 jenis sukan. Semua atlet ini menjalani latihan secara sepenuh masa dan berfasa di bawah kendalian jurulatih yang berpengalaman. Atlet-atlet ini sedang menyertai kejohanan tempatan dan antarabangsa ke arah menghadapi temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik Paris 2024, persiapan ke Sukan SEA atau Para ASEAN Thailand 2025, Sukan Asia dan Para Asia 2026 serta Sukan Komanwel 2026.

Bagi memastikan program ini terus relevan dan berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan, pelbagai inisiatif baharu telah pun digariskan. Antara lainnya ialah—

Pertama, proses pemilihan atlet diperketat dengan penetapan kriteria pemilihan berdasarkan pada pencapaian atlet dalam temasya-temasya sukan utama bagi memastikan atlet yang berkecuali sahaja berada di dalam Program Podium ini.

Kedua, penetapan petunjuk prestasi utama (KPI) kepada setiap atlet.

Ketiga, memperkenalkan Skim Kontrak Penggajian Atlet (SKPA) bagi menggantikan Skim Elaun Latihan Kebangsaan mulai Januari 2024. Menerusi skim baharu ini, kadar asas penggajian atlet telah pun kita naikan daripada RM800 sebulan kepada RM1,500 sebulan. Di samping itu, skim ini juga turut melaksanakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan juga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk para atlet kita.

Keempat, pelarasan Skim Pekerjaan Jurulatih Kebangsaan bagi menggantikan Skim Gaji dan Elaun Jurulatih mulai Januari 2024 yang mana memberi peningkatan pendapatan kepada jurulatih yang berada di bawah program kendalian MSM. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Sebelum saya ajukan soalan tambahan, izinkan saya untuk ucapkan tahniah kepada beregu lelaki badminton negara, Aaron Chia dan Soh Wooi Yik. *[Tepuk]* Kejayaan mereka menjadi naib juara di Kejohanan Badminton All England baru-baru ini. Kita harapkan juara tapi naib juara pun baik juga.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita ingin— saya terutamanya, ingin melihat apakah cara atau mekanisme KBS dalam menentukan kategori sukan yang dibangunkan di bawah Program Podium. Apa mekanismenya? Apakah keberkesanan program *Road to Gold* terhadap Program Podium terutama dalam keadaan di mana Olimpik Paris tinggal hanya lebih kurang empat bulan sahaja pada Julai tahun ini? Terima kasih.

Tuan Adam Adli Abd Halim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Program Podium ini kita lancarkan pada 2 Februari 2016 dengan objektif untuk mencapai pingat emas pertama Malaysia di temasya Sukan Olimpik Tokyo pada tahun 2020. Program ini merupakan antara lapan inisiatif rangka kerja prestasi tinggi yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk mempersiapkan atlet elit kebangsaan dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan sukan negara.

Maka, Program Podium menyenaraikan sukan-sukan yang kita kategorikan sebagai sukan teras. Antara kriteria yang disenaraikan di bawah Program Podium, antara lain adalah:-

- (i) sukan yang mempunyai pembangunan di peringkat akar umbi;
- (ii) sukan yang sering dipertandingkan di temasya-temasya sukan;
- (iii) sukan yang menyumbangkan pingat di temasya-temasya; dan
- (iv) sukan yang dimainkan oleh banyak negara.

Jadi, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, MSM sentiasa membantu, antara lainnya, kalau misalannya sukan *floorball*, di bawah program ataupun di bawah peruntukan Program Podium latihan berfasa, jika sukan ini disenaraikan dalam temasya sukan seperti contohnya Sukan SEA. Sebagai rekod, MSM juga pernah membantu persiapan pasukan *floorball* lelaki dan wanita di temasya Sukan SEA *Philippines* 2019 dan juga *Cambodia* 2023 di mana pasukan kita konsisten menang pingat gangsa dalam kategori lelaki dan wanita.

Jadi, untuk memastikan program-program ini terus relevan untuk matlamat yang ditetapkan, pemilihan atlet di bawah Program Podium itu telah kita perketatkan dengan penetapan kriteria-kriteria pemilihan berdasarkan pada pencapaian atlet dalam temasya-temasya sukan yang lain.

Kedua adalah RTG ataupun *Road to Gold*. *Road to Gold* ini adalah sebuah inisiatif atau projek yang kita tubuhkan pada tahun lepas, tahun 2023, bertujuan untuk memberi fokus kepada aspek sokongan tambahan yang berbentuk *top up* dalam bentuk elaun, latihan, pendedahan pertandingan dan juga khidmat sokongan serta perubatan dan servis-servis lain sains sukan. Ini adalah untuk atlet-atlet yang terpilih dalam program RTG bagi persediaan ke arah temasya Sukan Olimpik sama ada untuk Paris 2024 mahupun LA 2028.

Kita sekarang sedang meneliti lagi dari semasa ke semasa senarai-senarai yang boleh kita angkat dalam program RTG. Ada juga yang kita *prepare* untuk 2028, bukan hanya untuk 2024. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Indera Mahkota.

Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah [Indera Mahkota]: Terima kasih. Yang Berhormat sebut soal latihan. Saya ada sedikit kerisauan. Dari segi penggunaan dana untuk latihan, sejauh mana KBS menggunakan dana untuk latihan yang lebih saintifik menggunakan teknologi sains sukan? Sebagai contohnya, *performance tracking and analysis* di mana kita boleh tahu setiap atlet itu *performance*-nya.

Saya bagi contoh sukan yang saya tahu. Saya bekas pemain dan bekas jurulatih bola keranjang. Saya nak tahu *player* saya itu dia punya *point guard* dengan dia punya *shooting guard* itu, dia main kanan dengan main kiri itu, *right or left* itu, ada masanya bergantung kepada benda-benda yang—kalau ikut dia, dia suka main kanan, dia suka main kiri, tapi *coach* yang ada analisis yang baik boleh tahu bagaimana dan di mana dia boleh buat *shooting* yang dia suka. Ada masa dia suka *shooting* dia, dia punya *jump shot* itu dia suka, dia buat merata tempat tapi sebenarnya dia terbaik dalam zon tertentu.

Jadi, ini saya nampak belum berlaku dan saya minta sangat tumpuan dana diberi kepada benda-benda begini. Ini yang mungkin Ledang boleh membezakan naib juara dengan juara itu. Spesifik nak *drop shot* itu dekat mana dan sebagainya. Terima kasih. [Tepuk]

Tuan Adam Adli Abd Halim: Terima kasih, Indera Mahkota. Sangat teknikal. Dalam isu ini, kita ambil sebagai satu pandangan dan juga sebagai satu *booster* kepada bagaimana untuk kita memperuntukkan lebih banyak dana terutama sekali kepada Institut Sukan Negara (ISN) yang mana Institut Sukan Negara ini memang adalah institut yang memberi tumpuan khusus. Contohnya, Program Podium yang wujud dahulu 2016 itu pun asalnya daripada ISN. Mereka ada kepakaran-kepakaran sains sukan.

Dalam masa yang sama, kita juga melakukan kerjasama yang erat ataupun baik dengan beberapa institusi pendidikan tinggi awam terutama sekali untuk memberi tumpuan kepada elemen pembangunan sains sukan selain daripada ISN.

■1200

Kita terbuka kepada mana-mana pandangan yang membawa kepada kebaikan dan kemajuan *our sports development*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Saya jemput Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Soalan nombor 12.

12. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Luar Negeri menyatakan senarai perjanjian persempadanan maritim yang telah ditandatangani oleh kerajaan sehingga kini, serta apakah tindakan susulan yang diambil oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Mohamad bin Alamin]: *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Puan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Beluran di atas pertanyaan yang dikemukakan. Kerajaan Malaysia telah menandatangani sembilan Perjanjian Persempadanan Maritim dengan pelbagai negara-negara jiran. Untuk makluman, yang terbaru pihak kerajaan telah berjaya memeterai dua *treaty* persempadanan maritim bersama negara Republik Indonesia iaitu *treaty* antara Malaysia dengan Republik Indonesia yang berhubungan dengan persempadanan laut wilayah kedua-dua negara di kawasan paling selatan Selat Melaka, yakni *Treaty* Selat Melaka dan *treaty* antara Malaysia dengan Republik Indonesia yang berhubungan dengan persempadanan laut wilayah kedua-dua negara di Laut Sulawesi, yakni *Treaty* Laut Sulawesi. Kedua-dua *treaty* ini telah ditandatangani pada 8 Jun 2023 di Seri Perdana, Putrajaya.

Ingin saya maklumkan bahawa kesemua perjanjian-perjanjian atau *treaty*, *treaty* ini sedang dikuatkuasakan dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Ingin juga saya tekankan bahawa kerajaan tidak pernah dan tidak akan sekali-kali mengambil ringan dalam membuat sebarang keputusan yang melibatkan isu kedaulatan Malaysia, termasuk isu berhubung persempadanan maritim negara. Kerajaan akan sentiasa memastikan bahawa setiap keputusan yang dibuat dan dipersetujui tidak akan menjejaskan kedaulatan dan kepentingan negara. Kerajaan juga tidak akan berganjak atau berkompromi dalam isu ini.

Puan Yang di-Pertua, langkah pemeteraian sesebuah perjanjian persempadanan maritim ini hanya akan dipersetujui setelah mengambil kira elemen-elemen penyelesaian yang dapat dicapai secara bersesama dengan sesebuah negara menggunakan prinsip-prinsip pembatasan sempadan maritim berdasarkan justifikasi perundangan dan teknikal yang kukuh bagi menyelesaikan isu-isu pembatasan sempadan maritim. Pada masa yang sama, bagi menyelesaikan isu persempadanan Malaysia yang tertunggak bersama negara-negara lain, pihak kerajaan akan terus kekal komited dalam melaksanakan rundingan bersama dengan negara-negara yang terlibat ini, dengan tujuan untuk menghasilkan penyelesaian yang dapat diterima oleh kedua-dua pihak atau, dengan izin, *win-win solution*.

Hal ini penting bagi memastikan bukan sahaja kedaulatan negara terjamin, malah hubungan diplomatik antara Malaysia dan negara-negara tersebut juga boleh kekal terpelihara. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soal *treaty* Laut Sulawesi, isu dokumen ini diminta untuk dinyahklasifikasikan. Namun, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri pada bulan September yang lalu, ia perlu diratifikasikan oleh kedua-dua Parlimen. Apa usaha lanjut yang sedang dilakukan oleh kedua-dua negara berhubung dengan penyahklasifikasikan dokumen *Treaty* Laut Sulawesi yang ditandatangani pada bulan Jun yang lalu? Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Posisinya tetap sama Yang Berhormat, bahawa kita belum dapat menyahklasifikasikan dokumen itu

pada waktu ini sehingga proses ratifikasi dibuat oleh negara Indonesia di Parlimen mereka. Jadi, selagi mana belum dapat diratifikasikan di Parlimen Indonesia, kita tidak boleh dedahkan atau menyahklasifikasikan dokumen yang dimaksudkan. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.04 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson]: Puan Yang di-Pertua,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mencadangkan Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari. Terima kasih”.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEKEBALAN BIDANG KUASA NEGARA ASING 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[18 Mac 2024]**

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya bangun di bawah 18(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Masih dalam pertimbangan Tan Sri Speaker.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tetapi saya sudah hantar 24 jam.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tunggu keputusan.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, sebenarnya perjanjiannya kalau 24 jam, saya boleh mengemukakan tajuk, tajuk sahaja. Tajuknya ialah Permohonan Membawa Usul Membincangkan Sokongan Kerajaan Dalam Membantu Permasalahan Olahraga di Malaysia. Cukup, tidak lawan apa lagi sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Okey, terima kasih. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menyambung menjawab.

12.06 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato’ Sri Azalina Othman Said]: *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Jadi, semalam kita berhenti di 5.36. Jadi, saya sambung hari ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum saya mula menjawab isu yang telah dibangkitkan, saya ingin menekankan bahawa rang undang-undang ini yang telah dibacakan buat kali yang pertama pada tahun dahulu iaitu 29 November 2023.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan, Yang Berhormat. Penjelasan tertangguh semalam.

Dato’ Sri Azalina Othman Said: Maka, tidak terbangkitlah bahawa isu...

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

Dato’ Sri Azalina Othman Said: Bahawa isu Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk meneliti rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini digubal oleh kerajaan untuk melindungi kekebalan negara dengan mengkanunkan Undang-undang Adat Antarabangsa, menambah baik prosedur dan amalan sedia ada dan amalan terbaik antarabangsa. Rang undang-undang ini juga memperuntukkan secara jelas konsep layanan salingan, dengan izin, *reciprocity* yang akan dijamin. Hal ini demikian kerana apa-apa kekebalan yang diberikan kepada suatu negara asing boleh ditarik balik sekiranya ia tidak dibalas oleh negara asing tersebut.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta penjelasan, semalam. Semalam saya hendak minta penjelasan, selepas itu dihentikan. Saya minta sedikit sahaja, saya minta Yang Berhormat kalau boleh perbetulkan...

Dato’ Sri Azalina Othman Said: Tuan Speaker, saya hendak jawab. Biar saya jawab semua fasal ramai yang tanya soalan. Kemudian saya buka kepada soalan kalau

dia tidak puas hati. Sebab kalau tidak, sebelum saya jawab, dia tanya soalan, sampai 5.30 pun tidak habis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, ini kenyataan Yang Berhormat semalam. Yang Berhormat kata, kalau hendak peruntukan, sokong dahulu.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Biarlah saya, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Arau.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta kebenaran pada Speaker. Saya sudah jawab, biar saya hendak baca. Speaker setuju dengan saya kah, setuju dengan Yang Berhormat?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya tetapi saya hendak minta. Tidak bagi, tidak apa.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Tidak ada Yang Berhormat, *priority* ialah pada saya sebab *this is my floor*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak bagi, tidak apa. Yang Berhormat, tidak kata apa pun.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat, saya cakap tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat Arau, sila duduk.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Saya cakap tadi, hendak tanya boleh, selepas saya habis. Sabarlah Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak kejar apa? Biarlah saya selesaikan. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Arau, Arau ini buat kacau sahaja, bila PM masuk, Arau buat kacau.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat, saya ada 21 minit, bagilah peluang kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Hulu Langat. Hulu Langat pun janganlah kacau. Sila duduk.

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Tidak, dia kacau. Dia kacau, Speaker.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat Arau, sila duduk dahulu. Bagi Menteri untuk jawab, sila duduk. Bagi Menteri untuk menjawab.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Banyak lagi negara di dunia belum lagi menggubal undang-undang kekebalan seperti ini. Namun persoalannya ialah, tidak seharusnya menjadi petanda ukur bagi keperluan negara kita.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Menteri kata dia hendak jawab dahulu.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Pertama, kehilangan kedaulatan terhadap Batu Putih dan tuntutan oleh pihak yang mendakwa sebagai waris Sulu yang telah mengheret Kerajaan Malaysia untuk mempertahankan kedaulatan negara di empat bidang kuasa di dunia telah memberi pengajaran yang cukup besar kepada kita tentang keperluan akta ini.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat, mencelah. Penting, penting, Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Perkara ini mewajarkan penggubalan rang undang-undang ini sebagai langkah proaktif dan *preventive*.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Menteri, saya mohon laluan.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Tuan Speaker, saya sudah cakap, semalam...

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tidak apa, ini bukan mengganggu, membantu.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat, biarlah saya, ya. Saya ada 20 minit lebih untuk menjawab..

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tidak apa, sekejap sahaja.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Biar saya jawab.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tiga minit, tiga minit.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Tidak boleh, saya tidak bagi peluang kepada Arau, takkan saya hendak bagi peluang kepada Kota Bharu.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tidak apa, boleh minta tambah.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Arau itu lagi *senior* daripada Kota Bharu.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tidak apa.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Biarlah, saya sudah janji dekat Arau, selepas ini saya akan jawab tetapi biarlah saya habiskan, Kota Bharu. Sabar, kita ini puasa, sabar.

[Dewan riuh]

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Boleh puasa hari ini.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Terima kasih. Sekiranya negara kita telah mempunyai undang-undang kekebalan seperti ini dan sebelum ini. Kerajaan Malaysia dalam kes tuntutan Sulu tidak akan diheret ke mahkamah di empat bidang kuasa iaitu Sepanyol, Perancis, Belanda dan Luxembourg. Hal ini adalah kerana kita akan mempunyai asas perundangan yang lebih kukuh untuk menegaskan hak kekebalan negara di mahkamah-mahkamah yang berkaitan.

■1210

Saya akan menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Manfaat rang undang-undang ini untuk mempertahankan kedaulatan negara. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bayan Baru, Tumpat dan Putrajaya telah membangkitkan persoalan mengenai manfaat rang undang-undang ini dalam mempertahankan kedaulatan negara. Secara khususnya, bagaimana ia dapat mengelak tuntutan pihak lain seperti tuntutan pihak yang mendakwa waris Kesultanan Sulu pada masa hadapan.

Untuk menjawab persoalan ini, pihak-pihak luar boleh memfailkan tuntutan mereka kerana tiada undang-undang yang menghalang mereka untuk berbuat demikian. Namun di peringkat mahkamah di mana suatu tuntutan difailkan, rang undang-undang ini boleh digunakan untuk menegaskan kedudukan Malaysia mengenai kekebalan negara asing seperti mana yang diperuntukkan di bawah rang undang-undang ini.

Seperti yang saya jelaskan sebentar tadi, rang undang-undang ini juga memperuntukkan elemen layanan salingan dengan izin, *reciprocity* yang boleh digunakan untuk menarik balik apa-apa kekebalan sama ada semua atau mana-mana kekebalan yang berkaitan seperti mana yang diperuntukkan dalam fasal 30 rang undang-undang sekiranya mahkamah bidang kuasa lain tidak melayan permohonan kekebalan di hadapannya. Ini adalah kerana Malaysia kini akan mempunyai undang-undang domestik yang telah dikanunkan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, United Kingdom memperuntukkan kekebalan negara asing melalui *State Immunity Act 1978* manakala Singapura pula memperuntukkan kekebalan negara asing melalui *State Immunity Act 1979* yang mirip

dengan perundangan kekebalan di United Kingdom. Secara amnya, kedua-dua perundangan di negara tersebut mengamalkan...

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Berkaitan dengan Singapura, Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Othman Said: ...prinsip doktrin *restrictive immunity* dengan memperuntukkan beberapa had kekebalan utama negara.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat, berkaitan dengan apa Yang Berhormat sebut, akta yang sama di *Singapore*...

Dato' Sri Azalina Othman Said: Kanada juga mengamalkan *doctrine restrictive immunity* melalui *State Immunity Act 1985*. Ini bermaksud ...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Othman Said: ...rang undang-undang ini mengguna pakai pendekatan yang sama seperti yang diguna pakai dalam undang-undang kekebalan negara tersebut selain mengambil kira perkembangan undang-undang adat antarabangsa termasuklah dengan izin, *United Nations Convention on Jurisdictional Immunities of States and Their Property 2004*.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, Bayan Baru.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Tak boleh. Biar saya selesai ini 17 minit, lepas itu saya buka.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Tak ada masalah, saya tak lari ke mana. Saya akan selesai rang undang-undang ini. *Insyaa-Allah*. Sebelum penggubalan rang undang-undang ini, Malaysia tidak mempunyai undang-undang spesifik yang memperuntukkan mengenai kekebalan negara asing. Malaysia mengamalkan prinsip undang-undang adat antarabangsa, *customary international law*. Beberapa kes mahkamah Malaysia telah mengiktiraf prinsip kekebalan negara asing berdasarkan *customary international law*.

Sebelum ini Malaysia menggunakan doktrin dengan izin, *absolute immunity* apabila sesuatu negara asing mempunyai kekebalan mutlak daripada bidang kuasa mahkamah di Malaysia seperti yang diputuskan dalam kes Mighell lawan *Sultan of Johore* 1894 (1 Q.B). Walau bagaimanapun, berdasarkan kes *Commonwealth of Australia* lawan Midford (Malaysia) Sdn Bhd 1990, Malaysia telah mula menggunakan doktrin dengan izin, *restrictive immunity*.

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Tuan Speaker, peraturan.

Dato' Sri Azalina Othman Said: *Restrictive immunity* merupakan kekebalan terhad yang diberikan kepada aktiviti ...

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: 36(12).

Dato' Sri Azalina Othman Said: ...dan tindakan sesebuah kerajaan yang berdaulat dengan izin, *sovereign activities*...

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat, Peraturan Dewan 36(12).

Dato' Sri Azalina Othman Said: ...yang tidak termasuk tindakan yang bersifat komersial dengan izin ...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Othman Said: *acts of commercial niche*.

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Peraturan Dewan.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Peraturan yang mana Yang Berhormat?

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: 36(12).

Dato' Sri Azalina Othman Said: Iaitu?

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Saya sebut dah, okey. Patutnya yang tanya, Speaker bukan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Ye lah, sebab saya nak habiskan 15 minit lagi. Yang Berhormat Speaker, adakah jam minit ini akan diberhentikan sebentar?

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ya.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Supaya dia boleh tanya Peraturan Mesyuarat. Silakan bertanya.

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Petang semalam, Yang Berhormat Menteri ada menyebut kalau, ini satu perkara yang saya *interpret* dengan izin, sebagai satu yang mengelirukan Dewan iaitu Yang Berhormat Menteri sebut kalau hendak peruntukan, sila sokong kamilah. Apakah ini pendirian Yang Berhormat Tambun juga bila disebut oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang semalam? Kalau hendak peruntukan, sila sokong. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Apa kena mengena ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Saya rasa ini tidak berkaitan dengan topik sekarang.

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Tak, kita nak pastikan. Kita nak jawapan pastikan...

Dato' Sri Azalina Othman Said: Dengan izin, tak payahlah. Pendang, cukuplah Yang Berhormat Pendang.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Jangan buang masa.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Pendang, biarlah saya selesai.

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: ...adakah ini pendirian Yang Berhormat Tambun.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Pendang, ini rang undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Jemput duduk. Sila duduk.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Pendang.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat Pendang.

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]: Eh Pendang, tak ada standardlah Pendang.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat Pendang, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan menggunakan Peraturan Mesyuarat 37(2) untuk tiada gangguan kepada jawapan Menteri.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat]: Betul, Tuan Speaker.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Malaysia akan mempunyai undang-undang yang dikanunkan. Adalah diharapkan agar pertimbangan akan diberikan kepada Malaysia apabila mahkamah negara asing memutuskan sebarang tuntutan yang telah difailkan di hadapan mereka. Hal ini kerana Malaysia kini mempunyai undang-undang domestik yang memperuntukkan mengenai kekebalan kedaulatan untuk negara asing secara jelas dan nyata. Dalam erti kata lain, memang rang undang-undang ini akan bertindak sebagai perisai dengan izin, *shield* negara kita daripada tindakan oleh mana-mana pihak yang berniat jahat pada masa akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat Machang, Tumpat, Pasir Gudang, Pendang dan Putrajaya telah membangkitkan mengenai takrif negara asing yang diperuntukkan dalam fasal 4 rang undang-undang ini. Berdasarkan rang undang-undang ini, fasal 4 – negara asing ertinya mana-mana negara atau wilayah di luar Malaysia dan termasuklah suatu jabatan atau pelbagai organ kerajaan sesuatu negara asing, sesuatu unit anggota persekutuan negara asing atau sub bahagian politik negara asing itu dan agensi, badan atau entiti lain sesuatu negara asing yang ditubuhkan di bawah sesuatu undang-undang.

Tafsiran ini adalah selaras dengan *United Nations Convention on Jurisdictional Immunities of States and Their Property 2004* dan juga undang-undang kekebalan negara asing di negara-negara lain dengan penambahbaikan yang bersesuaian dengan konteks Malaysia termasuklah *State Immunity Act 1979* Singapura, *State Immunity Act 1985* Canada, *State Immunity Act 1978* United Kingdom, *Foreign State Immunity Act 1985* di Australia dan *Foreign State Immunity Act 2024* di China. Definisi negara asing adalah berdasarkan *International Customary Law* yang menghendaki negara itu memenuhi kriteria seperti berikut, '*permanent population a defined territory, a government dan a capacity to conduct international relations*'.

Bagi menjawab persoalan Ahli Yang Berhormat Pasir Gudang dan Arau, rang undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada negara asing termasuklah agensi negara asing iaitu atas kapasiti rasminya daripada bidang kuasa sivil mahkamah Malaysia.

Seterusnya fasal 2 rang undang-undang yang dicadangkan telah secara jelas mengecualikan pemakaian rang undang-undang ini bagi prosiding jenayah. Oleh itu, sekiranya agensi negara asing seperti CIA atau Mossad melakukan tindakan jenayah seperti mencederakan atau membunuh mana-mana orang awam di Malaysia, mereka tidak menikmati kekebalan di bawah rang undang-undang ini kerana kesalahan tersebut merupakan kesalahan jenayah. Tambahan pula, CIA dan Mossad tidak mempunyai bidang kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang negara mereka di Malaysia kerana undang-undang yang terpakai bagi orang awam di Malaysia tanpa mengira warganegara ialah undang-undang Malaysia.

Oleh yang demikian, tindakan CIA atau Mossad mencederakan atau membunuh mana-mana orang awam di Malaysia tidak boleh dikategorikan sebagai bertindak atas kapasiti rasmi. Maka, apa-apa tindakan bersifat jenayah oleh CIA atau Mossad adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia lain yang berkaitan termasuklah Kanun Keseksaan. Oleh itu, undang-undang jenayah Malaysia masih terpakai kepada mereka dan mereka tidak boleh terlepas daripada kuat kuasa undang-undang Malaysia.

Kemudian kuasa Perdana Menteri menarik balik kekebalan yang telah diberikan bawah fasal 30 kuasa untuk mengecualikan fasal 32 dan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan fasal 33. Ahli-ahli Yang Berhormat Machang, Putrajaya dan Tumpat telah membangkitkan berkenaan kuasa Perdana Menteri di bawah fasal rang undang-undang ini untuk menarik balik kekebalan yang telah diberikan melalui rang undang-undang ini.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat, saya nak menyentuh fasal ini.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Kejap, biar saya habis lepas itu memang saya buka. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana dalam fasal 5 rang undang-undang ini, kekebalan daripada bidang kuasa mahkamah diberikan kepada Ketua Negara, Ketua Kerajaan dan negara asing atas kapasiti rasminya. Namun, merujuk kepada fasal 30, 32 dan 33, kuasa Perdana Menteri adalah terhad untuk menarik balik, mengecualikan dan membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan kekebalan yang diberikan kepada negara asing sahaja tanpa menyentuh apa-apa kekebalan berhubung dengan Ketua Kerajaan atau Ketua Negara.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Boleh Yang Berhormat? Fasal itu.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Seterusnya, penarikan balik kekebalan yang telah diberikan kepada sesuatu negara asing merupakan satu tindak balas berbangkit

dengan izin, *consensual reactive action* sekiranya Malaysia tidak diberikan kekebalan yang setanding dengan kekebalan yang diberikan kepada negara asing tersebut.

Justeru, Perdana Menteri selaku Pengerusi Majlis Kekebalan Negara Asing yang dianggotai oleh 12 ahli-ahli anggota majlis yang lain telah diberikan mandat daripada segi undang-undang untuk mempertimbangkan dan memutuskan secara kolektif mengenai perkara ini dan bersifat teknikal dan operasi yang lebih sesuai dijalankan oleh pihak eksekutif. Oleh itu, ia bukan satu keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri secara bersendirian.

■1220

Sebagaimana yang telah saya maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini semalam, rang undang-undang ini juga telah pun dipersembahkan dan memperoleh perkenan Majlis Raja-Raja Melayu pada 25 dan 26 Oktober 2023 selaras dengan Fasal 5, Perkara 159 Perlembagaan Malaysia yang dibaca bersama dengan Fasal 4, Perkara 38. Sebagai perbandingan di United Kingdom, kekebalan ketua negara dengan izin, *head of state* diperuntukkan di bawah Seksyen 14 dan 20 *State Immunity Act* 1978. Seksyen 21 SIA 1978 di United Kingdom juga memperuntukkan bahawa sijil hanya diberikan oleh setiausaha negara yang setaraf dengan Ketua Setiausaha Negara kita menjadi bukti yang tidak boleh dipertikaikan antara lain sama ada orang itu dianggap sebagai ketua negara.

Adalah juga diperhatikan bahawa berdasarkan Seksyen 8 Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992, penarikan balik keistimewaan dan kekebalan daripada wakil ataupun dengan izin, *member of official staff of the representative* hanya dibuat oleh Menteri Luar Negeri. Buat masa ini, amalan semasa ialah perakuan negara berdaulat dikeluarkan secara pentadbiran oleh Kementerian Luar Negeri. Perkara ini juga telah dibincangkan dalam kes LFL Sdn. Bhd. melawan Kerajaan Malaysia & Another [2022] di mana sijil yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Malaysia pada 16 April 2020 dianggap sebagai bukti muktamad mengenai kekebalan Singapura sebagai negara berdaulat.

Rang Undang-undang ini juga tidak boleh disamakan dengan Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 yang antara lain memperuntukkan kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di bawah Seksyen 18 bagi pengisytiharan kawasan keselamatan dan menyekat hak-hak asasi rakyat yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan. Hal ini dalam demikian adalah kerana Akta 776 memperuntukkan tentang hal perkara keselamatan dan kedaulatan negara seperti mana dalam perenggan 4(a) yang memperincikan fungsi Majlis Keselamatan Negara berbanding dengan rang undang-undang ini yang memperuntukkan hanya tentang kekebalan bidang kausa negara asing yang melibatkan perkara pentadbiran dan operasi. Kedua-dua undang-undang digubal bagi maksud yang berbeza dan tidak boleh dilayan secara setara.

Sekali lagi ingin saya menekankan bahawa kuasa-kuasa Perdana Menteri yang diperuntukkan dalam Fasal 30, 32 dan 33 adalah satu perkara operasi dan pentadbiran yang telah ditambah baik berdasarkan amalan sedia ada selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Oleh itu berdasarkan penjelasan tadi, kegusaran mengenai penyalahgunaan kuasa oleh Perdana Menteri tidak berbangkit sama sekali.

Ahli-ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor telah membangkitkan persoalan sama ada kuasa Majlis Kekebalan Negara Asing mempunyai dengan izin, *force of law* bersifat *binding* dan boleh dicabar. Memetik Fasal 2, Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan, tafsiran undang-undang termasuklah undang-undang bertulis *common laws* setakat yang berkuat kuasa di dalam Persekutuan atau mana-mana sebahagiannya dan apa-apa adat atau kelaziman Perlembagaan Persekutuan yang mempunyai kuat kuasa undang-undang di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya.

Memandangkan Majlis Kekebalan Negara Asing ditubuhkan di bawah perundangan, maka apa-apa keputusan yang dibuat olehnya mempunyai kuasa-kuasa undang-undang dengan izin, *force of law*. Dalam hal ini, Fasal 22 rang undang-undang ini secara langsung memberikan kuat kuasa undang-undang kepada Majlis Kekebalan Negara Asing dengan penggunaan perkataan "*hendaklah mempunyai kuasa dengan izin*,

shall have power". Maka memandangkan ia dibuat di bawah peruntukan undang-undang, ia juga adalah mengikat dengan izin, *binding*.

Merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan Dr Michael Jeyakumar Devaraj melawan Peguam Negara Malaysia [2013], Raus Sharif PCA, *President Court of Appeal* pada masa tersebut menyatakan bahawa dengan izin, "*We have to take cognizant of the fact that government policies emanate after consideration of a number of technical factors which offer non-legal and judges do not possess the necessary information and expertise to evaluate this non-legal factors and to pass judgement on the appropriateness or adequacy of a particular policy*". Berdasarkan keputusan kes Mahkamah Persekutuan ini, apa-apa keputusan eksekutif atau melibatkan polisi kerajaan adalah dengan izin, tidak boleh diadili dengan izin, *non-justifiable* dan tidak boleh dicabar atau dipertikaikan di mahkamah. Namun, ia tidak menghalang mana-mana pihak untuk memfailkan tindakan di mahkamah. Sekiranya difailkan, ia boleh dipertahankan.

Kuorum Majlis yang terdiri daripada tujuh orang. Ahli Yang Berhormat Tumpat telah membangkitkan tentang kuorum Majlis yang terdiri daripada tujuh orang memandangkan anggota Majlis seramai 13 orang. Sekiranya dibandingkan dengan Majlis Keselamatan Negara, kuorum yang ditetapkan dalam Majlis Keselamatan Negara adalah lima orang berbanding dengan anggota Majlis Keselamatan Negara yang terdiri seramai tujuh orang. Dalam hal ini, perkara yang terlibat adalah dengan izin, secara *case-by-case basis* apabila terdapat permohonan daripada sesebuah negara asing itu sahaja. Secara lazimnya dari segi undang-undang, kuorum yang ditetapkan adalah separuh daripada jumlah seluruh anggota. Oleh itu, kuorum sebanyak tujuh orang anggota adalah sesuai dan teratur.

Ahli Yang Berhormat Bayan Baru telah bertanya mengenai pengecualian kerajaan daripada *investor-state dispute settlement (ISDS)*. ISDS adalah satu mekanisme penyelesaian pertikaian yang diperuntukkan dalam perjanjian perdagangan bebas seperti komprehensif dan progresif *agreement for Trans-Pacific Partnership* hasil daripada rundingan yang dipersetujui oleh pihak-pihak. Ia melibatkan prosiding timbang tara yang merupakan salah satu perkara yang dikecualikan daripada pemakaian rang undang-undang ini berdasarkan Bab III, Bahagian II rang undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor telah bertanyakan berkaitan dengan pemakaian rang undang-undang ini dengan kes The United States of America melawan Subramaniam a/l Letchimanan. Mengikut kes USA lawan L. Subramaniam, Mahkamah Persekutuan telah bersetuju bahawa bidang kuasa kes ini adalah di bawah Mahkamah Perusahaan. Rang undang-undang ini adalah selaras dengan keputusan kes ini kerana pengecualian telah diberikan kepada kontrak kerja seperti di bawah Fasal 9 rang undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Tumpat mencadangkan supaya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri wajib menghadiri setiap Majlis Kekebalan Negara Asing. Berdasarkan sub fasal 25(2), jika pengerusi iaitu Perdana Menteri tidak hadir dalam mesyuarat Majlis, pengerusi boleh melantik timbalan pengerusi, Timbalan Perdana Menteri untuk menggantikannya sebagai pengerusi mesyuarat atau dalam ketidakhadiran timbalan pengerusi sebagai pengerusi mesyuarat. Kedudukan kehadiran ini sama dengan peruntukan subseksyen 8(2) Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 [Akta 776]. Perkara ini digubal bagi memudahkan perjalanan dan pelaksanaan mesyuarat Majlis Kekebalan Negara Asing.

Dato' Mumtaz binti Md Nawī [Tumpat]: Yang Berhormat...

Dato' Sri Azalina Othman Said: Oleh itu, fasal yang dicadangkan ini adalah sama dengan kedudukan undang-undang yang sedia ada.

Dato' Mumtaz binti Md Nawī [Tumpat]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Ahli Yang Berhormat Bayan Baru telah mengutarakan persoalan sama ada rang undang-undang ini boleh mengelakkan sekatan, *sanction*. Berhubung dengan persoalan ini, rang undang-undang ini tidak akan memberikan kekebalan kepada negara kita terhadap apa-apa sekatan. Menurut sub fasal 8(1) rang undang-undang ini, satu negara asing tidak kebal daripada bidang kuasa

mahkamah dalam apa-apa prosiding yang timbul daripada transaksi komersial yang dijalankan oleh negara asing itu dengan mana-mana orang di Malaysia.

Sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab III, Bahagian II, negara asing tidak mempunyai kekebalan secara mutlak kerana ia tertakluk kepada hak kekebalan seperti berikut. Prosiding yang timbul daripada transaksi komersial, prosiding yang berhubungan dengan kontrak kerja, prosiding yang berhubungan dengan tuntutan kecederaan diri, prosiding yang berhubungan dengan penentuan hak terhadap harta, prosiding yang berhubungan dengan harta intelek, prosiding yang berhubungan dengan penyertaan dalam syarikat, prosiding yang berhubungan dengan kapal yang dimiliki atau dikendalikan oleh negara asing, prosiding yang berhubungan dengan mendapatkan balik cukai dan perjanjian mengenai timbang tara.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan rang undang-undang kekebalan ini mencerminkan usaha Malaysia dalam menegakkan hak dan kepentingan negara serta memastikan kedaulatan dan kekebalan Malaysia dilindungi dalam apa-apa prosiding di mahkamah. Penggubalan rang undang-undang ini sekali gus dapat mengkodifikasikan prinsip kekebalan negara asing selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa awam sebagai sebahagian daripada undang-undang Malaysia. Ya, saya buka untuk soalan-soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Saya bagi lima minit masa tambahan. Lima minit.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Bayan Baru. Tak apa.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat, okey. Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya di pihak kami pembangkang, mengatakan bahawa rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang berkaitan rapat dengan kedaulatan negara ataupun *sovereignty of the state*. Oleh sebab itu, perkara-perkara yang dimasukkan dalam rang undang-undang ini adalah cukup penting. Saya ingin menyentuh mengenai dua fasal iaitu Fasal 32 dan Fasal 33 yang telah disebut secara sepintas lalu oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

■1230

Fasal 32 tajuknya adalah kuasa untuk mengecualikan, *power to exempt*. Manakala Fasal 33, kuasa untuk membuat peraturan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai kedua-dua fasal ini yang dengan jelasnya menyatakan bahawa kuasa untuk mengecualikan dan juga kuasa untuk membuat peraturan diberikan kepada Perdana Menteri, *full stop*. Bukan Perdana Menteri dalam Majlis Kekebalan Negara Asing, bukan. Perdana Menteri.

Jadi dalam hal ini, saya merasakan bahawa ia nya agak berbeza dengan undang-undang di negara-negara lain yang terlebih awal di buat daripada kita di Malaysia. Saya ambil contoh United Kingdom ya. Ini adalah State Immunity Act 1978 dalam *Part 1: Proceedings in United Kingdom by or Against Other State*. Saya hendak menyebut seksyen 15 ya. Tajuknya adalah *restriction and extension of immunities and privileges*, dengan izin.

Saya ingin baca. “15 (1) if it appears to Her Majesty that the immunities and privileges conferred by this part of this act in relation on any state (a) exceed those accorded,” dan sebagainya. Yang penting di sini “Her Majesty may by order in council provide for restricting or as the case maybe extending those immunities.” Itu yang pertama. Maknanya yang mempunyai kuasa di United Kingdom dalam hal yang berkaitan dengan *restriction and extension* ini adalah *Her Majesty* ataupun *Queen* itu sendiri.

Kedua, saya ingin merujuk kepada *authority* daripada Australia. Sebuah negara Komanwel juga. Undang-undangnya bernama *Foreign States Immunities Act 1985* seksyen 42 tajuknya *restrictions and extensions of immunities and privileges – general*.

Subseksyen (1) “where the minister is satisfied that an immunity or privilege conferred by this act in relation to a foreign state is not accorded by the law of foreign state

in relation to Australia, the Governor-General..” not the Prime Minister, “the Governor-General may make regulation modifying the operation of this act with respect to those immunities and privileges in relation to the foreign state.” Subseksyen 2 pun menyebutkan perkara yang sama, *the Governor-General*. Maknanya bukan *Prime Minister*.

Ketiga, *Singapore*. Statutnya yang berbunyi *Statue of the Republic of Singapore, State Immunity Act 1979. Section 17* bertajuk “*restriction and extension of immunities and privileges. If it appears to the President..”, not the Prime Minister, “the President that the immunities and privileges conferred by Part 2 in relation to any state exceed those accorded by law of the state, the President may by order...” – the President, not even President in Council, the President, “may by order provide for restricting or extending those immunities and privileges to such extent as appears to the President to be appropriate.*

Persoalan saya, Fasal 32 dan 33 walau apa pun penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri menunjukkan bahawa ini adalah kalau tidak *absolute power, very wide power given to the Prime Minister*, kepada Perdana Menteri. Sedangkan dalam undang-undang di negara lain diberikan kepada *Her Majesty* ataupun *Governor-General* dan juga *President of the State, Head of the State*. Jadi persoalannya kenapa dalam undang-undang kita ini Perdana Menteri diberikan kuasa begini, tidak Yang di-Pertuan Agong. Sepatutnya *Head of the State* mempunyai kuasa untuk membuat peraturan dan juga mengecualikan perkara ini. *[Tepuk]*

Jadi, kami di pihak pembangkang minta satu penjelasan (*clarity*) dalam perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ada sesiapa hendak minta penjelasan lagi?

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Saya, Puan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ringkaskan.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Tadi Yang Berhormat Menteri kata kalau kita ada undang-undang ini dan negara lain ada undang-undang ini maka kalaulah berlaku lagi kes Sulu ini dia pergi dekat negara tersebut, maka ada *reciprocal* negara tersebut akan melindungi kita juga.

Memandangkan banyak negara masih lagi tak ada undang-undang ini, apakah kemungkinan mereka boleh— keadaan yang sama berlaku di negara-negara lain di seluruh dunia ini? Kalau berlaku dalam konteks itu, kita hanya *expose* diri kita untuk melindungi kita kononnya dengan beberapa negara sedangkan pada masa yang sama kita terbuka dalam konteks lain untuk sesiapa masuk melalui perundangan di negara-negara lain yang masih belum ada akta yang seperti mana disebutkan.

Jadi, sebab itu saya tanya semalam apakah jaminan kerana prinsip utama yang Menteri sebut semalam dengan adanya perkara ini tak berlaku lagi macam Sulu. Apakah jaminan tak akan berlaku lagi macam Sulu kerana bukan semua negara di dunia ini yang ada undang-undang ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Puan Speaker. Saya hendak tanya Menteri. Kita tahu bahawa dalam kes Sulu ini, Cohen ini dia pergi *forum shopping* di merata dunia untuk menjejaskan— menuntut apa yang hak kita dan juga kedaulatan kita.

Jadi, adakah rang undang-undang ini menentukan bahawa *future arbitration* atau *court cases* yang melibatkan kedaulatan negara kita diselesaikan di tanah Malaysia? Seperti apa yang berlaku di Sandakan Court pada tahun 1980, di mana waris Sulu pernah mendapatkan segala tuntutan itu melalui mahkamah di Malaysia. Tetapi kerana sekarang kita hendak nampak bahawa waris Sulu ini sekarang telah pergi merata dunia untuk menuntut, maka dia akan menjejaskan kedaulatan dan negara lain tidak tahu tentang keadaan kita.

Maka, adalah perlu bahawa rang undang-undang ini menetapkan bahawa segala *dispute* itu boleh di-*settle*-kan di Malaysia. Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya tanya semalam tidak di jawab iaitu tentang seksyen 3 iaitu peruntukan yang di buat ini tidak mengurangkan peruntukan yang sedia ada.

Jadi, peruntukan sedia ada ini memberi imuniti kepada negara dan juga agensi termasuk agen. Adakah saya tanya CIA, KGB, MI5, MI6, Mossad diberi imuniti ataupun tidak dengan menggunakan peraturan sekarang?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Saya ringkas sahaja, terima kasih. Sehubungan dengan apa yang di bawa oleh Kota Baharu, kebimbangan kami di pihak pembangkang tentang kuasa yang begitu luas Perdana Menteri. Kemungkinan besar, apa yang berlaku dalam isu Ambalat yang kuasanya sepenuhnya kepada Perdana Menteri sehingga sekarang kita Ahli Parlimen sama ada sebelah sana atau sini tidak tahu sebenarnya isi perjanjian tersebut, yang mana di Indonesia mereka meraikan kejayaan. Habis sini, kita tidak tahu apa isi oleh kerana kuasa yang begitu besar dan mutlak diberi kepada Perdana Menteri. Itu sahaja Speaker, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya sebenarnya telah menyatakan tadi ya. Pertama sekali cuba kita tengok rang undang-undang ini dalam aspek *preamble* dia ya. Satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kekebalan negara asing dan hartanya ketua negara dan ketua kerajaan asing daripada bidang kuasa mahkamah Malaysia. Hal keadaan bagi penepian kekebalan; hal kekebalan; penubuhan Majlis Kekebalan Negara Asing; penarikan balik kekebalan apabila tiada layanan salingan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya undang-undang ini adalah berkenaan dengan prosiding dalam negara kita. Saya mula dalam libat urus dan juga semalam saya menerangkan bahawa pada hari ini yang wujud dalam negara kita ialah *International Customary Law*. Saya sebut juga dalam pembentangan bahawa yang tadi pun saya sudah sebut bahawa pada hari ini apa yang berlaku ialah kalau mana-mana negara asing yang termasuk didefinisikan— yang saya sebut dalam undang-undang mendefinisikan dalam negara asing dalam Malaysia.

Setakat ini agensi yang bertanggungjawab ialah Kementerian Luar, di mana adalah *administrative procedure* untuk memberi— saya baca dalam Bahasa Inggeris ya. *“The administrative procedure for the issuance of certificate of sovereign state is by MOFA. Previously, the clarification is under Privileges and Immunities Division, Protocol Department of this ministry and the reproduce are as follows.*

Pertama. Certificate of recognition of sovereign state is only issued based on the request by a foreign state, which needs to specifically state the purpose and nature the use of the certificate. The request will be sent to the Bilateral Division. The desk will provide views on policy decision regarding the request.

Desk will sent the minute to the Foreign Minister regarding the request for consideration. The Foreign Minister agree and approve the request. The decision will be sent to the Department of Protocol and Consular. The Department of Protocol and Consular will prepare the issue certificate.

■1240

Jadi, *certificate* ini diguna secara pentadbiran untuk mahkamah. Rang undang-undang kita ialah dalam mewujudkan Majlis itu, kita meletakkan peranan lebih besar daripada hanya satu agensi sahaja iaitu Kementerian Luar. Itu sebab kalau kita tengok tentang kategori mereka dalam Majlis yang dipengerusikan.

Pertama sekali, saya kata fungsi Majlis dalam fasal 21. *“Majlis hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:*

- (a) *untuk menimbang teliti dan memutuskan semua perkara berkenaan dengan kekebalan negara asing yang timbul daripada pelaksanaan Akta ini;*
- (b) *untuk mengeluarkan dasar, garis panduan dan surat arahan kepada agensi Kerajaan bagi maksud akta ini;*
- (c) *untuk mengawasi pelaksanaan dasar, garis panduan dan surat arahan oleh agensi Kerajaan mengenai perkara yang berhubungan dengan pelaksanaan Akta ini; dan*
- (d) *untuk melakukan apa-apa perkara lain yang timbul atau berbangkit daripada fungsi Majlis di bawah akta ini yang konsisten dengan maksud akta ini.”*

Kuasa Majlis. Fasal 22 mengatakan “Majlis hendaklah mempunyai kuasa dan boleh melakukan segala perkara yang perlu bagi atau berkaitan dengan, atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah akta, termasuk untuk memperakui secara bertulis apa-apa fakta berhubungan dengan persoalan sama ada struktur negara, seseorang mengikut mana-mana yang berkenaan iaitu sesuatu negara asing, seseorang negara asing atau seseorang Ketua Kerajaan mengikut pengertian akta ini, untuk memperakui secara bertulis apa-apa perkara yang berhubungan dengan kekebalan negara asing, untuk mengawal dan menyelaraskan agensi kerajaan yang berhubungan dengan penyampaian apa-apa kertas klausa dan dokumen lain yang timbul daripada mana-mana prosiding, dan untuk melantik apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu dan sesuai, manfaat oleh Majlis untuk membantu Majlis dalam melaksanakan apa-apa fungsi dan dalam perjalanan kuasanya”.

Keanggotaan Majlis, terdiri daripada Perdana Menteri sebagai Pengerusi, Timbalan Perdana Menteri, Timbalan Pengerusi. Menteri dipertanggungjawabkan bahagian undang-undang, hal ehwal undang-undang, hal ehwal luar negeri, pelaburan perdagangan industri, kewangan, hal ehwal dalam negeri, sumber manusia, pengangkutan, pertahanan, perdagangan dalam negeri, bertanggungjawab tentang tanah dan Ketua Setiausaha Negara. Jadi, itulah dalam fasal 23.

Jadi, maksud saya ialah sebelum ada undang-undang ini yang nak dikanunkan, prosedur tentang kekebalan negara asing telah dibuat melalui Kementerian Luar. Satu agensi yang dilaksanakan oleh Setiausaha. Maknanya, *there is a desk officer* untuk membuat penentuan.

Jadi, yang berlaku pada hari ini, kita menawarkan— Kerajaan MADANI menawarkan wujudnya satu Majlis. Satu Majlis yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan beberapa mereka yang saya sebut tadi. Objektif ialah supaya apabila apa-apa permohonan dilihat secara pentadbiran oleh Majlis.

Yang Berhormat Kota Bharu mengatakan tentang kuasa Perdana Menteri ini tak disebut. Dia seorang, tidak. Sudah tentu bacaannya akan bersama kerana kalau kita tengok Akta Majlis Keselamatan Negara – saya tengok. Akta MKN bila kita sebut, kita tak boleh lari bahawa Akta MKN, Majlis Keselamatan Negara ialah Majlis Keselamatan Negara. Kalau kita tengok dari segi tafsiran *preamble* MKN. MKN ini akta sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, adalah akta ibu kepada isu semua keselamatan negara kita. Semua isu.

“Suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Keselamatan Negara, pengisytiharan kawasan keselamatan, kuasa khas pasukan keselamatan di dalam kawasan keselamatan dan perkara lain berhubung dengannya”. Jadi, jaminan dalam Akta Keselamatan Negara kita ialah kita tidak boleh lari daripada seksyen. Seksyen 4, fungsi MKN. Apa itu fungsi MKN?

Majlis hendaklah mempunyai fungsi yang berikut, 4A. Yang Berhormat di sini, ramai pernah jadi Menteri, ya. Tahu. Untuk merumus dasar dan langkah strategik mengenai keselamatan negara termasuklah isu kedaulatan, termasuklah kedaulatan, integriti, wilayah, pertahanan, kestabilan, sosiopolitik, kestabilan ekonomi, sumber strategik perpaduan negara dan kepentingan lain yang berhubungan dengan keselamatan

negara, memantau dan melaksanakan dasar dan langkah strategik, untuk memberi nasihat mengenai pengisytiharan kawasan keselamatan dan juga melaksanakan...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Speaker, Menteri ini tak menjawab kehendak kita.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Sekejap. Yang Berhormat, saya nak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Jadi melalut saja.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat, apa pula melalut? Takkanlah nak jawab pun – Yang Berhormat, kalau ya pun, bagilah saya peluang untuk terangkan. Saya nak berlaku adil kepada yang lain untuk faham.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Tak, kita ringkas saja. Kita nak tambah Agong saja. Itu saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat, tadi yang semua Yang Berhormat cakap itu, yang lain pun faham. Biarlah saya terang daripada peranan kerajaan. Jadi, yang saya nak terang di sini ialah Akta Keselamatan (MKN) ialah tentang kedaulatan. Akta yang kita buat rang undang-undang ini adalah menentukan kalau kita baca ya, fasal yang saya sebut tadi, yang mana Yang Berhormat Kota Bharu katakan, "*Kuasa hanya pada Perdana Menteri*". Okey, kita rujuk fasal 30. Kemudian, kita rujuk fasal 32 dan kita rujuk fasal 33.

Jika Perdana Menteri berpuas hati – ini 30. "*...Bahawa Malaysia tidak menerima dalam mana-mana negara asing, apa-apa kekebalan yang bersama dengan diberikan oleh Malaysia di bawah akta ini, Perdana Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta menarik balik semua atau mana-mana kekebalan di bawah akta ini terhadap negara asing tersebut.*" Ia hanya negara asing.

Kemudian, "*kuasa untuk mengecualikan. Perdana Menteri boleh melalui perintah dalam warta mengecualikan mana-mana negara asing daripada mana-mana peruntukan akta ini, tertakluk kepada syarat atau sekatan yang difikirkan perlu atau sesuai. 33, kuasa untuk membuat peraturan. Perdana Menteri boleh membuat peraturan sebagaimana yang sesuai manfaat atau perlu bagi memberikan kuat kuasa sepenuhnya atau melaksanakan peruntukan akta ini dengan baik. Tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan oleh subseksyen, Perdana Menteri boleh membuat peraturan-peraturan sedemikian.*"

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: [Bangun]

Dato' Sri Azalina Othman Said: Maknanya Tuan Yang di-Pertua, bila kita tengok tentang perkara di bawah 30, 32 dan 33, kita baca sekali dalam tafsiran negara asing, ia hanya menyebut tentang pemakaian bagi negara asing. Dia tidak memakai kepada apa yang disebut dalam kategori definisikan tentang ketua negara asing.

Maknanya, Ketua Kerajaan tidak terpakai. Seorang yang mengetahui Kabinet atau mana-mana badan yang serupa. Ketua Negara tidak terpakai. Yang terpakai ialah negara asing iaitu satu jabatan pelbagai organ kerajaan, negara asing satu unit keanggotaan persekutuan negara asing, agensi badan dan entiti lain dalam negara asing.

Jadi, sebelum sini, adanya undang-undang ataupun prosedur di bawah Kementerian Luar. Hari ini, kita mempunyai beberapa Menteri di bawah Jawatankuasa Majlis yang disebut, tentang apa yang kita kena baca bersama Tuan Yang di-Pertua ialah tentang daripada bidang kuasa mahkamah Malaysia. Tidak ada langsung di dalam rang undang-undang ini disebut isu kedaulatan negara. Tak ada.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Sekejap. Saya nak terangkan kepada yang semua di dalam Dewan. Tidak menyentuh kedaulatan. Kedaulatan di bawah Akta MKN. Akta MKN adalah akta yang segala ibu tentang kedaulatan negara, keselamatan negara. Ini tentang imuniti dalam mahkamah Malaysia, supaya kita dapat imuniti dalam mahkamah asing. Sekejap lagi saya nak jawab pasal Sulu, kaitan dengan ini. Silakan, Kota Bharu.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Okey. Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi, Yang Berhormat sebut, yang dimaksudkan dengan kuasa Perdana Menteri di bawah 32 ataupun fasal 32, 33 itu bermaksud kuasa Majlis, kekebalan negara asing. Kalau begitu, apa perlu lagi letakkan kuasa Perdana Menteri? Kalau itu telah menjadi kuasa kepada Majlis, kekebalan negara asing itu? Itu yang pertama.

Yang keduanya Yang Berhormat, saya nak buat sedikit *comparison*. *Comparison*. Tadi, Yang Berhormat kata kalau Perdana Menteri tak berpuas hati, itulah tindakan dia.

Di dalam akta *Foreign States Immunities Acts Australia* ini, betul. Seksyen 42, subseksyen (1), dia sebut, "*Where the Minister is satisfied*". Apabila Menteri itu berpuas hati. Menteri, maksudnya "*Menteri of Foreign Affairs, that an immunity of privilege conferred by this act in relation to foreign state is not accorded by the law*". Ini yang penting.

Bila Menteri berpuas hati, yang perlu membuat *regulation*-nya adalah *the Governor General, not the Prime Minister*. Jadi, dalam kes kita ini bila Perdana Menteri atau Majlis tak puas hati, Perdana Menteri yang membuat pengecualian dan juga peraturan. Itu bezanya. Di Australia ini, bila Menteri tak berpuas hati. Menteri of *Foreign Affairs* tak berpuas hati, yang berkuasa untuk membuat *restriction* dan juga *extention, not the Minister, not the Prime Minister but the Governor General of Australia*.

Kenapa tidak di Malaysia ini, bila Perdana Menteri berpuas hati bahawa negara-negara itu telah melanggar peraturan yang kita tetapkan, Yang di-Pertuan Agong boleh membuat apa-apa *restriction* dan juga *extention*? Itu maksud saya. Kenapa Perdana Menteri? Tidak Yang di-Pertuan Agong? Tidak *Head of the State*, sebagaimana dalam negara-negara lain? Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh minta izin ke...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Saya bagi lima minit lagi untuk selesaikan semua.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Okey. Yang Berhormat Kota Bharu... [Disampuk] Sekejap, sekejap. Satu-satulah.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya berkenaan apa yang dibangkitkan, oleh Kota Bharu? Terima kasih. Saya nak tanya berkenaan dengan isu, berkenaan dengan apa yang dibangkitkan. Undang-undang di Australia tersebut, di mana *Governor General* itu yang membuat *regulation*, seperti yang dinyatakan oleh Kota Bharu tadi. Tetapi adakah *Governor General* itu membuat *regulation* itu berdasarkan apa yang diputuskan oleh Menteri?

Oleh kerana, sekiranya itu adalah keadaannya, maka *Governor General* itu *acts on advise of the Menteri* dan bukannya membuat keputusan secara sendiri. Betul? Jadi, itu adalah keputusan Menteri.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Betul, betul.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya, bukannya *Governor General*.

■1250

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tapi dalam kes kita bila Perdana Menteri berpuas hati, Yang di-Pertuan Agong membuat satu-satu *regulation on the advice of the Cabinet*, boleh saja. Tapi kini tidak ada peranan *Head of the State*. *That is my question*.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat Kota Bharu, keja.

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasar Salak]: Tangguhlah.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Kejap, kejap. Yang Berhormat Kota Bharu. Kota Bharu kena faham bahawa contoh-contoh UK, Kanada dan Australia yang Yang Berhormat pakai, dia tak ada Majlis. Dia satu orang saja buat keputusan. Kita ada Majlis. Majlis kita lebih daripada satu orang. *[Tepuk] Protection* yang kita beri, lebih banyak daripada Kanada, Australia dan juga UK, yang mana Yang Berhormat bercakap.

Kedua, okey Yang Berhormat kata kuasa Perdana Menteri. Saya nak tanya Yang Berhormat masa Yang Berhormat Menteri Undang-undang, buat pindaan kepada Akta MKN. Yang Berhormat letak dalam seksyen 18, "*Dalam kawasan keselamatan Yang di-Pertuan Agong*". Bila Yang Berhormat tengok dalam seksyen 18, "*Kuasa Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Majlis*", atas nasihat Majlis di mana definisi Majlis dalam Akta Keanggotaan Majlis termasuk juga Perdana Menteri. Kalau kita tengok dalam Akta MKN, pelantikan Ketua Pengarah MKN juga daripada Perdana Menteri.

Jadi, Yang Berhormat tak boleh mengatakan bahawa dalam isu mendapat kekebalan di mahkamah Malaysia, kita kena memanggil Duli Yang Maha Mulia itu— kita kena memanggil apa yang wujudnya kuasa di bawah Perlembagaan sebab kita dah bentangkan dalam Majlis Raja-Raja, terangkan pada raja-raja tentang apa yang diwujudkan iaitu undang-undang *procedural*. Sebab ini adalah isu pentadbiran.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Dato' Sri Azalina Othman Said: Sebab kalau Yang Berhormat baca, pertama dia kata kita nak dapat kekebalan tetapi Yang Berhormat kena baca sekali tentang penempatan kekebalan. Maknanya Yang Berhormat yang dalam fasal 7, kekebalan sebuah negara itu ada tetapi boleh diketepikan apabila negara tersebut memasuki transaksi bawah Fasal 7, 8 komersial, 9 kontrak kerja, 10 kecederaan diri...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Menteri.

Dato' Sri Azalina Othman Said: ... 11 harta, 12 harta intelek, 13 syarikat, 14 kapal, 15 cukai timbang tara.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Menteri.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Jadi Yang Berhormat, saya sudah terangkan...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Menteri.

Dato' Sri Azalina Othman Said: ...Bahawa keputusan kita ialah lebih daripada satu orang iaitu Majlis.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Okey.

Dato' Sri Azalina Othman Said: ...Bacaan bersama akta. Saya dah jawab Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Okey, Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya— terima kasihlah penerangan Yang Berhormat Menteri ini luas, jelas. Cuma yang kita minta hanyalah satu fasal *power to exempt* itu saja yang kita mahu supaya ada *check and balance*. Itu saja.

Saya tak mahu mempersoalkan, sama ada Akta MKN kah, akta mana sekalipun, yang penting hari ini adalah kerana kita nak memastikan ada *check and balance* bila nak bagi *exempt* kepada orang luar. Bila kita nak bagi *exempt*, dia jelas di sini. Hari ini kalau kita tengokkan *cases* yang *judgement* yang dibuat dalam negara kita ini *based on* undang-undang yang ada ini, sampaikan *parents* pun dia *question*. *Parents* itu apa? Apakah ibu atau bapa atau kedua-dua sekali, itu pun telah dipersoalkan. Kalau itu telah menjadi sesuatu dalam negara kita, saya inginkan supaya akta ini jelas. Bahawa bila ada akta ini, *power to exempt is the Prime Minister will give you the exemption*, bukan Majlis.

Sebab itu nanti dipersoalkan lagi. Kita tidak mahu perkara yang boleh menyebabkan sesuatu perkara untuk negara, kedaulatan negara itu dipersoalkan lain kali. Sebabnya Yang Berhormat, saya nak jelaskan di sini, contoh kalau seorang Perdana Menteri— bukan Perdana Menteri yang ada ini. Saya percaya, yakin Yang Amat Berhormat

Tambun tidak akan melakukan sesuatu yang boleh merosakkan kedaulatan negara. Itu kita sokong sebab itu bukan kita tak nak sokong. Kita nak sokong, cuma nak tambah kebaikan.

Ini Yang Berhormat yang sebelah sana, yang dulu ramai kawan-kawan saya, saya nak jelaskan. Kalau berlakulah, saya nak guna seorang Perdana Menteri yang akan ada perkara-perkara yang boleh menyebabkan *the superpower* picit dia.

Beberapa Ahli: Picit apa? *[Ketawa]*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Picitlah, picit.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat Larut.

Dato' Sri Azalina Othman Said: ...Bulan-bulan puasa ini, picit apa Yang Berhormat?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: *Squeeze, squeeze, squeeze* Yang Berhormat. Saya- jadi, sebab itu nanti...

Dato' Sri Azalina Othman Said: Picit kuihlah.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: ...Dengan *power* yang ada di sini, *power to exempt* ini menyebabkan dia boleh menggunakan kuasa ini. Yang Berhormat-Yang Berhormat sana akan bertanggungjawab. *[Tepuk]* Di masa depan nanti, Yang Berhormat Pengerang sendiri...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Cukuplah, cukup. Cukup.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: ...Yang mempertahankan dan semua...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat Menteri sila gulung.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Absolute power corrupts absolutely.*

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat, maknanya— Larut. Maknanya, masa depan Pengerang akan kena picitlah, itu maksud Yang Berhormat Larut.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Akan menyebabkan sesuatu yang dipertanggungjawab oleh anak cucu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, keja, keja.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Cukup, cukup. Yang Berhormat Menteri, sila gulung.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Keja, keja, keja, keja. Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Bharu dengan Yang Berhormat Larut pernah jadi Menteri Kabinet. Berapa banyak jawatankuasa dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan Yang Berhormat tak ada masalah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Sri Azalina Othman Said: Betul, tak apa. *Check and balance.*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Yang Berhormat, saya tak cakap bab itu...

Dato' Sri Azalina Othman Said: Ya, ya Yang Berhormat keja. Biarlah saya jawab.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: ...Saya nak bercakap *check and balance* satu saja fasal ini.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Saya nak jawab, betul. Biarlah saya jawab. Yang Berhormat betul. Ini cara saya nak jawab.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: *I don't question about jawatankuasa.*

Dato' Sri Azalina Othman Said: Saya nak bagi analogi. Yang Berhormat, Yang Berhormat tak bolehlah main *moving the goalpost all the time*. [Tepuk]

Yang Berhormat, macam inilah. Yang Berhormat, Yang Berhormat cakap pasal kedaulatan. Kota Bharu cakap kedaulatan. Saya kata kedaulatan tak ada dalam isu ini. Kedaulatan dalam Akta MKN.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Saya tak cakap pasal kedaulatan...

Dato' Sri Azalina Othman Said: *No, no.*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: ...Yang boleh mengakibatkan kedaulatan.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Isu ini tentang kekebalan. Kejap, kejap.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Ininya berbezanya.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Kekebalan— dasar kekebalan Yang Berhormat ialah *reciprocity*. Kalau dia tarik kebal kita di negara asing, kita tarik kebal dia di sini. Itu saja yang kita minta.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Kekebalan itu kedaulatanlah Yang Berhormat.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Itu *reciprocity*.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Bukannya kita nak cakap pasal kedaulatan. Yang Berhormat tak— betul. Yang Berhormat baca sikit-sikit.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Tetapi— yang itu lain. *This is power to exempt.*

Dato' Sri Azalina Othman Said: Baca daripada mula. Ini masalahnya Yang Berhormat.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Yes, saya baca daripada mula. Sebab...

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: [Bangun]

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat, kedaulatan Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat nak menunjukkan seolah-olah kerajaan tidak bertanggungjawab. Saya terangkan, banding negara lain kita ada Majlis, negara lain tak ada Majlis.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Saya boleh kata...

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: [Bangun]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [Bangun]

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat cakap pasal kedaulatan, ada Akta MKN. Ini bukan pindaan kepada Akta MKN.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Ini ialah berkenaan dengan imuniti.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami... [Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah tamat.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Masa tamat tapi saya nak jawab...

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: ...Ini, ini benda penting.

Dato' Sri Azalina Othman Said: ...Satu saja. Satu saja sebelum saya duduk. Tak apa, tak apa lah— Ya lah, Yang Berhormat pembangkang. Memanglah kerjanya membangkang.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Ini bukan soal pembangkang Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Kalau tak, bukanlah pembangkang.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Ini bukan soal pembangkang.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Betullah. Betullah itu kerja Yang Berhormat.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Ini soal masa depan negara.

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk semua.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Sebelum saya duduk, ya. Tak apa Yang Berhormat, macam ini lah Yang Berhormat...

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Itu sebelum. Menteri bagi taklimat dua jam sebelum.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat, saya pun puasa, Yang Berhormat. Yang Berhormat pun puasa.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Ini bukan soal— ini soal negara.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Jadi, sabarlah. Biarlah undi, Yang Berhormat. Apa yang susah sangat.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Soal masa depan.

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, mereka tak mahu dengar penjelasan. Jadi, kita putuskan sahajalah ya.

Dato' Sri Azalina Othman Said: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tapi mereka tak mahu dengar.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Speaker... *[Sambil menunjukkan Buku Peraturan Mesyuarat]*

Dato' Sri Azalina Othman Said: Saya nak cakap pasal Sulu, Yang Berhormat.

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak]: Jangan terburu-buru. Tangguhkan saja. Jangan terburu-buru.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tak apa. Mereka tak mahu dengar kita putuskan saja.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Satu saja. Kalau undang-undang ini tak ada, kita takut apa yang berlaku terhadap Sulu dalam negara kita mungkin berulang...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: No.

Dato' Sri Azalina Othman Said: ...Kerana negara lain, bidang kuasa lain menganggap negara kita tidak memberi *reciprocity* pada kekebalan. Itu saja.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Okey.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tak sempat jawab, saya bagi jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Okey. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Speaker. Puan Speaker Peraturan Mesyuarat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Standing order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang lain sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Speaker, *this is unfair.* Saya nak sebut Peraturan Mesyuarat 54(1) dan Peraturan Mesyuarat 54(2). *What is 54(1), 54(2)?*

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: *You read.*

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Kita rujuk rang undang-undang ini, kita faham. Kami nak sokong rang undang-undang ini tetapi ada penambahbaikan yang perlu dibuat. Klausula-klausula 32 dan 33. Saya minta agar Dewan ini melalui Peraturan Mesyuarat 54(1) dan (2) untuk mengangkat rang undang-undang ini ke satu Jawatankuasa Terpilih. Kita bincang, *further.* *[Tepuk]* Yang Berhormat, 54(2) Yang Berhormat, Yang Berhormat, usul ini Yang Berhormat hendaklah kemukakan kepada Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat Beluran, Dewan telah setuju. Maka setuju. Bagi skrip nombor 15...

[Dewan riuh]

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *No, no. I asked you just now. You are terribly—* saya bangun lebih awal.

[Dewan riuh]

■1300

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sudah putuslah. Sudah putus.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *You bulldozed the process.* Saya bangun lebih awal.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Nobody bulldozed.*

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat boleh duduk.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *You bulldozed the process here. This is the problem.*

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat boleh buat usul.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Peraturan mesyuarat...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *I said 54(1), 54(2).*

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat buat usul selepas ini.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tak boleh. SUDR, *advise the Speaker*, SUDR. 54(2), Yang Berhormat Speaker mesti kemukakan usul itu kepada Dewan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sudah diputuskanlah. Kita sudah undi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Masa Tik Tok. Masa Tik Tok.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *You have to.* Usul tanpa notis.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Dewan sudah bersetuju. Jadi, sila duduk. Kalau tidak puas hati, buat usul.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *You bulldozed.* Biar rekod dalam Dewan ini *that you bulldozed the process.*

[Dewan Riuh]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Nobody bulldozed it. Nobody bulldozed.*

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *I was there before. I was there before.* Pembangkang yang dahulu duduk dekat sini gunakan 54(1) dan (2) dan kita bagi ruang untuk diangkat rang undang-undang ke jawatankuasa.

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal 1 hingga 33 –

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Sebentar, Setiausaha Majlis. *[Berdoa] [Dewan riuh]* Setiausaha. SUDR, sebentar.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Sebentar, Yang Berhormat.

[Pembesar suara dimatikan]

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Speaker.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, *let hold the horse. Let us stop, dengan izin, the ruckus. Let us back to order. Right.* Yang hendak bangkitkan peraturan tadi. Yang Berhormat Beluran, silakan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Speaker, 54(1) dan 54(2). Apabila ada usul begini, dia harus diambil terima oleh Yang Berhormat Speaker. Saya bangun lebih awal sebelum diputuskan bacaan kali yang kedua. Saya bangun lebih awal. Tetapi, saya tidak dibagi ruang oleh Yang Berhormat Speaker.

What is 54(1)? "Sesuatunya Rang Undang-undang boleh diserahkan kepada satu Majlis atau Jawatankuasa Pilihan sebelum bacaan kali kedua." I did that. 54(2), "Setelah dibacakan Rang Undang-undang..."— okey. "Maka Rang Undang-undang itu akan diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, kecuali jika Majlis mengeluarkan usul..."— okey. "Usul ini tidak berkehendakkan dikeluarkan pemberitahu tetapi mestilah dibuat sebaik sahaja dibacakan Rang Undang-undang itu bagi chance kali yang kedua, dan boleh dicadangkan oleh mana-mana Ahli; dan masalah itu harus dikemukakan segera kepada Mesyuarat."

Kita pernah buat ini. Saya pernah duduk sana, Yang Berhormat. *[Merujuk pada kerusi Pengerusi]* Bila ada usul 54(1), 54(2), kita akan layan usul ini. Sebelah sana ini... *[Merujuk pada blok kerajaan]* Duduk sebelah sini dahulu... *[Merujuk pada blok pembangkang]* Kalau usul saya ini tidak diterima secara majoriti, *fine*. Tetapi, *you cannot deprive me of 54(1) and 54(2)* sebelum bacaan kali kedua.

Saya minta agar rang undang-undang itu bukan kita nak tolak tetapi kita tambah baik, perluaskan dan kita bawa ke satu Jawatankuasa Pilihan. *That's it*. Dibolehkan melalui Peraturan Mesyuarat. Tetapi, Speaker memilih untuk tidak mendengar, seolah-olah saya tidak wujud berdiri di sini. Yalah, saya tahu saya badan kecil. Tak nampak. *[Tepuk] [Dewan riuh]*

Tetapi, hak saya di bawah Peraturan 54(1) dan 54(2), Yang Berhormat— *I want to record that*.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Bahawa *my* hak di bawah Peraturan Mesyuarat 54(1) dan (2) di-deprived oleh Speaker sebentar tadi. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, Yang Berhormat Beluran. *Forgive me just now*, dengan izin. *I was consulting with SUDR concerning the Aturan Majlis*. So, kita balik kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beluran.

Number one, make it clear, apa yang telah berlaku tadi bukan di depan saya. Satu. Nombor dua, *decision has already been made* oleh Speaker sebelum saya. Jadi, *the remedy to all these— let us be candid about it and accordingly to the rules. It is advisable—* Yang Berhormat Beluran pun biasa duduk di sini. So, Perkara 43, *you are very familiar with it, 99 is very familiar. 99A is too. Plus 100. What I would suggest is this. That* Yang Berhormat Beluran usulkan supaya...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Bagi saya selesai dahulu. Supaya *whatever predicament* atau *whatever has been uttered by* Yang Berhormat dalam Dewan ini *is everything recorded. I realized that. That is very good. In sense that—* apa yang kita bercakap dalam ini *is recorded* dan *it is an evidence wise*. So, *I would suggest strongly that* Yang Berhormat Beluran usulkan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Speaker, saya hormat keputusan Yang Berhormat. Tetapi, untuk rekod, Yang Berhormat, perkara yang dirujuk kepada 43, mengkaji keputusan Speaker, dia tidak boleh dibuat dalam kes ini. Kerana ini merupakan satu keputusan yang telah dibuat. Tetapi, saya bangun sebelum keputusan itu dibuat. So, *you cannot review* keputusan Speaker. Bukan. Bukan keputusan Speaker.

House telah membuat keputusan. Tetapi, sebelum *the House*, maknanya ingin membuat keputusan, saya bangun. *I was deprived of that. In fact*, saya ada menghantar nota kepada SUDR *to remind the Speaker. I don't know he choose to ignore my* peraturan mesyuarat. Dan kalau saya kaji pun keputusan Speaker tadi melalui Peraturan Mesyuarat 43, ia tidak akan merubah keadaan kerana keputusan telah dibuat dalam Dewan. *I wanted*

rang undang-undang ini untuk dirujuk ke satu Jawatankuasa Pilihan. *That's it. But I was deprived.*

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: *Your predicament, Yang Berhormat, I quite understand it. But the issue here, a decision has already been made. So, dia ada dua opsyen sahaja ini, Yang Berhormat. Satu, benda ini boleh dibawa ke dalam Jawatankuasa untuk membetulkan Peraturan. Ataupun, as what I said, you have 48 hours under 43. I still stick to that. Right.*

Baik, kita *move on*-lah. Kita banyak benda lagi nak selesaikan ini. Okey, kita balik kepada apa yang telah diberi oleh SUDR kepada saya tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Fasal-fasal 1 hingga 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya bangun. Saya bangun masa— saya ada bangun.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, *I will only entertain if it is in relation to peraturan.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya nak bangkit fasal ini bawah Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Peraturan berapa, Yang Berhormat?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: 32.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: 32.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya mencadangkan supaya...

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, benda itu dah lepas. Sekarang ini jika Yang Berhormat nak bangun...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tak. Ini baru Jawatankuasa. Saya nak pohon pindaan.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Faham. Benda ini belum dalam Jawatankuasa pun. Ini dalam Majlis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini sekarang ini bawah Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ya, sebentar lagi. Saya tak habis lagi ini, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oh.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, nanti saya bagi ruang untuk dalam Jawatankuasa untuk...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tengah geram. Tengah geram.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: *[Ketawa] Most probably you didn't— you get me because ini dalam Jawatankuasa. Bila Jawatankuasa nanti, tempoh itu saya bagilah ruang pada sesiapa yang nak berbahas. Baik ya. Fasal-fasal 1 hingga 33 jadi sebahagian daripada rang undang-undang.*

Saya difahamkan ada yang nak berbahas. SUDR? Jadi, dengan itu, saya— sebentar. Saya akan memilih untuk memendekkan. Saya akan memilihkan mungkin tiga daripada sini... *[Merujuk kepada blok pembangkang]* Tiga daripada sini... *[Merujuk kepada blok kerajaan]* All right. *[Berbincang dengan Setiausaha]* Saya membenarkan Arau seorang, di sebelah kerajaan pun seorang, *then I will stop.*

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Sorang, sorang?

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yes.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Kata tadi tiga. Bukan tiga?

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: *Pardon?*

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Tadi kata tiga.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Tak. Saya tarik balik dan saya putuskan satu, satu.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Pula.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Duduk.

[Ketawa]

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Tarik balikkah?

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, saya benarkan dalam...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya memohon maaf.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Nanti kejap. Masa pun belum saya bagi lagi ini. Bagi saya bagi masa. *Alright?*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tak bagi masa pun tak apa. Sekejap sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: *[Ketawa]* Baik. Maksimum, tiga minit dan tutup.

1.09 tgh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, dalam Peraturan Mesyuarat, yang saya pernah laluilah kan, "*Rang undang-undang 1 sampai 3 dibuka untuk perbahasan*". Lepas itu, kita bahas. Lepas itu, baru "*1 sampai 3 jadi sebahagian daripada undang-undang*". Ini jadi undang-undang dulu baru bahas, Yang Berhormat. Cuba tengok balik. SUDR memberi nasihat yang salah.

Dia mesti rang undang-undang ini 1 sampai 33 dikemukakan untuk dibahas. Tidak ada perbahasan, maka ia jadi sebahagian daripada rang undang-undang. Yang Berhormat sekarang isytihar jadi rang undang-undang dulu baru bahas. Jadi, saya rasa ada kesilapan teknik dari segi penggubalan undang-undang pada hari ini ya. Yang Berhormat, saya nak sentuh Perkara 32. SUDR nasihat bagi betul ya. Salah itu tadi.

■1310

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Okey, okey. *Straight to the point.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Perkara 32, perkataan "Perdana Menteri" itu— sebab kita tak sempat bagi notis. Bagi taklimat pun bagi dua jam, terus bincang. Jadi, kami tak sempat tulis. Saya minta perkataan "Perdana Menteri" itu diganti dengan perkataan "Yang di-Pertuan Agong". Itu sahaja perkara 32 itu. Kami menyokong rang undang-undang ini, wahai rakyat Malaysia. Kita minta dipinda.

Saya ialah Menteri, Yang Berhormat, yang membentangkan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara. Jadi, Yang Berhormat boleh tengok kat saya ya. Yang Berhormat dalam Kabinet, saya dalam Kabinet. Saya bentangkan tetapi saya bentangkan masa itu, Majlis Keselamatan Negara memberi kuasa kepada Perdana

Menteri dan masa itu PH dengan manifestonya, 'Kita akan hapuskan MKN'. *All right*. Tapi mereka tak hapus, mereka pinda dengan perkataan "Perdana Menteri", dia jadi "Yang di-Pertuan Agong". Tak salah. Asalnya. Asalnya ialah perkataan "Perdana Menteri". Jangan sebut soal kedaulatan dan ke apa tetapi asalnya "Perdana Menteri". Yang membentangnya ialah Shahidan Kassim, pada pukul 2.00 pagi dan disokong oleh-ditentang oleh semua pembangkang. Pihak kerajaan hanya seorang yang menyokong tetapi bila undi menanglah. Macam biasalah.

Jadi, Majlis Keselamatan Negara telah mengubah perkataan "Perdana Menteri" kepada "Yang di-Pertuan Agong". Hari ini kami minta yang sama, supaya oleh kerana Yang Berhormat Menteri bandingkan dengan MKN. Kalau nak bandingkan dengan MKN, salah Yang Berhormat sebab MKN daripada "Perdana Menteri", jadi "Agong". *Hat* yang ini kita minta daripada "Perdana Menteri", jadi "Agong". Itu saja. Lain-lain kita akan menyokong dengan dahsyat sebab ketua-ketua kami berada di sini. Mereka berdiam, menunjukkan mereka juga menyetujui perbincangan ini, bahawa kami akan menyokong.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Peraturan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan nampak kami menentang. Kami bukan palat lah bab ini. Kami ialah seorang yang sentiasa menjadi warganegara yang terhebat dan dahsyat. *[Tepuk]* Kami bukan menentang...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Peraturan, Speaker.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami minta supaya perkataan "Perdana Menteri" ditukar kepada "Agong".

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Peraturan 36(6). Saya ingin memberi perhatian kepada Speaker bahawa Yang Berhormat Arau ini mengelirukan Dewan. Dia kata PH manifesto adalah untuk menghapuskan MKN. Dia tidak baca Manifesto PH. Tak pernah ditulis langsung Manifesto PH akan memansuhkan MKN. Ini sangkaan jahat. Jadi, saya ingin Yang Berhormat Arau tarik balik perkataan tersebut.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, nanti *sat*. Sekarang Yang Berhormat telah bangkitkan berkaitan peraturan. Jadi, saya nak putuskan dululah ya. *Sat na. [Ketawa]* Yang Berhormat tadi telah bangkitkan berkaitan isu peraturan. So bagi saya, pertimbangan saya, Yang Berhormat berdasarkan apa? Saya kena bagi dua belah ya. Berdasarkan apa Yang Berhormat nyatakan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya dengar ucapan. *[Dewan riuh]* Ucapan daripada pembedato-pembedato mereka.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya pun— saya bukan nak—malaslah saya nak baca PH.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Dia tipu lagi, tipu lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: PH tak relevan bagi saya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Arau, jangan tipu. Dalam Dewan ini, menghormati Dewan. Jangan tipu.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tak pernah baca Manifesto PH.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami tak pernah tipu!

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, dua-dua duduk. Saya putuskan, duduk Yang Berhormat Arau. Ini masih dalam Jawatankuasa ya. Yang Berhormat Arau, saya putuskan benda itu tidak ada kaitan. *All right. So, sekarang ini balik to the original issue, all right.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, *original*. Jadi Yang Berhormat, kami nak menyatakan...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Speaker, mohon tarik balik dulu, Speaker.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Sebentar, sebentar.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Mohon Arau tarik balik.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Sebentar, sebentar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau tak betul, tak betullah. Kalau betul, betullah.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Sebentar. *[Dewan ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa, tarik balik apa? Tarik-tarik...

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang awak tuduh macam-macam masa kes amalan...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tipu dalam bulan puasa...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, duduk. Duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, saya teruskan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Sebentar, sebentar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, saya minta supaya perkataan...

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Sebentar. *[Dewan riuh]*

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Hai, bulan puasa ini. *[Ketawa]* Yang Berhormat, saya telah dengar apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat- mana tadi? Baik dan keputusannya bagi saya, *move on* dan saya- bagi saya, apa yang bila saya sebut *move on to the next issue* ialah kalau tak berdasarkan keterangan apa Yang Berhormat nyatakan, elok tarik baliklah tuduhan tersebut. Okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya nak beritahu, manifesto itu mereka kata tak ada. *All right, fine.* Tapi manifesto turunkan harga minyak, ada? Bohong. Manifesto... *[Dewan riuh]*

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Arau. Ini tak ada kaitan. *Go to the topic itself.* Sekarang ini dalam Jawatankuasa. Saya tidak mahu buang masa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey. Saya nak beritahu tentang pembohongan PH itu.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Speaker, saya pun nak minta tarik balik. Minta tarik balik...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Duit sekarang jatuh.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Manifesto.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang saya pergi tajuk ini balik.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, senang sahaja. Sebelum saya *move on*. Nak tarik balik atau tidak? Itu sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan Yang Berhormat, saya ada dengar pidato. Kalau tak termasuk, habislah. Habis. Tak ada masalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Itu saya kata.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Speaker, mohon tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya orang yang berpuasa, Yang Berhormat. Kalau salah, saya tarik balik, tak ada masalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tetap salah! Sekarang salah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tetapi manifesto...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tak ada pun nak turunkan harga minyak.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, saya dah nyatakan tadi kan keputusan saya. Baik. Tarik balik atau tidak?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia yang kacau saya. Tapi Manifesto PH banyak bohong.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta supaya perkara seksyen 32...

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, tarik balik atau tidak?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Okey. Dah tarik, *all right*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Betul. Kalau betul, tak tariklah.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Sekarang habiskan, saya nak teruskan dengan Jawatankuasa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau tak betul, saya tarik. Kalau betul, tak tarik macam harga minyak...

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Jangan kaitkan benda lain.
[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Itu tak tarik. PTPTN tak tarik ya. Bohong itu. Okey. Yang Berhormat, Perkara 32 ini, cuma ganti perkataan "Perdana Menteri" dengan "Yang di-Pertuan Agong". Itu yang terbaik sebab... *[Disampuk]* Apakah perkataan "Perdana Menteri" itu- benda itu, Yang di-Pertuan Agong boleh- perkataan "Perdana Menteri" itu digantikan dengan "Yang di-Pertuan Agong". Itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, kami akan menyokong rang undang-undang ini. Jangan kata kami menentang ya. Kami menyokong. Faham *dak*? Saya menyokong. Kami menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tapi perkataan “Perdana Menteri”, ganti dengan “Yang di-Pertuan Agong”. Terima kasih. Kalau Menteri tak mahu bagi, diamlah. Cukup, tak payah jawab. Biar rakyat mengisahkan dan rakyat akan tolak anda semua lepas ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik. Yang Berhormat, Yang Berhormat, untuk makluman, tolong ada buku peraturan tak? 57(2).

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Aturan dalam Jawatankuasa sesebuah Majlis— sebuah-buah Majlis yang menimbangkan undang-undang ya. 57(2) cakapnya, Yang Berhormat cadangkan pindaan kan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Apa-apa pindaan yang hendak dicadangkan hendaklah dikemuka pemberitahu sekurang-kurangnya satu hari terlebih dahulu. Ini dalam Jawatankuasa ya. *[Tepuk]* Jadi, Yang Berhormat punya cadangan itu...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Bagi saya habis cakap. Kalau hakim tak habis cakap, macam mana lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, *all right*.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Jadi, apa yang saya punya pendapat daripada petua saya, Yang Berhormat dah ambil maklum semasa Menteri membentangkan. Kalau nak cadangkan pindaan, bagi notis satu hari. Baik, selesai dah apa yang telah menyatakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat. Okey, ya. Rang undang-undang ini dibentangkan kelmarin pukul 2.30. Mana nak cukup sehari? Kemudian turun mari sini.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya dengan Yang Berhormat turun daripada sini. Tak ikut peraturan. Peraturan ini hanya buku. Yang Berhormat yang tentukan. Macam mana saya nak tulis apa lagi?

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: *[Ketawa]* Dan saya putuskan Yang Berhormat telah bangkitkan dalam sini, dalam peringkat Jawatankuasa dan saya telah putuskan apa yang telah Yang Berhormat cadangkan itu, bagi notis satu hari. Tak jadi masalah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat ingat nak bagi notis, Jawatankuasa dah habis. Saya nak beri notis dah tak jadi apa lah.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: *Then*, itu ada pindaan undang-undang. *You can give that notice*. Bila dia dilaksanakan adalah agenda aturan Majlis Mesyuarat lah. Selesai, duduk Yang Berhormat. Satu bab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, tak mahu ikut peraturan mesyuarat lah? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik. Sebelah sini seorang. Kalau tidak, saya akan teruskan. Silakan Yang Berhormat Bangi. Peringkat Jawatankuasa ya.

1.19 tgh.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Terima kasih Pengerusi. Berapa minit Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Tiga minit.

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]: Tiga minit, baik. Saya terus kepada isu yang telah dibangkitkan oleh pihak pembangkang iaitu berkenaan dengan fasal 30, 32, 33 berkenaan dengan Perdana Menteri. Saya fikir sebenarnya pihak pembangkang ada *fundamental misunderstanding*, dengan izin, tentang apa dia rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini adalah untuk memaktubkan atau *codify* apa yang sebelum ini dibuat secara *administrative*. Maknanya, sebelum ini memang pun dilaksanakan, cuma ia dibuat secara *administrative*, yang dibuat oleh mereka yang dalam *administration*. Jadi, apabila kita *codify* ini, kita sebenarnya memberikan satu kuasa kepada Perdana Menteri dalam Majlis supaya Perdana Menteri boleh membuat keputusan.

■1320

Berkenaan dengan perbandingan Akta MKN. Tuan Pengerusi, Akta MKN itu adalah satu akta yang mana kuasa di dalam itu adalah seakan-akan kuasa yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan dalam isu mengisytiharkan darurat dan sebagainya.

Ini berlainan dengan apa yang kita ada dalam rang undang-undang ini, yang mana kuasa yang diberikan di sini hanyalah untuk menarik balik atau menentukan kekebalan. Jadi, tidak termasuk isu tentang kedaulatan, tentang apa yang telah sebelum ini diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong dan sebagainya.

Jadi, pada saya tidak ada keperluan untuk menambah atau meminda atau membangkitkan apa-apa isu yang telah dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Satu lagi perkara, sekiranya kita masukkan sekalipun di situ bahawa keputusan itu dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong, kita tahu bahawa keputusan tersebut akan dibuat selepas berunding atau mendapat nasihat daripada Perdana Menteri.

Jadi, perkara yang sama. *It is not a discretion of the Yang di-Pertuan Agong*, dengan izin. Jadi, pada saya apa yang dicadangkan itu hanyalah satu perkara yang *superficial* dan kita harus terus sahaja memberi sokongan kepada akta atau rang undang-undang ini supaya akhirnya kita akan ada satu perlindungan. Kita tak nak apa yang berlaku sebelum ini berlaku lagi. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik. Sebagai *to put on record*, Yang Berhormat Arau ya, RUU ini telah dibuat bacaan kali pertama pada November 2023. *[Dewan riuh]*

Jadi, bermaksud RUU ini dah ada atas meja Yang Berhormat-Yang Berhormat. Masa itu dah patut cadangkan. Tapi sekarang ini kita *move on* ya. Benda ini tidak ada—*irrelevant* dah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, libat urus dibuat pukul 1.00 kelmarin, Yang Berhormat. Kita nak beritahu.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Mohd Nor]: Yang Berhormat, duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Libat urus itu penting sebab itu dia akan beri penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Mohd Nor]: Bila bercakap pasal pindaan, peraturannya dah ada. RUU ini tahun 2023 dah bentang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Minta maaf. Saya... *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi [Dato' Ramli bin Mohd Nor]: Baik. Okey, kita move on.

[Fasal-fasal 1 hingga 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi (Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2023) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat Menteri Kewangan, silakan.

1.24 tgh.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan]: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadang iaitu rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2023 dan bagi peruntukan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun ini dibaca kali kedua sekarang.

Tan Sri Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus pertama tahun 2023 ini dibentangkan menurut Perkara 101 Perlembagaan Persekutuan. Ia bagi memperolehi kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Belanjawan 2023 dan telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

Anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2023 yang dibentangkan adalah berjumlah RM23,479,669,350 untuk membiayai perbelanjaan bekalan yang boleh diringkaskan seperti berikut. Sebanyak RM3,692,563,850 adalah untuk perpindahan lebih daripada Akaun Hasil Disatukan 2023 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindahan ini dicaj sebagai sebahagian daripada perbelanjaan di bawah maksud B.12 peruntukan kepada Wang Terkanun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindahan ini selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan bukan satu perbelanjaan baru. Ia merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2023 yang berjumlah RM96,089,737,122.

Dengan pindaan ini, jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan boleh dikurangkan bagi memastikan sasaran defisit kewangan kerajaan tahun 2023 tercapai. Sebanyak RM778,632,450 adalah bagi me-*recoup* semula jumlah yang didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak diperuntukkan bagi tahun 2023 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2024 dan sebanyak RM19,008,473,050 adalah merupakan peruntukan tambahan langsung kepada kementerian dan jabatan yang diberi kebenaran untuk berbelanja melebihi daripada peruntukan bagi membiayai perkara-perkara yang komited pada tahun 2023.

Dato' Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat di dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Kewangan sebanyak RM18,691,209,350;
- (ii) Kementerian Pendidikan sebanyak RM1,973,724,300;
- (iii) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sebanyak RM1,174,138,000;
- (iv) Kementerian Kesihatan sebanyak RM687,892,500;
- (v) Kementerian Pertahanan sebanyak RM410,530,750;
- (vi) Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM300 juta;

■1330

- (vii) Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak RM153,263,900;
- (viii) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan sebanyak RM56,910,550; dan
- (ix) Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM32 juta.

Dato' Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2023 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 2024 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 2024.

Dato' Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023 adalah berjumlah RM6,013,411,390. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM115,000,000 adalah merupakan pendahuluan yang dikeluarkan daripada simpanan luar jangka. Anggaran tambahan diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan bagi maksud-maksud berikut. Sebanyak RM5,769,233,990 untuk Kementerian Kewangan, sebanyak RM129,177,190 adalah untuk Kementerian Pengangkutan dan sebanyak RM115,000,000 untuk Kementerian Kerja Raya.

Selain daripada itu, anggaran tambahan ini juga mengandungi permohonan peruntukan tanda atau token sebanyak RM210 bagi beberapa kementerian. Peruntukan tanda ini adalah bagi mewujudkan butiran baru untuk membolehkan pindahan peruntukan dilakukan antara butiran. Penerangan dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023 adalah seperti dinyatakan dalam Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2024 dan memorandum perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A Tahun 2024.

Dato' Yang di-Pertua, perlu saya maklumkan di sini bahawa anggaran perbelanjaan tambahan yang dipohon ini berjumlah RM23,479,669,350 untuk perbelanjaan bekalan dan RM6,013,411,390 untuk perbelanjaan pembangunan adalah sebahagian daripada jumlah perbelanjaan sebenar tahun 2023 dan ia tidak menjejaskan defisit fiskal yang telah ditetapkan pada paras lima peratus berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Dato Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023 selepas ucapan ini. Saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Saya mohon menyokong Dato' Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Setiausaha.

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (BIL. 1) 2023

1.34 tgh.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul di atas nama Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut subsekyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak enam bilion tiga belas juta empat ratus sebelas ribu tiga ratus sembilan puluh ringgit (RM6,013,411,390) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2023 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2024 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut".

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan Puan Lim Hui Ying: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dan masalah untuk usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di nombor dua dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut dibuka untuk perbahasan.

Dalam tangan saya seramai 19 Yang Berhormat akan berbahas, lima minit ditetapkan. Senarai adalah seperti berikut. Dimulakan oleh Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Tenggara, Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Beluran, Yang Berhormat Betong, Yang Berhormat Besut, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Alor Setar, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Putrajaya dan akhirnya, Yang Berhormat Rasah.

Sebelum dimulakan, ingin saya ingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini merupakan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2023) 2024 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023. Selaras dengan Peraturan Mesyuarat 67(5), saya ingin mengingatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengehadkan perbahasan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran kerajaan yang berkaitan dengan rang undang-undang ini dan usul sahaja. Saya mula dengan memanggil Yang Berhormat Bagan untuk membuka tirai perbahasan.

1.38 tgh.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ingin mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan juga usul yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat Menteri Kewangan II untuk menyelaraskan itu bajet tambahan yang diperlukan untuk mengimbangi akaun kewangan negara.

Di sini saya hanya nak rujuk kepada dua perkara sahaja. Satu ialah tentang perbelanjaan kerana hutang negara dan saya nak rujuk spesifik kepada itu skandal 1MDB, di mana saya nak tahu tentang Goldman Sachs, di mana kerajaan dulu ada buat satu rundingan untuk menyelesaikan masalah dengan Goldman Sachs sebanyak RM3.9 bilion. Seperti yang dimaklumkan kepada semua, bahawa Goldman Sachs telah membantu Malaysia untuk menerbitkan bon sebanyak USD6.5 bilion. Tetapi, sebahagian besar USD4.5 bilion ini telah disalurkan untuk tujuan-tujuan yang tidak betul. Dengan kata lain, untuk tujuan-tujuan rasuah.

Di sini, saya nak tahu kerana Goldman Sachs selain daripada membantu perkara ini berlaku, telah pun menerima bayaran sebanyak USD600 juta dan berjanji untuk membayar USD3.9 bilion iaitu USD2.5 bilion daripada Goldman Sachs dan USD1.4 bilion sekiranya aset-aset ini tidak cukup.

■1340

Dia macam tangkap muatlah, tangkap muat. Dia akan isikan apa yang tak cukup tetapi di sini saya rasa seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita harus semak semula, kaji semula perjanjian ini yang diuruskan oleh kerajaan lama kerana memang ini saya rasa tidak memadai atau tidak selaras dengan kerugian yang dihadapi oleh negara Malaysia yang akhirnya terpaksa ditanggung.

Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan jumlah yang kita sudah bayar dan jumlah yang kita perlu bayar. Saya rasa sampai 2039 dan bayaran ini perlu sampai 2039. So, di sini Goldman Sachs— bolehkah kita dapat tuntutan yang lebih besar daripada Goldman Sachs kerana saya rasa USD3.9 bilion memang tidak cukup. Masa itu kita ada buat tuntutan semasa saya jadi Menteri Kewangan. Saya mula dengan tuntutan sebanyak RM7.5 bilion. Kalau mereka tak mahupun— sekurang-kurangnya kalau kita lihat mahkamah, prosiding mahkamah yang dijalankan USD4.5 bilion.

Di sini, apakah usaha yang dijalankan untuk membawa balik Roger Ng supaya bolehlah tindakan sewajarnya diambil dan kita dapat maklumat yang lebih lanjut tentang skandal yang dimaklumkan oleh semua sebagai skandal kewangan yang terbesar dalam sejarah dunia, bukan sahaja sejarah Malaysia kerana melibatkan akhirnya RM50 bilion. So, ini saya rasa kita boleh dapat satu titik noktah kerana sudah lama rundingan dengan Goldman Sachs dan kita harap jumlah yang mereka janji untuk bayar boleh tambah. Sebenarnya mereka hanya USD2.5 bilion. Yang USD1.4 bilion ialah daripada aset-aset yang dapat dikenal pasti. So, saya rasa mereka harus bayar lebih daripada USD2.5 bilion.

Satu lagi perkara yang saya hendak rujuk ialah tentang Kementerian Komunikasi dan Digital. Ini hanya untuk penjelasan Dato' Yang di-Pertua kerana sekarang kalau kita lihat dari segi tambahan ini, perbekalan ini. Kementerian Komunikasi dan Digital ada satu peruntukan untuk peningkatan sistem peralatan siaraya digital tetapi kita tahu bahawa sudah pindah. Sekarang ada dua kementerian. Macam mana ini dapat diselaraskan? Ini secara teknikal kerana kita pun tak tahu Jabatan Penerangan di jabatan mana. So, saya harap boleh mendapat sedikit penjelasan.

Akhirnya tentang Kementerian Belia dan Sukan. Itu berkaitan dengan cadangan untuk menganjurkan Sukan Komanwel. Bolehkah saya dapat maklumat, apakah perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan semasa Sukan Komanwel 1998 dianjurkan kerana ada banyak tulisan, ada banyak itu komen, rencana-rencana yang mereka nyatakan kerugian besar. Sehingga tidak ada laporan, sehingga yang terlibat masa itu tidak ada tindakan diambil. Puluhan-puluhan juta punya kerugian, siapa yang tanggung itu dan ini menyebabkan apabila cadangan untuk menganjurkan Sukan Komanwel untuk 2026 diketengahkan.

Banyak pihak yang risau dan resah dan mungkin boleh jelas sedikit kerana tawaran 100 juta *pound* ini tentu tak cukuplah— kalau boleh lebih, lebihlah. Tetapi dari segi kita cakap dari segi *cost-benefit analysis* (CBA). Sekiranya itu menguntungkan negara, saya rasa ia boleh dipertimbangkan tetapi sekiranya tidak, sekurang-kurangnya kita tahu apakah yang dikatakan tentang dahulu dan ada satu penulis jurnalis R.Nadiswaran yang seorang yang agak fasih, agak tahu [*Disampuk*]— mahir, *thank you*.

Agak mahir tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan sukan. Dia tahu tentang apa yang berlaku semasa Sukan Komanwel.

Saya rasa beliau menimbulkan isu-isu yang berkepentingan awam dan apa yang berlaku masa itu, supaya kita boleh buat satu perbandingan dan juga memastikan sama ada harus atau tidak untuk mengemukakan untuk 2026. Kalau dari segi kewangan kerana ia sebut sungguhpun kalau kita lihat dari segi penyata kewangan semua cantik tetapi akhirnya ada kos-kos tambahan yang akan timbul kerana pengalaman kita semasa Sukan Komanwel. Saya rasa kita kena lihat apakah masalah yang timbul? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih, Yang Berhormat Bagan. Berikut dipersilakan Yang Berhormat Bachok.

1.45 tgh.

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua memberikan laluan kepada Bachok untuk memulakan perbincangan bagi pihak sebelah sini. Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membahaskan tentang belanjawan apatah lagi tentang belanjawan tambahan, surah Al-Isra' ayat 29 bolehlah dijadikan pedoman. Maksudnya, *"Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehernya yakni bakhil dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya yakni boros kerana akibatnya akan tinggal lah engkau dalam keadaan tercela serta sempit keputusan"*.

Tuan Yang di-Pertua, pertama disiplin fiskal. Masalah di hadapan kita ialah sejumlah wang yang telah dibelanjakan pada tahun lepas melebihi belanjawan asal yang telah diperuntukkan. Pasti ada keperluan tertentu yang menyebabkan kerajaan terpaksa berbelanja melebihi belanjawan asal ataupun mungkin kerana timbul perkara di luar jangka dan harapnya bukanlah disebabkan kelemahan dan pembaziran di pihak kerajaan.

Malah Dewan yang mulia ini telah pun meluluskan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA 2023) untuk mendisiplinkan Putrajaya dalam pengurusan fiskal dan ekonomi negara khususnya dalam aspek defisit dan hutang dengan lebih baik. Mohon pihak Menteri memberikan perakuan dan ia wajar dipatuhi. Di samping mengambil langkah-langkah berhemat bagi merealisasikan hasrat Tuanku Agong untuk melihat dalam tempoh pemerintahan Baginda, kerajaan akan berjaya memperolehi lebihan fiskal (*surplus*) setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya subsidi bersasaran. Jika dilihat pada perincian item terbesar dalam bajet tambahan ini datangnya daripada bayaran subsidi dan bantuan tunai iaitu RM14.48 bilion bersamaan 54.5 peratus, lebih daripada separuh. Dua aspek di sini pertama, kedudukan fiskal kerajaan dan terlebih penting ialah kos sara hidup dan kesejahteraan hidup rakyat.

Kita sedia maklum pada separuh kedua 2023, peningkatan harga secara menyeluruh masih terasa dan memasuki separuh pertama 2024 ini semakin terasa walaupun dengan peruntukan subsidi yang tinggi pada 2023 tahun lepas. Bab kenaikan harga ini Tuan Yang di-Pertua, jangan ditanya Menteri, jangan ditanya kita yang di atas-atas ini, tanya rakyat dan peniaga di bawah ini. Cuti sekolah mereka, buka sekolah baru-baru ini, Tahun Baru Cina, puasa, yang tidak lama lagi raya, rakyat berkira-kira untuk berbelanja. Ada yang berhutang, rakyat pun kena ada bajet tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Peniaga pula mengeluh tentang kenaikan kos. Hasil jualan yang merosot atas faktor kuasa beli rakyat yang merosot.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan, Bachok.

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok]: Menjelang selesainya pendaftaran PADU...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Bachok, penjelasan sedikit. Pertanyaan sedikit. Tadi Yang Berhormat Bachok— dia baguslah, dia *economist*, ingan kerajaan untuk

mengawal fiskal defisit supaya selaras dengan Titah Agong bahawa kita kena ada kalau boleh lah kena ada *surplus*. Pada masa yang sama, Bachok pun menunjukkan bahawa ada kos sara hidup dan perlu ada subsidi...

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok]: Ringkaskan, Yang Berhormat ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jadi ada sedikit percanggahan. Apakah *solution* yang Bachok boleh beri kepada kerajaan. Saya hendak tahu.

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok]: Saya akan *address*, saya akan *address* sebentar lagi dan minta Menteri boleh jawab lah kalau Menteri hendak jawab. Dalam hal ini difahamkan menjelang selesainya pendaftaran PADU hujung Mac ini yang semalam difahamkan berita tentang PADU ini juga mendapat sambutan. Dikatakan dimorehkan oleh *netizen*.

Seterusnya pelaksanaan subsidi petrol [Ketawa] RON 95 secara bersasar yang akan dilaksanakan seawal Jun 2024, mungkin selepas raya haji. Kesan kenaikan harga barang akan pastinya akan lebih meluas dan perlu diurus sebaiknya. Difahamkan antara kaedah yang dipertimbangkan adalah melalui pemberian baucar tunai, e-Dompet, kad subsidi yang perlu dijelaskan mekanisme oleh pihak kerajaan.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu memilih kaedah penyasaran subsidi yang dapat mengimbangi kedudukan fiskal yang lebih baik. Dalam masa yang sama mengurangkan tekanan ke atas kos sara hidup yang ditanggung oleh rakyat di samping mesej dan penjelasan kepada rakyat, peniaga dan pelabur bagi mengelakkan kekeliruan dan kekeliruan di kemudian hari.

■1350

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, pemberian tunai petroleum kepada Kelantan dan Terengganu, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kemaman tempoh hari. Untuk rekod, pada 2023, Kelantan terima RM217 juta. Itu pun di hujung-hujung Disember. Kurang RM127 juta berbanding penerimaan pada 2022. Terengganu Tuan Yang di-Pertua, sehingga Oktober 2023 hanya terima RM510 juta berbanding belanjawan negeri, RM1.5 bilion dan masih tertunggak sampai habis Disember sampailah masuk Mac 2024, masih belum dimuktamadkan.

Walau apa pun alasannya, dalam konteks Belanjawan Tambahan Persekutuan yang kita bahaskan hari ini, adalah tidak munasabah. Masih ada pemberian tunai kepada negeri yang bernaung di bawah Persekutuan masih tertunggak dan tidak dimuktamadkan. Sempena bulan yang mulia ini, di dalam Dewan yang mulia ini, mewakili 1.8 juta rakyat Kelantan dan 1.2 juta rakyat Terengganu, Bachok mohon tunggakan ini dimuktamadkan dan dilunaskan dengan segera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih, Yang Berhormat Bachok. Berikutnya dipersilakan Yang Berhormat Tenggara.

1.51 ptg.

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ruang dan peluang pada Tenggara bahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Tenggara menyokong RUU ini.

Pertama, adalah satu kewajaran. Merupakan perkara biasa yang dilakukan kerajaan untuk menguruskan perbelanjaan di luar jangka demi kepentingan rakyat. Kita boleh lihat bahawa jumlah besar peruntukan tambahan ini menampung peningkatan kos pelbagai subsidi dan bantuan seperti petrol, diesel, bil elektrik, minyak masak, pelaksanaan gaji progresif dan pembayaran pencen.

Tuan Yang di-Pertua, pertama adalah berkaitan dengan subsidi. Saya mahu menegaskan kembali pentingnya untuk kerajaan menggarap secara tuntas subsidi bersasar dilaksanakan segera. Subsidi pukal telah banyak memberikan impak negatif dan merupakan langkah regresif. Tidak membantu golongan sasaran yang sepatutnya diberikan

tumpuan. Banyak barangan bersubsidi dinikmati golongan yang tidak sepatutnya seperti petrol dinikmati oleh warga asing, minyak peket digunakan untuk tujuan komersial.

Berapakah peruntukan subsidi produk petroleum bagi tahun 2019 hingga 2023? Terdapat peningkatan penggunaan diesel bersubsidi – 6.1 bilion liter sebelum COVID-19 dan kini mencecah 10.8 bilion liter, hampir 70 peratus peningkatan. Jumlah subsidi diesel yang diberi tahun lalu sahaja sekitar RM20 bilion.

KPDN. Soalan, apakah terdapat ketirisan? Berapakah kerugian yang ditanggung? Kepada KDN, apakah langkah pemerkasaan sepadan bagi tangani penyeludupan. Kepada KPDN, KDN dan ATM, adakah wujud kewajaran melakukan Ops Bersepadu Sempadan dengan fundamental National Blue Ocean Strategy bagi mengoptimalkan sumber.

Seterusnya adalah berkaitan dengan gaji minimum. Pelaksanaan paras gaji minimum PGM RM1500, lebih RM300 meredakan ketidakpuasan hati pekerja kerana peningkatan bebanan kerja dan kenaikan kos barangan. Tidak mengira sektor swasta mahupun kerajaan. Kerajaan memberi tumpuan, usaha penambah kemahiran, rebut peluang pekerjaan bergaji lebih tinggi dengan menarik industri bernilai tinggi. Tidak hanya bergantung kepada permintaan menaikkan gaji minimum. Pasti sistem gaji progresif meningkatkan produktiviti pekerja selari dengan pengetahuan dan kemahiran, bantu tingkatkan kadar gaji lebih daripada kadar minimum.

Kadar gaji minimum sahaja tidak adil kepada mereka yang mempunyai pengalaman, kemahiran dan pengetahuan. Kalau naikan gaji minimum, tidak adil pula kepada semua majikan jika produktiviti di tahap sama. Jadi, sudah tiba masanya majikan memberi gaji yang setanding dengan kemahiran pengetahuan pekerjaan selari dengan usaha kerajaan meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan menzahirkan produktiviti dan output industri. Seramai 4.5 juta rakyat mungkin hilang pekerjaan menjelang 2030 jika tidak ditingkatkan kemahiran *reskilling* dan *upskilling*.

Melalui catatan Forum Ekonomi Dunia 2020 di Davos, memberi amaran kecerdasan buatan () akan mengurangkan pekerjaan dan diambil alih oleh robot. Hasrat dan ikhtiar Yang Amat Berhormat Pengerusi MTVET, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi memperkasakan institusi TVET sedia ada dan menubuhkan Malaysia-China Institute (MCI) di bawah MARA bagi menawarkan peningkatan kemahiran *reskilling* dan *upskilling* adalah satu tindakan yang tepat.

Seterusnya ada beberapa kaitan dengan hal berkaitan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Terdapat penambahan RM300 juta menampung perbelanjaan pilihan raya bagi enam negeri. Merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada pihak SPR yang telah menjalankan beberapa siri PRK dan PRN pada tahun lalu secara profesional dan teratur. Bagaimana ingin tingkat penyertaan rakyat khususnya anak muda dalam proses pilihan raya?

Tingkatkan peratus keluar mengundi, itu yang mustahak. Pesta demokrasi berlangsung di lapangan dan juga secara *online*. Pemantauan SPR lebih tertumpu di peringkat lapangan. Kurang pemantauan kempen atas talian seperti aplikasi *TikTok* dan sebagainya. Platform ini mampu mencemari fitnah tanpa sebarang pengawasan dan penguatkuasaan. Jadi, kita akan berdepan dengan beberapa siri PRN, mungkin Sabah yang terawal. Jadi, garis panduan mekanisme untuk menangani isu ini mestilah disediakan oleh pihak SPR.

Akhirnya adalah bagi penutupan ini. Dalam usaha menyubur dan menyemarak ekonomi, KPDN dan JAKIM, Kementerian Perpaduan mestilah memainkan peranan memastikan agama Islam juga dalam keghairahan kita mengejar bidang-bidang berkaitan dengan ekonomi ini, keharmonian hidup beragama dan perpaduan tidak diancam.

Pantau ketat-ketat penguatkuasaan. Tidak boleh ada produk atau perkhidmatan yang mengancam atau menghina mana-mana atau apa-apa agama mahupun kaum seperti mana yang berlaku baru-baru ini. Kalimah Allah dicetak pada stoking menembusi pasaran. Sikap pihak KK Mart yang tidak teliti hingga menjual stoking berkenaan dan kilang pengeluarannya di Batu Pahat. Dakwaannya ialah syarikat Xin Jian Chang amat-amat tidak boleh diterima langsung.

Dalam negara menginjak usia kemerdekaan hampir 70 tahun, takkan lah masih dungu perihal Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan hemat-hemat hidup bernegara sebagaimana yang digariskan dalam Rukun Negara. Takkan lah *lampi* sangat hingga tidak sensitif bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan, agama bagi Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu, agama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Islam *sunnah wal jamaah*, mazhab Shafie aliran *Asya'irah* dan *al-Maturidiyyah*, ia dipaku, dimateri dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri. Kita sama-sama jaga dan sama-sama hormat.

Bangunkan garis panduan yang bersifat holistik, libatkan pelbagai kementerian. Bukan hanya produk yang dijual untuk negara ini, produk yang dieksport ke luar negara juga tidak boleh ada unsur hina agama. Pantau dan ambil tindakan tegas. Laksana tindakan tegas sehingga *level* batal lesen, senarai hitam dan tutup operasi. Beri pengajaran, contoh dan teladan.

Selepas hari ini, selepas tragedi kedai KK ini, pastikan tiada lagi syarikat ikut jejak langkah tidak peka dan kurang ajar ini. Menghina agama Islam dan cetus ketidakharmonian...

Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Tenggara, Tenggara, boleh saya tanya sikit, Tenggara? Ini Pasir Mas, Pasir Mas.

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara]: Ya.

Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Berkenaan dengan stoking ini, ada saya baca kenyataan Menteri bahawa pemuda UMNO menghasut rakyat supaya pulau KK Mart dan dia kata hasutan itu boleh bawa padah kepada UMNO. Apa pandangan Tenggara?

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara]: Padah tak padah ini kita serah kepada Allah SWT lah. Bulan-bulan puasa ini, ya. Jadi, saya teruskan. Laksanakan tindakan tegas sehingga *level* batal lesen, senarai hitam dan tutup operasi. Beri pengajaran, contoh teladan.

Selepas hari ini, selepas peristiwa yang berlaku inilah, kita semua tahu. Kita pun tidak selesa. Pastikan tiada syarikat ikut jejak langkah tidak peka dan kurang ajar ini. Menghina agama Islam dan cetus ketidakharmonian. Undang-undang dan tindakan menoktahkan kependiran ini. Jadi, itu sahajalah daripada Tenggara. Tenggara mohon menyokong, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih, Yang Berhormat Tenggara. Berikut saya mempersilakan Yang Berhormat Tasek Gelugor.

1.58 ptg.

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi* dan salam sejahtera. Dalam kita bercakap mengenai perbekalan tambahan mengenai bajet tambahan yang diberikan oleh kerajaan pada tahun lepas, ada peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Komunikasi. Jadi, perkara pertama yang saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai kebebasan media dalam negara kita.

Kalau kita lihat dalam pilihan raya dan sebelum-sebelum itu lagi, boleh kata semua parti yang diwakili dalam Dewan Rakyat hari ini ada menyebut mengenai kepentingan kita mempertahankan kebebasan bersuara dan kebebasan media. Tetapi bagaimanapun, kalau kita lihat apa yang berlaku pada hari ini adalah sebaliknya. Walaupun ada peruntukan tambahan yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan yang kita lihat ialah apa yang dilakukan oleh pihak kementerian dan pihak kerajaan seolah-olah mundur banyak tahun ke belakang.

Apa yang berlaku pada hari ini, saya rasa ada satu perkara yang kita patut ambil berat dan ambil perhatian kerana kalau dilihat, kalau kita bertemu dengan rakan-rakan wartawan, rakan-rakan editor, ramai yang bercakap mengenai bagaimana mereka mendapat panggilan ada kandungan yang kena diubah, ada *headline* yang kena diubah.

Dalam hal ini, kadang-kadang ia bukan disebabkan media itu berat sebelah tetapi hakikatnya antara pembeli terbesar, *the biggest media buyer* dalam negara kita adalah agensi-agensi kerajaan dan kementerian-kementerian dan ini menimbulkan sedikit rasa serba salah di kalangan pengamal media yang mana saya rasa kita perlu ambil berat dan kita kena pastikan bahawa usaha untuk memastikan media kita bebas walaupun dalam keadaan kerajaan menjadi pembeli terbesar *media buy*, *media space* dalam negara kita, kebebasan media mestilah dipertahankan.

Antara perkara yang lebih membimbangkan Tuan Yang di-Pertua ialah kebebasan dalam media sosial. Kalau kita lihat apa yang berlaku dalam negara kita sejak kebelakangan ini, penurunan kandungan, penutupan akaun, dipanggil untuk siasatan dan macam-macam lagilah berlaku dengan cara yang terlalu banyak kalau nak dikira.

■1400

Kalau nak disebut pun ramai yang terlibat. Tetapi hakikatnya dan saya rasa semua orang sedia maklum, yang paling pantas tindakan diambil ialah kalau sekiranya ia bersifat mengkritik kerajaan. Tetapi kalau sekiranya dia memfitnah kita di sebelah Perikatan Nasional, tindakan itu tidak diambil dan tidak berjalan pun. Saya ambil contoh diri saya sendiri. Saya ada buat kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

Malahan saya timbulkan kepada Yang Berhormat Menteri mengenai aduan saya mengenai fitnah yang dilontarkan oleh seorang individu yang namanya ialah Mohd Shukri Samsuddin dan fitnah ini apabila tidak diambil tindakan oleh SKMM, saya bawa ke mahkamah. Saya hantar *demand letter* sehingga beliau akhirnya dibawa ke mahkamah dan meminta maaf kepada saya dalam mahkamah. Mahkamah boleh selesaikan sehingga hari ini aduan yang dibuat kepada SKMM tidak berjalan. Apa gunanya peruntukan yang sebegitu banyak diberikan kalau sekiranya *efficiency* SKMM ini hanyalah berat sebelah semata-mata.

Di waktu yang sama Yang di-Pertua, ada juga peruntukan yang diberi kepada Jabatan Komunikasi Komuniti (JKOM)...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, sebentar ya. Bawah kepala berapa ni?

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor]: *Sorry?* Ini peringkat dasar Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Oh okey. Teruskan.

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor]: Okey, lari sikit *point*. Okey. *[Ketawa]* Ini gangguan Yang di-Pertua. Ada juga peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Komunikasi Komuniti (JKOM). Saya nak minta penjelasan daripada pihak kerajaan apa sebenarnya peranan yang dimainkan oleh Jabatan Komunikasi Komuniti (JKOM) ini sehingga mereka mendapat keutamaan sebegitu sekali dengan peruntukan yang diberikan, penubuhan, pelantikan yang dibuat dan sebagainya sedangkan agenda sebenar mestilah mengenai kebebasan media.

Majlis Media Malaysia sehingga hari ini tidak dapat ditubuhkan dan tidak dilancarkan lagi walaupun kod etika untuk wartawan dilancarkan oleh kerajaan. Satu benda yang tidak pernah berlaku dalam negara kita sejak merdeka. Ini adalah kepincangan dalam menentukan keutamaan. Bagi saya daripada kita beri keutamaan kepada entiti macam JKOM lebih baik entiti seperti Majlis Media Malaysia diutamakan agar berlaku *self-regulation* di kalangan media di Malaysia. Itu mengenai Kementerian Komunikasi Tuan Yang di-Pertua.

Saya nak pindah sedikit kepada satu topik yang saya dah timbulkan sebelum ini mengenai Kementerian Kesihatan. Saya agak bimbang- mula-mula sekali saya nak nyatakan usaha kerajaan untuk mengawal penggunaan produk tembakau dalam negara, tapi saya agak bimbang mengenai penggunaan *vape* yang banyak ditimbulkan oleh ibu bapa kepada saya di kawasan saya di Tasek Gelugor. Yang mana kandungan *vape* ini tidak ada kawalan dan tak ada siapa-siapa yang *publish* kandungan *vape* dalam satu-satu

alat *vape* itu. Saya minta supaya Kementerian Kesihatan mengambil berat mengenai perkara ini supaya ada kawalan dan ketelusan yang diberikan.

Akhir sekali Yang di-Pertua, saya nak menyentuh sedikit mengenai dasar kita dan cara kita beroperasi dalam Dewan ini secara keseluruhan. Sebelum ini pun saya pernah sebut Yang di-Pertua bagaimana sebenarnya perbincangan kita kalau dilihat baik dari pihak kerajaan mahupun pihak pembangkang kita berusaha untuk memberi pandangan sebaik yang mungkin dalam beberapa akta yang dibentangkan, rang undang-undang dibentangkan. Pandangan dari pihak kerajaan pun ada yang baiknya di pihak pembangkang pun ada baiknya.

Bagaimanapun proses yang kita lalui ini bagi saya sebagai Ahli Parlimen yang baru, Ahli Dewan Rakyat yang baru saya melihat seolah-olah perbincangan kita sebenarnya macam tak ada faedah dalam Dewan ini. Sepatutnya institusi Dewan Rakyat, Dewan Negara diperkasakan dan boleh dilakukan perubahan terutama sekali kalau ada wakil rakyat daripada sebelah kerajaan yang juga memberikan pandangan.

Jadi saya mohon, saya rasa ini mungkin di peringkat Jabatan Perdana Menteri, Menteri Undang-undang dan mungkin di institusi Yang di-Pertua sendiri agar memberi perhatian kepada perkara ini supaya tidak berlaku lagi keadaan yang mana kalau kita bahas, punyalah penat bahas satu perkataan pun tidak boleh diubah.

Alangkah baiknya kalau kita gunakan peluang perbincangan ini untuk cari idea-idea yang bernas dan kita cari cara untuk meluluskan suatu akta demi kebaikan negara dengan perubahan-perubahan yang dicadangkan baik di pihak pembangkang apatah lagi kalau datang cadangan itu daripada pihak kerajaan. Sekian, Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Berikut saya mempersilakan Yang Berhormat Bayan Baru.

2.04 ptg.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan RUU Perbelanjaan Tambahan Pertama untuk tahun 2023. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa Malaysia ini kita dalam keadaan fiskal defisit yang amat tinggi. jadi secara umumnya kita harap bahawa kita boleh *control fiscal spending* kita supaya dia tidak terlampau besar. Saya juga faham bahawa keadaan kerajaan kerana ini memang adalah bajet pertama yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Tambun yang pada ketika itu adalah Perdana Menteri yang baru, maka dia *inherit* perbelanjaan yang dulu- bajet yang telah lama *plan*. Jadi terpaksa tambah sedikit sana sini, saya boleh faham. Jadi haraplah Menteri Kewangan boleh menjelaskan kepada kita, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berapakah fiskal defisit yang mungkin akan- akibat daripada tambahan perbelanjaan ini.

Saya nak masuk isu subsidi. Kita di Malaysia ini ada pelbagai jenis subsidi. Subsidi petrol, subsidi diesel, subsidi minyak masak, subsidi elektrik, subsidi telur, subsidi daging ayam, subsidi padi contohnya subsidi baja, benih, racun subsidi harga padi juga dan kita bagi juga subsidi diesel kepada *vessel* nelayan. Kita pun ada pelbagai subsidi lagilah pelbagai jenis subsidi. Untuk syarikat-syarikat besar kita pun memberi subsidi juga yang tidak langsung. Contohnya kerajaan negeri bagi tanah kepada harga yang rendah, Kementerian Kewangan memberi contohnya geran dan sebagainya. *Facilities*, memudahkan *business*.

Jadi ini menyebabkan fiskal negara kita amat ketat kerana pada pendapat saya kita harus bagi subsidi kepada yang betul-betul memerlukan. Itu sebab tadi saya tanya Yang Berhormat Bachok, sebab saya nampak pembangkang pun lebih kurang setuju dengan kerajaan di mana kita kena jaga fiskal polisi, *at the same time* kita pun nak membantu rakyat yang miskin. Jadi *the jalan- the way out* adalah untuk *targeted* subsidi.

Saya harap bahawa pembangkang jangan apabila melaksanakan PADU dan juga subsidi bersasar, pembangkang jangan mainkan isu ya, mereka harus bersama. Kalau semua Ahli Yang Berhormat pembangkang boleh berfikir seperti Bachok, saya rasa itu

satu yang baik. Saya tabik kepada Bachok kerana dia memberi satu penjelasan lebih kurang samalah polisi yang telah dirancang oleh kerajaan.

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok]: Yang Berhormat, mencelah sedikit boleh? Semalam Menteri Ekonomi maklumkan antara negeri yang rendah pendaftaran PADU ialah Selangor, yang keduanya kalangan bukan Melayu juga adalah rendah pendaftaran PADU. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kalangan penyokong PH juga rendah mendaftar PADU ini. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya rasa subsidi ini bukan pembangkang ke penyokong PH, ini rakyat. Kita jangan asingkan. Rakyat ini rakyat. Kalau PADU itu kita kena bantu semua. Tak kira Melayu kah, Cina kah India yang betul-betul bantu kita bantu. Jadi saya rasa kalau boleh kita kena rasionalisasi subsidi supaya tidak *go out of control*. Saya tahu sebab Yang Berhormat PM Tambun dia baik hati sangat. Dia selalu kata kita nak bantu rakyat, tak kisah nak menyelesaikan masalah tapi *at the same time* kita pun kena jaga fiskal polisi kita.

So, isu yang kedua saya nak bangkitkan adalah tentang REE. Saya nampak bahawa khazanah Malaysia ini banyak dan salah satu adalah *rare earth*, nadir bumi yang dianggarkan satu trilion. Kerajaan harus ada penyelesaian kerana sekarang ada penyeludupan keluar yang menyebabkan kita kehilangan kewangan yang besar. Saya harap Kementerian Kewangan boleh fikirkan menggunakan PETRONAS...

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: [Bangun]

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya tak ada masalah, *sorry* ya Pendang. Last...

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: REE.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: PETRONAS untuk, menggunakan PETRONAS satu agensi kerajaan yang mempunyai kepakaran cari gali yang baik. *It has to be beyond oil and gas*, kalau boleh mengerahkan PETRONAS ke dalam usaha untuk dapatkan nadir bumi *extraction and also* pemprosesan dan juga *downstream* supaya kita boleh ada khazanah baru untuk kerajaan kita.

■1410

Akhir sekali, kita nampak bahawa baru-baru ini ada, *you know, very good news for Malaysia*. Sejak lamalah dengan skandal 1MDB dan sebagainya, kita jarang mendapat perhatian *newspaper* daripada media di dunia. Akhirnya, baru-baru ini, dalam minggu lepas sahaja, minggu lepas sahaja dua hari berturut-turut pada 11 Mac, *Financial Times* kata "*Malaysia the surprise winner from US-China chip war*". Mereka memberi kredit bahawa Malaysia ini memang hebat. Satu, dua hari kemudian, 13 Mac, *New York Times* kata, "*Malaysia rises as the crucial link in cheap supply chain*".

Maksudnya, Malaysia mendapat *recognition* daripada seluruh dunia kerana usaha PMX kita pergi merata dunia mendapatkan *foreign direct investment*. PMX kita adalah *chief executive officer* dan *chief sales officer* yang meningkatkan martabat Malaysia di seluruh dunia. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan. Dan jangan lupa *tech sector*, industri-industri *high tech* yang berada di *Penang*, *Kulim*, *Johor*, *Selangor* dan sebagainya. Mereka berusaha memartabatkan *high-tech industry* kita.

Saya haraplah sama-sama kita kedua-dua pihak, kerajaan dan juga pembangkang, *this is not the time for politics*, fokus kepada ekonomi. Sekarang kita ada nampak sudah sinar harapan yang telah—timbullah sinar harapan. Haraplah kita sekarang fokus kepada ekonomi dan kita jayakan Malaysia *and make Malaysia great again*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih, Yang Berhormat Bayan Baru. Berikut, dipersilakan Yang Berhormat Pendang.

2.12 ptg.

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih saya diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2023 ini. Sudah belanja habis sudah pun. Cuma, hari ini kita minta hendak lulus sahaja. Kalau kita korek suruh tarik balik duit itu pun tidak tahu hendak cari mana sudah sebab duit belanja habis sudah.

Jadi, ini kita ucap terima kasihlah. Pada kali ini, *alhamdulillah*, kita ada Menteri Kewangan penuh, *full time*. Selalunya kita tidak ada. Tahun lepas tidak ada Menteri Kewangan penuh. Hanya Timbalan sahaja. Jadi, tahun ini kita ucap terima kasih, *alhamdulillah*, mungkin sempena berkat bulan puasa *kot noh*, Menteri Kewangan penuh ada kali ini. *[Ketawa]*

Jadi, saya hendak membangkit beberapa isu yang kita rasa kritikal supaya kita mendapat pencerahan daripada pihak kerajaan.

Pertamanya, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Dewan yang mulia hari ini berkaitan dengan isu pencen ataupun elaun pesara dan juga ganjaran kepada penjawat awam. Isu ini tidak boleh dinafikan adalah hal yang cukup sensitif kerana ia melibatkan hal kebajikan dan kelangsungan pesara penjawat awam yang berbakti kepada negara sehingga mereka pencen berpuluh tahun.

Termasuk Yang Berhormat Dato' Speaker jugalah. Pencen. Kerja dengan pegawai polis berapa puluh tahun berkhidmat. Itu jasanya menjaga keselamatan kita semua rakyat. Termasuk menjaga kita daripada diganggu gugat oleh komunis. Ini jasa polis yang besar yang kita perlu hargai. Sebab itu pencen ini, gaji polis apa semua, kita kena berilah perhatian khusus supaya mereka dapat meneruskan kehidupan mereka selepas mereka pencen.

Jadi, apabila kita melihat pada pembentangan pada kali ini iaitu kali pertama— disebut di sini Jadual Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tambahan Pertama 2023. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Timbalan itu. Ada lagi ke tambahan hendak buat ini? Sebut pertama. Mungkin ada kedua, ketiga, keempat? Kira hendak tambah sahaja ini. Jangan buat bajetlah kalau macam itu. Buat bajet tambahan sahaja.

Tidak *gitu*, Timbalan Menteri Kewangan? *[Merujuk kepada Yang Berhormat Pontian]* Oh, bekas. Minta maaf. *Sorry*. Kawan saya dahulu. Kami duduk ceramah sekali satu pentas dahulu ini. Pantun pun sekali dengan Yang Berhormat Pontian dahulu. Sampai sekarang kami kawan. Berbeza pentas sahaja tetapi hati kami saudara seislam. *[Disampuk]* Jadi, puasa. Baik, terima kasih.

Berkaitan dengan pertambahan sebanyak RM2.115 bilion untuk menampung perbelanjaan pencen, ganjaran persaraan dan pembayaran Gantikan Cuti Rehat (GCR). Soalnya, apakah terdapat perancangan khusus kerajaan terhadap tanggungan pencen, elaun bersara dan ganjaran sebagai penyelesaian tuntas untuk menjamin kebajikan pesara penjawat awam terutama dalam negara berdepan dengan cabaran ataupun, dengan izin, *aging nation* pada masa hadapan?

Saya pun akan *pi* ke situ juga— *aging nation*. *[Disampuk]* Dah *pi* dah ya? *I pi* dah. Okey, sepatutnya kerajaan— ya, sila.

Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah [Indera Mahkota]: Saya hendak mencelah, Pendang. Sebut fasal yang pencen, Yang Berhormat, saya hendak tanya yang sekarang.

Dalam jawatankuasa pilihan khas yang saya pengerusikan, kami ada satu prosiding pada 10 Julai 2023. Ini berkaitan dengan bayaran kepada kontraktor-kontraktor di bawah Kementerian Pendidikan. Dia ada kaitan dengan— saya sebut Persatuan Kontraktor Kebersihan dan Bekalan Makanan Malaysia. Tetapi, antara yang ditimbulkan adalah pembayaran menjadi masalah kerana isu kelewatan Surat Pekeliling MOF BPKS 600-1/3/66 dan sebagainya, yang menyebabkan berlaku kelewatan pembayaran. Saya fikir KPM memerlukan bantuan MOF dalam hal-hal yang berkaitan dengan kontraktor-kontraktor di bawah KPM.

Terima kasih. Terima kasih, Pendang.

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat, saya masa habis bagi— sudah dua minit itu. Tetapi, tidak apa. Tolong ambil perhatian. Tidak bayar ini teruklah kontraktor kita, Kementerian Kewangan. Sebab, duit berpunca daripada Kementerian Kewangan. Yang bagi projek ini KPM tetapi dia punya punca fiskal daripada Kementerian Kewangan. Jadi, Kementerian Kewangan jangan liatlah. Tengok, *check* semua dokumen semua cukup, bayar. Jangan *duk* tangguh-tangguh. *Duk* tangguh buat apa? Ini hendak minta perbelanjaan tambahan, kami bagi, kami sokong. Tiba-tiba, duit orang, tidak mahu bayar. Tidak kena macam itu. Zalim itu bulan-bulan puasa ini.

Jadi, saya hendak ambillah sedikit— Dato' Speaker, sedikit sahaja. *Last* sekali. Apabila kita melihat hari ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Macam sembang dekat kedai kopi sahaja.

[*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Tetapi *point*. Walaupun sembang kedai kopi. Saya orang kampung. *Tara* itu *la*. Kalau hendak sembang macam bahasa tinggi-tinggi macam pantun macam Datuk Ahmad Maslan, Pontian itu, *dak la*. Saya orang kampung sahaja. Cara orang kampung. Okey, baik.

Jadi, mutakhir ini, kita timbul kita memerangi rasuah termasuk maha kaya. Tetapi, tiba-tiba saya sangat setuju dengan Yang Amat Berhormat Tambun ini. Dalam ketika dia memerangi rasuah termasuk orang-orang maha kaya ini, dalam masa yang sama, dia membina juga remaja-remaja kita menjadi maha kaya.

Contohnya— yang ini saya sangat setuju. Orang-orang muda ambil perhatian. Contohnya bagaimana seorang pemuda yang juga bekas setiausaha politik kepada Yang Amat Berhormat Tambun yang terlibat dalam perolehan saham bernilai jutaan ringgit dalam sebuah syarikat yang dikatakan mendapat kontrak kerajaan. Beliau juga dikatakan diletakkan pada satu tempat *highly strategic*, dengan izin, *and privilege* di beberapa buah syarikat seperti Apex Equity Holdings, 7-Eleven Malaysia Holdings, Excel Force MSC dan beberapa lagi *public listed company*.

Saya cukup suka dan berbangga apabila seorang anak muda dengan latar belakang yang cukup menarik hari ini berjaya memperoleh kedudukan kewangan yang sangat stabil dengan pencapaian dalam dunia korporat, seterusnya berjaya meletakkan kedudukan sangat penting dalam sebuah syarikat teknologi dengan perolehan saham bernilai tinggi.

Saya tabik dengan pencapaian anak muda ini. Walaupun dia muda, masa kita kenal dia dahulu tidak ada apa-apa, tiba-tiba macam dapat lampu Aladdin menjadi kaya. Jadi, Kementerian Kewangan kena tengoklah macam mana ini sejarah ini. Bagi saya, ini merupakan satu inspirasi kepada anak muda lain bahawa mereka juga sekarang—

Masa saya muda dahulu, kami *tak dan* hendak dapat Perdana Menteri seperti Yang Amat Berhormat Tambun. Kami *duk* lawan dengan FRU yang *duk* kena tembak masa itu. Tan Sri Speaker pun mungkin jadi ketua *duk* tembak kami. *Duk* kena *water cannon* dengan apa ini— apa satu lagi itu? *Ayaq* itu. *Water cannon* dengan *water*— asap apa? [*Disampuk*] Gas kanister. *Canister gas*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: YB *punggai* batu.

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: *Dak*. Kami lari. Tak ada *punggai*. FRU *mai je*, saya lari. *Duk* pertahan Yang Amat Berhormat Tambun. Saya tidak lawan polis sahaja. Saya tidak lawan polis, Yang Berhormat Dato'. Tengok palang merah *mai* sahaja, kami lari. *Tong-teng, tong-teng* itu, lari sudah. Kalau tidak, dia tembak, pening. Tengah lari ini, dia tangkap otak ini, tengkuk ini, rebah terguling. *Oi*, teruk itu *canister bomb* itu. Jangan main-main.

■1420

Jadi, saya mintalah— pemuda-pemuda sekarang mereka untung sebab *hat kami dok* bela pada ketika tahun 1998 itu, hari ini dia jadi Perdana Menteri, mereka boleh ambil harta, boleh buat kaya cepat. Anak muda sokonglah kalau begitu. Tapi rasuah berleluasa.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Pendang, Pendang.

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Ya, ya. Sikit.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Ringkas.

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Ya, okey.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Pendang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Seminit nak?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: ...kemukakan tadi itu. Bersetuju tak Pendang bahawa kejayaan ini menunjukkan betapa kehebatan pemuda ini, menunjukkan betapa telusnya Kerajaan MADANI hari ini.

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Telus kah? Saya tak tahulah, tiba-tiba jadi kaya ini. Okey, baik. Cuma persoalannya saya tengok, bagi saya, ini merupakan satu kejayaan bagi anak muda tapi kalau *unhealthy practice*, anak muda jangan ikutlah benda itu. Tak baik, rosak negara. Kalau rasuah yang kita nak perang ini, kita juga terlibat dalam rasuah, akan merosakkan negara. Akhirnya, negara kita, rakyat kita, negara kita, bangsa kita akan hancur, banyak seperti mana Greece, hancur kerana rasuah. Negara dia bankrap. Ini kita tak mahu Malaysia jadi macam itu.

Jadi, kita tengok apakah dengan kerja usaha yang ini, kena usaha kuatlah anak-anak muda, kerja *smart*? Cuma persoalannya, bagaimana seorang anak muda berjaya memperoleh pendapatan yang sangat tinggi jika dibandingkan dengan orang lain? Pendapatan yang mendadak naik. Apakah latar belakang beliau hingga ditempatkan pada tempat yang sangat strategik, hingga memperoleh satu pendapatan yang sangat tinggi? Jadi, saya ingin tahu, apakah tata kelola dan pendekatan dalam *upholding and maintaining high integrity for the best interest of rakyat*, dengan izin. Saya mohon penjelasan daripada Menteri Kewangan yang kita ada *full time* ini. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Dato'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Saya persilakan Yang Berhormat Beluran.

2.22 ptg.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang di-Pertua Dewan. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini dalam peringkat dasar perbekalan tambahan. Yang Berhormat Speaker, insiden yang berlaku tadi, Peraturan Mesyuarat 54(1) dan (2) merupakan satu pengajaran bagi kita bahawa dalam Dewan ini kita ada hak Ahli Parlimen dan termaktub di dalam peraturan mesyuarat. Proses dan prosedur yang boleh diambil oleh Speaker. Walaupun kami di pihak pembangkang tetapi hak kami sebagai pembangkang tidak boleh diketepikan oleh mana-mana pihak kerana itu termaktub di dalam peraturan mesyuarat.

Begitu juga apabila Ahli Parlimen di Dewan ini berbahas dalam apa konteks sekali pun, kecuali ianya tidak melanggar peraturan. Dalam Perlembagaan Persekutuan, Ahli Parlimen- perbahasan Ahli Parlimen itu tidak boleh dipertikaikan. Ianya diletak di dalam Fasal 63(1), Fasal 63(2), Fasal 63(4) dan Fasal 63(4) meletakkan bahawa- meletakkan apa-apa yang bertentangan dengan Akta Hasutan. Fasal 63(5) – kesemua Fasal-fasal dalam Perlembagaan Persekutuan, perkara-perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan ini memberi hak kepada Ahli Parlimen untuk berbahas. Apa juga perbahasan, kecuali ia bertentangan dengan Akta Hasutan. Tetapi apa yang terjadi dengan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, yang membahaskan di Dewan ini— Tasek Gelugor yang berbahas di Dewan ini bercakap tentang ada cubaan untuk merasuah beliau dan sebagainya. Cubaan untuk

memujuk beliau. Beliau berhadapan dengan tindakan dan juga ugutan untuk- oleh pihak dan agensi tertentu oleh kerajaan.

Adakah itu tidak bertentangan dengan hak beliau sebagai Ahli Parlimen di bawah perkara-perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan? Begitu juga Dato' Yang di-Pertua, bahawa perkara-perkara itu ada termaktub yang menjadi keistimewaan kepada Ahli Parlimen, yang tidak sepatutnya *subjected* kepada *interrogation* oleh mana-mana pihak dan agensi, kerana itu semua termaktub di dalam perkara-perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Begitu juga Yang Berhormat Speaker, kalau kita tengok tahun 2009 yang lalu juga berlaku, hak sebagai Ahli Parlimen di dalam Dewan ini. 2009 yang lalu, berlaku kepada mantan Ahli Parlimen Bukit Gelugor ketika itu, mendiang. Beliau telah diganggu oleh beberapa orang di luar Dewan ini, di luar Dewan. Bukan dalam Dewan. Berlaku di luar Dewan oleh beberapa pemimpin, orang. Apakah tindakan kerajaan? Apa tindakan Dewan? Apa tindakan Speaker? Kerajaan mengusulkan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 80A dan merujuk beberapa orang yang melakukan gangguan itu kepada Jawatankuasa Hal dan Kebebasan. Akhirnya, mereka didapati bersalah dan didenda RM1,000 seorang.

Maknanya, Parlimen memegang keistimewaan Ahli Parlimen walaupun berlaku di luar sana. Diganggu dan diambil tindakan oleh Parlimen. Tasek Gelugor tidak seharusnya *subjected* kepada *interrogation*. Perkara yang dibahaskan di dalam Dewan ini yang masih termaktub di dalam keistimewaannya sebagai Ahli Parlimen. Begitu juga pengasingan kuasa di dalam Perlembagaan Persekutuan. Jelas Perkara 44 dinyatakan tentang kuasa Legislatif, kuasa Eksekutif, kuasa Kehakiman dan juga Perkara 39, Perkara 125, Perkara 127 memperincikan kupasan, memperincikan tentang pengasingan kuasa. Tapi apa yang berlaku dalam kerajaan sekarang ini, keputusan Speaker nak dirujuk oleh kerajaan.

Saya bercakap tentang peraturan mesyuarat, Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Speaker perlu— *because you are the Speaker, you are the custodian of the peraturan mesyuarat*. Keputusan Speaker dirujuk oleh kerajaan rasmi, jurucakap kerajaan ini membuat ulasan, membuat *statement*, "*Putrajaya to contact Speaker over MPs' misleading remark in Parliament*". *What is this? This is Executive* nak campur tangan dengan apa yang berlaku di dalam Dewan ini. Tak akan kerajaan nak arah Speaker? Bila ditegur oleh beberapa pihak, termasuk Ahli Parlimen Bukit Gelugor. Kemudian, jurucakap kerajaan ini membuat *statement* baharu, "*Pertemuan dengan Speaker perkara biasa*". *No, there was an attempt* untuk mencabuli hak-hak Ahli Parlimen dan mencabuli pengasingan kuasa yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Dato' Speaker, apa yang berlaku dua minggu yang lalu, apabila ada usul untuk menggantung Ahli Parlimen Bukit Gelugor— Tasek Gelugor. Banyak Gelugor ini. [Ketawa] Menggantung Tasek Gelugor enam bulan daripada menghadiri Dewan. Keputusan Speaker untuk meminta kerajaan menarik balik adalah satu keputusan yang tepat. Kalau tidak, itu akan dilihat sebagai satu usaha Eksekutif untuk mengkaji semula keputusan yang dibuat oleh Speaker kerana kes Tasek Gelugor pada ketika itu sudah selesai di dalam Dewan. Tasek Gelugor diminta untuk menarik balik beberapa ungkapan yang disebutkan dalam Dewan.

Kalau usul itu dilakukan, diteruskan oleh kerajaan, oleh pihak Eksekutif, ianya adalah satu usaha untuk mengkaji semula tindakan dan keputusan Speaker. Membayangkan bahawa kerajaan sudah kehilangan kepercayaan terhadap Speaker. *It's very bad in that point*, dalam konteks peraturan mesyuarat. Kerajaan yang ada sekarang ini melakukan perkara-perkara ini. Perkara tadi juga melakukan- *The public* nampak bahawa kerajaan seolah-olah menggunakan majoriti dalam Dewan ini untuk melakukan beberapa perkara yang tidak sesuai. Tidak seiring dengan kehendak peraturan mesyuarat dan juga Perlembagaan Persekutuan terhadap perjalanan Parlimen, hak Ahli Parlimen dan juga kebebasan yang ada pada setiap Ahli Parlimen dalam Dewan ini.

Kita harapkan agar pandangan kami di sini tidak diperkecilkan oleh mana-mana pihak. Pengasingan kuasa yang jelas dalam Perlembagaan Persekutuan harus dihormati oleh kerajaan dan semua pihak. Jadi, saya ingin tahu, adakah kerajaan akan terus menghormati pengasingan kuasa, menghormati hak dan kebebasan Ahli Parlimen di

dalam Dewan ini agar akhirnya dijadikan sebagai antara prinsip kerajaan yang Kerajaan MADANI, yang dilaung-laung, yang diangkat oleh kerajaan pada ketika ini.

Jadi, Yang Berhormat Speaker. Itu saja ulasan saya dalam perbahasan ini dan saya minta agar perkara ini jangan bencikan kita. Tadi *is a blatant disregard* untuk peraturan mesyuarat, di bawah Peraturan Mesyuarat 54(1) dan (2). Terima kasih Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, Yang Berhormat Betong. Saya *concede on the perspective that there is- should*, dengan izin, *should be a separation of powers on three aspects of Legislature, the Executive and Judiciary*. Itu kita kenal. *There's no tolerance on that. That's my point of view. [Tepuk]*

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Okey, Yang Berhormat Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor]: Baik, berikutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Betong.

■1430

2.30 ptg.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2023 pada hari ini.

Dato' Yang di-Pertua, masalah di hadapan kita ialah sejumlah wang yang dibelanjakan pada tahun lepas, tahun 2023 melebihi belanjawan asal yang telah diperuntukkan. Maka, Betong menyokonglah RUU ini kerana kerajaan terpaksa berbelanja melebihi peruntukan atas dasar-dasar keperluan ekonomi dan rakyat.

Oleh itu, Betong hanya akan menyentuh dua perkara sahaja. Pertama ialah mengenai tanggungan pencen, seperti yang telah dinyatakan oleh Pendang tadi, elaun bersara dan ganjaran komitmen kerajaan di mana tambahan sebanyak RM2.115 bilion adalah dikehendaki untuk menampung bayaran pencen yang tidak mencukupi ini. Ini juga penting bagi menentukan kebajikan pesara penjawat awam diberikan keutamaan, mengambil kira pengorbanan mereka dahulu dan keperluan kelangsungan hidup seharian mereka pada masa ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Maka dalam hal ini, Betong ingin minta penjelasan mengenai apakah status kajian berhubung skim pencen bagi penjawat awam, khususnya melibatkan pesara penjawat awam yang berada di bawah paras kemiskinan. Maka, dalam masa yang sama, minta kerajaan juga mengkaji, meneliti segala alternatif kepada sistem sedia ada ini dengan mengambil kira paras tanggungan pesara yang semakin meningkat dan peralihan Malaysia menuju negara menua.

Mengikut data yang ada menunjukkan tanggungan kewangan kerajaan bagi faedah persaraan pada ketika ini sangat besar iaitu RM32.01 bilion pada tahun 2023 dan jika tiada intervensi yang signifikan, jumlah ini akan meningkat kepada RM120 bilion pada tahun 2040 dan RM173.4 bilion pada tahun 2050.

Soalannya, apakah inisiatif, langkah dan pendekatan yang terbaik akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi menangani isu peningkatan tanggungan pencen perkhidmatan awam? Tan Sri Yang di-Pertua, Betong ingin berkongsi sedikit mengenai perkhidmatan awam Sarawak yang mana bermula pada tahun ini, tahun 2024 di mana semua lantikan baharu adalah di bawah jawatan berasaskan caruman (JBC) dan tidak berpencen.

Ia berstatus tetap dan mereka juga menikmati semua kelebihan yang dinikmati oleh penjawat awam skim pencen termasuk perubatan, pinjaman perumahan dan sebagainya. Manakala, penjawat awam sedia ada yang berstatus pencen adalah tidak terjejas dengan dasar tersebut.

Maka, dalam skim JBC ini mempunyai lebih banyak kelebihan dan manfaat kerana ia lebih fleksibel di mana penjawat awam itu boleh memilih bertukar ke sektor swasta pada bila-bila masa. Manakala, skim berpencen, ia kadangkala meletakkan seseorang dalam situasi yang sukar terutamanya apabila mereka mendapat tawaran yang lebih baik daripada korporat atau swasta. Bila mereka ingin berpindah ke swasta untuk kerjaya yang lebih baik, mereka akan mengorbankan skim pencen tersebut.

Dalam JBC adalah fleksibel dan selari dengan situasi semasa di mana generasi muda lebih gemar berpindah kerjaya dari satu agensi ke agensi yang lain. Sebagai contoh, sekiranya penjawat awam ditawarkan oleh swasta dengan gaji yang lebih lumayan dan memilih bertukar kerjaya, mereka boleh dan bebas pergi ke sana tanpa berdepan risiko kehilangan skim pencen. Dalam masa yang sama, kakitangan swasta juga boleh memasuki perkhidmatan awam kerana kita boleh menyerap mereka melalui skim JBC. Ini sekali gus membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan awam.

Kedua dan terakhir, Betong ingin membangkit mengenai Laporan Ketua Audit Negara yang telah dibentangkan pada 6 Mac 2024 mengenai Penyata Kewangan Agensi-agensi Persekutuan Tahun 2022. Mengikut laporan tersebut, tahun demi tahun Laporan Ketua Audit Negara telah mendedahkan pengurusan kewangan yang lemah dan tidak cekap, yang menyebabkan berbilion ringgit dibazirkan.

Perkara ini menyumbangkan kepada kehilangan hasil atau *revenue*, menjadi beban kepada kerajaan untuk menguruskan ekonomi. Bayangkan, peruntukan kerajaan yang banyak itu tadi dapat digunakan untuk berapa banyak hospital, sekolah daif, jalan raya dan prasarana awam dapat dibina untuk rakyat Malaysia, sekiranya berbilion ringgit ini tidak dibazir disebabkan pengurusan wang awam yang tidak diuruskan dengan betul.

Tan Sri Yang di-Pertua, oleh itu, apakah tindakan kerajaan bagi menghentikan segala pembaziran wang pembayar cukai dan menghentikan penyelewengan prosedur yang salah dan salah urus dana awam? Maka, kerajaan perlu tegas dan ambil tindakan sewajarnya kepada semua yang didapati bersalah dalam pengurusan wang awam ini supaya dana ini dapat diguna sebaik-baiknya untuk kepentingan rakyat. Itu sahaja daripada Betong, dan Betong mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Saya jemput Pasir Mas.

2.36 ptg.

Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Baik. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tan Sri Speaker, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya.

Perbekalan tambahan bukanlah satu perkara asing dalam pengurusan kewangan kerajaan. Jika kita telah memperuntukkan satu-satu perbelanjaan, kadang-kadang berlaku sesuatu di luar jangkaan yang menyebabkan perbekalan tambahan diperlukan. Kami di barisan pembangkang tidak seperti pembangkang dulu-dulu, yang akan membangkang secara membuta-tuli. Jika perlu sokong, kami sokong. Tiada masalah.

Cuma, saya nak ingatkan. Jika dulu, kalau berlaku perbekalan tambahan seperti ini, pastinya akan dikaitkan dengan kerajaan yang tidak cekap dan lain-lain sehingga dulu, pernah berlaku perbincangan di dalam Dewan, kalau berlaku perbekalan tambahan dan sebagainya. Saya nak *quote* kata-kata Yang Berhormat Pontian ketika menjadi Timbalan Menteri Kewangan pada tahun 2013.

Pernah menyebut rekod, bagaimana Yang Berhormat Pekan, 2009 dua kali perbelanjaan tambahan. 2010, dua kali. 2011, dua kali. 2012, dua kali. Pekan, pada masa itu. Tetapi, Yang Berhormat Permatang Pauh pada masa itu tahun 1991, empat kali bajet tambahan. 1992, empat kali bajet tambahan. 1993, empat kali. 1994, empat kali. 1995, empat kali. 1996, tiga kali. 1997, empat kali. 1998, dua kali dan dipecat. Jadi, lapan tahun 29 kali bajet tambahan. Saya rasa, Pontian boleh sahkan ini, betul-betul ucapan daripada Pontian pada masa itu. Jadi, sekarang kita tengoklah Menteri Kewangan sekarang ini, berapa kali bajet tambahan dalam masa setahun ini. baik.

Saya pergi kepada Butiran B.4. Saya mohon kerajaan buat unjuran dan memaklumkan kepada Ahli Dewan, daripada RM300 juta perbelanjaan tambahan, berapakah penjimatan yang rakyat bakal terima, jika kita tidak mengadakan pilihan raya di enam negeri secara berasingan pada PRU 15 yang lepas.

Tetapi, kerana kita nak menyegerakan Pilihan Raya Umum ke-15 yang lepas menyebabkan akhirnya kita terpaksa menanggung kerugian yang besar dalam bentuk perbelanjaan operasi pilihan raya kerana terpaksa pula mengadakan pilihan raya negeri di enam negeri sebagaimana kita ketahui.

Di dalam bab Perkhidmatan Am Perbendaharaan, kenapa ada pertambahan yang amat tinggi berjumlah RM14.48 bilion di bawah Perkhidmatan Am Perbendaharaan? Jika teliti, pembayaran ini melibatkan perkara seperti subsidi petroleum dan bil elektrik serta Bantuan Khas Aidilfitri. Kesemua ini sepatutnya sudah berada dalam perancangan dan makluman pihak kerajaan kerana setiap tahun, kita tidak terlepas untuk memberikan bantuan kewangan tersebut.

Dalam bab Tuntutan Diskriminasi Minyak Sawit, di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, kita jangka impak yang lebih positif terhadap minyak sawit secara keseluruhan. Adakah ketidakpastian harga minyak sawit ini berada dalam kawalan dan jangkaan kita selepas ini?

Ini juga didorong oleh kelemahan ringgit. Saya nak minta jawapan daripada pihak Kementerian Kewangan. Apa tindakan apabila Google silap lapor berkenaan dengan tukaran nilai ringgit yang dikatakan sudah dua kali silap lapor? Saya baca semalam, Google telah minta maaf daripada Kerajaan Malaysia tetapi permohonan maaf itu hanya kepada kesilapan yang kedua, bukan pada kesilapan yang pertama.

Jadi, kalau yang silap lapor yang pertama itu bukan satu kesilapan, adakah benar bahawa Ringgit Malaysia ini pernah sampai kepada tahap RM4.98 dan sebagainya? Jadi, selepas daripada ini, apa tindakan kita supaya tidak berlaku salah lapor lagi dalam tukaran ini menyebabkan orang tengok nilai ringgit ini tidak konsisten? Begitu juga dengan jumlah kemiskinan yang dikatakan oleh...

Tuan Chong Zhemini [Kampar]: Pasir Mas, minta laluan sikit. Google telah bagi maklum balas bahawa itu hanya untuk informasi sahaja. Apa-apa pertukaran asing kena rujuk balik kepada Bank Negara Malaysia. Jadi, saya rasa itu cukup. Tidak pernah sampai ringgit pergi ke RM4.98. Google telah jelaskan. Itu jelas, saya rasa. Kita rujuk kepada BNM.

■1440

Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Ya, ya. Ya, terima kasih. Terima kasih Kampar. Ya, betul, Google pun kata bahawa maklumat rasmi kena rujuk kepada Bank Negara. Ya, betul. Tetapi, kita tidak mahu mana-mana sumber selain daripada sumber rasmi pun membuat apa-apa tohmahan ataupun persepsi tidak baik kepada kita. Kalau tidak, tak perlulah kita suruh Google minta maaf kalau ia tidak memberikan kesan. Ya, betul. Saya setuju.

Baik, yang berikutnya berkenaan dengan jumlah miskin tegar yang dikatakan telah pun tidak ada di Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka. Jadi, saya rasa ini merupakan satu perkara yang perlu diteliti kembali. Kos sara hidup yang semakin naik. Kita tengok gelandangan yang juga ramai di Kuala Lumpur walaupun itu kes terpencil, tapi jangan kata bahawa miskin tegar ini sudah tidak ada.

Semalam *Utusan* melaporkan seorang ibu dalam tempoh berpantang terpaksa keluar dari rumah sewanya di Selangor dan buat khemah di Port Dickson dengan anaknya seramai tiga orang, berkhemah di Port Dickson kerana tidak ada wang untuk bayar rumah sewa. Walaupun kita boleh kata ini kes terpencil, jangan — tetapi, kes terpencil seperti ini menunjukkan bahawa kes itu masih lagi ada. Jadi dalam kes ini, saya merasakan bahawa ini merupakan satu perkara yang perlu diambil kira oleh kerajaan.

Oleh kerana itulah dalam bab tata kelola dan sebagainya ini, saya mohon supaya kerajaan melihat bagaimana *transparency index* tahun 2023, tak ramai yang bercakap tentang *transparency index* ini. Malaysia di tangga 57 dengan markah 50. Walaupun kita

semakin naik, tetapi kalau banding dengan tahun 2020 ketika pentadbiran Pagoh, kita di tangga 57 dengan markah 51. Ertinya, pentadbiran Yang Amat Berhormat Tambun lebih rendah berbanding dengan Yang Berhormat Pagoh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Bahkan tahun 2019, kita di tangga 51 dengan markah 53 ketika pentadbiran...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pagoh, kita kena PKP Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Ya?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pagoh, rakyat kena berkurung di rumah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Ya, betul tetapi COVID...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berkurung, tak boleh keluar.

Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: COVID Jelutong, berlaku di seluruh dunia dan PKP tidak menghalang kepada berlakunya rasuah. Saya rasa...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya lah. Tetapi semua di sebelah sana Yang Berhormat, PKP menyusahkan rakyat Yang Berhormat. Faktanya, hakikatnya, PKP, PKPP, PPP yang dikenakan oleh Pagoh menyusahkan rakyat. Rakyat melarat disebabkan oleh PKP.

Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Itu polisi yang dibuat pada masa itu, bersesuaian dengan keadaan yang berlaku pada masa itu. COVID, PKP bukan sahaja berlaku di Malaysia, bahkan berlaku di seluruh dunia. Jelutong takkan tak faham benda macam ini?

Satu lagi saya nak sebut Tan Sri Speaker, saya dengar bagaimana Bagan menyebut berkenaan dengan 1MDB ini, skandal. Kemudian tadi, satu Ahli Parlimen kata 1MDB ini satu skandal. Saya nak Menteri Kewangan sebut bahawa 1MDB ini skandal atau tidak? Ini kerana saya yakin rakan-rakan di pihak UMNO, Barisan Nasional ini, takkanlah setuju bahawa 1MDB ini satu skandal. Ini merupakan satu perkara yang mencemarkan maruah UMNO dan Barisan Nasional di dalam kerajaan. Saya bercakap bagi pihak rakan-rakan saya dalam Barisan Nasional. Terima kasih Tan Sri Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Berhenti di situ ya? [Ketawa] Okey. Machang.

2.43 ptg.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Memandangkan ini adalah perbahasan di peringkat Dasar, saya ingin merujuk kepada satu laporan berita berkenaan dengan keadaan ekonomi kita Tan Sri Yang di-Pertua iaitu *South China Morning Post*: "*Malaysians feel the pinch as the 'shringgit' returns – and there's no quick fix for PM Anwar*". Ini menunjukkan walaupun ada berita-berita yang baik berkenaan dengan sektor IC kita, *chip making* di Malaysia, tetapi realitinya Tan Sri Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia adalah masih di tahap yang membimbangkan.

Cuma saya khuatir dan ini nasihat *pro bono* saya kepada Yang Amat Berhormat Tambun. Kalau kita berterus-terang kepada rakyat, mengajar rakyat kita sebenarnya dalam satu krisis, saya yakin rakyat akan memahami apa yang ingin dibuat oleh kerajaan pada hari ini untuk kita ada polisi seperti ikat perut supaya rakyat faham cukai-cukai yang dikenakan ini memang membebankan rakyat, tetapi ia satu kemestian.

Masalahnya, Tambun dan rakan-rakan dalam Kabinet menjual cerita yang dongeng, tahyul dan fantasi seolah-olah cukai-cukai yang dibangkitkan ini tidak memberi kesan langsung kepada rakyat. Jadi, ini satu perkara yang tidak bertanggungjawab. Sebab itu bila mana Kementerian Kewangan mengajak rakyat Malaysia "*Buy Malaysia*

First”, kita perlu sokong. Bagus, tetapi janganlah pula kerana dasar ini kita memaksa dana-dana institusi pelaburan seperti KWSP, KWAP yang mempunyai pelaburan yang banyak di luar negara untuk dibawa pulang untuk menyokong ringgit. Walaupun ini dinafikan oleh Setiausaha Politik Menteri Kewangan, tapi ura-ura itu sudah diperkatakan dalam pasaran. Biarlah KWSP melabur di luar dan bawa pulangan yang baik kepada rakyat, kepada pencarum-pencarum KWSP. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini perkara yang amat penting untuk kita sama-sama hayati.

Berkenaan dengan pelaburan Tan Sri Yang di-Pertua, banyak yang dah ditandatangani, MOU yang berlangsung di Jerman dan sebagainya, tapi itu semua hanyalah MOU, belum lagi *realize*. Jadi, perlu ada usaha yang lebih jujur daripada kerajaan untuk memastikan kita tidak kalah dengan jiran-jiran kita di tempat lain. Hakikatnya Tan Sri Yang di-Pertua, kita kalah. Kita sudah kalah dengan Vietnam, kita sudah kalah dengan Indonesia, kita sudah kalah dengan Thailand dan kita akan kalah dengan Kemboja kerana kita tidak mampu mempertahankan model pelaburan kos rendah. Maka, apakah strategi sepatutnya Kerajaan MADANI buat? Ini bukan nak bangkang. Ini nak bantu bagi nasihat.

Kita perlu tingkatkan produktiviti. Produktiviti hanya dapat ditingkatkan dengan adanya kemampuan teknologi dan kemahiran. Saya tak nampak lagi Menteri Pendidikan Tinggi...

Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Machang.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: ..Menteri Pendidikan bercakap tentang kerja kerjaya masa depan. Takkanlah ini Tan Sri Yang di-Pertua, saya nak bagi contoh Tan Sri Yang di-Pertua. Ada kerja-kerja dan jurusan yang diajar di universiti seperti *programming* dan *coding*, tak boleh lagi dipakai ataupun akan jadi kurang relevan kerana apa? Kerana zaman yang mana kita ada kecerdasan buatan (AI) ini, kita sudah ada aplikasi seperti Sora, *text-to-video*. Hanya perlu tulis dalam *prom* itu untuk melahirkan imej yang boleh dijadikan bahan iklan dan sebagainya. Jadi, siapa yang buat grafik editor, *video graphic editor*, *redundant* kerjaya mereka ini.

Begitu juga dengan...

Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Machang, ringkas Machang.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Sikit, okey.

Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Ringkas Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Machang. Perdana Menteri kita pergi melawat Jerman, tapi saya difahamkan BMW buka kilang di Thailand. Kenapa itu berlaku?

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Itu yang saya bangkitkan sebelum ini Hulu Terengganu. Kita nak jaga syarikat jual tayar pun tak mampu. Kita kalah dengan Thailand yang bawa masuk pelaburan berbilion dari segi automotif. Jadi, perlu ada strategi yang baru. Itu saya kata tadi, kita perlu tingkatkan produktiviti kita.

Menteri Pendidikan tidak berbincang. Menteri Pengajian Tinggi tidak berbincang. Sekarang ini kita ada aplikasi AI dipanggil Devin. Devin ini, kalian tak perlu lagi belajar *programming* kerana situ sudah ada satu aplikasi yang boleh buat program untuk kita. Jadi semua benda-benda ini, perkembangan ini memerlukan dasar yang jelas daripada Kerajaan MADANI nak tingkatkan produktiviti. Jadi perlu ada, tapi tak nampak lagi. Jadi, ini perkara yang membimbangkan kita.

Terakhir Tan Sri Yang di-Pertua, kita percaya dengan apa yang Tambun ingin buat berkenaan tata kelola tapi malangnya, ada banyak lagi kes-kes yang terlepas pandang atau pun tergelincir dari segi penguatkuasaan. Semalam, kita dikejutkan dengan laporan berita yang mengatakan kontena Israel, syarikat perkapalan ZIM terlepas keluar di jalan raya kita. Menteri kata, sekadar beri amaran keras. Mana boleh Tan Sri Yang di-Pertua. Kalau KK Mart punya bagai nak rak kita ambil tindakan dan sebagainya, kenapa tiada tindakan undang-undang dan kertas siasatan dibuka terhadap kecuaiannya yang berlaku di pelabuhan?

Terakhir Tan Sri Yang di-Pertua sebelum saya akhiri perkara ini, saya ingin bangkit tentang kenapa kerajaan masih membisu soal arbitrase FELDA-Rajawali? Ini melibatkan nasib dan masa depan orang-orang FELDA kita. Kita ada *put option agreement* antara FELDA-Rajawali yang bernilai USD719 juta ringgit dan FELDA ada pegangan dalam Eagle High 37 peratus. Jadi, siapa yang akan bertanggungjawab di atas kerugian FELDA? Yang buat onar pada FELDA, diberi penghapusan ataupun pengurangan hukuman hari itu. Jadi, orang yang buat jenayah kolar putih, diberi pelepasan. Orang yang mencuri tin Milo, kena penjara. Jadi, ini tata kelola macam mana Tan Sri Yang di-Pertua? Jadi, kita ingin pastikan Kerajaan MADANI ini buat kerja yang betul, *honour your promises to the rakyat*, barulah ekonomi akan kembali stabil. Terima kasih. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Saya jemput Shah Alam.

2.49 ptg.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2023.

■1450

Tahun lepas kita telah pun meluluskan ya, Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023. Dewan yang mulia ini telah pun meluluskan akta yang akan memastikan bahawa ekonomi negara, pengurusan negara berada dalam landasan yang betul. Di antaranya yang terpenting adalah untuk memastikan bahawa sasaran defisit fiskal negara akan berada pada tahap tiga peratus untuk dalam jangka masa yang pendek.

Perbekalan tambahan ini sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi telah menunjukkan bahawa ia sudah menghampiri defisit sebanyak lima peratus tetapi masih lagi di dalam sasaran tahun 2023. Saya sangat berharap supaya Kerajaan MADANI akan dapat memastikan dengan sebenar-benarnya bahawa sasaran pada tahun ini, defisit fiskal 4.3 peratus akan dapat dilaksanakan dan dipertahankan. Sudah pasti dengan perancangan, pelaksanaan dan juga tata kelola yang baik sebagaimana yang sering disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Perbekalan tambahan 2023 ini kalau kita lihat banyaknya adalah melibatkan dengan urusan pembayaran kepada kakitangan awam, pencen RM2 bilion dan pelarasan gaji minimum juga hampir RM2 bilion, ya. Maknanya hampir RM4 bilion adalah untuk memastikan bahawa penjawat-penjawat awam dalam negara ini mendapat pembelaan memastikan mereka berdaya untuk meneruskan kelangsungan sesuai dengan peningkatan kos sara hidup dalam negara ini.

Tetapi kerajaan juga dalam masa yang sama sedang berusaha untuk melaksanakan satu skim baharu iaitu untuk melaksanakan skim saraan hari tua ya— sama ada ia pencen ataupun ia merupakan caruman kepada KWSP, kedua-duanya sama iaitu sistem saraan hari tua. Cuma, cara pembayarannya yang berbeza. KWSP ataupun EPF—pencarum layak ataupun berhak untuk mendapatkan simpanan mereka boleh dikeluarkan sekali gus. Pencen pula ia dibayar secara *staggered*, beransur-ansur untuk tempoh yang tertentu. Tapi kedua-duanya adalah sistem saraan hari tua.

Orang yang mempunyai atau menyumbang kepada KWSP boleh juga melakukan perkara yang sama. Saya tak nak— contohnya, keluarkan wang sebanyak contoh ya, seorang yang mempunyai simpanan sebanyak sama ada RM500,000, RM300,000, RM1 juta dia kata, "*Saya tak nak keluarkan kesemuanya itu. Saya nak skim sama macam pencen.*" Keluarkan secara beransur-ansur sesuai dengan keperluan kehidupannya sesudah dia bersara. Sebab itu, saya sangat berharap supaya kerajaan berusaha dengan bersungguh-sungguh menjelaskan ya, apakah sebenarnya sistem saraan hari tua itu sama ada ia pencen ataupun ia adalah merupakan sistem KWSP yang boleh di tuntutan atau dikeluarkan secara sekali gus.

Seterusnya, saya juga berharap supaya semua kita dapat ya, merestui dan juga menyokong keperluan kerajaan untuk melakukan subsidi bersasar kerana RM14 bilion

sebagaimana yang disebut dalam perbekalan tambahan ini dengan tujuan subsidi petroleum, subsidi bil elektrik, bantuan khas dan sebagainya. Semuanya ini adalah dengan tujuan untuk memastikan bahawa sekali lagi rakyat di bantu ya, untuk melaksanakan atau melangsungkan kehidupan mereka. Oleh sebab itu ya, sistem PADU yang sekarang ini sedang diusahakan oleh kerajaan, saya harap sangat agar kita semua dapat berusaha bersungguh-sungguh memberikan *awareness*, *advocacy* kepada rakyat untuk sama-sama membantu kerajaan dalam usaha yang murni ini.

Terakhir berkenaan dengan pembangunan— RM5.87 bilion. Sebahagian besarnya diperuntukkan untuk dana *infra*, prasarana, Ocean Sunshine, Bandar Malaysia dan sebagainya. Saya sangat berharap dan mohon penjelasan daripada pihak kementerian supaya dana-dana tambahan berbentuk pembangunan ini bukan disebabkan oleh kelemahan kita mengurus sesuatu projek ataupun disebabkan oleh ketirisan ataupun disebabkan oleh kelewatan yang menyebabkan terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi. Sekian, saya menyokong perbekalan tambahan ini, Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kapar.

2.55 ptg

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]: Terima kasih Tan Sri Speaker. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Kapar terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2023) 2024 peringkat dasar.

Saya merujuk kepada permohonan kerajaan untuk mendapatkan kelulusan yang dipohon peruntukan pembangunan P.14 berjumlah RM100 juta bagi unit Transformasi Masyarakat India yang dulu dikenalkan sebagai MITRA. Permohonan kelulusan penguntukan semula peruntukan perbelanjaan B.14 sebanyak RM1,433,200 daripada dipindah daripada Jabatan Perdana Menteri dipindahkan kepada Kementerian Perpaduan Negara.

Menurut DOSM 2022, 6.6 peratus penduduk Malaysia adalah daripada kaum India. Ini bersamaan dengan jumlah 2.2 juta orang. Ramai mungkin boleh bersetuju, ramai lagi golongan marhaen di kalangan saudara kaum India. Saya difahamkan objektif utama pewujudan inisiatif MITRA ini ialah untuk membantu mengupayakan golongan marhaen daripada kaum India untuk mencapai satu taraf hidup yang lebih baik dan lebih progresif.

Namun malangnya, MITRA dibelenggu kontroversi dan golongan marhaen sasaran tidak dapat ditransformasikan keadaan kitaran kemiskinan mereka. Pusing-pusing antara pejabat PM dan Kementerian Perpaduan. Jadi, apa jadi kepada yang disasarkan? Kapar berkongsi sedikit pengalaman lebih 10 tahun menjadi wakil rakyat. Saya mendapat banyak aduan sekitar masalah sosioekonomi etnik India ini.

Di Kapar, ada lebih 50,000 etnik India. Ibu yang risau mengenai masa depan anak remaja mereka, ramai juga yang tidak mampu membeli lebih untuk mempertingkatkan pencapaian pendidikan, duit tidak cukup, tarik duit untuk membeli tambahan bahan atau material yang menambahkan kefahaman dan penguasaan anak-anak mereka dalam pendidikan, tidak cukup pula duit di dapur. Sewa rumah pula kena bayar, kalau tak kena halau. Bil api air perlu di langcai. Kalau tidak, bergelap.

Pengalaman saya selaku ADUN Selat Klang sebelum ini, beberapa tahun yang lepas khususnya di Pangsapuri Kos Rendah Seri Perantau. Seorang bapa tunggal ada dua orang pelajar minta duit nak masuk meter api— meter elektrik. Rupanya dah lama mereka masuk ke situ, di unit itu sudah beberapa tahun mungkin lebih lima tahun.

Tapi dia kata meter api pun tak ada. Kalau meter api tak ada, maknanya api tak ada, elektrik tak ada. Saya pergi ke rumah mereka selepas Maghrib sebab nak tengok betul atau tidak kan? Waktu gelap. Sengaja waktu malam. Nak tengok betul kah ada lagi orang di Kapar yang merupakan dalam negeri paling kaya, paling maju di Malaysia masih tak ada elektrik. Memang bila saya masuk, gelap. Ada lilin di atas tin Milo agak berkarat yang diterbalikkan.

Saya tanya kepada dua pelajar sekolah ini. Bagaimana mereka belajar pada waktu malam? Mereka kata setiap seorang guna satu tin atau satu tin Milo atau satu tin susu. Wajah sedih si bapa yang nampak uzur dan kerja kontrak gaji harian, kerja dapat duit. Tak ada kerja, tak dapat duit. Ha, ini baru satu contoh, Tan Sri Speaker. Ramai lagi seperti *uncle* ini. Maka, Kapar mengesyorkan yang saya sangat-sangat teringat *vivid* pengalaman ini Speaker ialah— jadi bila saya berada di situ betul-betul tidak ada elektrik ini, saya pun cepat-cepat ambil sampul duit dalam beg saya. Gelap, jadi raba-raba bagi lah kepada keluarga ini.

Malangnya Speaker saya buat kesilapan. Rupanya ada dua sampul duit yang saya bagi itu yang kosong [*Ketawa*]. Jadi, bila saya dah turun daripada *flat* ini, Ketua Cawangan Pas itu kejar saya, kenapa bagi sampul kosong. Rupanya yang ada duit itu bukan yang itu yang saya bagi sebab saya terperanjat, *shock*. Jadi, ini cerita benar. Bukan lakonan ya. Ini berlaku di Kapar.

■1500

Maka, Kapar mengesyorkan kementerian melalui MITRA atau Unit Transformasi Masyarakat India atau apa sahaja nama projek mengupayakan golongan India yang rentan ini. Saya mahu melihatkan kerajaan memfokuskan kepada pendidikan dan pembangunan remaja India termasuk TVET untuk mencegah mereka gengsterisme, *juvenile delinquencies*, *minor theft*, dengan izin buli, gejala sosial dan sebagainya.

Mekanisme untuk benar-benar mencapai objektif pengupayaan etnik India menyelamatkan generasi muda supaya mereka diberi peluang, ilmu dan kemahiran yang sesuai dengan kecenderungan dan potensi setiap remaja terutama bidang ekonomi, kraf tangan dan pendidikan. UNSDG *Goals “No one left behind”* dengan izin. *Empowerment* kepada pelajar, ibu muda, belia yang ada potensi bidang sukan, seni kreatif dan sebagainya.

Akhir sekali, saya minta kerajaan supaya serius dan ambil tindakan terbaik hentikan *ding dong, ding dong* ini. Perlu ada pelan tindakan dengan strategik dan dilaksanakan dengan integriti dan komitmen. Tak payahlah orang yang kaya-kaya. Tak payahlah berebut. Biar buat ini secara telus dan biarlah ia menghasilkan yang terbaik. Saya mengesyorkan Kementerian Perpaduan mengkaji *blueprint* memahami konsep perpaduan dalam konteks Malaysia. Di antara yang saya yang disebutkan tadi oleh beberapa orang dalam Dewan ini kerana ini adalah Kementerian Perpaduan dan mewakili kerajaan seluruhnya.

Kajilah apakah sebenarnya *the root cause* bagi insiden negatif yang sebenarnya sangat-sangat bahaya. Insiden kalimah Allah di stoking, di satu pasar raya itu. Kajikanlah kenapa benda ini berlaku dan carilah satu pendekatan di mana perkara ini tidak lagi akan berulang sama sekali.

This is not the first time, this is not the first product dan akhir sekali, Tabika Perpaduan perlu diperbanyakkan kerana nak “*melenturkan buluh biarlah dari rebung*”. Siapa lagi kalau bukan Kementerian Perpaduan? Inilah masanya ibu bapa pelbagai bangsa, pelbagai kaum kita serasikan, kita integrasikan. Terima kasih banyak Tan Sri Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Seterusnya, saya jemput Alor Setar.

3.02 ptg.

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamuddin [Alor Setar]: Terima kasih, Tan Sri Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian berbahas dalam tiga poin yang utama.

Pertama, mengenai pendirian kerajaan berhubung dengan status tuan rumah sukan Komanwel. Walaupun dia tidaklah menyentuh perbekalan tambahan ini, Tan Sri Speaker. Namun, dia berkaitan dengan pendirian kerajaan dalam menentukan satu-satu perbelanjaan.

Berhubung dengan pendirian kerajaan terhadap tawaran Persekutuan Sukan Komanwel menjadikan Malaysia sebagai tuan rumah Komanwel 2026 untuk

menggantikan Victoria ia perlu dipertimbangkan semula. Walaupun akan menerima kira-kira 602 juta dana daripada CGF ini ekoran Victoria menarik diri kerana kos menganjurkan acara itu meningkat di luar jangkaan iaitu boleh mencapai setinggi 21 bilion menurut kerajaan di wilayah itu.

Tambahan pula, untuk jadi tuan rumah memerlukan masa sekurang-kurangnya empat tahun melakukan persiapan mendapatkan penajaan, penganjuran, menjalankan proses penyelenggaraan fasiliti sukan sedia ada, pembinaan infrastruktur yang terkini setanding dengan standard antarabangsa untuk menganjurkan sukan Komanwel ini.

Tentunya, menyediakan, mempersiapkan negara dengan standard yang tinggi ini memerlukan kos yang sangat tinggi. Pesuruhjaya Sukan, Suhardi Alias berpandangan bukan satu langkah bijak sekiranya kerajaan menerima tawaran ini. Kosnya boleh mencecah sehingga RM13 bilion. Walaupun kita tahu kita boleh dapat suntikan dana daripada pihak CGF tetapi bebanan hutang negara yang dimaklumkan kini mencecah 1.172 bilion ataupun 64 peratus daripada KDNK.

Walaupun ada pandangan daripada Majlis Sukan Olimpik Malaysia, sukan ini boleh tetap dianjurkan. Malaysia boleh jadi tuan rumah dengan model pengecilan saiz, mengurangkan bilangan sukan, meninggalkan acara pembukaan dan penutup.

Tetapi, pada pandangan saya sejumlah wang yang nak digunakan untuk Malaysia jadi tuan rumah ini lebih baik kita gunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah hutang rakyat yang sedang membelenggu negara pada waktu ini. Kita kena ingat Tan Sri Yang di-Pertua, Birmingham, United Kingdom dahulu pernah menganjurkan sukan yang sama tetapi setahun selepas itu diisytiharkan mufliis pada tahun 2023. Hanya kerana menjadi tuan rumah menganjurkan sukan ini. Kita tak mahu negara kita berlaku sedemikian sepertimana negara-negara lain.

Tan Sri Yang di-Pertua, poin yang kedua mengenai perbelanjaan untuk Akademi Kenegaraan. Saya ingin bertanya pihak kerajaan, pada 28 Februari yang lalu Yang Amat Berhormat Tambun ada menyebutkan dalam diterbitkan dalam *Sinar Harian*. Akademi Kenegaraan ini akan meneraju kerjasama dengan semua pihak bagi memastikan keberkesanan Program Latihan Kenegaraan Malaysia MADANI. Semua pihak itu adakah melibatkan juga pihak pembangkang? Ini soalan saya dan saya yakin kerajaan tidak akan mengulangi sejarah BTN.

Tan Sri Speaker juga salah seorang yang terlibat dengan BTN suatu masa dahulu yang menjadi agenda pihak sebelah sana untuk menghapuskan BTN. Kalaulah Akademi Kenegaraan ini adalah jelmaan BTN 2.0, saya rasa itu tidak sesuai kerana ia bercanggah dengan apa yang telah pun diperjuangkan oleh pihak sebelah sana semasa mereka jadi pembangkang.

Terakhir Tan Sri Yang di-Pertua, yang ketiga juga menyentuh mengenai isu tulisan Allah pada stoking yang dijual di sebuah pasar raya ataupun namanya KK Mart. Kita ambil maklum tentang permohonan maaf oleh pihak KK Mart. Namun, perlu ditegaskan dalam Dewan yang mulia ini. Ini bukan isu mohon maaf atau isu terima maaf. Kalau hanya selesai dengan permohonan maaf sahaja, maka negara kita tak perlu ada undang-undang, Tan Sri Speaker. Saya bukan nak tuju kepada Beruas ataupun Ipoh Timur yang ada pengalaman dalam bab permohonan maaf ini. Saya tak tuju kepada mereka.

Isunya ialah kerajaan perlu noktahkan isu penghinaan kepada Islam ini dengan serius dan segera. Isu ini *clear*, Tan Sri Yang di-Pertua. Menyentuh 3R. Ada individu pemimpin politik yang dikaitkan dengan 3R sebelum ini disiasat dengan segera. Siap disebut oleh kenyataan media akan diambil keterangan di mana di lokasi di mana pukul berapa? Wartawan pun pergi ke lokasi itu dan akhirnya menjadi panas. Ada pemimpin politik ditangkap jam tiga pagi. Ketika sedang tidur. Tetapi, kes ini belum kedengaran ada tangkapan ataupun ada sitaan ataupun ada nak didakwa. Belum lagi. Kita minta segera kerajaan segera bertindak.

Tan Sri Yang di-Pertua, tidak keterlaluan saya rasa kita tidak boleh menolak kemungkinan seolah-olah ada kartel tertentu yang sengaja melakukan sabotaj perpaduan dalam negara kita. Dalam isu ini, mengkambinghitamkan pihak tertentu kerana isu ini

berlarutan sejak beberapa tahun lamanya. Insiden sebegini sangat mengancam perpaduan dan menimbulkan ketegangan kaum yang kita semua tidak mahu ia berlaku.

Tan Sri Yang di-Pertua perlu untuk ditegaskan dalam Dewan yang mulia ini jangan ada mana-mana pihak yang desak untuk hentikan siasatan dan tindakan ini. Jangan ada. Ada kenyataan canggah, bercanggah kenyataan antara pemimpin kerajaan, Ahli Dewan Rakyat daripada Teluk Intan. Salah seorangnya Exco Kerajaan Negeri Melaka. Sebenarnya, kita nak tahu pada hari ini apa sebenarnya pendirian kerajaan? Jangan *flip-flop* dalam isu ini. Tegass dan serius mengambil tindakan.

Tan Sri Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan untuk isu ini supaya Dewan yang mulia ini menggubal, meminda seksyen 298 dan seksyen 298A berkaitan dengan hal penghinaan kepada Islam dengan hukuman yang lebih berat supaya ia tidak berulang dan menjadi pengajaran kepada semua pihak dalam negara ini dan di mana-mana dunia sekali pun. Terima kasih, Tan Sri Yang di-Pertua saya mohon membahass. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih. Saya jemput Kota Melaka.

3.08 ptg.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tan Sri Speaker kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2023) 2024.

Tan Sri Speaker, kalau kita melihat kepada bajet yang asal yang dibentangkan pada Mac tahun lepas, ia lebih kurang RM388.1 bilion dan kalau kita lihat tambahan kali ini ialah lebih kurang RM32.54 bilion. Jadi, lebih kurang lapan peratus penambahan dia. Kita boleh lihat semua penambahan ini adalah perlu dan mereka memang sudah belanja pada tahun lepas, kalau saya merujuk kepada tambahan perbelanjaan bekalan iaitu lebih kurang RM23.47 bilion ini. Saya ingin merujuk kepada beberapa perbelanjaan yang kita sudah lakukan.

Pertama ialah berkaitan dengan pilihan raya. Pilihan raya negeri, enam negeri tahun lepas dan juga beberapa pilihan raya kecil. Maka, telah membelanjakan lebih kurang RM300 juta. Dalam hal ini, saya nak bangkitkan ingin mengambil perhatian pihak kerajaan supaya barangkali dalam masa akan datang, kita adakan pilihan raya sekali.

■1510

Kita jangan asingkan Pilihan Raya Parlimen dan juga Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri, ya. Sebab kita lihat, tahun lepas kita terpaksa belanja RM300 juta. Jadi, saya lihat tahun depan ataupun dua tahun yang akan datang ialah bagi Pilihan Raya Negeri Melaka dan juga Johor di mana mereka adakan pilihan raya sebelum PRN. Pilihan raya utama ya.

Jadi, dalam hal ini, barangkali kerajaan perlu cari satu jalan penyelesaian supaya Pilihan Raya Negeri Melaka dan juga Johor, yang bezanya Melaka dengan Pilihan Raya Umum ialah satu tahun. Bagi Johor ialah lebih kurang lapan bulan sahaja perbezaan dia. Adakah kita harus cari satu jalan penyelesaian supaya kita adakan pilihan raya bersama untuk kita jimatkan wang? Kalau kita lihat, memang RM300 juta terpaksa dibelanja kerana kita adakan pilihan raya berasingan. Itu poin yang pertama.

Yang kedua, saya lihat antara yang dibelanjakan oleh Kementerian Pendidikan, RM1.97 bilion. Itu adalah untuk menampung bayaran kontrak kepada pekerja-pekerja kontrak kawalan keselamatan dan kebersihan di sekolah dan juga institusi di bawah Kementerian Pendidikan adalah kerana berdasarkan kepada pelaksanaan Perintah Gaji Minimum iaitu sebelum itu ialah RM1,200. Tetapi oleh kerana kita dah luluskan minimum gaji ialah RM1,500, maka kita perlu buat penyelarasan dan bayar RM1.97 bilion.

Ini satu langkah yang harus dipuji, di mana kita *walk the talk*. Kita kerajaan, kita luluskan dasar di Parlimen, naikan gaji minimum ke RM1,500. Jadi, kita pun bayar. Mereka yang bawah RM1,200, bawah RM1,500 itu kita bayar, sebab itu kita perlu belanja RM1.97 bilion. Ini menunjukkan konsep MADANI. Ini menunjukkan Kerajaan MADANI ini adalah prihatin ya, ambil berat tentang golongan B40. Pekerja-pekerja ini semua bekerja

sebagai pengawal, sebagai pembersih ini semua dia adalah daripada golongan B40. Kita jaga mereka. Tidak seperti di Kerajaan Kedah, di bawah PAS. Kita sudah lihat, gaji tak boleh bayar.

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamuddin [Alor Setar]: Minta laluan Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Gaji tak boleh bayar. Itu perbezaan...

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamuddin [Alor Setar]: Kes berlaku 2016. Zaman itu zaman BN.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: ...Itu perbezaan antara PAS dengan Kerajaan MADANI di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Anwar Ibrahim. Kita sudah lihat dengan begitu jelas...

Seorang Ahli: Beli Mercedes.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: ...Mereka ada wang beli Mercedes tapi tak ada wang nak bayar hutang, gaji kepada kakitangan anak Syarikat Perbadanan Menteri Besar Kedah. Itu sungguh malulah. Sungguh malu. Nak cari banyak alasan untuk mengatakan itu adalah hutang yang lama, itu bukan alasannya. Hari ini awak adalah kerajaan negeri, kamu patut selesaikan masalah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul, betul!

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Itu barulah dinamakan satu kerajaan yang prihatin.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hentam lagi, hentam sama dia.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tan Sri Speaker, poin yang ketiga saya. Saya minta sedikit masa ya Tan Sri Speaker. Ia berkaitan dengan kalau kita lihat perbelanjaan peruntukan untuk bekalan ini, RM23.479 bilion tapi kita lihat paling banyak iaitu RM14.48 bilion iaitu lebih kurang 61 peratus telah dibelanjakan untuk subsidi. Ya, untuk subsidi, Tan Sri. Subsidi yang saya difahamkan RM14 bilion ini, RM9 bilion adalah untuk tambahan subsidi untuk produk petroleum dan RM3.2 bilion untuk subsidi elektrik.

Jadi, kita lihat, tahun lepas jumlah subsidi yang dibelanjakan, yang diperuntukkan oleh kerajaan ialah sebanyak RM80 bilion. Tahun lepas. Ini yang harus kita uar-uarkan kepada rakyat semua. Sebenarnya, kalau ikut bajet, tahun lepas subsidi anggaran ialah kita belanja RM63.8 bilion tetapi kita terpaksa belanja lebih...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, peraturan mesyuarat.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: ...RM45 bilion ini adalah untuk...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan Mesyuarat 36(12).

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: ...Petroleum, diesel, elektrik. Daripada RM80 bilion tersebut, lebih daripada 56 peratus adalah untuk subsidi untuk petrol, untuk diesel, untuk elektrik.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Ini kita harus beritahu kepada rakyat di mana...

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka, sebentar. Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. 36(12), mengelirukan Dewan Yang Berhormat. 2016 ialah pemerintahan di bawah BN, bukan PAS... *[Disampuk] Shut up!* Di bawah BN Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti kejap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Laporan Audit, 2016. *[Sambil menunjukkan sekeping kertas]*

Tuan Yang di-Pertua: 36(12).

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: 36— memberi fakta yang mengelirukan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, sekarang dia mengelirukan Dewan, mengatakan bahawa kerajaan itu di bawah PAS. Di bawah BN, Barisan Nasional. 2016 Yang Berhormat. Ini Laporan Audit. Yang tak boleh bayar gaji ini, 2016. Jadi, saya minta tarik balik perkataan kata Kerajaan PAS. Kerajaan BN! Tapi kalau Yang Berhormat nak benar pun tak apa. Apakan daya Yang Berhormat. Siapa yang berkuasa? Tapi saya nak beritahu fakta, rakyat Malaysia bahawa 2016, BN tak boleh bayar gaji.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Saya harap itu fakta ya. Walau bagaimanapun— ya, teruskan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tan Sri Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: *Last?*

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: *Last, last* ya. Sebab Arau kacau. Kalau tidak, sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa. Sekarang ini *landing*-lah. Tak boleh *last*.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Ya, ya. *Landing*.

Tuan Yang di-Pertua: *Landing*, kena *landing*.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Jadi, kita lihat memang kerajaan sudah belanja begitu banyak untuk subsidi petrol, diesel, elektrik, gas asli tetapi kita lihat akhirnya, sasarannya tidak tercapai kepada bagi kepada golongan B40. Kita lihat Tan Sri Speakerlah, saya bagi satu contoh. Tahun 2019, penggunaan diesel pada waktu tersebut ialah 6.1 bilion liter. Itu 2019. Tahun lepas, penggunaan diesel ialah sebanyak 10.3 bilion. Peningkatan daripada enam bilion kepada 10 bilion. Ertinya, peningkatan 70 peratus. Peningkatan penggunaan diesel.

Bila dah meningkat 70 peratus penggunaan diesel, kita bayar lebih banyak subsidi untuk diesel. Akan tetapi, daripada statistik JPJ, peningkatan kenderaan yang menggunakan diesel antara 2019 dengan 2023 hanya sekadar peningkatan 2.8 peratus sahaja. Jadi, ertinya ada ketirisan. Ada ketirisan ya. Penggunaan diesel naik 70 peratus tapi kenderaan baru yang gunakan diesel hanya naik dua peratus. Ertinya, ada ketirisan. Maka, sudah pasti hari ini kita nak pastikan wang yang kita belanja untuk subsidi ini betul-betul disalurkan kepada golongan B40 dan M40.

Maka, sudah tiba masanya kita harus menyokong kerajaan untuk melaksanakan subsidi bersasar supaya pada akhirnya subsidi itu dapat betul-betul diberikan kepada mereka yang betul-betul perlukan. Dengan itu, sekian terima kasih Tan Sri Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya jemput Besut.

3.18 ptg.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih saya ucapkan kepada Tan Sri Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam sesi Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini.

Dalam rang undang-undang ini, ada peruntukan kepada Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM64 juta. Apa yang saya ingin sentuh di sini Yang di-Pertua, ialah mengenai satu Jawatankuasa Khas Mengenai Dengan Rasuah iaitu satu entiti yang ditubuhkan secara perundangan mengikut seksyen 14, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia 2009. Di mana ahli-ahli iaitu yang berperanan penting dalam memerangi rasuah tetapi juga memastikan integriti yang tinggi dalam pentadbiran negara.

Lantikan dibuat mulai 9 Oktober 2023 hingga 8 Oktober 2026. Nama-nama yang dilantik jawatankuasa ini, semua dilihat adalah mewakili kerajaan. Tidak ada seorang pun daripada pembangkang. Kalau saya sebut nama-nama Yang Berhormat, masa itu Senator Tan Sri Datuk Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

■1520

Beliau pada masa itu— sekarang dah jawatan lain. Yang Berhormat Ir. Mohd Nasir Ibrahim, Dewan Negara— juga kerajaan. Yang Berhormat Datuk Hasan Abdul Karim— juga daripada kerajaan— Ahli Parlimen Pasir Gudang. Paya Besar— juga daripada kerajaan. Batang Lupa— juga daripada kerajaan. Tawau— juga daripada kerajaan dan Ahli Parlimen Bentong— juga daripada kerajaan.

Jadi, tidak ada seorang pun wakil daripada pihak pembangkang. Jadi, pandangan dan fungsi pihak pembangkang sendiri dalam pentadbiran Kerajaan MADANI ini tidak diberi. Ini dalam proses ya. Kita kena lihat. Jadi, pertanyaan saya, kenapa sebenarnya pihak pembangkang ini tidak dilantik dalam JKMR ini?

Sebab, kalau kita lihat, fungsi JKMR ini cukup besar. Pertama, kalau kita lihat, memeriksa Laporan Tahunan Suruhanjaya. Kedua, memeriksa ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah tentang perjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta SPRM dan seterusnya mendapatkan penjelasan dan penerangan mengenai Laporan Tahunan Suruhanjaya dan ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah.

Jadi, peranan Jawatankuasa ini benar-benar tidak berfungsi kalau hanya dilantik daripada pihak kerajaan. Macam mana ada semak dan imbang? Tak ada. *Check and balance* tak ada. Jadi, apa-apa yang berlaku— yalah, kalau ada berlaku kes-kes di pihak kerajaan. Contoh, kita tengok kes MB Selangor, kes-kes rasuah melibatkan seorang bekas Menteri yang diturunkan pangkat kerana dikatakan terlibat dengan rasuah tapi tidak ada apa-apa pun. Tidak ada apa-apa tindakan pun diambil. Tapi kalau pihak kita, cepat. Siasat hari ini, esok tuduh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tan Sri Speaker, saya rujuk kepada isu peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan berapa ya?

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Peraturan apa pula ini?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan 36.

Tuan Yang di-Pertua: 36 berapa?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: 36(6).

Tuan Yang di-Pertua: 36(6).

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak ada— 36(6). Membuat sangkaan jahat. Dalam ucapan tadi telah menyatakan ada Menteri yang diturunkan pangkat kerana kes rasuah. Saya cabar Yang Berhormat untuk namakan Menteri tersebut.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Tak faham, saya kata berlaku di pihak kerajaan, ada yang diturunkan pangkat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kita telah dengar...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Tetapi pada masa itu, disabitkan dengan bukan kesalahan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ha, ha.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Bukan kesalahan. Terlibat dengan rasuah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tan Sri Speaker, kita telah dengar.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Telah disiasat.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Apa masalah ini? Jelutong ini mengacaulah. 37(2) pakailah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak, tidak, Tan Sri Speaker.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Dia ini mengacaulah ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak berniat untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Jelutong.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Ha, ada niat jahat pun.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tan Sri Speaker, saya tidak berniat untuk mengacau. Kita telah dengar ucapan Yang Berhormat tadi. Ini kita bincangkan tentang peringkat dasar perbelanjaan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenyataan yang dikeluarkan tadi adalah merujuk kepada Menteri yang diturunkan pangkat kerana kes rasuah. Siapa dia, Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Oleh kerana Besut tidak sebut nama, jadi saya anggap ini tidak berbangkit. Teruskan.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Terima kasih, Tan Sri Yang di-Pertua, yang begitu hebat dan dahsyat. Kalau kita lihat ya, kalau kita lihat dalam rasuah ini, kita faham PM sendiri begitu hebat dalam memerangi rasuah. Tetapi, masalahnya bila berlaku di sebelah sana, ada kes— yang ada kes pun ditarik balik. Kata nak memerangi rasuah. Dalam kes yang saya sebut tadi pun, begitu juga.

Kena faham dalam banyak kes rasuah ini, bukan sahaja melibatkan duit. Penyalahgunaan kuasa juga boleh berlaku. Kalau kita lihat maksud rasuah ini, bukan sahaja melibatkan wang tapi juga melibatkan suapan jawatan. Dalam seksyen 3 jelas. Seksyen 3 Akta SPRM merujuk bahawa suapan termasuk jawatan. Kalau kita pegang jawatan, kita tak boleh melantik anak-anak kita dalam jawatan kita pegang sebagai pegawai kerajaan. Pegawai kerajaan termasuk anggota kerajaan. Jadi, maknanya...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Besut.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Kalau berlaku benda-benda perkara macam itu...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Boleh beri laluan sikit?

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Apa masalah lagi? Tak sempat. Ini masa dah habis.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Besut ada kata tentang anak...

Tuan Yang di-Pertua: Nak bagi tak?

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Tak bagi. Saya tak bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak bagi, Kota Melaka

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Sebab mengacau. Saya tak bagi mengacau lagi.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tentang anak-anak itu, bagaimana dengan menantu...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Ini mengacau!

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Anak menantu Pagoh.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: 37(2). Saya tak bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka, Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Besut, *landing*.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Okey. Jadi, maknanya sekarang— kenapa dia takut sangat, saya tak tahulah. Saya nak cerita sekarang ini, rasuah ini boleh berlaku juga kepada melantik saudara-saudara kita sendiri dalam untuk menjadikan pegang jawatan dalam kerajaan dan sebagainya. Jadi, perkara ini juga harus diberi penekanan. Dan kerana tidak adanya sekarang ini, kerana tidak adanya wakil kita pembangkang dalam Jawatankuasa ini, jadi perkara-perkara begini akan berlaku seterusnya.

Okey, terima kasih. Saya *landing*.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Sama-sama. Arau, dijemput Arau sekarang.

3.26 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tan Sri Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian. Rakyat Malaysia, orang-orang muda, *tap tap screen, guys*. Ada tujuh perkara. Yang Berhormat fahamlah kekecewaan saya itu sebab benda ini tak boleh letak telefon. Yang Berhormat, tujuh perkara. Pendek sahaja.

Pertama sekali fasal PR1MA. Saya terima ada buah kurma tadi. Ada PR1MA, kan? Jadi, PR1MA ini disebut rugi RM200 juta lebih. Tapi, saya nak beritahu Yang Berhormat, saya pernah jadi— kepentingan saya, saya pernah jadi Pengerusi PR1MA. Saya nak sebut di sini bahawa PR1MA ini dia buat perumahan untuk M40. Jadi, kelas pertengahan. Dia tak dapat apa-apa geran daripada kerajaan. Padahal, kerajaan suruh dia bagi diskaun sampai 40 percent. Jadi, bila PR1MA boleh beri untung?

Kerajaan kena kaji balik arahan yang diberikan kepada PR1MA itu supaya diskaun— kalau sekiranya nak bagi diskaun, *then* kerajaan kena bagi geran. Kerajaan telah bagi geran kepada PPAM, SPNB, PPR, kerajaan bagi geran. Tapi PR1MA, kerajaan tak bagi. Jadi, dengan itu, PR1MA akan terus menanggung kerugian. Saya minta difikirkan balik, dipertimbangkan semula.

Kedua, Yang Berhormat, iaitu Menteri dengan penuh emosi menyebut tentang makanan di sekolah. Saya nak beritahu, saya setuju. Tapi yang paling penting sekarang ini, kita nak kena pastikan tempat beli makanan, tempat makan. Jangan sebut secara terbuka macam itu. Siapa yang kata tidak setuju? Tapi Menteri kena ingat, di samping benda itu, dia kena ingat bagi perhatian kepada sekolah, Yang Berhormat. Perhatian bahawa anak murid sampai sekolah ada kelas sampai 50 orang. Kena bagi perhatian benda itu. Yang itu patut diberi perhatian. Dan bagi sekolah yang tak cukup kelas, cuba cari jalan untuk menyewa bangunan.

Ketiga, Yang Berhormat, ialah berhubung dengan kekurangan beras. Sekali lagi, walaupun Menteri dah jawab...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tapi bila Menteri jawab pun...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Arau. Arau, sedikit berkenaan sekolah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Ringkas, Speaker. Sekolah ini, hari ini kita...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: 10 seconds.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: ...Kita mendapat arahan pekeliling mengatakan bahawa ahli politik tidak dibenarkan masuk ke sekolah. Saya pengerusi PIBG sekolah. Bila saya pergi sekolah, riuh satu daerah PPD, JPN. Apakah— setuju Arau bahawa...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Setuju.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: ...Menteri keluarkan satu pekeliling tidak membenarkan ahli politik pegang jawatan Pengerusi PIBG. Setuju atau tidak?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, setuju. Saya minta Menteri tolong jawab. Kemudian, yang ketiganya, pasal perpaduan, Yang Berhormat. Kita sebagai orang Islam, kita jangan ubah. Islam itu ialah agama yang sudah tidak ada wahyu lagi selepas itu. Kena ikut Quran dan Sunnah. Kita ini umat Islam. Orang kata maha pengasih, maha— eh, kita pengasih. Yang Maha ini Allah Taala.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Arau, boleh minta sikit?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pengasih, penyayang. Sentiasa...

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tahu Arau penyayang. Boleh?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Macam Bung buat salah dengan saya dulu. Saya maafkan.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itulah. Saya pun mahu minta maaf lah ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Walaupun tadi dia sembunyi muka, dia sebut tangan menyokong tadi, saya tahu dia sembunyi muka. Saya maafkan.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebab, sebagai orang Islam, saya maafkan. Niat kita bukan untuk menjahanamkan orang. Niat kita ialah untuk perpaduan.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Betul. Boleh?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Satu minit, ada 10 seconds.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: 10 seconds.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya dah tulis tajuk ini.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau, kita ini seronok bila berbicara soal perpaduan. Tapi, asal buka mulut, buat provokasi. Macam mana ada perpaduan kalau begitu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, terima kasih. Saya akan jawab soalan ini yang penghabis sekali. Nombor tujuh. Nombor tujuh ini ialah tentang— nak jawab Bung Moktar ya. Okey, jadi kita maha pengasih, maha penyayang.

■1530

Jadi, Islam hendaklah ditengok sebagai bukan agama menghukum orang, agama yang mahu melihat kita bersatu-padu, yang ini patutnya bercakap ini Pokok Sena, bukan saya tetapi saya sudah jadi Ahli Pas sekarang, saya cuba bercakap bahawa kita mesti saling bermaafan, saling berkasih sayang. Jangan buruk sangka. Ini kalau kami bangun buruk sangka, bangun buruk sangka, tidak boleh. Itu bukan cara Islam.

Jadi, saya minta apa yang berlaku dalam negara ini jangan dilihat bahawa orang Islam macam ini pendiriannya, kita dihina beberapa kali oleh pelbagai pihak. Jadi, yang kita lihat, tidak ada tindakan tegas kepada orang yang menghina kita. Berikutnya, kita ada tujuh Yang Berhormat, ada tiga lagi. AUKU semalam bila saya berucap, saya lupa sebut bahawa perwakilan pelajar ini mesti mengikut kehadiran pelajar.

Contoh UiTM, dia 30 lelaki, 70 perempuan. Jadi, perwakilan pelajar mesti 70 perempuan. Takkan- wanita semua tentu akan sokong saya, mesti ikut. Universiti Malaya 60:40. Jadi, 40 lelaki, 60 perempuan. Sekarang ini di mana-mana pusat pengajian tinggi, perempuan majoriti, bagi mereka, tidak ada masalah. Ini fasal peluang untuk melatih mereka akan jadi lebih ramai Menteri di kalangan wanita. Kalau kami memerintah, wanita akan ramai jadi Menteri. Sana tidak tahulah, *wallahualam* apa dia buat.

Ini kawan-kawan ini yang berpengalaman di sini patutnya jadi Menteri tetapi berada di sana. Okey yang keduanya ialah Yang Berhormat, ini yang berikutnya ialah tentang pertandingan SEA Games 2025. Saya baru bawa usul, Yang Berhormat tahulah, Yang Berhormat tolaklah kan? Bukan terima semua, Yang Berhormat terima satu, dua. Tetapi saya sebut ini, sebelum SEA Games, kita kena ada hadir pertandingan. Jadi, persatuan sukan tidak dapat bantuan itu, KOAM tidak dapat, Yang Berhormat.

Saya Presiden KOAM, tidak dapat. Saya terpaksa hantar Dubai, hantar 14 orang, hantar pegawai dan atlet pertandingan bawah 20, hantar pergi Dubai. Mereka ini bukan sahaja akan layak masuk SEA Games tetapi akan layak pergi SUKMA. Tetapi kementerian kata, duit banyak tetapi bila kita minta, tidak bagi dan kami terpaksa mengetuk pintu sana-sini untuk mencari peruntukan menghantar atlet.

Kita hantar atlet untuk hadir pertandingan, untuk memberi mereka mantap hadir SEA Games dan juga SUKMA nanti. Tetapi kita malang sekali, semua orang cakap fasal prestasi. Prestasi KOAM, prestasi renang tetapi lihatlah apa yang terjadi. Bila hendak hantar atlet, semua diam tetapi bila hendak bagi pingat, berebut pula hendak bagi pingat dan sebagainya, jadi *wallahualam*. Kemudian, kedua terakhir Tan Sri Pengerusi, yang terakhir ini saya jawab fasal Bung Mokhtar buka provokasi. Kami tidak pernah buat provokasi. Bung, saya hendak beritahu, Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua: Arau, Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang buat provokasi sebelah kerajaan. Selalu *provoke*.

Tuan Yang di-Pertua: Arau, jangan sebut nama, sebut kawasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, sebut Kinabatangan. Kinabatangan tempat saya bermain, banjir sahaja ada Shahidan. Banjir sahaja, ada Arau. Sekarang dia tidak jemput sebab dia rasa parti berlainan. Alah Bung, sekejap *je*. Lepas itu, kamu akan bersama kami balik. *[Dewan riuh]* Saya hendak beritahu Tan Sri, saya tidak pernah buat provokasi.

Datuk Seri Panglima Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Banjir sudah tidak ada, macam mana mahu jemput.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang buat provokasi- kalah kamu 26 kerusi, kami 74! *[Tepuk]* Tetapi kami tidak ada masalah, kami terima ujian Allah. Kami reda, bulan-bulan puasa, minta maaf sebab saya takut rugi puasa saya sebab suara saya tinggi. Tetapi saya hendak beritahu, provokasi selalu dibuat oleh pihak sana dan pihak hujung sana. Dia suka buat provokasi. *[Ketawa]* Hujung sana dahulu saya kata, UMNO perkataan "C" dahulu, dia kata saya kata, padahal kes dia telah dibawa ke mahkamah, dia yang kata tetapi dia *provoke*, dia suka *provoke* melagakan kami, hendak puji Perdana Menteri lebih-lebihan. Puji Perdana Menteri lebih-lebihan pun tidak naik pangkat, dok situ juga ya. *[Tepuk]* *[Dewan riuh]* Okey, yang berikutnya ialah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tetapi saya setia bersama Perdana Menteri, bukan macam Arau, pengkhianat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa ini? Saya tidak sebut nama.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Daripada UMNO. Khianat UMNO, masuk Pas. Tidak malu kah?

Tuan Yang di-Pertua: Jelutong...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya masuk Pas, ini jalan yang benar sebab tidak berkawan dengan DAP tetapi UMNO berkawan dengan DAP, jalan tidak

benar. Kita panggil UMDAP, Bung. Okey Yang Berhormat, cukup-cukup. Minta maaf, minta ampun, bulan puasa. Okey,...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Arau, batal puasa, Arau. Batal puasa, *you* marah saya, *you* batal puasa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Provokasi dibuat oleh pihak sana untuk melaga-lagakan kami. Kalau kami bersatu padu, dia tahu kita akan bertambah kuat, rakyat Malaysia kuat. Mereka tidak mahu kita bersatu padu, Kinabatangan. Mereka tidak mahu. Kalau kita bersatu padu, mereka rasa macam mereka tidak kuat dan tidak boleh pecah belahkan kita. Mereka *provoke*, tahulah kamu duduk sana dengan mereka, mereka sedang *provoke* kita. Kita ini Bung, kena ingat kita...

Seorang Ahli: Kinabatangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kinabatangan. *[Ketawa]* Seia sekata. Okey, akhir sekali Tan Sri, hari ini hal ini kena sebut fasal gaji. Sebab apa mereka sebut fasal gaji, Yang Berhormat? Fasal gaji tidak boleh buat kerajaan negeri bayar gaji. Saya hendak beri amaran terakhir kepada semua pihak. Jangan cuba lagi sebut negeri miskin tidak boleh bayar gaji. Dia ini duduk dalam Malaysia tahu? Dalam Malaysia, *ampa* boleh hukum macam itu?

Saya hendak beritahu, sekarang saya kena cakap, saya minta maaf Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Kuasa kerajaan negeri kepada tanah ialah *within* 3 batu nautika, ingat ya, ini undang-undang. Saya mengambil *Land Law* di Universiti Malaya dahulu. Kuasa kita 3 batu nautika sampai 200 batu nautika ialah kawasan ekonomi bebas di bawah *Federal Government*. Jadi, ini makna apa Tan Sri? Ini makna, Perlis juga berhak di atas kawasan bawah *Federal*, itu maksud saya.

Jadi, jangan kira kami miskin. Kami tidak miskin, duit ada sana, *ampa* tidak bagi. Duit peruntukan kami pun tak bagi. *[Tepuk]* Tambah, adakah sekarang ini kami miskin? Tan Sri, kurma tidak ada, saya minta Tan Sri, kalau boleh Tan Sri bagilah kurma dekat kami. *[Ketawa]* Kami harap Tan Sri sahaja, orang lain tidak boleh buat tetapi duit kerajaan negeri mereka tidak bagi tetapi tuduh kata kita miskin. Tetapi kami pun miskin, kami tidak dapat peruntukan.

Jadi, saya hendak beritahu, semua keuntungan PETRONAS berada di dalam kawasan *Federal*. Jadi dengan itu, negeri-negeri yang miskin juga berhak dan jangan cuba sekali-kali memperlekehkan, kononnya kalau kami memerintah, negeri miskin. Saya memerintah dulu boleh, miskin juga, *ampa* tak kata apa. Masa BN dahulu, miskin juga. Sekarang bila Pas memerintah, kata tidak boleh bayar gaji. Akhir sekali Tan Sri, sedikit sahaja. Keselamatan negara, ini penting. Saya minta kita kena serius, keselamatan negara, masalah pencerobohan sempadan sedang berlaku dengan dahsyatnya.

Di kawasan sempadan Sabah dan Sarawak, kita tahu bahawa kerajaan belah sana bina jalan di atas batu sempadan tetapi kita nampak tidak buat apa-apa. Kemudian ada pelanggaran sempadan di kawasan Perlis, Kedah, Kelantan, Perak, yang paling besar sekali pencerobohan yang dibuat oleh kapal pengawal China di Beting Patinggi Ali. Kita cakap fasal imuniti tadi. Apakah kita hendak bagi imuniti kepada negeri, negara yang tidak diiktiraf United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS)? China tidak diiktiraf, selepas itu kita hendak bagi pengiktirafan fasal imuniti, yang ini kena fikir balikkah. Itu sebab kita minta kuasa Agong tadi. Terima kasih Tan Sri, di atas kelembutan dan khianatan. Saya doakan Tan Sri sentiasa dirahmati oleh Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Aamin.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan lupa buah kurma. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik, saya jemput Tuaran.

3.37 ptg.

Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Tuaran juga turut bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2023 ini. Tan Sri Yang di-Pertua, rang undang-undang ini meminta supaya kita

meluluskan lebih RM26 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan lebih RM6 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Apabila kita melihat lebih RM6 bilion perbelanjaan untuk pembangunan, kita lihat RM5 bilion semuanya digunakan untuk membeli saham di sebuah syarikat iaitu Boustead Heavy Industries Corporation Berhad iaitu diberi kepada Ocean Shine Berhad iaitu sebuah syarikat milik Kementerian Kewangan. RM5 bilion ini besar. Apabila kita lihat RM5 bilion, saya boleh mengimbu peruntukan-peruntukan pembangunan yang diberikan dalam setiap bajet bermula tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023 bagi Sabah.

Setiap tahun lebih kurang RM5 bilion, 2020 – RM5 bilion, 2021 – RM5 bilion, 2022 juga RM5 bilion dan tahun lepas, 2023 – RM6.5 bilion. Yang saya ingin tanya pada Yang Berhormat Menteri Kewangan II ialah, daripada setiap peruntukan pembangunan di Sabah ini, yang lebih RM5 bilion ini, berapakah sebenarnya yang telah sempat dibelanjakan? Contoh tahun 2023, saya difahamkan daripada RM26.5 bilion, setakat bulan Julai tahun lepas, baru hanya setakat RM1.9 bilion.

Jadi, apakah pihak kementerian mengkaji apakah kekangan-kekangan yang menyebabkan peruntukan itu tidak boleh dibelanjakan dan dilaksanakan? Sebab itu bila kita mengatakan- ada yang mengatakan bahawa orang Sabah tidak berterima kasih dalam peruntukan pembangunan yang lebih RM5 bilion itu tidak berterima kasih tetapi kita lebih berterima kasih kalau semuanya dapat dilaksanakan.

Seperti juga dengan ini, senang sahaja RM5 bilion dikeluarkan untuk membeli saham di Boustead Heavy Industries Berhad, dengan senang sahaja, RM5 bilion.

■1540

Dalam perbelanjaan mengurus daripada RM26 bilion yang diminta ini, saya ingin menumpukan kepada RM700 juta yang diberikan peruntukan atau pemberian khas tahunan untuk Sabah dan juga Sarawak di bawah Perkara 112D. Saya ingat Tan Sri pun sudah puas mendengar Tuaran berbincang dalam hal ini. Saya pun telah memajukan, menuliskan satu usul dan Tan Sri sendiri telah menolak untuk dibahaskan.

Apa yang Tuaran minta dibahaskan di situ ialah bagaimana atau apakah pendirian Kerajaan Persekutuan tentang Perkara 112C(a) Bahagian IV Seksyen 2(1) Jadual Kesepuluh iaitu hak 40 peratus Sabah untuk mendapatkan hasil bersih yang didapati oleh Persekutuan dari Sabah. Itu yang kita balik-balik tanya selama ini dan dalam semua pertanyaan-pertanyaan sama ada dalam ucapan saya, dalam soalan, semuanya dielakkan. Jadi, sebentar tadi pun saya dapat dua jawapan bertulis daripada kementerian dan dia tidak pernah menjawab kalau saya sebut sahaja atau rakan-rakan menyebut sahaja Perkara 112C, memang tidak ada jawapan ya.

Jadi hari ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan II, saya mohon jawapan apakah benar pendirian kerajaan tentang Perkara 112C ini. Apakah ini hak Sabah, 40 peratus ini sebab sebenarnya bila kita sebut Perkara 112D, kita tidak boleh bercakap pasal itu selagi kita tidak menerima Perkara 112C. Perkara 112C, selepas itu baru kita tengok apakah dia punya *baseline*. Apa yang boleh dimasukkan di sana. Biasanya diambil alasan mengatakan di sana akan dibincang formula baru, keperluan perkhidmatan negeri, kemampuan kewangan Persekutuan dan sebagainya. Tapi itu tidak berbangkit sebelum pihak Kerajaan Persekutuan menerima hakikat tentang formula 40 peratus itu, itu dahulu yang penting.

Jadi, saya mohon jawapan sebab Yang Berhormat, saya juga ingin bertanya, apakah Kerajaan Sabah pernah selama ini menghantar satu surat tuntutan kepada Kerajaan Persekutuan meminta 40 peratus itu? Kalau belum, apakah nanti Kerajaan Persekutuan apabila menerima surat seperti ini akan mempertimbangkan sebab dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 112D akan diadakan satu perundingan dan setelah dirunding, kalau ada masalah, akan dilantik [*Tidak jelas*] dan sebagainya. Saya ingin jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan II dalam perkara ini sebab ini sangat penting kerana sudah pun diperakui, sudah dinyatakan bahawa setibanya bulan Julai 2024 ini, maka hal 40 peratus yang hendak dimuktamadkan hendaklah ditunaikan.

Harus diingat bahawa dalam Pakatan Harapan, ini memang sebahagian daripada manifesto kita dan mesti kita tunaikan. Ini sangat penting dan baru-baru ini, saya sebagai

salah satu ahli anggota dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi dan terima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana telah datang untuk memberi pencerahan tentang hal 40 peratus ini dan timbul juga perkara mengatakan bahawa jumlah pungutan daripada yang kita bagi itu daripada Persekutuan ke Sabah lebih besar daripada apa yang dipungut daripada Sabah. Itu jangan dulu cakap, jangan dulu cakap sebab kita belum perkirakan berapa cukai yang dipungut daripada PETRONAS sebagai contoh. Banyak lagi perkara itu.

Jadi, jangan ungkit itu ya. Kita bukan ungkit mengungkit. Yang hari ini, kita mahu cerita apa yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Itu yang sangat penting sebab banyak sudah, kawan-kawan pun banyak bercerita tentang hak Sabah dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ini yang kita mahu cerita sebab selagi ini tidak dapat dibincangkan secara baik dan dibuat keputusan, dibuat pendirian dan sebagainya, saya fikir apa-apa yang kita cerita tentang Perjanjian Malaysia 1963 itu semuanya *hollow*, tidak bererti. Itu sangat penting.

Tan Sri Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya seperti kawan-kawan yang tadi bahawa dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas *mid-term review*, telah disebut 10 daerah yang termiskin dan lapannya di Sabah dan disebut di sana, ada senarai. Yang saya ingat memang daerah Tuaran tidak tersenarai tetapi baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Ekonomi telah menyebut Tuaran, termasuk Tuaran yang lapan itu dan ada pula yang lain tergugur. Contohnya Daerah Kota Belud.

Jadi saya ingin tahu, saya ingin tahu apa yang telah dilakukan di daerah-daerah yang tergugur itu dan apa yang kami tidak buat di Tuaran yang naik pula itu? Yang saya tahu dan jelas sebagai Ahli Parlimen Tuaran, modal pusingan untuk Amanah Ikhtiar Malaysia di Tuaran pada tahun lepas telah diturunkan daripada RM20 juta setahun kepada hanya RM13 juta pada tahun lepas melibatkan sahabat 3,500.

Jadi, apakah kerana penurunan modal pusingan Amanah Ikhtiar ini yang telah diturunkan daripada RM20 juta kepada RM13 juta telah menyebabkan kemiskinan itu telah naik balik? Kalau itulah penyebabnya, jadi saya minta supaya dikembalikan daripada RM13 juta itu kepada RM20 juta.

Malah kalau untuk menangani masalah kemiskinan di Tuaran, saya minta sampai RM50 juta. Kan kita mahu menoktahkan kemiskinan. Kalau kita mahu menoktahkan kemiskinan, maka peruntukan yang betul-betul terbukti untuk mengatasi kemiskinan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia. Satu program mikro kredit berasaskan dengan prinsip *government bank* di Bangladesh.

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran, tolong *landing*.

Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau [Tuaran]: Kita minta supaya ini dikembalikan, RM20 juta ini. Saya juga minta supaya untuk keseluruhan Sabah, modal pusingan untuk Amanah Ikhtiar Sabah, dahulunya RM350 juta sekarang diturunkan kepada RM250 juta. Saya mahu ia dikembalikan kepada RM350 juta. Saya juga mahu supaya pengurusan ini, keputusan dibuat oleh Sabah sendiri dan bukan daripada Putrajaya. Ini sangat penting dan saya mohon supaya kesemua daerah-daerah yang dikatakan termiskin itu ditingkatkan juga bersama-sama Tuaranlah dia punya jumlah peruntukan untuk Amanah Ikhtiar sebab ini sudah terbukti dan bersasaran untuk mengatasi kemiskinan. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya jemput Putrajaya.

3.47 ptg.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Tan Sri Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat tadi menyentuh tentang cabaran kenaikan kos sara hidup yang sedang dihadapi rakyat. Apabila 60 peratus sumber keperluan makanan negara diimport, kejatuhan nilai ringgit merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kenaikan kos barang keperluan rakyat. Walaupun ada dalam kalangan pemimpin kerajaan cuba memperkecilkan kesan kejatuhan nilai ringgit kepada

rakyat, hakikatnya apabila ringgit jatuh, kos bahan keperluan makanan yang diimport meningkat dan harganya di pasaran akan menjadi semakin mahal.

Pada 11 Mac 2024, Menteri Kewangan II menyatakan bahawa syarikat GLC dan GLIC telah membawa masuk dana mereka dari luar negara sebagai langkah untuk mengukuhkan nilai ringgit. Kita tahu antara GLIC yang mempunyai dana yang besar adalah KWSP, PNB dan KWAP. Menurut beliau, saya petik, *"Kita telah nampak hasil usaha bersama BNM, GLC dan GLIC. Dalam satu setengah minggu ini, ringgit telah pun mengukuh"*. Kalau ikut garis masa yang diberi oleh Menteri iaitu seminggu setengah dari 11 Mac, maknanya dana daripada GLC dan GLIC telah digunakan untuk menyokong nilai ringgit bermula sekitar 29 Februari 2024.

Nilai ringgit merudum ke paras terendah pada 20 Februari 2024. Pada 28 Februari 2024, ringgit berada pada kadar RM4.72 sen untuk setiap Dolar Amerika. Paras tertinggi ringgit di sepanjang tempoh dana daripada GLC dan GLIC dibawa masuk dari luar negara ialah RM4.68 sen pada 12 Mac 2024. Selepas itu, ringgit mula jatuh semula. Hari ini ringgit jauh kepada RM4.73 sen berbanding USD1. Soalan saya, berapakah dana dari setiap GLC dan GLIC yang telah dibawa masuk untuk menyokong nilai ringgit bermula daripada 20 Februari 2024 sehingga ke hari ini.

Soalan kedua, berapa lamakah kerajaan akan menggunakan pendekatan ini untuk menyokong nilai ringgit? Seterusnya, secara spesifik saya ingin menyentuh tentang penggunaan dana KWSP untuk menyokong nilai ringgit. Pada akhir Disember 2023, 62 peratus daripada keseluruhan nilai pelaburan KWSP adalah pelaburan dalam negara dan baki 38 peratus adalah pelaburan luar negara.

■1550

Walaupun pelaburan luar negara cuma 38 peratus daripada keseluruhan pelaburan KWSP, tetapi pelaburan ini menjana 53 peratus daripada keseluruhan pendapatan pelaburan KWSP. Maknanya, prestasi pelaburan luar negara telah banyak membantu KWSP untuk membayar dividen yang lebih tinggi kepada pencarum. Maka, tindakan kerajaan untuk bekerjasama dengan KWSP menyokong nilai ringgit ini telah menimbulkan kerisauan dalam kalangan pencarum.

Sekiranya dana KWSP di luar negara terus dibawa masuk untuk menyokong ringgit, apakah kerajaan melihat tindakan ini akan memberi kesan kepada usaha KWSP untuk mencari pelaburan yang lebih baik di luar negara? Adakah tindakan tersebut akan memberi kesan kepada pendapatan KWSP dan seterusnya memberi kesan kepada kadar dividen KWSP?

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 2023, eksport negara menurun untuk 10 bulan berturut-turut bermula bulan Mac hingga Disember. Kali terakhir eksport negara menurun lebih 10 bulan adalah sekitar 15 tahun yang lalu. Dalam data perdagangan Malaysia untuk bulan Februari 2024 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan semalam, selepas menunjukkan peningkatan pada bulan Januari 2024, eksport negara semalam untuk bulan Februari sekali lagi menurun.

Ramai ingat bila dah Januari menunjuk peningkatan, maka trend itu akan berterusan. Tetapi, data semalam menunjukkan eksport semalam lebih rendah berbanding bulan Februari 2023. Jadi soalan saya, apakah usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan eksport negara terus berdaya saing dalam pasaran global? Kerana kita dah tahu, penurunan eksport ini akan memberi kesan besar kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Seterusnya, kita dapat lihat bahawa lebih dagangan bagi bulan Februari 2024 telah merosot sebanyak 44 peratus berbanding Februari 2023. Trend penurunan lebih dagangan ini akan terus memberi tekanan kepada *current account balance* negara yang telah pun mencapai tahap terendah sejak krisis ekonomi 1997 pada suku keempat tahun 2023. Melihat trend semasa...

Datuk Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Putrajaya, ringkas. Putrajaya, ringkas. Okey, apa yang dikatakan Putrajaya tadi eksport

menurun, *currency* menurun, defisit makin teruk. Jadi, apakah menunjukkan bahawa kerajaan ini telah gagal mengurus kewangan negara? Terima kasih.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya] : Itu tanda-tanda, simptom-simptom yang disebut tadi. Saya teruskan. Melihat trend semasa, soalan saya, apakah kemungkinan untuk *current account balance* menjadi negatif dalam tahun 2024 ini? Apakah kemungkinan berlakunya *twin deficits* pada tahun 2024? Jika berlaku, apakah kesannya kepada negara?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit tentang perolehan pesawat kerajaan. Soalan saya, apakah benar kerajaan melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) sedang dalam proses untuk melaksanakan perolehan helikopter secara pukal melalui kaedah sewaan untuk agensi-agensi kerajaan yang ada aset helikopter?

Sekiranya benar, apakah benar bahawa anggaran belanjawan keseluruhan cadangan ini adalah berjumlah lebih RM16 bilion untuk tempoh sewaan selama 15 tahun? Jika benar, berapakah nilai sebenar pasaran semasa bagi setiap helikopter jika dibeli secara terus dan bukannya sewaan selama 15 tahun? Seterusnya, adakah benar hanya satu syarikat sahaja yang akan memonopoli konsesi selama 15 tahun tersebut?

Seterusnya Tan Sri Yang di-Pertua, topik terakhir saya adalah berkaitan dengan cabang tenaga hijau PETRONAS Gentari Sdn. Bhd. yang melantik syarikat Solarvest Energy untuk memasang sistem kuasa solar di lebih 300 stesen PETRONAS di seluruh negara. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia menyatakan kekesalan mereka apabila PETRONAS hanya memanggil tiga syarikat untuk membuat tawaran itu tanpa mengundang mana-mana syarikat bumiputera untuk turut serta.

Soalan saya, berapakah jumlah syarikat bumiputera yang tersenarai dalam Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari ataupun SEDA? Yang kedua, apakah Gentari melaksanakan tender terbuka untuk projek tersebut? Jika tidak, jika dilaksanakan secara tender terhad, berapakah syarikat yang dipanggil dan apakah benar memang tidak ada syarikat Bumiputera yang dipanggil?

PETRONAS menyatakan bahawa penilaian dibuat berdasarkan merit. Bagus, saya setuju penilaian yang dibuat itu berdasarkan merit. Namun begitu, kita bercakap tentang pemasangan solar di stesen minyak. Ini bukan nak buat roket, setakat mana sangat merit yang digunakan dalam konteks itu dan apakah tidak ada langsung syarikat bumiputera yang layak untuk tujuan tersebut. *[Tepuk]* Kerana apa? Kerana kita bercakap tentang ekonomi Bumiputera. Kita mahu syarikat bumiputera turut berdaya saing dalam ekonomi masa hadapan. Dalam konteks ini, tenaga hijau. Jadi sebab itu saya mohon penjelasan kerajaan berkaitan dengan perkara ini. Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Seterusnya saya jemput Rasah.

3.55 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih kepada Tan Sri Speaker atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2023 pada hari ini. Yang pertama, saya nak ucapkan syabas kepada kerajaan kerana — Kenapa saya kata syabas? Sebab kalau kita tengok RUU ini memohon perbekalan ataupun peruntukan tambahan sebanyak RM32.5 bilion tambahan, berbanding dengan tahun sebelum ini, ia berjumlah RM69.75 bilion yang menandakan bahawa Kerajaan Malaysia MADANI yang kita ada pada hari boleh membuat *forecast* ataupun jangkaan unjuran belanjawan dengan lebih baik berbanding dengan sebelum ini.

Cuma, perkara pertama yang saya nak sebutkan sebab daripada kita nampak RM32.5 bilion ini, RM6 bilion untuk pembangunan dan selebihnya RM26 bilion lebih untuk belanja mengurus. Daripada RM26 bilion ini, sebanyak RM14 bilion di bawah B.11 - Perbendaharaan iaitu berkaitan dengan subsidi. Kita tahu sebab ketika membentangkan belanjawan tahun 2023, PMX kebetulan menjangkakan bahawa jumlah keseluruhan subsidi pada tahun 2023 adalah sekitar RM63 bilion. Tetapi akhirnya sehingga penghujung tahun 2023, jumlah subsidi yang dibayar ataupun ditanggung oleh kerajaan naik kepada hampir RM81 bilion.

Jadi, sebab itu ada tambahan. Jadi saya nak tanya kepada kerajaan, ketika Belanjawan 2024, jumlah subsidi ketika itu kalau ikutkan butiran yang sama adalah RM35.8 bilion. Dengan adanya PADU (Pangkalan Data Utama) dan pelaksanaan subsidi bersasar yang dikatakan akan bermula pada tahun ini, apakah awal tahun hadapan kita akan dibentangkan dengan satu lagi RUU dengan jumlah subsidi yang lebih kurang macam hari ini?

Sebab bagi saya, dia tidak sepatutnya dengan jumlah yang besar sebab golongan yang tak layak terima subsidi patut dah berkurang sebab kita tidak mahu subsidi kita tersasar terutamanya yang berkait dengan diesel yang mana kenaikan bilangan kenderaan dengan pertambahan penggunaan itu tidak selaras. Jadi, saya mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan II nanti apabila menggulung memberikan satu unjuran apakah pada tahun ini kita akan tetap memerlukan subsidi yang demikian besar?

Seterusnya untuk Maksud B.63 di bawah Kementerian Pendidikan, sebab saya tahu nanti saya tak bahas dalam Jawatankuasa untuk KPM, saya sebut ini 010200 - Pengurusan Kewangan dan Akaun. Perkara yang sama telah dibentangkan dalam RUU Perbekalan Tambahan pada tahun lepas dan tahun ini sekali lagi. Tetapi, kita tahu pada 1 Julai tahun lepas ada pelaksanaan gaji minimum dinaikkan RM300 daripada RM1,200 kepada RM1,500.

Cuma, kenapa ada pertambahan yang cukup besar? Ini saya nak sebutkan sebab kalau pada tahun lepas dalam bajet tambahan, hanya setakat RM803 juta, tetapi kali ini RM1.97 bilion. Satu lonjakan yang begitu besar. Saya nak tanya, lonjakan ini adakah disebabkan keseluruhannya pelaksanaan RM1,500 gaji minima ataupun ada pertambahan kakitangan?

Saya nak sebut juga, ambil peluang pada petang ini berkenaan dengan pekerja keselamatan dan juga pembersihan. Saya menyokong kenaikan ini sebab bagi saya inilah golongan B40 yang selalu kita uar-uarkan, selalu kita kata kita nak bantu. Jadi, kenaikan ini memang saya alu-alukan, ada keperluan.

■1600

Cuma, ada tidak syarikat-syarikat tertentu yang tidak melaksanakan gaji minimum pada bulan Julai– mulai Julai tahun lepas? Sebab saya ada dengar ada kes tertentu di mana walaupun mulai 1 Julai patutnya RM1,500 tetapi disebabkan mereka ini pekerja kontrak dan syarikat yang menjadi majikan mereka mengekalkan gaji bulanan sebelum ini. Bagi saya, ini suatu yang tidak adil yang perlu diambil tindakan sewajarnya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Puan Alice Lau Kiong Yieng) **mempengerusi Mesyuarat**]*

Jadi, sekiranya berlaku saya hendak tanya kepada kerajaan, apakah mekanisme untuk perkara ini, untuk memastikan sebab ini lah golongan B40. Inilah golongan yang kita bagi subsidi bersasar. Jadi, selain daripada subsidi bersasar, jauh lebih mustahak adalah gaji minimum mereka, gaji pokok mereka. Jadi, saya hendak tanya kerajaan apakah ada mekanisme khas untuk golongan ini supaya nasib mereka sentiasa terpelihara? Sekian sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Saya jemput Yang Berhormat Kudat.

4.01 ptg.

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua sebab memberikan laluan kepada Kudat untuk turut sama dalam Perbahasan Perbekalan Tambahan 2023. Ada beberapa perkara yang ingin Kudat ungkitkan ataupun sebutkan di dalam perbahasan ini.

Salah satunya adalah sebagai wakil rakyat yang mewakili Parlimen Kudat di mana dua daerah penuh di dalam kawasan saya telah disebut dalam laporan *mid-term review*

ataupun kajian separuh penggal yang telah dibentangkan pada tahun lalu untuk Kajian Separuh Penggal RMKe-12 iaitu kadar kemiskinan di Kudat pada skala 40 hingga 49 peratus dan Pitas 50 hingga 53 peratus.

Kedua-dua daerah ini adalah daerah di bawah Parlimen Kudat. Dalam kenyataan terbaharu Menteri Ekonomi baru-baru ini di dalam Dewan, telah dinyatakan bahawa Kudat tidak lagi tersenarai sebagai salah satu daerah yang termiskin. Sedangkan data ataupun laporan yang telah kita dapat untuk laporan kajian separuh penggal hanya ada pada tahun lalu. Jadi, saya ingin minta penjelasan daripada kerajaan.

Bagaimana data itu membolehkan Kudat ini terkeluar daripada daerah termiskin ini? Sama ada pendapatan orang-orang di Kudat ini sudah bertambah banyak ataupun disebabkan oleh perkara-perkara ataupun faktor-faktor yang lain? Jadi, saya ingin minta penjelasan daripada pihak kerajaan berkenaan dengan perkara ini.

Apakah implikasi kepada Daerah Kudat sekiranya Daerah Kudat ini terkeluar daripada daerah ataupun senarai daerah termiskin ini, sedangkan kita tahu bahawa sebagai pemimpin di kawasan, saya nampak tidak akan berlaku perubahan yang drastik dari segi pendapatan dan juga taraf hidup rakyat di kawasan saya.

Masalah yang ataupun perkara kedua yang ingin saya bawa dalam perbahasan ini adalah berkenaan dengan PADU. Kita tahu bahawa peringatan telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Ekonomi berkenaan dengan tarikh pendaftaran PADU sehingga hujung bulan ini ataupun 30 Mac, kalau saya tidak silap.

Sebagai kawasan ataupun sebagai wakil rakyat yang mewakili kawasan luar bandar dan capaian untuk mendapatkan perkhidmatan bagi mendaftar semua penduduk di kawasan ataupun rakyat di kawasan saya ini adalah sangat-sangat sukar, terutama sekali mereka-mereka yang berada di pulau-pulau dan juga jauh di pedalaman. Saya rasa sasaran untuk mendaftarkan semua penduduk ataupun rakyat masyarakat di kawasan Parlimen Kudat ini sangat sukar dicapai.

Apakah implikasi yang akan berlaku kepada rakyat ini, sekiranya mereka tidak didaftarkan sehingga 30 Mac ini? Sekiranya perlu juga didaftarkan, apakah usaha dan inisiatif kerajaan yang membolehkan proses pendaftaran rakyat di kawasan saya ini akan dapat didaftarkan sepenuhnya?

Perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh berkenaan dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan khususnya kepada Jabatan Perdana Menteri, berapa banyak ataupun berapakah jumlah projek-projek yang telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Kudat pada 2023 dan berapa banyak bajet ataupun peruntukan yang diperuntukkan melalui ICU ini untuk Parlimen Kudat pada 2024?

Sebab mengikut laporan-laporan yang telah saya terima, pelaksanaan projek-projek yang di bawah ICU ini hampir-hampir kosong pada tahun lalu. Sedangkan ICU ini semua orang tahu bahawa untuk kawasan-kawasan luar bandar ini adalah merupakan nadi utama dari segi mendapatkan peruntukan dan juga mendapatkan kemudahan daripada pihak kerajaan.

Tetapi apa yang berlaku saya nampak—saya agak kecewa sebagai wakil rakyat, antara termiskin termundur di Malaysia, saya agak kecewa sebenarnya sebab dari segi pelaksanaan projek-projek di bawah ICU pada tahun lalu, hampir-hampir kosong Puan Yang di-Pertua.

Jadi, saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian, apakah fungsi ICU ataupun Unit Penyelarasan Pelaksanaan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini masih wujud ataupun telah diberikan kepada mana-mana jabatan yang lain?

Terakhir sekali, mohon masa tambahan sedikit. Saya telah mengemukakan dalam ucapan Usul Perbahasan Titah Diraja. Saya telah mengusulkan satu perkara berkenaan dengan keperluan untuk kita membawa usul bagi membahaskan RCI yang telah ditubuhkan untuk Projek IC, khususnya di Sabah.

Buat apa kita buang duit kerajaan tubuhkan RCI sana, RCI sini kalau semata-mata untuk mengaburi mata rakyat dan bukan digunakan untuk membawa kepada hukuman ataupun tindakan kepada mana-mana individu yang sepatutnya bersalah dalam keadaan ini, yang mana telah merosakkan demografi masyarakat Sabah.

Jadi, mohon Puan Yang di-Pertua, Kudat mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Saya jemput Yang Berhormat Ampang.

4.07 ptg.

Puan Hajah Rodziah binti Ismail [Ampang]: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Ampang ingin mengambil bahagian di bawah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini iaitu di bawah kementerian ataupun dalam menyentuh isu-isu berkaitan dengan dasar di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan yang saya lihat telah pun dibelanjakan ataupun diperuntukkan sebanyak RM56.91 juta pada tahun 2023, namun belum dibentangkan dan diluluskan oleh Parlimen sebelum ini. Oleh itu, peruntukan tambahan ini diperlukan tetapi ianya setara dengan perpuluhan 24 peratus daripada sejumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2023 yang lepas, yang dianggarkan sebanyak lebih kurang RM23.48 bilion.

Jadi, saya mohon supaya Dewan yang mulia ini, atas sebab tidak diperuntukkan langsung, maka kita bimbang ianya akan berulang lebih kerap. Jadi saya harap kali ini walaupun anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2023 sebanyak RM3 bilion itu tidak dibahaskan. Namun, saya harap ianya tidak berulang.

Jadi, isu yang hendak saya bangkitkan yang pertama, adalah berkaitan dengan beberapa perkara yang diletakkan di bawah KPKT ini iaitu bagi— besarnya adalah untuk menampung SMK ataupun Sumbangan Pembantu Kadar iaitu kita tengok memang lah tiap-tiap tahun perbandaran akan ataupun saya tak pasti sama ada setiap tahun ataupun setiap lima tahun, akan ada satu konsep berkaitan hartanah dan bangunan yang diduduki untuk tujuan awam di bawah peruntukan Perkara 156 Perlembagaan Persekutuan untuk dalam skop untuk mengesahkan senarai nilai pegangan.

Tetapi persoalannya, bila adanya perkara tambahan ini, apakah tuntutan SMK ini oleh PBT? Ini satu fenomena normal atau memang berlaku ianya tidak dapat dirancang? Sebab saya yakin dalam artikel itu kita memang ada perancangan tertentu. Ya, tidak salah untuk kita membuat penilaian tetapi terpulang kepada pihak kerajaan sama ada nilai itu akan dilakukan caj-caj tertentu.

Tetapi persoalan yang saya ingin bangkitkan, apakah faktor ini tidak dapat kita jangka? Kalau ya dapat dijangka, sepatutnya tidak timbul masalah kita memerlukan bajet tambahan kerana cara kerja kita itu sebenarnya kita telah pun mengunjurkan tahun bila, di mana dan peruntukan berapa yang patutnya kita sediakan.

■1610

Jadi, soalan saya seterusnya, apakah strategi atau mekanisme yang telah dibangunkan demi memastikan perbelanjaan luar jangka ini tidak akan berulang?

Perkara kedua, Timbalan Speaker, Ampang juga ingin melihat di bawah KPKT, di bawah P.43 ini kita lihat ada tiga perkara yang terletak di sini. Pertamanya, pembangunan bandar pintar, pembangunan rumah rakyat bersepadu dan JENDELA@PPR 2.0. Jadi, Ampang mohon YB Menteri huraikan dan beri perincian penuh mengenai ketiga-tiga projek tahun ini.

Kita tahu projek ini telah pun dinyatakan ataupun dibentangkan tahun lepas tetapi hairan juga bahawa tahun ini diletakkan sedikit peruntukan ataupun apakah RM7.3 juta. Ini adalah untuk menampung sebahagian kos membina? Kalau ya, tolong. Nanti kita minta penjelasan daripada perkara ini. Apakah projek perumahan rakyat lama yang usang, malah mengalami banyak kerosakan *structural* dalam konteks ini, tambahan yang diberikan ada rancangan untuk dirobuhkan dan akhirnya, kita akan lakukan, dengan izin,

urban renewal, regeneration dan juga *revitalization*, terutama di kawasan padatan tinggi seperti Selangor, Johor, Kuala Lumpur dan juga di Pulau Pinang.

Perkara terakhir yang ingin saya bangkitkan adalah perkara yang sebenarnya – minta mohon masa sikit dalam satu minit, iaitu berkaitan dengan dasar di bawah Kementerian Pendidikan. Saya baru-baru ini terpanggil bila menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah, bila mana kita lihat tidak ada keselarian di antara perancangan perumahan, terutama di kawasan-kawasan padat penduduk.

Kita merancang untuk buat unit-unit rumah yang ditambah. Contoh, setahun katalah di Hulu Langat, di Kajang, di banyak tempat-tempat yang padat. Kita merancang *projection* rumah yang ingin kita bangunkan lebih kurang, mungkin ribuan, ya. Kalau saya buat satu senario, katalah kebenaran itu diluluskan, selepas itu diberikan kebenaran untuk pelaksanaan, mula membina sehingga siap tiga tahun, ya.

Persoalannya, apakah Kementerian Pendidikan juga merancang supaya dalam tempoh tujuh ke 10 tahun mesti sekolah dibina? Sebab, selalunya majlis perbandaran telah pun menyediakan lokasi-lokasi tertentu. Tanah juga telah pun diserahkan oleh pihak kerajaan tetapi malangnya, kita mempunyai *gap* yang terlalu besar di antara perumahan yang telah pun siap, malah tua kadang-kadangnya, dah umur 20 tahun, sekolah masih lagi tidak ada.

Jadi, untuk itu, saya mengharapkan supaya kementerian mengadakan apakah mungkin Menteri boleh menjawab, adakah satu perancangan khusus untuk kita lihat perbandingan penduduk dan juga sekolah ini dan mana ada *gap-gap* yang besar itu, wajar diberikan satu tumpuan supaya tidak lagi timbul kita persoalkan hanya nak bangunkan rumah, sekolah daif ataupun nak tambah tingkat di lokasi yang sama. Sepatutnya, kita dah boleh bincang buat sekolah-sekolah baharu yang lama.

Jadi, saya harap pihak Menteri buat satu kajian dasar tentang perkara ini dan apakah dasar yang akan dibangunkan kelak? Terima kasih, itu sahaja Puan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih. Saya jemput pembahas terakhir, Yang Berhormat Jelutong.

4.14 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, Speaker. Saya turut serta dalam perbahasan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama (2023) 2024 dan peruntukan semula perbelanjaan Persekutuan.

Saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini, terutamanya saya ingin menyentuh kepada Kementerian Pendidikan di mana saya lihat ada peruntukan RM1.9 bilion, anggaran perbelanjaan tambahan di mana saya difahamkan bahawa peruntukan ini diperlukan untuk pelarasan purata gaji minima bagi pekerja kontrak kawalan keselamatan dan kebersihan di institusi di Kementerian Pendidikan.

Saya berterima kasih. Saya difahamkan bahawa anggaran perbelanjaan ini adalah bagi semua sekolah. Sekolah kebangsaan, sekolah aliran Tamil, sekolah aliran Cina dan saya menghargai langkah yang diambil oleh Kerajaan Perpaduan, kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Tambun, Kerajaan Malaysia MADANI untuk mempertahankan dan juga melihat kepada kebajikan pekerja-pekerja dan institusi di sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah aliran Tamil dan sekolah aliran Cina.

Saya mengambil kesempatan ini, Puan Speaker untuk menyentuh dan juga memberi nasihatlah kepada Ketua Pemuda UMNO, Dr. Akmal Saleh yang juga merupakan seorang Exco di Melaka, supaya tidak mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menyinggung hati ataupun perasaan, terutamanya masyarakat India dan masyarakat Cina.

Sejak kebelakangan ini, kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh beliau menyinggung dan juga mengguris hati, terutamanya berkenaan dengan sekolah-sekolah vernakular.

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamuddin [Alor Setar]: Minta laluan boleh, Jelutong?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tak bagi. Tak cukup masa.

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamuddin [Alor Setar]: Ada masa lagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tak ada masa. So, Timbalan Speaker, saya di sini...

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamuddin [Alor Setar]: Nak sokong ini.

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kubang Kerian minta sikit.

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok]: Nak sokong ini. Nak sokong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tak bagi. Saya tak bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tak bagi laluan. Yang lain, sila duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, ya.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai mahu sokong.

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kita mahu sokonglah. Mahu sokong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tak bagi laluan. Saya...

Dato' Khair bin Mohd Nor [Ketereh]: Ketereh pun nak juga. Tak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Sila duduk. Kalau tidak, keluar.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Timbalan Speaker, saya mohon diberi masa tambahan kerana saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Tidak. Sila habiskan dalam masa yang diberi.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: Jelutong, kita sahabat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya diganggu.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Boleh, Jelutong?

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: Jelutong, kita sahabat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya di sini menyokong peruntukan tambahan bagi semua sekolah...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Boleh, boleh. Nak sokong ini.

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Jelutong, UMNO minta. Bagilah sikit laluan itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kerana – ya. Saya akan bagi nanti. Saya akan bagi nanti, ya. Saya akan bagi nanti. Saya di sini menyokong Anggaran Perbelanjaan Tambahan.

Pada masa yang sama, Timbalan Speaker, saya melihatkan bahawa dalam Kerajaan Perpaduan, kita bersama-sama untuk memastikan bahawa kebajikan semua masyarakat diberi perhatian dan pada masa yang sama, saya juga ingin menyentuh tentang isu MITRA, di mana kita lihat bahawa peruntukan RM88 juta daripada Jabatan

Perdana Menteri telah pun dipinda kepada Kementerian Perpaduan Negara, di mana anggaran sejumlahnya sekarang adalah RM188 juta.

Cumanya, saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk sekali lagi merayu. Kalau boleh, peruntukan MITRA ini dikembalikan kepada Jabatan Perdana Menteri kerana kita lihat bahawa di bawah Jabatan Perdana Menteri– bukan saya mengatakan bahawa mempersoalkan kewibawaan Menteri Perpaduan.

Tetapi, kita lihat bahawa kesungguhan pengagihan, ketelusan di bawah Jabatan Perdana Menteri lebih teratur. Yang Berhormat daripada UMNO nak minta laluan? Saya bagi. UMNO saya bagi. UMNO saya bagi.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Bolehlah satu. PAS satu ya selepas ini? Kuala Krai satu.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: Bagi saya, pemuda-pemuda UMNO hanya mempertahankan hak dan perjuangan kami, demi agama, bangsa dan negara, satu. *[Tepuk]* Yang keduanya, kami tidak akan menyentuh hal-hal kaum lain, kecuali kaum tersebut menyentuh kaum kami. *[Tepuk]* Itu saja, Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Saya...

Datuk Idris bin Ahmad [Bagan Serai]: Pontian sokong tak, Pontian? Hebatlah, Tampin.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya, dalam kes ini mengambil maklum tetapi kita harus lihat bahawa Kerajaan Malaysia MADANI sekarang menjadi Kerajaan Persekutuan. Kita harus memberi perhatian kepada membangunkan semua institusi pendidikan, termasuklah sekolah-sekolah Tamil, sekolah Cina, sekolah kebangsaan dan kita lihat juga, fakta menunjukkan bahawa murid-murid yang memasuki sekolah-sekolah ini, sekolah-sekolah Cina bukan saja hanya terletak ataupun terhad kepada satu kaum sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Gulung. Sila gulung.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jadi, saya sekali lagi menggunakan kesempatan – saya akan habiskan, Speaker – bahawa peruntukan yang telah diagihkan ataupun yang dianggarkan akan dibelanjakan adalah sesuatu yang perlu disokong kerana ia adalah sesuatu yang diperlukan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat Malaysia. Terima kasih, Timbalan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih, Yang Berhormat Jelutong. Seramai 22 pembahas, 11 dari sebelah sini dan 11 dari sebelah sana. Jadi, saya sekarang menjemput Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab, 25 minit.

4.19 ptg.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Puan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2023).

■1620

Seperti dikatakan, sebanyak 22 orang Yang Berhormat telah berbincang dan izinkan saya menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan. Puan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat antaranya Bachok, Tenggara, Pasir Mas, Shah Alam, Rasah dan Bayan Baru telah menyentuh soal subsidi dan bantuan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tahun lalu kerajaan membelanjakan lebih RM80 bilion untuk subsidi, insentif dan bantuan. Komitmen perbelanjaan ini melebihi anggaran asal Belanjawan 2023 sebanyak RM64 bilion. Antara sebab peningkatan tahun lalu adalah kerana menampung keperluan tambahan bagi subsidi produk petroleum iaitu RON95 dan diesel. Tahap penggunaan produk petroleum bagi tahun 2023 juga meningkat berbanding tahun 2022. Bagi tahun 2023, jumlah

penggunaan petrol RON 95 adalah sebanyak 17.6 bilion liter, meningkat berbanding 16.1 bilion liter pada 2022.

Jumlah penggunaan diesel juga meningkat kepada 10.8 bilion liter pada 2023 berbanding 8.4 bilion liter pada 2022. Ketidaktentuan harga minyak mentah dunia juga antara sebab peruntukan tambahan untuk subsidi diperlukan. Purata harga minyak mentah dunia pada tahun 2023 adalah sebanyak USD82.12 setong iaitu melebihi anggaran belanjawan sebanyak RM80 setong– USD80 setong. Sebab-sebab ini adalah antaranya yang memerlukan kerajaan menampung komitmen tambahan RM9 bilion berbanding anggaran asal untuk subsidi produk petroleum sebanyak RM25.6 bilion.

Kerajaan juga mengulangi komitmen menjayakan langkah menyasarkan semula subsidi. Perbelanjaan subsidi kita boleh dikatakan antara tertinggi berbanding negara-negara di dunia dan ia tidak lagi dapat dibiayai secara mampan. Semua rakyat termasuk golongan berkemampuan dan warga asing mendapat faedah daripada subsidi pukal. Subsidi barangan asas seperti petrol, diesel, LPG dan minyak masak yang murah di pasaran tempatan juga menyebabkan ketirisan yang merugikan wang rakyat.

Sebagaimana dalam Belanjawan 2024, kerajaan akan melaksanakan penyasaran subsidi diesel. Dengan harga diesel bersubsidi, RM2.15 seliter berbanding dengan harga pasaran RM3.43 seliter. Diesel kita adalah terlalu murah hingga mengakibatkan aktiviti penyeludupan berleluasa. Ini digambarkan dengan jualan diesel bersubsidi yang meningkat ketara daripada 6.1 bilion liter pada tahun 2019 kepada 10.8 bilion liter tahun 2023 iaitu peningkatan 70 peratus, sedangkan jumlah kenaikan diesel hanya meningkat tiga peratus dan KDNK meningkat sekitar 20 peratus.

KPDN telah melancarkan Ops Tiris, antara usaha-usaha untuk membanteras aktiviti penyeludupan. Sehingga 18 Mac sebanyak tiga liter diesel bersubsidi telah disita. Penguatkuasaan terus ditingkatkan terutamanya di kawasan sempadan. Buat masa ini cadangan penyasaran semula subsidi akan dilaksanakan di Semenanjung Malaysia sahaja. KPDN pada 6 Mac telah mengumumkan keluasan Projek Rintis Sistem Kawalan Subsidi Diesel 2.0 kepada sembilan lagi jenis kenderaan, barangan dan permohonan telah dibuka untuk manfaat lebih 260,000 kenderaan.

Setakat 18 Mac 2024, sebanyak 7,155 syarikat barangan dengan 41,781 buah kenderaan diesel telah membuat pendaftaran dalam SKDS 2.0. Keadaan menyeru agar semua pemilik kenderaan yang layak untuk berdaftar supaya ambil penyasaran subsidi semula apabila penyasaran subsidi semula dilaksanakan. Jenis kenderaan yang layak terus menikmati diesel bersubsidi. Kerajaan juga terus meneliti perincian data bagi memastikan semua kenderaan diesel yang dilihat layak menerima subsidi berada dalam SKDS 2.0 sebelum penyasaran semula subsidi dilaksanakan.

Yang Berhormat Bachok, Putrajaya dan Pasir Mas telah menyentuh soal kenaikan kos sara hidup. Hikmah pelaksanaan konsolidasi fiskal termasuk mengurangkan defisit fiskal, menyasarkan subsidi dan meluaskan asas hasil sebahagiannya dapat digunakan untuk menambah baik pemberian tunai kepada rakyat. Bagi tahun 2024, seperti dikatakan sebelum ini Sumbangan Tunai Rahmah telah pun ditambah baik. Semua sekali kenaikan untuk tahun 2024 adalah sebanyak RM2 bilion iaitu 25 peratus daripada RM8 bilion pada tahun 2023 dengan jumlah keseluruhannya RM10 bilion.

Pemberian STR juga memanfaatkan sekitar sembilan juta penerima iaitu bersamaan 60 peratus penduduk dewasa Malaysia. Kadar STR telah meningkat sekurang-kurangnya RM300 bagi setiap isi rumah merangkumi empat juta penerima. Bayaran STR fasa 1 telah disalurkan pada hujung Januari lalu turut meningkat daripada sehingga RM300 kepada RM500.

Bagi tahun 2024 juga, Sumbangan Asas Rahmah (SARA) telah diperluaskan dan ditingkatkan. Peruntukan SARA ditingkatkan lebih lima kali ganda daripada RM130 juta kepada RM700 juta pada tahun 2024. Penerima SARA juga diluaskan merangkumi golongan miskin dan miskin tegar berbanding 2023 yang terhad kepada miskin tegar. Penerima SARA meningkat daripada 210,000 kepada 700,000. Kadar SARA untuk kategori isi rumah telah ditingkatkan daripada RM600 kepada RM1,200.

Di bawah Kerajaan MADANI juga, bantuan murid sekolah ditambah baik. Bermula tahun 2023, kerajaan telah memperluaskan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) kepada semua murid daripada Darjah 1 hingga Tingkatan 5. Bayaran BAP dengan kadar RM150 kepada semua murid telah pun diagihkan sejak Januari 2024, melibatkan peruntukan hampir RM800 juta untuk membantu persediaan persekolahan lebih lima juta anak-anak berbanding hanya tiga juta sebelum tahun 2023.

Di bawah Kerajaan MADANI juga insentif pengeluaran getah telah dinaikkan, bukan sekali tetapi dua kali iaitu daripada RM2.50 sekilogram pada tahun 2022 kepada RM2.70 sekilogram 2023 dan kini RM3.00 sekilogram pada tahun ini. Kerajaan MADANI juga mengambil langkah meningkatkan pendapatan pesawah. Kadar Skim Subsidi Harga Padi telah ditingkatkan daripada RM360 kepada RM500 per metrik tan pada tahun 2023.

Segala penambahbaikan bantuan rakyat adalah bukti Kerajaan MADANI akan sentiasa memastikan golongan yang kurang berkemampuan terus dilindungi. Penjimatan yang dicapai daripada perbelanjaan berhemah dapat diagihkan kepada semua golongan yang memerlukan. Pada masa yang sama, kerajaan di bawah KPDN terus mempergiatkan pelaksanaan Jalan Rahmah dan meningkatkan penguatkuasaan bagi memastikan tiada kenaikan harga melampau oleh peniaga.

Saya betul-betul menyokong Yang Berhormat Bachok dan Shah Alam berhubung disiplin fiskal. Maka sebab itu kerajaan ini komited melaksanakan reformasi fiskal dan memerlukan dukungan semua pihak. Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 akan memastikan tata kelola baik, bertanggungjawab serta ketulusan dalam pengurusan kewangan awam.

Seperti saraan FRA, kerajaan telah menyasarkan untuk menurunkan paras hutang untuk tidak melebihi 60 peratus kepada KDNK dan defisit fiskal tiga peratus dalam jangka masa sederhana...

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri. Minta laluan sikit?

Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan: Sekejap. Bagi saya habis sikit. Nanti saya bagi laluan nanti.

■1630

Selain itu, kerajaan juga berusaha untuk meluaskan asas hasil secara mampan termasuk memperkenalkan cukai baharu secara progresif tanpa membebankan majoriti rakyat. Usaha pergiatkan untuk memastikan perbelanjaan yang berhemah, berkesan dan mencukupi untuk menampung keperluan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Sila.

Datuk Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri, memberi laluan kepada saya. Tadi disebut tata kelola untuk nak mengawal fiskal negara tadi, dasar fiskal kita untuk kita membuat penjimatan dan juga perbelanjaan yang berhemah.

Jadi, saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, ada berapa kaedah tata kelola yang ada di peringkat Kementerian Kewangan dalam memutuskan sesuatu dasar? Saya tengok di sini, tadi kebetulan saya telah *search* dalam satu *Google*, seorang manusia bernama— dia seorang penjawat awam iaitu Timbalan Pengarah MIO di bawah Kementerian Pertahanan. *Military Intelligence Officer* berpangkat Timbalan Pengarah. Penjawat awamlah yang bernama Farhash Wafa Salvador, yang mana saya *search* ini dia *active position* dia.

Jadi, macam mana seorang penjawat awam boleh terlibat sebagai *Chairman* Apex Equity Holdings, *Chairman* 7-Eleven Malaysia Holdings, *Chairman* Excel Force MSC, *Board Director* TTDI Cars Sdn Bhd, *Board Director* atau *Board Member* Global M-Prolabs Sdn Bhd, *Board Director* Berjaya Construction Berhad?

Jadi, macam mana ini seorang penjawat awam memegang jawatan dan mempunyai syer dalam syarikat-syarikat ini *multi-million* ringgit? Orang kaya ini. Macam mana tata kelola? Saya nak tengok. Sebab, satu penjawat awam memang tak boleh

sebagai *Chairman* dan sebagainya. Saya dapati, kalau saya tak salah, dia sebagai Timbalan Pengarah MIO di Kementerian Pertahanan. *Military Intelligence Officer*. So, minta penjelasanlah.

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok]: Menteri, kalau boleh? Sikit.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Boleh saya ini? Saya rasa soalan itu tidak kena mengena dengan rang undang-undang yang dibentangkan. Kalau nak ditanya, tanyalah kepada Kementerian Pertahanan. Terima kasih.

[Dewan riuh]

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok]: Mohon. Bachok. Okey, terima kasih. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Tadi penjelasan Menteri tentang subsidi diesel, subsidi yang lain-lain itu. Tetapi, Bachok bangkitkan tentang petrol RON 95 yang mana saya nak tahu mekanismenya, adakah pada *point of sale* tersebut nanti, *starting June onwards* nanti, adakah harganya harga apungan, harga pasaran dan kita boleh bandingkan di antara stesen PETRONAS, stesen Shell punya harga? Bagaimanakah bentuk pembayaran baucar tunai tersebut? Adakah disalurkan secara *spot on* ataupun dapat awal ataupun dapat di hujung bulan? Terima kasih.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Okey, terima kasih Yang Berhormat Bachok. Buat masa sekarang, kerajaan sedang meneliti penyesaran semula diesel kerana dirasa ketirisan lebih pada diesel. Jadi, kita fokus kepada diesel buat masa sekarang. Untuk subsidi RON 95, ia akan diperhalusi lepas kita habis diesel nanti.

Biarkan saya meneruskan. Yang Berhormat Pendang, Tenggara, Kota Melaka dan Indera Mahkota telah membangkitkan tentang peruntukan tambahan kepada Kementerian Pendidikan. Keperluan peruntukan tambahan tersebut adalah kerana menampung komitmen perbelanjaan KPM bagi perkhidmatan kawalan keselamatan dan kebersihan dengan jumlah keseluruhan RM3.9 bilion. Peruntukan tambahan sebanyak hampir RM2 bilion diperlukan, antaranya disebabkan komitmen tambahan susulan pelarasan harga kontrak berikutan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum. Kerajaan MADANI sentiasa prihatin dan akan memastikan nasib pekerja pembersih dan keselamatan terus terbela memenuhi obligasi pembayaran gaji.

Yang Berhormat Machang dan Putrajaya...

Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah [Indera Mahkota]: Sikit.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: ...Menyentuh soal syarikat GLIC yang membawa balik pelaburan. Kerajaan memberi perhatian dan komitmen memastikan prestasi nilai ringgit berada pada tahap yang lebih baik dan mengukuh. Kerajaan mengambil pelbagai langkah termasuk menggalakkan GLIC dan GLC membawa balik pulangan pelaburan asing dan menukar pendapatan tersebut kepada ringgit dengan lebih konsisten. Ia hanyalah satu langkah daripada langkah bersepadu yang dibuat.

Kalau kita tengok daripada segi apa yang kita berusaha dengan GLIC dengan GLC, kita harus ingat yang mereka mengurus dana mereka dengan cara tata kelola bawah GLC tersebut. Kerajaan tidak menyeru mereka menjual aset kalau ia bukan dalam keadaan yang lebih elok. Dari segi seperti KWSP, PNB ataupun KWAP, kalau pulangan aset yang mereka dapat lebih elok daripada apa yang dijangka, tidaklah munasabah kalau dia mengambil peluang masa kenaikan yang berada untuk merealisasikan pulangan yang dia ada. Jadi, pulangan yang dipulangkan adalah kelebihan yang dia ada di masa sekarang.

Jadi, daripada segi kerajaan, kita tidak akan memaksa GLIC untuk membawa balik wang atau pelaburan tersebut kerana ia boleh mengganggu rakyat dan ekonomi. Tetapi, mereka diberi kelonggaran kerana kalau ada kelebihan, mereka boleh bawa balik dan menolong usaha kerajaan.

Tadi ada soalan daripada...

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Yang Berhormat Menteri, boleh sikit?

Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah [Indera Mahkota]: Terima kasih. *Footnote* sahaja. Saya mohon MOF bantu juga Kementerian Pendidikan sebab PGM itu dia ada dua itu. PGM 2022, kemudian ada— *sorry*. Ada Perintah Gaji Minimum 2020. Kemudian, ada Perintah Gaji Minimum 2022. Jadi, ada yang minta bantu penyelarasan. Terima kasih.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih. Kalau kita tengok dari segi kerajaan, kita akan berusaha untuk memastikan proses yang kita buat, tata kelola adalah dengan keadaan yang baik. Jadi, kalau semuanya cukup, kita akan bayar mengikut kadar yang diperuntukkan.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Yang Berhormat Menteri, kalau boleh sikit? Berkaitan dengan GLIC dengan GLC tadi.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Saya sebenarnya banyak benda nak di-cover. Saya akan cuba covers semua benda yang diutarakan oleh semua YB...

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Kalau boleh, saya minta data berapa banyak. Itu satu. Cuma, saya nak penjelasan sedikit, Yang Berhormat Menteri, sebab Yang Berhormat Menteri kata tadi perkara ini dia boleh buat bila-bila masa. Tetapi, Yang Berhormat Menteri buat kenyataan bahawa dengan kerjasama Bank Negara, GLC dan GLIC ini, kita dah nampak peningkatan pada nilai ringgit. So, ada intervensi di situ. Jadi, saya nak sampaikan kerisauan di luar sana, kalau intervensi ini berterusan, maka pencarum-pencarum tertanya-tanya setakat mana dan berapa lama pendekatan ini akan diteruskan. Itu soalan. Terima kasih.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih, Yang Berhormat Putrajaya. Seperti yang saya katakan tadi, kerajaan tidak akan menyuruh GLIC, GLC menjual aset yang mereka ada. Kita menggalakkan bila ada kelebihan yang mereka ada, boleh pulangkan. Jadi, ini akan menolong mengukuhkan ringgit pada masa sekarang. Itu prinsip yang kita pakai dan bila kita berbincang dengan dia orang, bila kita nampak apa yang ada lebih, *then* dia boleh ambil pulang masa sekarang, dia pulangkan buat masa sekarang.

Beberapa perkara juga dibangkitkan. Berhubungan pertanyaan Yang Berhormat Bachok, ingin saya tekankan bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa menghormati dan mematuhi pemberian kepada negeri yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan tidak sebarang tunggakan kepada mana-mana negeri termasuk Kelantan, Terengganu. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah bayaran tunai hasil petroleum yang dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Dana Khas Kerajaan Persekutuan sebelum disalurkan kepada Kerajaan Terengganu atau Kelantan sebagai pemberian wang ihsan untuk melaksanakan projek dan program manfaat rakyat.

Dalam konteks ini, sebelum ini saya telah pun memberi komitmen yang kerajaan sentiasa sedia untuk berbincang dengan kerajaan negeri. Bila kita nampak ada projek-projek yang boleh dilaksanakan yang boleh menambah baik infrastruktur dan menangani isu-isu kemiskinan yang ada dalam negeri, ia telah pun disambut baik oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu.

■1640

Yang Berhormat Bagan juga membangkit soal hutang negara yang melibatkan 1MDB. Ingin dijelaskan, bahawa tiada perbelanjaan dalam RUU Perbekalan Tambahan yang berkait dengan 1MDB. Namun, atas kepentingan ramai, sila maklum bahawa sehingga ke hari ini, hutang dan komitmen 1MDB yang telah dibayar oleh kerajaan adalah sebanyak RM48.06 bilion, termasuk bayaran AS\$3 bilion pada bulan Mac 2023. Untuk yang diperuntukkan di bawah peruntukan Belanjawan 2023, baki hutang 1MDB yang perlu dibayar adalah sukuk dengan nilai prinsipal RM5 bilion yang akan matang pada tahun 2039.

Di bawah penyelesaian— perjanjian penyelesaian yang ditandatangani pada tahun 2020, kerajaan telah menerima bayaran daripada Goldman Sachs sebanyak AS\$2.5 bilion dengan jaminan pengembalian aset sebanyak AS\$1.4 bilion sehingga tahun 2025. Walau bagaimanapun, pada tahun lalu, Goldman Sachs telah memfailkan satu permohonan timbang tara di *London Court of International Arbitration* mengenai pertikaian

berkenaan jaminan tersebut. Pihak kerajaan dengan penglibatan pelbagai agensi dan 1MDB sedang giat meneruskan usaha untuk mendapatkan semula semua aset 1MDB di seluruh dunia. Kerajaan yakin usaha ini akan membawa hasil untuk meningkatkan kadar aset *recovery* dengan lebih elok, dengan izin.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih. Adakah ini bermakna— terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas jawapan yang diberikan tadi. Adakah ini bermakna bahawa kalau kita cakap dari segi siling itu, tuntutan yang paling maksimum sekali ialah AS\$1.4 bilion lagi dari Goldman Sachs kerana ini terikat pada perjanjian sebanyak AS\$3.9 bilion. Bolehkah kita naikkan tuntutan ini daripada AS\$3.9 bilion ini?

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Seperti yang saya katakan tadi, apa yang ada dalam perjanjian adalah AS\$1.4 bilion sehingga tahun 2025. Tapi bila Goldman Sachs memfailkan permohonan timbang tara yang membuka balik jalan untuk dilihat dan kita akan memperhalusi lagi untuk meningkatkan usaha mendapatkan balik semula semua aset 1MDB. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perbelanjaan tanggungan tidak termasuk di bawah perbelanjaan perbekalan yang dibentangkan melalui RUU Perbekalan Tambahan. Maka, perbelanjaan tanggungan tidak tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 67, 5 dan 7 yang peruntukan mengenai perbincangan RUU Perbekalan Tambahan di peringkat Dasar dan Jawatankuasa.

Perbelanjaan tanggungan ini termasuklah bayaran pencen dan pemberian khas di bawah Perkara 112(D) Perlembagaan Persekutuan Sabah dan Sarawak. Namun dengan izin, saya akan menyentuh secara ringkas berhubung dengan kedua-dua perbelanjaan tanggungan ini kerana ia- memandangkan ia merupakan hal yang penting yang dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pendang dan Bentong antaranya telah menyentuh berkaitan pencen kepada penjawat awam. Bagi tahun 2023, komitmen keseluruhan bayaran pencen penjawat awam adalah sebanyak RM32.6 bilion. Ia memerlukan tambahan sebanyak RM2.1 bilion berbanding anggaran asal Belanjawan 2023 sebanyak RM30.5 bilion. Keperluan tambahan ini untuk menampung komitmen pencen bagi pesara yang bersara secara pilihan, bersara atas sebab kesihatan dan perubahan dasar ganti cuti rehat iaitu kenaikan had maksimum daripada 160 hari kepada 180 hari.

Sehubungan dengan cadangan pembaharuan pencen oleh kerajaan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, model yang sedia ada pencen dijangka melibatkan peningkatan kos yang akan mencecah RM120 bilion menjelang 2040 berbanding dengan komitmen semasa sekitar RM30 bilion. Sehubungan dengan itu, kerajaan perlu menyemak, meneliti dan mengkaji kaedah terbaik. Boleh beri saya masa sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Lima minit.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Boleh. Terima kasih. Kerajaan masih lagi dalam proses memuktamadkan cadangan pembaharuan pencen kepada model baharu. Walaupun dilaksanakan kelak, pencen ini hanya dilaksanakan kepada penjawat awam baharu. Kerajaan juga akan memastikan faedah persaraan penjawat awam baharu kekal adil serta memenuhi keperluan persaraan mereka.

Bagi pemberian Sabah dan Sarawak, berhubung dengan pemberian khas di bawah Perkara 112(D) Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuaran, ingin ditekankan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Persekutuan komited untuk terus memajukan agenda pembangunan Sabah dan Sarawak serta menyelesaikan isu berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Dengan semangat tersebut, Kerajaan Persekutuan telah mencapai persetujuan dengan Kerajaan Sabah dan Sarawak untuk meningkatkan kadar pemberian khas kepada RM300 juta bermula tahun 2023 daripada hanya RM16 juta untuk Sarawak dan RM125.6 juta untuk Sabah dan kenaikan tersebut merupakan penyelesaian interim sementara Kerajaan Persekutuan. Ia akan terus dirunding antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sabah dan Sarawak berhubung formula baharu yang mengambil kira keperluan perkhidmatan negeri serta kemampuan kewangan Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat Bagan dan Alor Setar juga membangkitkan berhubung...

Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau [Tuaran]: Boleh soalan tambahan, Yang Berhormat?

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Bagi saya habis dahulu sebab saya hanya ada tiga minit.

Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau [Tuaran]: Okay.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih. Yang Berhormat Bagan dan Alor Setar ada membangkitkan berhubung penganjuran Sukan Komanwel. Memandangkan RUU ini hanya— tidak melibatkan sebarang peruntukan khusus untuk Sukan Komanwel, maka saya tidak akan menghuraikan dengan lebih lanjut. Namun, kerajaan sedang meneliti dari pelbagai sudut berhubung perkara ini dan akan dibincangkan dengan lebih lanjut oleh Jemaah Menteri sebelum keputusan penganjuran Sukan Komanwel dibuat kelak. Puan Yang di-Pertua, mengakhiri penggulungan ini saya...

Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau [Tuaran]: Boleh jawab sudah? Soalan tambahan?

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Sila.

Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau [Tuaran]: Ya. Terima kasih Puan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan Yang Berhormat beri kepada pertanyaan saya itu adalah standard. Itu juga yang telah saya terima dalam jawapan bertulis. Sebab itu dalam perbahasan saya, saya mengatakan bahawa apakah pendirian Kerajaan Persekutuan berhubung dengan Perkara 112(C)(4)(2) Jadual Kesepuluh iaitu hal 40 peratus? Itu yang saya mahu tanya. Apa pendirian Kerajaan Persekutuan dalam hal itu sebab sebelum kita ke Perkara 112(D), itu dulu mahu diselesaikan.

Jadi, saya sudah balik-balik bertanya di Dewan ini, itu juga. Itu juga jawapan balik-balik. Jadi, kenapa soalan itu tidak boleh dijawab? Kenapa dielak? Tentang hak itu? Adakah itu hak Sabah? *Is that the Constitutional rights* atau macam mana? Kenapa dielak untuk dijawab dan soalan kedua saya ialah kalau Kerajaan Sabah menghantar surat tuntutan menuntut 40 peratus itu, apakah respons daripada pihak Kerajaan Persekutuan? Itu sahaja persoalan saya dalam perbahasan tadi.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Isu ini ialah isu yang masih dirundingkan antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri, ya. Jadi, saya tidak mahu mendahului perundingan yang berlaku dari segi itu. Jadi, jawapan yang saya boleh beri hanyalah seperti yang saya unjurkan tadi.

Puan Yang di-Pertua, mengakhiri penggulungan ini, sukacita sekali lagi saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas pandangan, input-input yang dikongsikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh perbahasan ini. Sekian, *Wabillahi Taufik Wassalam*.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Puan Speaker, minta tolong Menteri yang mana tak jawab, boleh jawab secara bertulis lah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Menteri belum beri komitmen untuk jawab bertulis sebab kami bercakap di bawah Dasar. Kami cakap macam-macam tajuk. Sudah mesti Menteri Kewangan tidak mampu untuk jawab. Patutnya kementerian lain. Jadi, saya minta jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat Menteri, bagi isu yang belum dijawab, boleh bagi jawapan bertulis.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Bagi isu-isu yang berkenaan RUU ini, saya boleh bagi jawapan bertulis. Terima kasih.

■1650

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di No. 2 dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah

Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subsekyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak enam bilion tiga belas juta empat ratus sebelas ribu tiga ratus sembilan puluh ringgit (RM6,013,411,390) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2023 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2024 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Puan Alice Lau Kiong Yieng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan anggaran perbelanjaan bagi semua kementerian.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Puan Pengerusi, saya ingin mengemukakan supaya sejumlah wang yang tidak lebih daripada RM23,479,669,350 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2023 bagi Maksud-maksud Bekalan B.4, B.7, B.11, B.12, B.25, B.42, B.43, B.45, B.60 dan B.63 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM6,013,411,390 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 2023 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.10, P.14, P.21, P.27, P.28, P.30, P.43, P.45, P.46, P.47, P.62 dan P.63 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 2024 dan Kertas Perintah 4 Tahun 2024 masing-masing dijadikan anggaran perbelanjaan.

Puan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2023 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Pertama 2023 telah pun dibentangkan terdahulu. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran peruntukan tambahan ini juga diberi dalam memorandum perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 2024 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama

2023 dan Perintah 4A Tahun 2024 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 2023.

Oleh itu, saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Puan Pengerusi, saya mohon mencadang.

Tuan Pengerusi [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat diingatkan untuk turut mematuhi Peraturan Mesyuarat 67(9) yang mengehadkan perbahasan peringkat Jawatankuasa kepada butir-butir yang terkandung dalam anggaran belanja yang diminta diuntukkan belanja tambahan. Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat, semasa berbahas peringkat Jawatankuasa ini perlu menyebut secara spesifik butiran kementerian yang Ahli Yang Berhormat ingin bangkitkan. Sebanyak 10 kementerian yang terlibat dalam perbahasan rang undang-undang ini manakala enam lagi kementerian hanya melibatkan token yang tidak perlu dibahaskan di peringkat Jawatankuasa yang melibatkan 10 kementerian. Setiap pembahas diberi lima minit bagi setiap kementerian.

Kepala B.4, B.7 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Kepala Bekalan B.4 dan B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Senarai pembahas Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Tampin. Saya jemput Yang Berhormat Rasah.

4.56 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan peringkat Jawatankuasa – eh, Tuan Pengerusi ya. Atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan bagi Maksud B.4 Suruhanjaya Pilihan Raya.

Saya hanya akan bincangkan satu perkara seperti mana arahan daripada Puan Pengerusi tadi berkenaan dengan RM300 juta yang telah digunakan ya sebab ini kita bincangkan, kita bahaskan perbelanjaan yang telah digunakan pada tahun lepas yang mana kita tahu disebut dengan jelas di sini bahawa perbelanjaan tersebut telah digunakan ketika pilihan raya negeri di enam negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Kelantan.

Jadi beberapa persoalan di sini. Pertamanya, kenapakah peruntukan ini tidak dimasukkan dalam belanjawan asal tahun 2023? Sebab apa saya tanya? Sebab ketika belanjawan asal dibentangkan dan dibahaskan dalam Dewan ini, enam negeri ini belum buat PRN lagi. Jadi secara logiknya, kita dah tahu dah tahun 2023 akan ada PRN untuk enam negeri ini. Jadi saya tak mohon jawapan daripada pihak kerajaan sebab kalau benda itu dah di masuk, mungkin apa jumlah itu berbeza sikit itu lainlah. Ini tak ada.

Kedua ini, RM300 juta ini untuk kos logistik. Saya tahu. Biasalah kalau kita buat pilihan raya ini memang ada kos logistik dan sebagainya dan salah satu aspek yang saya rasa kita perlu beri perhatian adalah berkenaan dengan pengundi di luar. Saya percaya pihak kerajaan ada statistik ketika PRN di enam negeri ini, jumlah pengundi di luar yang telah mendaftarkan diri sebagai pengundi pos. Jadi saya nak tanya, berapakah jumlah? Daripada jumlah tersebut, tak kira di mana-mana negeri, mana-mana kawasan DUN dalam PRN tersebut, yang telah menerima kertas undi daripada SPR, berapa peratus? Jadi jumlah satu ini jumlah yang daftar sebagai pengundi pos khususnya dari luar negara.

Kedua, berapa ramai yang telah pulangkan? Saya nak tahu jumlah dan peratusan dia. Sebab saya percaya, dari segi logistiknya, ini antara kos yang tinggi tapi ya lah kita tak boleh nafikan juga mereka ini pengundi. Mereka ini rakyat Malaysia. Cuma kebetulan waktu itu ada urusan tertentu di luar negara. Jadi ada tak kita mempunyai apa-apa mekanisme yang boleh mengurangkan kos untuk khas untuk bahagian ini? Sebab bagi saya, kalau kita boleh lakukan sesuatu, saya bagi contoh. Mungkin buat pengundian di tempat yang kita ada kedutaan. Saya tahu bukan semua negara kita boleh buat sebab...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Rasah, penjelasan sikit. Ringkas. Isu berkaitan dengan pilihan raya ini, setuju tak Rasah bahawa untuk pilihan raya akan datang, kita hapuskan pengundi luar? Pengundi luar tak ada lagi. Mereka mengundi di tempat di mana mereka berada. Setuju atau tidak?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Itu saya serah kepada kerajaan atau SPR untuk putuskan.

■1700

Jadi berkenaan dengan soalan asal saya, mungkin ada negara tertentu, yang mana mereka boleh undi di kedutaan. Jadi, ada tak kerajaan mempunyai apa-apa perancangan masa depan pada PRU yang ke-16 untuk perkara ini? Adakah kerajaan ada perancangan untuk buat apa yang dikatakan sebagai *e-Voting* secara *online* dan sebagainya selaras dengan pendigitalan yang kita uar-uarkan? Itu soalan yang kedua.

Yang ketiganya, dengan — sebab enam PRN ini menyebabkan belanja tambahan RM300 juta, apakah di pihak kerajaan, di pihak SPR sendiri ada perancangan supaya pada masa depan kecuali di wilayah Sabah dan Sarawak sebab kalau Sarawak itu tak pernah sama dengan PRU, itu kita teruskan. Bagaimana dengan negeri-negeri di Semenanjung supaya PRU dan PRN disamakan seperti sebelum ini daripada pilihan raya pertama sehingga PRU yang ke-14? Apakah ada perencanaan daripada kerajaan sendiri dari segi menjimatkan kos? Sebab kos ini kos tambahan dan wang ini boleh kita gunakan untuk perkara lain yang boleh memberikan manfaat terus kepada rakyat kalau kita jimatkan RM300 juta ini. Jadi, itu sahaja. Terima kasih Puan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Saya jemput Yang Berhormat Arau.

5.01 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang, selamat berpuasa rakyat Malaysia dan orang muda. Ini tajuk yang sesuai Pengerusi.

Yang pertama sekali, ini ialah 00119 - Projek Pembangunan i-LEAD Yang Berhormat. Ini i-LEAD ya. Jadi, kalau ikut ini iaitu Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan. Dulu kalau — Sebab itu saya ingin bertanya, dulu ini Biro Tata Negara (BTN). Lepas itu, program ini telah ditukar kepada Kementerian Belia, sekarang pergi JPM. Kenapa dibuat begitu? Sepatutnya dia duduk di bawah belia sebab ini nak bagi perhatian kepada orang muda umur 18 tahun dan juga pelajar-pelajar. Kenapa pergi kepada JPM? Untuk apa?

Saya bimbang kalau pergi kepada JPM, nanti digunakan untuk tujuan politik. Tak bagus. Sebab ini belia-belia, jangan dirosakkan pemikiran mereka selain daripada menjurus ke arah pembangunan insan yang sebenarnya. Walaupun Menteri skrin berbeza dengan saya, tetapi ini saya cadang masuk bawah belia. Pusing balik, tak ada masalah. Ini yang terbaik dan sudah pasti tidak ada program pergi gereja lagilah.

Jadi, kita ini khusus memberi perhatian kepada belia. Kerana pergi dekat JPM, JPM siapa Menteri? Yang nak jaga ini mesti seorang Menteri. Di sini ada Menteri Belia. Kalau JPM, siapa jaga? Siapa jaga ini? Tak nampak orang nak jawab ini. Siapa yang jaga JPM? JPM, dia Timbalan Menteri. Patutnya bagi Menteri sebab benda ini penting, melibatkan masa depan negara. Jadi, saya ingin bertanya, RM43 juta — RM40 juta yang diberi ini, berapa orang, berapa belia yang boleh kita latih? Saya dapat maklumat ianya digunakan *facilities* BTN dahulu. Jadi, kita minta supaya program ini dipusing, dibagi balik kepada belia sebab asalnya belia, Kementerian Belia yang urus. Sekarang tukar kepada JPM.

Jadi, saya nak tanya berapa orang? RM42 juta atau kita nak pergi asas kepada satu orang RM500, jadi kita boleh dapat jumlahnya. Jadi, kita tak boleh letak RM42 juta dan kita ikut-ikutan seronok sahaja kita buat berapa orang dan sebagainya. Sebab dalam keadaan kekangan kewangan sekarang, kerajaan kena tentukan berapa belia yang perlu diberi latihan. Siapa? Adakah mereka ini di kalangan pelajar luar bandar ataupun belia

luar bandar ataupun bagaimana? Sebab kita nak wujudkan satu bentuk rupa bangsa Malaysia yang hebat di masa akan datang, beri latihan yang sewajarnya. Kalau kita tahu bahawa latihan sekarang semua macam — semua kementerian sudah ada *facilities* untuk tujuan tersebut. Sepatutnya bagi belialah. Jadi, Menteri Belia, saya bagi *thumbs up* untuk belia ambil balik, tetapi jangan lupa bagi peruntukan kewangan kepada persatuan sukan ya.

Yang keduanya ialah modul yang dipakai Yang Berhormat Pengerusi. Modul apa? Kita tak tahu. Yang kita tahu ini i-LEAD, kemudian Institut Pembangunan Kecemerlangan Kepimpinan. So, kita tak dapat ulasan sepenuhnya. Kami Ahli Parlimen ini, masalah kami baca apa yang diberi di hadapan kami. *Hat* lain-lain itu, maklumat, teruk kita nak mencari maklumat. Jadi dengan itu, kita minta supaya kerajaan memastikan lebih ramai belia yang dilatih.

Yang keduanya, kita nak pastikan modul itu. Modul ini kena terang kepada orang ramai apa dia modulnya. Apa dia yang nak ditawarkan kepada belia supaya belia yang dibentuk itu belia yang menjadi harapan kita bersama. Sebab secebis tinggalan kita ini, orang-orang yang lama ialah nak lihat belia-belie masa hadapan, belia-belie yang hidup bersatu-padu dalam negara ini. Bukan kita buat Kerajaan Perpaduan, tetapi perpecahan yang berlaku dan kita biarkan begitu saja.

Saya nak masa Kementerian Perpaduan ini, kalau boleh bagi kepada Perdana Menteri sendiri sebab benda ini penting, benda ini makin meruncing. Kalau kita biarkan, tak bagus. Jadi dengan itu, kita minta supaya Jabatan Perdana Menteri kena tentukan siapa yang nak ambil, nak mengetuai pembangunan i-LEAD ini, kita minta seorang Menteri. Kalau tidak, kembali balik kepada Kementerian Belia supaya belia boleh mengaturkan program-program yang sedia ada. Jadi, berapa orang? Apa modulnya yang akan diperkenalkan nanti? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya jemput Yang Berhormat Jelutong.

5.06 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Puan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam. Dalam pembentangan belanjawan tambahan yang telah pun diletakkan di atas meja semua Ahli-ahli Yang Berhormat, kita lihat bahawa penjelasan yang diberikan adalah tambahan berjumlah RM153 juta adalah untuk menampung bayaran Bantuan Khas Penghargaan (BKP) tahun 2023 sebanyak RM200 kepada pesara kerajaan dan veteran berpencen.

Saya pernah dengar perbincangan Yang Berhormat Ketereh yang selalu perjuangkan pencen untuk pesara kerajaan dan veteran berpencen. Persoalan saya adalah 947,000 yang layak untuk menerima pencen. Kalau kita matematik ini, kita buat matematik, jumlahnya tidak mencukupi jumlah RM153,000. Persoalan saya, kenapakah berlaku perkara ini? Siapa yang membuat keputusan? Saya tidak mahu kerajaan untuk melihat perkara ini sebagai perkara yang tak penting. Pencen untuk pesara adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian. Jumlah yang diberikan pun adalah lebih kurang RM200 sahaja.

Kalau berlakunya kekurangan dalam jumlah ini, saya memang tidak berpuas hati dan juga sebagai *Backbencher*, menuntut penjelasan kerana mereka-mereka ini jumlahnya adalah 947,000 kakitangan yang dahulunya bekerja dengan kerajaan, yang sekarang menjadi pesara kerajaan dan veteran berpencen iaitu PDRM, anggota daripada tentera dan sebagainya. Jadi, persoalan saya adalah kenapakah berlaku perkara ini? Siapa yang membuat keputusan? Kenapakah berlakunya keadaan di mana kita perlu menambah? Kalau tidak mencukupi, bagaimanakah kita ingin menyelesaikan masalah ini?

Kita berbincang tentang bantuan khas penghargaan kepada pesara kerajaan dan veteran berpencen. Jadi, saya di sini mengambil kesempatan untuk bertanya kepada Menteri dan Timbalan Menteri yang berkenaan tentang pemberian jumlah RM200 dan

berapakah peruntukan tambahan yang perlu ditambah bagi kita menampung bayaran Bantuan Khas Penghargaan? Kenapakah perkara ini berlaku? Apakah jaminan bahawa perkara ini tidak akan berulang? Kerana kita sedar bahawa perkara ini menjadi polemik. Walaupun ada perbincangan-perbincangan tentang kita ingin melihat, mengkaji semula bayaran pencen dan sebagainya, tetapi pencen yang perlu dibayar harus dibayar. Jumlahnya tak begitu banyak. Jumlahnya hanyalah RM200 sahaja dan jumlah yang bergantung kepada pencen ini adalah lebih kurang 947,000 pesara kerajaan dan veteran berpencen.

■1710

So, saya berharap supaya kita dapat luluskan rang undang-undang ini, perbekalan ini, Belanjawan Tambahan ini supaya menjelang Hari Raya yang akan tiba nanti golongan yang bergantung kepada jumlah ini dapat menerima wang ini dengan seberapa cepat yang mungkin dan dapat membelanjakan. Tak begitu banyak, RM200 sahaja kerana ia menimbulkan persepsi bahawa mungkin perbelanjaan kerajaan tidak diurus dengan baik. Saya tidak mahu disebabkan oleh tindak tanduk beberapa segelintir kakitangan kerajaan. Kerajaan MADANI kita pimpinan Yang Amat Berhormat dipertanggungjawabkan dan dipersalahkan dan Menteri-menteri juga kena mengambil tanggungjawab untuk memastikan bahawa kakitangan kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada konsep Malaysia MADANI dan jangan lah kita sekali-kali memperlekehkan sumbangan dan semua yang telah dilakukan oleh pesara kerajaan dan veteran berpencen. Terima kasih Puan Pengerusi di atas kesempatan yang diberikan.

Tuan Pengerusi [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Saya jemput Yang Berhormat Tampin.

5.11 ptg.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: *Bismilahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan RUU Perbekalan Tambahan 2023 peringkat Jawatankuasa bagi Jabatan Perdana Menteri. Saya cuma ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu mengenai maksud Bekalan B.4 iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya dengan tambahan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi persiapan dan pelaksanaan PRN di enam buah negeri pada tahun 2023.

Pandangan dan pendapat sama seperti apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Rasah. Tuan Pengerusi, semasa perbahasan Titah Diraja tempoh hari, saya ada menyebut berkenaan perkara ini yang perlu disifatkan sebagai suatu pembaziran dan perlu dihentikan dengan secepat mungkin. Pembaziran sebanyak RM300 juta ini tidak sepatutnya berlaku sekiranya kita mengadakan pilihan raya secara serentak atau bersekali seperti siri pilihan raya umum sebelum-sebelum ini. Saya bukan hendak menuding jari kepada sesiapa kerana ianya sudah berlaku, sudah menjadi sejarah dan merupakan suatu perkara yang tidak boleh di ubah.

Walau bagaimanapun, kita boleh merancang apa yang perlu untuk kelangsungan rakyat dan negara pada masa akan datang. Sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15, kerajaan telah membelanjakan RM420 juta bagi melaksanakan empat PRN di Sabah, Melaka, Sarawak dan Johor antara tahun 2020 hingga 2022. Pilihan Raya Umum Ke-15 sekitar RM1 bilion dan di tambah dengan RM300 juta bagi PRN enam negeri. Secara kasarnya kerajaan telah membelanjakan lebih kurang RM1.7 bilion dalam tempoh lima tahun ini hanya untuk menghadapi pilihan raya.

Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan sekali lagi kepada kerajaan supaya membuat persediaan dan perancangan awal untuk kita mensekalikan semua pilihan raya agar dapat dilakukan pada waktu yang sama. Sepanjang tempoh lima tahun lalu, hampir setiap tahun kita berhadapan dengan pilihan raya. Bila masanya kerajaan pusat atau negeri telah di pilih hendak fokus dengan tugas masing-masing.

Jika kita lihat kepada tempoh matang semua pilihan raya, maka bermula tahun 2025, kita akan berhadapan dengan pusingan pilihan raya semula pada setiap tahun. Ini adalah satu pembaziran masa dan wang kerajaan. Kita pula terpaksa berkempen dan juga mengeluarkan kos di kawasan yang sama sebanyak dua kali.

Cadangan saya biarlah kita buat pilihan raya serentak, *once for all* dan selepas itu mana-mana pihak yang di pilih rakyat mempunyai masa lima tahun untuk fokus membangunkan negara dan negeri masing-masing. *[Tepuk]* Jangan cuba untuk menjatuhkan kerajaan yang ada.

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tampin, minta laluan sikit. Sikit *je*.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: Sekejap. Saya tidak mahu beberapa tahun akan datang kita terpaksa berhadapan dengan pilihan raya yang bersilih ganti dan juga tidak mahu negara kita dikenali sebagai negara yang paling banyak mengadakan pilihan raya.

Saya mencadangkan agar kerajaan pada hari ini dapat mengambil inisiatif untuk membuat perancangan, melakukan perbincangan dan sesi libat urus dengan semua pihak yang terlibat. Kiranya kita mempunyai masa beberapa tahun lagi untuk membetulkan keadaan ini. Semua pihak hendaklah berlapang dada dan memberi kerjasama yang baik demi kemakmuran negara kita. Dipersilakan.

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih Tampin. Saya cuma ingin dapat pengesahan apakah Tampin setuju supaya Pilihan Raya Ke-16, kerajaan terus menetapkan tarikh lebih awal supaya semua pihak bersedia? Terima kasih.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: Seperti mana yang saya cadangkan tadi, kita semua kena duduk satu meja membincangkan hal tersebut, demi kepentingan negara kita, bukan demi kepentingan kerajaan yang ada hari ini.

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi, itu sahaja daripada saya. Sekian sahaja daripada saya setakat ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Masa tujuh minit.

5.15 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Terima kasih Puan Pengerusi. Terima kasih kepada empat pembahas, YB Rasah, YB Arau, YB Jelutong dan YB Tampin.

Perkara yang pertama adalah perkara yang dibangkitkan oleh YB Rasah. Ada lebih kurang tiga perkara di mana satu di antaranya adalah beliau membangkitkan di mana, kenapa wang RM300 juta ini tidak dimasukkan di bajet. Sebenarnya pada masa itu, kita tidak tahu bahawa pilihan raya akan diadakan atau semua negeri akan adakan serentak dan berapakah anggaran itu tak dapat dipastikan pada masa itu. Itulah sebab kita telah memohon agar wang yang dibelanjakan ini sekarang di-*reimburse*.

Kedua adalah peratusan undi pos. Ini satu soalan yang bagus tetapi saya difahamkan oleh pegawai-pegawai bahawa mereka tidak ada angka-angka terkini dengan mereka. Mereka akan memberi secara bertulis perkara ini.

Mengenai *e-voting*, SPR sedang menjalankan kajian mengenai penggunaan *e-voting*. Selain daripada aspek kebaikan dan keburukan pelaksanaan *e-voting*, SPR juga perlu menilai isu-isu kerahsiaan, keselamatan, kos dan pendidikan pengundi. SPR akan terus mengadakan libat urus dengan pihak yang berkaitan sebelum sebarang keputusan dikemukakan kepada kerajaan. Ini oleh Rasah.

Yang Berhormat Arau itu telah membuat macam-macam pandangan tapi saya minta maaf, itu tidak adalah di bidang kuasa yang perkara yang dibangkitkan. Maka saya memohon kementerian yang berkaitan akan memberi jawapan yang bertulis kepada Arau kerana dia perlukan jawapan bertulis lebih dari jawapan lisan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Ya Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tanya pasal i-LEAD.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Yang ini semua saya difahamkan akan diberi secara bertulis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini ada. Ini ada atas meja saya. i-LEAD Jabatan Perdana Menteri.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Tengok yang...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini apa ini? Buku apa ini?

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Tak apalah. Itu yang jawapan yang saya terima.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pegawai tak bagi jawapan. Ini i-LEAD ini.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Dulu Yang Berhormat menjadi Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Maksud P.8 Jabatan Perdana Menteri, i-LEAD.

Tuan Pengerusi [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata akan beri jawapan bertulis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tapi dia, dia— cara dia cakap tak bagus. Macam saya tak bercakap ikut tajuk. Tajuk ada di sini, Yang Berhormat. Tolong jangan memperkecilkan orang begitu rupa.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Okey kalau tajuk itu ada kena mengena Yang Berhormat, saya minta maaf. Itu akan— itu saya difahamkan bahawa ia akan diberi secara bertulis. *No problem.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya tak apa.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Kalau sekarang saya dapat pun saya akan beri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan dia akan beri. Yang Berhormat akan beri secara bertulis kepada saya.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Okey, saya akan bagi. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jawab macam itu. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Lagi ada?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ada lagi.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Cukup, cukup, cukup. *[Ketawa]* Yang Berhormat Jelutong, pencen pesara persaraan. Sebenarnya saya dapat jawapan di mana betul, sebanyak seramai 947,000 pesara veteran dan sebagainya telah di beri imbuhan sebanyak RM200 setiap orang. Yang Berhormat telah membangkitkan bahawa di mana wang itu perlu diagihkan. Sebenarnya Yang Berhormat, wang itu telah pun di beri sebelum ini. Kita datang untuk mendapat kelulusan sahaja. Yang mustahak adalah kalau kita tengok amaun yang dinyatakan iaitu sebanyak bantuan yang diberi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah sebanyak RM153,263,900. Ini adalah angka yang di guna pakai tetapi sebenarnya adalah— kalau kita kira 947,000 berkali RM200, berapa Encik Arau? Itu angkanya adalah lebih kurang RM180 juta. Jadi, ada kekurangan yang ternyata.

■1720

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, jumlah sebenarnya adalah 197,000 lebih kurang. Persoalan saya adalah Yang Berhormat –

terima kasih atas penjelasan yang telah diberikan. Dari mana datangnya wang yang berlebihan itu? Bagaimana kita mengagihkan wang telah diagihkan? Persoalan saya siapa yang membuat keputusan dari mana wang itu diambil? Bagaimana ia dibelanjakan dan sebagainya?

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Jelutong *you very sharp* la. *You* dapat tahu. Kalau kita kali 947,000 kali 200, angka yang diberi oleh angka-angka yang ditanya yang diberi di sini adalah 153 juta itu tak betul. Sebenarnya, 180 juta lebih kurang. Perbezaan itu saya difahamkan adalah wang yang sedia ada dalam kementerian yang telah diguna pakai untuk pembayaran ini. Tapi, ini tidak dinyatakan dalam senarai di sini. Saya difahamkan ini adalah perkara yang biasa dibuat tetapi kemungkinan kementerian dapat memberi dengan terperinci di mana wang itu ada.

Macam mana wang itu diagihkan dan kenapa hanya 153 juta diberitahu kepada Ahli Parlimen? Wang ini diguna pakai untuk membayar 947 ribu orang walhal wang kalau kita kira RM200 seorang sepatutnya di antara RM180 juta. Satu keterangan lanjut saya pohon agar pegawai akan memberi perkara-perkara tersebut. Kenapa kita berdoa? Itu sudah jawab. Yang Berhormat tak puas hati dengan perkara tersebut. Saya percaya itu adalah perkara yang saya harap pegawai-pegawai akan sedar bahawa kita perlu memberi *figure*, *figure* yang betul supaya kita tidak datang ke Parlimen untuk menyeleweng atau memberi *figure*, *figure* yang salah.

Saya minta maaf lah ini ada satu perkara yang saya sendiri rasa ragu dan harap pegawai-pegawai tersebut akan memberi *figure* yang kena pada itu. Terima kasih, itu saja.

Tuan Pengerusi [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM453,263,900 untuk Kepala B.4 dan B.7 Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2023 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Kepala B.4 dan B.7, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Kepala B.11 dan B.12 [Jadual] – Kepala P.10 Anggaran Pembangunan Tambahan (Tamb. 1) 2023] –

Tuan Pengerusi [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Kepala Bekalan B.11 dan B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Seramai enam Ahli Yang terhormat akan mengambil bahagian. Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Putrajaya, YB Kampar, YB Pendang, YB Tuaran, YB Kota Belud. Yang tak sempat untuk berbahas hari ini akan sambung esok, ya. Jadi, saya jemput Yang Berhormat Jelutong.

5.24 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Bekalan Butiran B.11, Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Saya cuma ingin melontarkan beberapa soalan. Sekali lagi, kita melihat bahawa terdapat tambahan berjumlah yang begitu banyak bagi menampung bayaran antaranya RM14 bilion antaranya subsidi petroleum, subsidi bil elektrik serta bayaran Bantuan Khas Kewangan dan bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri bagi penjawat awam dan pesara kerajaan termasuk veteran berpencen dan tidak berpencen.

Dato' Khilir bin Mohd Nor [Ketereh]: Veteran tentera. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya. Saya menyokong juga bayaran pencen kepada veteran tentera lah. Dalam perkara ini, saya bersama-sama dengan Ketereh, perjuangan Ketereh. So, saya di sini sekali lagi ingin menyeru supaya Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini sentiasa memberi perhatian kepada kebajikan

veteran-veteran, veteran berpencen dan tidak berpencen termasuklah veteran polis dan tentera.

Cumanya, saya ingin bertanya juga memandangkan ini melibatkan Kementerian Kewangan. Untuk makluman Puan Pengerusi, terdapat juga persoalan daripada golongan tertentu umpamanya, golongan yang berbangsa India khususnya yang beragama Hindu.

Kita lihat bahawa selalunya di kalangan orang-orang yang beragama Hindu, masyarakat Hindu, mereka akan sentiasa membeli barangan kemas umpamanya bila anak itu lahir, barangan kemas dibelikan dan dihadiahkan kepada anak tersebut. Apabila anak itu mencapai akil baligh juga barangan kemas akan dibeli dan bila berkahwin barang kemas juga akan dibeli, di mana bagi orang-orang yang beragama Hindu, masyarakat Hindu di Malaysia pembelian barang-barang emas merupakan sesuatu yang dilakukan setiap tahun.

Jadi, adakah saya ingin bertanyalah Kementerian Kewangan kalau boleh dipertimbangkan dalam subsidi ini, perkara ini dibawa dilontarkan kepada saya apabila saya berada di khalayak orang ramai terutamanya bila bergaul dengan masyarakat Hindu.

Maklumlah, apabila saya menjadi Pengerusi Wakaf Hindu semasa perayaan Thaipusam dan sebagainya, Ponggal juga merupakan salah satu acara keagamaan masyarakat Hindu di Malaysia di mana menjadi amalan untuk mereka membeli barangan-barangan emas terutamanya wanita yang selalu kalau wanita selepas mencapai akil baligh tiap-tiap tahun barangan kemas dibelikan dan kepada suami juga, bila kita menyambut ulang tahun isteri kadangkala kita membeli barang-barang emas pada isteri.

Jadi, dalam golongan-golongan yang tidak berkemampuan, pesara yang berpencen dan tidak penen. Adakah Kementerian Kewangan akan menyediakan apa-apa bukan subsidilah tetapi bantuan kewangan bagi mereka umpamanya semasa perayaan Deepavali, Ponggal dan sebagainya untuk diberikan kepada veteran-veteran tentera yang berjuang untuk negara dan telah berpencen khususnya yang beragama Hindu? Juga veteran daripada Polis Diraja Malaysia mungkin menerima penen yang begitu berkurangan tetapi kalau ia telah menjadi satu perkara yang diamalkan oleh mereka, boleh kah kerajaan mempertimbangkan? Kalau boleh diberikan dalam masa yang akan datanglah.

Ini adalah anggaran perbelanjaan yang saya percaya akan dipertimbangkan untuk tahun-tahun yang akan datang. Kalau boleh dipertimbangkan juga subsidi diberikan kepada masyarakat Hindu yang tinggal di Malaysia terutamanya yang ingin membelanjakan wang untuk membeli barangan kemas atau barang emas untuk anak mereka atau isteri mereka semasa perayaan Deepavali dan acara-acara keagamaan yang lain seperti Ponggal dan sebagainya. Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang yang diberi.

Tuan Pengerusi [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong, saya jemput Yang Berhormat Putrajaya.

5.28 ptg.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin menyentuh Butiran 09200, P10 - Projek Berimpak Tinggi dan Kesejahteraan Rakyat. Mengikut anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023 yang dibentangkan dan diluluskan sebelum ini, sejumlah RM500 juta telah diperuntukkan tetapi apabila kita merujuk kepada butiran yang sama bagi tahun 2024 di dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024, anggaran harga projek berubah kepada RM100 juta dan tiada langsung perbelanjaan bagi tahun 2023. Kosong, ya.

Pada kebiasaannya, anggaran harga projek melibatkan kos keseluruhan projek bagi tempoh lebih kurang lima tahun yang di belanja mengikut bajet tahunan. Namun apa yang dilihat secara tiba-tiba dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023 bagi butiran yang sama 09200 - Projek Berimpak Tinggi dan kesejahteraan rakyat, perbelanjaan telah meningkat kepada RM1.3 bilion.

Perbelanjaan ini bukan hanya melangkaui anggaran tahunan yang telah diluluskan malah berganda-ganda daripada harga projek asal. Ini juga memberi gambaran seolah-olah kerajaan tiada perancangan yang rapi dalam melaksanakan projek atau program pembangunan tersebut.

Oleh itu, saya mohon pihak kementerian menjelaskan senarai dan perincian butiran projek yang dilaksanakan berserta dengan kos serta apakah justifikasi kerajaan dalam peningkatan perbelanjaan yang amat ketara iaitu daripada kosong kepada 1.7 bilion dan kos projek juga meningkat daripada 500 juta kepada RM2.33 bilion? Memandangkan butiran ini di bawah Belanja Pembangunan, mohon penjelasan mengenai sumber pendanaan bagi membiayai projek ini dan berapakah kos kewangan atau *financing cost* yang perlu ditanggung oleh kerajaan?

■1730

Yang kedua, saya ingin menyentuh tentang Butiran B.11 – Perkhidmatan dan Perbendaharaan iaitu berkaitan dengan subsidi.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Putrajaya sedikit. Berkaitan dengan kos impak tinggi itu. Boleh tak masuk cadangan saya bahawa pembiayaan tersebut termasuk juga dengan *billboard* Malaysia MADANI, gambar PM yang berada di seluruh negara.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Itu kita hendak tengok apa dalam butiran tersebut ya. Itu Kementerian Kewangan saya mohon jelaskan.

Seterusnya saya merujuk kepada B.11 tadi berkaitan dengan subsidi. Saya mendengar penuh tekun penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II sebentar tadi berkaitan dengan subsidi bersasar. Kalau kita tengok kerajaan pada hari ini telah bercakap tentang subsidi bersasar lebih setahun yang lalu. Pasaran di luar sana dan rakyat ini sebenarnya tertanya-tanya apakah subsidi bersasar, pelaksanaannya dan model kerangka yang akan digunakan oleh kerajaan.

Apabila Bachok tanya tadi, bagaimana kaedah pelaksanaan subsidi bersasar untuk petrol sebagai contoh. Yang Berhormat Menteri kata buat masa ini masih belum ada, fokus utama adalah kepada diesel. Pada masa yang sama, Kementerian Ekonomi sekarang ini sedang memastikan mereka mendapat jumlah individu seramai mungkin untuk berdaftar dengan PADU dan tarikh tutupnya katakan tarikh tutupnya yang disebut adalah 31 Mac. Jadi rakyat tertanya-tanya ke mana hendak bawa sebenarnya ini? Tarikh tutup 31 Mac ya, okey *then after* selepas itu apa yang akan berlaku.

Jadi saya rasa kerajaan perlu jelaskan sejelas-jelasnya kerangka. *At least* ada *time frame* yang jelas. Sekarang ini kita bercakap tentang subsidi bersasar sudah setahun lebih namun begitu tak ada apa lagi ini masih lagi di peringkat perbincangan. Jadi kalau tak buat tahun ini *then I think better* bagi tahu kita takkan laksanakan tahun ini. Sekurang-kurangnya industri di luar sana jelas di sepanjang tahun ini perkara ini takkan datang lagi. *Instead of* kita berterusan sebegini.

Begitu juga dengan PADU tadi. Kita lihat apa yang berlaku dalam konteks PADU ini yang berdaftar adalah sekitar 25 peratus daripada keseluruhan 18 tahun yang ke atas yang ada, individu yang berusia 18 tahun dan ke atas. Ini baru 24 peratus dan Menteri kata kalau sudah tutup 31 hari bulan nanti, Menteri Ekonomi kata sudah tutup 31 hari bulan hendak tunggu pula buka bila. Saya hendak beri sedikit pandangan pada kerajaan.

Dalam memahami PADU ini, kerajaan kena faham kenapa rakyat tidak *register*. Pertamanya adalah berkaitan dengan isu keselamatan. Ada yang masih sangsi tentang keselamatan data. Yang kedua isu teknikal. Tadi disebut oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat saya ingat, Kudat berkaitan isu teknikal dan logistik orang tak boleh hendak *register*, *that's* yang kedua.

Yang ketiga ini adalah keperluan untuk memasukkan data-data yang terlalu peribadi seperti contoh hutang dan yang keempat ini, rakyat tak tahu apakah manfaat yang mereka bakal dapat sekiranya dia *register* dalam PADU.

Jadi kita perlu selesaikan masalah ini, jangan kata kat rakyat...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Tambah satu lagi YB, tambah satu lagi.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: Sekejap.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Satu lagi, satu yang kelima. Kelima kerana rakyat tahu bahawa formula ini juga akan gagal.

Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: *[Ketawa]* Okey. Itu berkaitan dengan formula. Saya hendak jelaskan di sini kita tak boleh letak kat rakyat- ini *something new for* rakyat. Kita ak boleh letak kat rakyat kalau tidak daftar selepas 31 hari bulan lepas ini dah tak ada mungkin tercicir daripada bantuan. Kita sepatutnya mengambil pendekatan supaya menjelaskan satu persatu.

Sebagai contoh, maklumat hutang dijawab oleh Menteri dalam penggulungan peringkat titah ucapan Seri Paduka Baginda, Menteri kata maklumat hutang ini hanya satu *survey*, kalau *survey* tak payahlah masuk maklumat hutang. Buang maklumat hutang tersebut sekurang-kurangnya mereka yang tak nak mendaftar kerana nak kena masukkan maklumat hutang ini akan dapat mendaftar. Jadi kerajaan perlu mengambil pendekatan tersebut. Saya sekali lagi mohon jelaskan sejelas-jelasnya apakah kerangka pelaksanaan subsidi bersasar ini supaya bukan sahaja rakyat tetapi industri secara keseluruhannya mendapat gambaran yang jelas. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih, Yang Berhormat Putrajaya. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Puan Alice Lau Kiong Yieng) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 20 Mac 2024. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.34 petang]